




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI JOHOR
TAHUN 2009

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009 **NEGERI JOHOR**



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI JOHOR
TAHUN 2009

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xiii
BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI	
Pendahuluan	3
Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor <i>Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar</i>	3
Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor <i>Pengurusan Program Bantuan Rumah</i>	27
Unit Sains Teknologi Dan ICT Negeri Johor <i>Projek Pusat Internet e-Desa</i>	42
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor <i>Pengurusan Pengendalian Kes Syariah</i>	60
Jabatan Perikanan Negeri Johor <i>Program Pemesatan Pembangunan Akuakultur</i>	76
Jabatan Pertanian Negeri Johor <i>Program Galakan Usaha Tani</i>	92
Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor <i>Program Penggalakan Pelancongan Negeri Johor</i>	106
Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim <i>Pengurusan Program Penghayatan Modul Keluarga SAKINAH</i>	123
Majlis Perbandaran Muar <i>Pengurusan Kemudahan Awam</i>	137
BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
Pendahuluan	155
<i>Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd.</i>	155
<i>PIJ Holdings Sdn. Bhd.</i>	178
<i>YPJ Holdings Sdn. Bhd.</i>	191

BAHAGIAN III - PERKARA AM

Pendahuluan	205
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008	205
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor	222
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor	222
PENUTUP	225



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor akan menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Johor. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan prestasi untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai aktiviti Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri Johor tahun 2009 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di sembilan buah jabatan/agensi dan tiga buah syarikat Kerajaan Negeri. Sembilan buah jabatan/agensi yang terlibat ialah Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, Unit Sains Teknologi Dan ICT Negeri Johor, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor, Jabatan Perikanan Negeri Johor, Jabatan Pertanian Negeri Johor, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dan Majlis Perbandaran Muar. Manakala tiga buah syarikat Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd., PIJ Holdings Sdn. Bhd. dan YPJ Holdings Sdn. Bhd.. Program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar, Pengurusan Program Bantuan Rumah, Projek Pusat Internet e-Desa, Pengurusan Pengendalian Kes Syariah, Program Pemesatan Pembangunan Akuakultur, Program Galakan Usaha Tani, Program Penggalakan Pelancongan Negeri Johor, Pengurusan Program Penghayatan Modul Keluarga SAKINAH dan Pengurusan Kemudahan Awam.

3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri Johor adalah untuk menilai sama ada program dan projek yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, spesifikasi kontrak/syarat perjanjian dipatuhi, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya dan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri adalah berlandaskan kepada tadbir urus korporat yang baik. Pada umumnya, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Johor pada tahun 2009 masih menunjukkan kelemahan dalam pelaksanaan, pemantauan dan penguatkuasaan terhadap program dan projek seperti yang saya laporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2008. Antara kelemahan yang ditemui adalah pemantauan dan penguatkuasaan aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir yang kurang berkesan dan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) tidak disediakan bagi aktiviti perlombongan pasir di kawasan melebihi 50 hektar telah

menyebabkan berlakunya masalah alam sekitar. Operasi Pusat e-Desa pula telah 95% ditutup daripada 40 pusat yang dibina atas pelbagai sebab. Bagi Pengurusan Pengendalian Kes Syariah, didapati sebutan kes dibuat melebihi tempoh yang ditetapkan (21 hari) dan penyelesaian kes mengambil masa yang lama sehingga ada yang melebihi 500 hari menyebabkan bilangan kes yang tertangguh adalah tinggi. Kualiti kerja pembinaan dan baik pulih rumah yang kurang memuaskan berlaku di bawah Pengurusan Program Bantuan Rumah dan sasaran pendapatan penternak sebanyak RM3,000 sebulan serta petani sebanyak RM1,000 sebulan rata-ratanya gagal dicapai di bawah Program Pemesatan Pembangunan Akuakultur dan Galakan Usaha Tani. Bagi Program Penggalakan Pelancongan Negeri Johor, selain promosi terhadap produk pelancongan yang berpotensi kurang dilakukan, ketiadaan produk baru yang melambangkan identiti Negeri Johor antara penyumbang penurunan kedatangan pelancong bagi tahun 2007 hingga 2009. Begitu juga dengan Pengurusan Program Penghayatan Modul Keluarga Sakinah, keberkesanan pelaksanaannya tidak pernah dinilai setelah lebih tujuh tahun dilaksanakan manakala aspek penyenggaraan kemudahan awam yang lemah berlaku di Majlis Perbandaran Muar. Secara amnya, semua kekurangan dan kelemahan ini boleh menjejaskan imej Kerajaan Negeri Johor dan perkhidmatan awam.

4. Semua pegawai pengawal yang berkeenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi tindakan susulan yang telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan dalam laporan saya bagi tahun 2008 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak jabatan/agensi negeri berkeenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

5. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha menangani krisis ekonomi serta menjadikan perkhidmatan awam satu mekanisme dalam melaksana dan menterjemah segala program dan dasar awam seperti untuk memastikan pemuliharaan alam sekitar dan pengurusan sumber secara mampan, mengurangkan jurang digital masyarakat luar bandar dengan bandar, memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat, membasmi kemiskinan, menstrukturkan semula masyarakat Malaysia, meningkatkan aktiviti ekonomi negara, pengukuhan institusi kekeluargaan dan menyediakan kemudahan awam yang sempurna. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara bagi memenuhi slogan "**Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**" serta memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Johor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

~~Ketua Audit Negara~~

Malaysia

Putrajaya

18 Jun 2010



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI JABATAN/AGENSI

1. **Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor - *Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar***

Permintaan pasir sebagai bahan mentah adalah sangat tinggi terutama dalam sektor pembinaan dan projek infrastruktur. Oleh itu aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir menjadi tarikan pelbagai pihak yang mencari peluang untuk mendapat keuntungan besar. Aktiviti tersebut, jika tidak dikawal dengan baik hingga berlakunya pelanggaran undang-undang yang ditetapkan boleh memberi kesan buruk kepada alam sekitar untuk jangka masa panjang. Pada dasarnya aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir seperti pasir sungai, pasir darat dan pasir laut (kurang tiga batu nautika dari pantai) adalah di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Negeri. Hasil kajian ini mendapati penguatkuasaan oleh Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor dan pejabat tanah daerah berkaitan aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir adalah kurang memuaskan kerana telah memberi kesan kepada alam sekitar. Antaranya impak kepada kualiti air sungai, ancaman kepada kestabilan tanah, perubahan kepada arah aliran air sungai, gangguan terhadap aktiviti nelayan dan kehidupan akuatik serta kerosakan infrastruktur awam. Keadaan tersebut berlaku disebabkan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan yang lemah dan kurang berkesan. Tindakan pemantauan berdasarkan aduan awam semata-mata adalah tidak mencukupi manakala pemantauan bersama agensi lain yang berkaitan seperti JAS dan JPS tidak dilakukan.

2. **Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor - *Pengurusan Program Bantuan Rumah***

Program Bantuan Rumah dilaksanakan bagi memastikan nasib golongan miskin dapat dibela supaya mampu memiliki rumah kediaman sendiri. Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) dipertanggungjawabkan untuk merancang, melaksana, memantau serta menyelaras Program Bantuan Rumah sementara pejabat daerah berperanan sebagai agensi pelaksana dalam memastikan bantuan hanya diberikan kepada mereka yang layak. Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan Program Bantuan Rumah kepada 1,151 penerima iaitu 522 bina baru dan 629 baik pulih rumah melalui peruntukan Pejabat Menteri Besar Johor dan Akaun Amanah Kemiskinan UPENJ bagi tahun 2007 hingga 2009. Pada keseluruhannya, prestasi pelaksanaan Program Bantuan Rumah adalah baik kerana rumah yang dibina dan dibaiki adalah melebihi 97%. Bagaimanapun, bilangan rumah yang dibina atau dibaiki tidak dapat menampung keperluan 124 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar yang masih berada dalam senarai menunggu setakat bulan Februari 2010. Selain itu, kualiti kerja pembinaan dan pembaikan rumah adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerosakan

selepas diserahkan seperti bumbung rumah bocor, keretakan pada dinding dan limpahan daripada tangki air serta tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.

3. Unit Sains Teknologi Dan ICT Negeri Johor - *Projek Pusat Internet e-Desa*

Projek Pusat Internet e-Desa adalah merupakan projek sosial Kerajaan Negeri Johor. Objektif projek adalah untuk merapatkan jurang digital penduduk luar bandar dengan bandar. Pusat e-Desa berfungsi sebagai pusat teknologi maklumat bagi tujuan latihan, pusat sumber, penyebaran maklumat dan rangkaian khidmat kerajaan secara *online*. Sehubungan itu, satu perjanjian telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri Johor dan sebuah syarikat teknologi maklumat (Syarikat) pada bulan November 2002. Menurut perjanjian, Syarikat ini dikehendaki membangunkan 40 Pusat e-Desa yang dilengkapi kemudahan komputer, Internet, bilik berhawa dingin, kerusi, meja dan sebagainya dengan kos berjumlah RM48,233 bagi sebuah pusat dan sistem aplikasi sokongan berjumlah RM45,000. Kos keseluruhan pembangunan Pusat e-Desa ini adalah berjumlah RM1.97 juta dan dibiayai sepenuhnya daripada balasan projek penswastaan. Pada peringkat awal, perancangan dan pembangunan Pusat e-Desa adalah di bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) tetapi mulai Oktober 2007 diletakkan di bawah pengawasan dan penyenggaraan Unit Sains Teknologi Dan ICT Negeri Johor (USTICT). Hasil kajian ini mendapati pelaksanaan Pusat e-Desa gagal mencapai objektifnya di mana 95% Pusat e-Desa telah ditutup atau tidak beroperasi sehingga akhir tahun 2009. Antara kelemahan yang dikenal pasti ialah aplikasi yang dibangunkan tidak digunakan sepenuhnya, tiada perancangan penggantian komputer, pemilihan lokasi tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan dan Jawatankuasa Pemantauan tidak ditubuhkan. Maklum balas terkini yang diperolehi pada bulan Mei 2010 menunjukkan MMK telah memutuskan supaya semua Pusat e-Desa di seluruh Negeri Johor ditutup dan USTICT diberi tanggungjawab untuk melupuskan aset Pusat e-Desa mengikut peraturan yang berkaitan. Sehubungan itu, Jabatan Audit mengesyorkan supaya USTICT mengambil tindakan untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi memantau dan menyelia proses pelupusan bagi memastikan semua peraturan yang berkaitan dipatuhi serta mengesyorkan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri untuk mengambil tindakan surcaj dan tata tertib terhadap pegawai awam yang didapati cuai dalam melaksanakan tanggungjawabnya sehingga menyebabkan berlaku kehilangan peralatan komputer dan berlaku pembaziran.

4. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor - *Pengurusan Pengendalian Kes Syariah*

Mahkamah Syariah Negeri Johor telah ditubuhkan di bawah Enakmen Mahkamah Syariah 1993. Pentadbiran Mahkamah Syariah adalah di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor (Jabatan). Mahkamah Syariah terdiri daripada sebuah Mahkamah Rayuan Syariah, dua buah Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) dan 10 buah Mahkamah Rendah Syariah (MRS). Objektif Jabatan pula adalah untuk menyegerakan pengendalian kes-kes syariah dengan adil, teratur dan berkesan melalui penggunaan teknologi maklumat dan

komunikasi (ICT), modal insan yang terlatih, kemudahan dan infrastruktur yang terbaik serta mencukupi. Hasil pengauditan ini menunjukkan prestasi penyelesaian kes di MTS adalah tidak memuaskan kerana peratusan penyelesaian kes di bawah 40%. Keadaan tersebut berlaku kerana kekosongan jawatan hakim dan kakitangan sokongan di Jabatan tidak diisi dengan segera dan berlaku peningkatan bilangan kes yang didaftarkan setiap tahun. Di samping itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan pengendalian kes di mana Jabatan gagal mencapai sasaran yang ditetapkan dalam piagam pelanggan, waran tangkap terhadap Orang Kena Tuduh gagal dilaksanakan serta pengurusan rekod dan fail tidak memuaskan. Maklum balas yang diterima daripada orang awam menunjukkan tahap kepuasan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan bagi tempoh masa menunggu adalah tidak memuaskan.

5. Jabatan Perikanan Negeri Johor - *Program Pemesatan Pembangunan Akuakultur*

Permintaan terhadap makanan berasaskan ikan dijangka terus meningkat seiring dengan peningkatan penggunaan per kapita ikan negara daripada 49 kilogram kepada 56 kilogram menjelang tahun 2010. Oleh yang demikian, Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) telah mengenal pasti akuakultur sebagai satu subsektor perikanan yang boleh menyumbang kepada peningkatan pengeluaran ikan negara. Di peringkat Negeri Johor, Jabatan Perikanan Negeri Johor (Jabatan) telah menyasarkan pengeluaran akuakultur sebanyak 90,300 tan metrik setahun menjelang tahun 2010. Bagaimanapun, pada tahun 2009 kuantiti pengeluaran hanya 43,149.57 tan metrik atau 47.8% daripada jumlah sasaran. Antara punca Jabatan sukar mencapai sasaran pengeluaran ialah kawasan darat akuakultur yang dikenal pasti masih belum dimajukan dan kawasan akuakultur yang berpotensi belum diwartakan sebagai Zon Industri Akuakultur (ZIA). Selain itu, jumlah peruntukan kewangan yang terhad menyebabkan purata bilangan pengusaha akuakultur yang menerima bantuan bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah antara 14 hingga 42 orang setahun berbanding dengan jumlah pengusaha yang berdaftar iaitu antara 949 hingga 1,078 orang setahun. Sasaran Jabatan agar pengusaha akuakultur memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan juga tidak tercapai kerana benih ikan yang dibekalkan kurang berkualiti bagi mencapai harga pasaran yang menguntungkan manakala terdapat peningkatan kos pengeluaran disebabkan kenaikan harga makanan ikan.

6. Jabatan Pertanian Negeri Johor - *Program Galakan Usaha Tani*

Program Galakan Usaha Tani (GUT) oleh Jabatan Pertanian Negeri Johor (Jabatan) telah dimulakan sekitar tahun 1970-an. Objektif Program GUT adalah untuk membantu petani yang mengusahakan pertanian berskala kecil dan kurang berkemampuan agar dapat meneruskan usaha pertanian dengan memberi bantuan bahan input pertanian seperti baja, racun dan peralatan ladang pada kadar separuh harga. Bagaimanapun, pelaksanaan Program GUT didapati kurang memuaskan walaupun telah diperkenalkan lebih 25 tahun yang lalu. Kertas kerja dasar Program ini tidak dikaji semula dan pencapaian Program GUT tidak pernah diukur oleh pihak Jabatan bagi menilai keberkesanannya. Sasaran Program untuk membantu 10,000 orang petani kecil yang ditetapkan dalam Belanjawan

Pembangunan Jabatan juga didapati tidak berasaskan peruntukan kewangan yang diterima, sejumlah RM2 juta untuk tiga tahun (2007 hingga 2009). Ini menyebabkan jumlah bantuan yang diterima oleh setiap petani jauh lebih rendah daripada kadar keperluan sebenar. Akibatnya, sasaran pendapatan bersih setiap petani sekurang-kurangnya RM1,000 sebulan gagal dicapai. Analisis Audit mendapati pemberian bantuan menyumbang pengurangan kos bahan input hanya antara 1% hingga 16% sahaja dan petani masih perlu menanggung kos yang lebih tinggi terhadap pertanian yang diusahakan. Jabatan perlu mengkaji semula objektif dan kaedah pelaksanaan jika Program GUT ini ingin diteruskan supaya lebih berkesan dengan mengambil kira peruntukan kewangan yang diluluskan berbanding keperluan sebenar bantuan yang patut diberi.

7. Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor - *Program Penggalakan Pelancongan Negeri Johor*

Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor (MTPNJ) merupakan unit di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor yang bertanggungjawab merancang, melaksanakan dan memantau program penggalakan pelancongan bagi Negeri Johor. MTPNJ telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong antarabangsa dan domestik ke Negeri Johor sehingga 10 juta orang setahun bagi tempoh 2008 hingga 2012. Bagi mencapai sasaran ini, MTPNJ telah mengenal pasti inventori produk pelancongan yang ada di Negeri Johor dan dikategorikan kepada sembilan teras pelancongan mulai tahun 2009 antaranya Ekopelancongan, Agropelancongan dan *Homestay*, Pantai dan Pulau, Sukan serta Sejarah dan Kebudayaan. Secara keseluruhannya, pelaksanaan program penggalakan pelancongan oleh MTPNJ kurang memuaskan kerana program promosi produk dan tempat pelancongan yang berpotensi menjadi destinasi pelancongan menarik kurang dilaksanakan serta kurang menyelaraskan aktiviti pelancongan yang dikendalikan oleh pelbagai pihak sama ada badan kerajaan ataupun swasta. Selain itu, prestasi kemasukan pelancong ke Negeri Johor menurun pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 dan tidak mencapai sasaran.

8. Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim - *Pengurusan Program Penghayatan Modul Keluarga SAKINAH*

Modul Keluarga SAKINAH (MKS) telah dilancarkan oleh YAB Menteri Besar Johor pada 6 November 1998. Matlamat program ini adalah untuk memberi kefahaman tentang perkara-perkara yang berhubung dengan pra keibubapaan, menjelaskan tentang teknik pembentukan akhlak anak-anak daripada perspektif Islam dan menyediakan panduan dan bimbingan kekeluargaan kepada masyarakat Islam khususnya dan masyarakat umum amnya. Sebanyak 10 modul telah dikenal pasti meliputi semua lapisan masyarakat daripada peringkat bayi (Modul 4) sehingga warga emas (Modul 9). Mulai tahun 2002, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (Yayasan) telah mengambil alih tanggungjawab daripada Jabatan Agama Johor dengan melaksanakan Modul 2 hingga Modul 10 manakala bagi Modul 1 (Pra Perkahwinan) masih lagi dilaksanakan oleh Jabatan Agama Johor. Bagi

tahun 2007 hingga 2009, Yayasan telah memperuntukkan sejumlah RM3.76 juta dan sejumlah RM2.93 juta telah dibelanjakan oleh Unit Kekeluargaan Yayasan untuk melaksanakan aktiviti MKS. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM2.56 juta atau 87.4% telah dibelanjakan bagi pembayaran elaun Pegawai Penggerak dan Penyelaras. Pengauditan mendapati pelaksanaan Program Penghayatan MKS kurang berkesan dan mempunyai kelemahan tertentu seperti sasaran ceramah bersiri yang ditetapkan tidak tercapai, kehadiran peserta menurun, pelaksanaan program tidak mempunyai sasaran tertentu dan kajian penambahbaikan program tidak dilakukan. Antara punca kelemahan tersebut adalah disebabkan pegawai penggerak melaksanakan modul, program dan aktiviti sama secara berulang di kampung sama dan bilangan kampung yang diwakili oleh seorang Pegawai Penggerak terlalu banyak dengan tempoh masa pusingan sehingga melebihi 10 tahun. Yayasan juga tidak mempunyai Pegawai Tadbir Daerah dan Penyelaras yang mencukupi untuk memantau setiap program di setiap daerah bagi memastikan program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar dan memberi impak yang berkesan kepada setiap peserta yang mengikuti program tersebut.

9. Majlis Perbandaran Muar – *Pengurusan Kemudahan Awam*

Majlis Perbandaran Muar (Majlis) bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan awam kepada penduduk dalam kawasan operasinya. Secara umumnya, kemudahan awam di bawah pentadbiran Majlis terbahagi kepada tiga kategori iaitu kemudahan pengurusan kejuruan, kemudahan rekreasi dan riadah serta kemudahan prasarana. Bagi tahun 2007 hingga 2009, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM1.57 juta atau 52.9% daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM2.97 juta bagi tujuan pembangunan dan penyenggaraan kemudahan awam. Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kemudahan awam oleh Majlis tidak memuaskan. Kelemahan yang ketara adalah dalam aspek penyenggaraan. Kemudahan awam seperti dewan dan balai raya, taman permainan kanak-kanak, gelanggang permainan dan laluan siar kaki mengalami kerosakan serius dan tidak dibaiki. Aspek perancangan dan pelaksanaan penyediaan kemudahan awam juga tidak diberikan perhatian di mana tapak kemudahan awam di beberapa pusat kejuruan didapati tidak mencukupi dan terdapat projek pembinaan yang dirancang tidak dilaksanakan. Selain itu, terdapat kemudahan awam disediakan tidak dimanfaatkan dan beberapa lot tanah Majlis seperti tapak permainan dan tanah lapang telah diceroboh kerana kurang pemantauan.

BAHAGIAN II – PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

10. *Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd.*

Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJ) merupakan sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Johor telah ditubuhkan pada November 1995. Sehingga Disember 2009, modal saham dibenarkan KPRJ ialah RM20 juta dan modal saham berbayar berjumlah RM1 juta dipegang sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Johor. Kegiatan utama KPRJ pada asalnya adalah untuk melaksanakan pembangunan prasarana di Negeri Johor. Pada masa kini, KPRJ memberi tumpuan kepada aktiviti projek usaha sama, penjualan tanah dan pelaburan. Mengikut penyata kewangan beraudit bagi tahun 2006 hingga 2008, KPRJ memperoleh keuntungan bersih RM104.25 juta pada tahun 2006 berbanding keuntungan RM549.87 juta pada tahun 2007 dan RM107 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun, pelaksanaan beberapa aktiviti syarikat seperti penjualan dan pembangunan tanah bagi projek usaha sama didapati kurang memuaskan. Terdapat tanah yang dijual tanpa dibuat penilaian harga dan harga jualan jauh lebih rendah daripada harga nilai. Syarikat subsidiari yang ditubuhkan tidak aktif dan tidak menjana keuntungan serta tiada pembayaran dividen kepada KPRJ sebagai syarikat induk. Begitu juga KPRJ tidak membayar dividen kepada Kerajaan Negeri Johor sejak ditubuhkan kecuali bagi tahun 2009. Selain itu, pelaburan dalam syarikat bersekutu tidak memuaskan disebabkan kedudukan kewangan syarikat bersekutu yang tidak stabil kerana mengalami kerugian dan tidak memberi pulangan dividen kepada KPRJ. Di samping itu terdapat kelemahan dalam tadbir urus korporat, perancangan strategik, tidak mengguna pakai pekiling berkaitan syarikat kerajaan dan penyata tahunan lewat dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Aspek pengurusan kewangan KPRJ juga berada di tahap kurang memuaskan terutamanya dari segi penyediaan dan kawalan bajet, prosedur kerja yang kurang kemas, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset dan pinjaman.

11. *PIJ Holdings Sdn. Bhd.*

PIJ Holdings Sdn. Bhd. telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125) pada 13 Februari 1979 oleh Perbadanan Islam Johor (PIJ). PIJ Holdings Sdn. Bhd. (PIJH) merupakan anak syarikat milik penuh PIJ dengan modal dibenarkan berjumlah RM100 juta dan modal berbayar berjumlah RM73 juta. Objektif utama PIJH adalah untuk menjana sumber ekonomi PIJ secara fokus dalam aktiviti perniagaan serta pelaburan bagi menghasilkan keuntungan yang perlu disalurkan semula kepada PIJ untuk melaksanakan tanggungjawab sosial dan kemajuan masyarakat Islam. Prestasi kewangan PIJH adalah memuaskan. PIJH memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM3.56 juta pada tahun 2008 meningkat sebanyak 109.4% berbanding keuntungan sebelum cukai tahun 2007 berjumlah RM1.7 juta. Keuntungan sebelum cukai pada tahun 2009 berjumlah RM2.25 juta menurun sebanyak 36.8% berbanding keuntungan sebelum cukai tahun 2008. Bagaimanapun, PIJH tidak pernah membuat bayaran dividen kepada PIJ sebaliknya telah membayar yuran pengurusan. Secara keseluruhannya, pengurusan syarikat boleh

dipertingkatkan. Beberapa kelemahan syarikat dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat perlu diperkemas selain memulihkan prestasi kewangan syarikat subsidiari.

12. YPJ Holdings Sdn. Bhd.

YPJ Holdings Sdn. Bhd. (YPJH) telah diperbadankan pada November 1993 dan merupakan sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Yayasan Pelajaran Johor (YPJ). Sehingga Disember 2009, modal dibenarkan YPJH adalah berjumlah RM50 juta dan modal berbayar berjumlah RM25 juta. Selain itu, YPJ telah memindahkan hutang jangka panjangnya kepada YPJH berjumlah RM171.09 juta. Hutang jangka panjang ini dijadikan tanda aras penyaluran dana kepada YPJ bagi membiayai Tabung Basiswa YPJ, pembangunan Kolej Komuniti dan Kolej-kolej KPYPJ, Projek Hikmah dan membantu usaha pembangunan Kerajaan Negeri Johor. Antara aktiviti komersial yang dijalankan oleh YPJH ialah perladangan, pembangunan hartanah, pelancongan dan pelaburan saham. YPJH memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM76.76 juta pada tahun 2009 meningkat dengan sangat ketara berbanding tahun 2007 dan 2008 di mana YPJH mengalami kerugian berjumlah RM0.73 juta dan RM1.28 juta. Walau pun mengalami kerugian pada tahun 2007 dan 2008, YPJH berjaya menyalurkan dana kepada YPJ mengikut peraturan yang ditetapkan. YPJH boleh mempertingkatkan prestasi kewangan jika menguruskan sendiri pelaburannya dalam syarikat subsidiari, mengenakan yuran pengurusan dan menerima dividen. Sehubungan itu, pengurusan YPJH adalah disyorkan menyediakan perancangan strategik bagi memudahkan syarikat membentuk objektif dan matlamat yang lebih realistik serta melaksanakan perubahan kepada syarikat mengikut kesesuaian.



BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI

1. PENDAHULUAN

Seksyen 6(d) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi terhadap program dan aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri untuk menilai sama ada program dan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Bagi memenuhi peruntukan akta ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan prestasi terhadap sembilan aktiviti pada tahun 2009. Sembilan aktiviti tersebut adalah Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar, Pengurusan Program Bantuan Rumah, Projek Pusat Internet e-Desa, Pengurusan Pengendalian Kes Syariah, Program Pemesatan Pembangunan Akuakultur, Program Galakan Usaha Tani, Program Penggalakan Pelancongan Negeri Johor, Pengurusan Program Penghayatan Modul Keluarga Sakinah dan Pengurusan Kemudahan Awam. Pemerhatian Audit hasil daripada kajian tersebut telah dikemukakan kepada ketua jabatan/agensi berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan di Bahagian ini.

PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI JOHOR

2. PENGURUSAN AKTIVITI PERLOMBONGAN DAN PENGAMBILAN PASIR SERTA KESANNYA TERHADAP ALAM SEKITAR

2.1 LATAR BELAKANG

2.1.1 Pasir adalah butiran batu berdiameter daripada 0.0625 milimeter kepada dua milimeter dan berwarna putih cerah. Pasir boleh berpindah akibat tiupan angin atau air sebelum berkumpul di muara sungai, tepi pantai, bukit kecil, tanjung, beting pasir di tengah laut dan kawasan berkaitan aliran air. Terdapat beberapa jenis pasir iaitu pasir sungai, pasir lombong dan pasir laut. Pasir merupakan salah satu bahan utama dalam industri pembinaan terutamanya yang melibatkan binaan konkrit dan jalan raya. Pasir juga digunakan untuk kerja-kerja tebus guna tanah. Pengambilan pasir adalah tertakluk kepada penggunaan kaedah kapal korek, pam dan pontun, jengkaut jenis *dragline* atau hidrolik dan kaedah manual menggunakan tenaga manusia dengan alat penyedok dan sampan.

2.1.2 Perlombongan dan pengambilan pasir dijalankan sama ada di atas tanah bermilik, tanah yang telah tamat pajakan melombong atau tanah kerajaan. Di Negeri Johor, kuasa untuk meluluskan sebarang aktiviti pengambilan pasir terletak di bawah pentadbir tanah daerah berkenaan. Aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir seluas 50 hektar atau lebih

adalah tertakluk kepada Seksyen 34A(2) Akta Kualiti Alam Sekeliling di bawah Aktiviti 11C Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987. Pengusaha dikehendaki mengemukakan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Laporan EIA) sebelum aktiviti itu dijalankan dan perlu mematuhi semua cadangan yang terkandung dalam laporan tersebut. Pemantauan berhubung alam sekitar adalah dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor (JAS).

2.1.3 Jumlah pengeluaran pasir di Negeri Johor bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Jumlah Pengeluaran Pasir Di Negeri Johor Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Jumlah Pengeluaran (Tan Metrik Juta)	Jumlah Deposit (RM Juta)	Jumlah Royalti (RM Juta)
2009	3.83	0.60	3.89
2008	2.28	0.43	2.87
2007	2.01	0.30	3.06
Jumlah	8.12	1.33	9.82

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor

2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir di Negeri Johor memberi kesan terhadap alam sekitar.

2.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah tertumpu kepada pengurusan aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir bagi tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan ini telah dijalankan di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Johor (PTG Johor), Pejabat Tanah Johor Bahru, Kota Tinggi, Mersing dan Muar. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan rekod, fail, data dan dokumen berkaitan dengan pengurusan aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir. Lawatan Audit telah dijalankan ke lokasi perlombongan dan pengambilan pasir bagi meninjau sama ada aktiviti berkenaan telah memberi kesan kepada alam sekitar. Temu bual dengan pegawai yang terlibat, pengusaha dan penduduk setempat telah dilakukan bagi mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut. Selain itu, semakan Audit juga dibuat terhadap laporan dan rekod di JAS, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Johor (JPS Johor), PTG Johor dan Pejabat Tanah Johor Bahru, Kota Tinggi, Mersing dan Muar.

2.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara September 2009 hingga Januari 2010 mendapati pada keseluruhannya pengurusan aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir berkaitan penjagaan alam sekitar di Negeri Johor adalah kurang memuaskan. Laporan EIA yang tidak disediakan bagi aktiviti pengambilan pasir di kawasan yang melebihi 50 hektar telah

memberi impak negatif kepada kualiti air sungai, ancaman kepada kestabilan tanah, perubahan kepada aliran air sungai, gangguan terhadap aktiviti nelayan dan hidupan akuatik serta jalan raya menjadi rosak dan kotor. Aktiviti pengambilan pasir yang beroperasi kurang daripada 50 hektar pula didapati turut menunjukkan kesan yang serupa kepada alam sekitar. Selain itu, pemantauan dan penguatkuasaan alam sekitar berhubung aktiviti pengambilan pasir oleh PTG Johor dan pejabat tanah daerah didapati kurang berkesan kerana tiada lawatan secara berkala ke kawasan perlombongan untuk memantau aktiviti perlombongan pasir. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

2.4.1 Impak Kepada Kualiti Air

Syarat kelulusan Laporan EIA berkaitan kawalan dan pengawasan kualiti air menetapkan kolam takungan yang mencukupi hendaklah disediakan dalam tapak projek dan perlulah disenggara dengan baik bagi memastikan keberkesannya untuk mengawal pelepasan kelodak dan pepejal terampai ke alur air. Syarat kelulusan Permit 4c mengeluarkan pasir pula menghendaki pengusaha pasir memastikan kualiti air sungai dalam keadaan baik dan tidak tercemar pada setiap masa. Pihak Audit mendapati aktiviti pengambilan pasir yang tidak mematuhi syarat dan beroperasi terlalu hampir dengan Sungai Johor boleh menjejaskan kualiti air sungai tersebut.

a) Aktiviti Pengambilan Pasir Di Lot 4399 Mukim Kota Tinggi

Aktiviti pengambilan pasir di Lot 4399 Mukim Kota Tinggi seluas 120 hektar telah diluluskan oleh Pejabat Tanah Kota Tinggi pada Ogos 2007 dan berada 300 meter dari Sungai Johor. Semakan Audit mendapati satu laporan polis (no.repot KTINGGI/006314/08) bertarikh 3 September 2008, telah dibuat mengenai lumpur yang mengalir ke Sungai Johor dan menjejaskan mata pencarian nelayan akibat benteng kolam takungan yang pecah di kawasan aktiviti perlombongan pasir tersebut. Surat JAS kepada Pejabat Tanah Kota Tinggi bertarikh 23 September 2008 menyatakan bahawa aduan berlakunya pencemaran air sungai adalah berasas berdasarkan kesan lumpur yang terdapat di ladang kelapa sawit berhampiran kolam takungan tersebut. Surat JPS Johor bertarikh 30 Oktober 2008 juga menyatakan terdapat pencemaran air sungai di mana benteng kolam takungan yang pecah telah menyebabkan kelodak pasir menutup saluran/parit di kawasan sekitar dan menyebabkan Sungai Johor tercemar. Keadaan ladang dan parit yang dipenuhi lumpur adalah seperti di **Foto 2.1** dan **Foto 2.2** manakala keadaan air parit di pintu air keluar ke Sungai Johor adalah seperti di **Foto 2.3** dan **Foto 2.4**.

Foto 2.1
Air Lumpur Bertakung Di Kawasan Ladang
Kelapa Sawit



Sumber: Pejabat Tanah Kota Tinggi
Lokasi: Lot 4399 Mukim Kota Tinggi
Tarikh: 12 Disember 2008

Foto 2.2
Parit Ladang Yang Dipenuhi Air Berlumpur



Sumber: Pejabat Tanah Kota Tinggi
Lokasi: Lot 4399 Mukim Kota Tinggi
Tarikh: 12 Disember 2008

Foto 2.3
Keadaan Air Parit Di Pintu Air Keluar
Ke Sungai Johor Di Dalam Kawasan Ladang



Sumber: Pejabat Tanah Kota Tinggi
Lokasi: Lot 4399 Mukim Kota Tinggi
Tarikh: 12 Disember 2008

Foto 2.4
Keadaan Air Parit Di Pintu Air Keluar
Ke Sungai Johor Di Luar Kawasan Ladang



Sumber: Pejabat Tanah Kota Tinggi
Lokasi: Lot 4399 Mukim Kota Tinggi
Tarikh: 12 Disember 2008

Laporan Siasatan Pejabat Tanah Kota Tinggi menyatakan pihak pengusaha kurang mengambil berat terhadap limpahan air hasil daripada kerja-kerja mencuci pasir. Peredaran air limpahan tidak sempurna, susunan kolam mendapan tidak teratur dan bilangan kolam mendapan juga didapati tidak mencukupi. Selain itu, paras ketinggian pembentung limpahan adalah rendah dan ini menyebabkan air mendapan mudah melimpah dan membawa bersama lumpur yang belum mendap sepenuhnya. Kolam mendapan juga tidak disenggara. Benteng kolam mendapan telah pecah kerana tidak cukup kuat untuk menampung tekanan air dalam kolam takungan yang dibina di atas tanah yang lembut serta kurang penjagaan.

Semakan lanjut Audit mendapati sebelum kejadian benteng pecah, aktiviti perlombongan pasir di kawasan ini tidak dirujuk kepada JAS dan tiada Laporan EIA disediakan. Berikutan kejadian ini, Pejabat Tanah Kota Tinggi telah mengarahkan pengusaha pasir untuk menghentikan operasi dan mengemukakan Laporan EIA sebagai syarat kelulusan untuk memperbaharui Permit 4c mengeluarkan pasir. Laporan EIA telah dikemukakan oleh pengusaha kepada JAS dan telah diluluskan pada Mac 2009 iaitu setelah beroperasi melebihi setahun. Semakan Audit terhadap Laporan EIA yang dikemukakan kepada JAS mengenai indeks kualiti air sungai berdasarkan empat stesen persampelan yang berada dalam lingkungan satu kilometer dari tapak perlombongan pasir mendapati dua daripadanya adalah pada kelas dua iaitu bersih, manakala dua lagi pada kelas tiga iaitu sederhana tercemar. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Indeks Kualiti Air Sungai Johor

Bil.	Lokasi	Indeks Kualiti Air	Kelas	Tahap Tercemar
1.	Gudang/Stor/Pejabat Ladang	74.53	III	Sederhana
2.	Upstream Sungai Johor/Jeti Kampung Minchu	77.49	II	Bersih
3.	Downstream Sungai Johor/Ladang	78.38	II	Bersih
4.	Kolam <i>Overflow</i> /Simpanan Lumpur/Sebelah Jalan ke Sungai Johor	71.97	III	Sederhana

Sumber: Laporan EIA Kepada JAS

Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menilai tahap kualiti air selepas Laporan EIA dikemukakan kerana Maklumat Kemajuan Kerja dan Laporan Pematuhan yang perlu disediakan setiap tiga bulan dan Laporan Pengawasan Dan Penilaian untuk setiap bulan tidak dikemukakan oleh pengusaha pasir kepada JAS sebagaimana disyaratkan.

b) Aktiviti Pengambilan Pasir Di PTD 452 Dan PTD 453 Mukim Kota Tinggi

Aktiviti pengambilan pasir di PTD 452 dan PTD 453 seluas 2.79 hektar diluluskan oleh Pejabat Tanah Kota Tinggi pada Januari 2008. Lawatan Audit ke kawasan ini pada November 2009 mendapati aktiviti pengambilan pasir di kawasan ini telah menyebabkan air Sungai Johor menjadi keruh. Aktiviti mencuci pasir yang dilakukan kurang 20 meter dari tebing sungai pula boleh memberi kesan kepada kualiti air Sungai Johor kerana kolam takungan mendapan yang dibina tidak mempunyai zon penampungan dan terlalu hampir dengan Sungai Johor. Pihak Audit mendapati kolam takungan yang disediakan hampir penuh. Keadaan air Sungai Johor yang keruh dengan kolam takungan yang hampir penuh dan terletak terlalu hampir dengan Sungai Johor adalah seperti di **Foto 2.5** dan **Foto 2.6**.

Foto 2.5
Air Sungai Johor Keruh Akibat Aktiviti
Pengambilan Pasir



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: PTD 452 Dan PTD 453, Mukim Kota Tinggi
 Tarikh: 4 November 2009

Foto 2.6
Kolam Takungan Yang Hampir Penuh Dan
Dibina Berhampiran Sungai Johor



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: PTD 452 Dan PTD 453, Mukim Kota Tinggi
 Tarikh: 4 November 2009

Lawatan susulan Audit bersama pegawai JAS pada Januari 2010 mendapati kolam takungan di kawasan tersebut telah ditimbus dan diratakan semula manakala aktiviti mencuci pasir telah dihentikan. Bagaimanapun, terdapat kesan laluan air yang menunjukkan bahawa air cucian pasir dilepaskan terus ke Sungai Johor. Tebing Sungai Johor di kawasan berkenaan pula tidak mempunyai zon penampakan dan kesan mendapan lumpur pasir adalah jelas kelihatan. Keadaan kolam takungan yang telah ditimbus dan kesan laluan air cucian pasir adalah seperti di **Foto 2.7** dan **Foto 2.8**.

Foto 2.7
Kolam Takungan Yang Telah Ditimbus Dan
Diratakan Di Tebing Sungai Johor



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: PTD 452 Dan PTD 453, Mukim Kota Tinggi
 Tarikh: 11 Januari 2010

Foto 2.8
Kesan Laluan Air Cucian Pasir Dan Mendapan
Lumpur Pasir Di Tebing Sungai Johor



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: PTD 452 Dan PTD 453, Mukim Kota Tinggi
 Tarikh: 11 Januari 2010

Pengusaha pasir telah melanggar syarat kelulusan kerana gagal memastikan rizab sungai berada dalam keadaan kekal hijau sebelum dan selepas projek. Sekiranya keadaan ini berterusan ianya boleh memberi kesan terhadap kualiti air Sungai Johor. Adalah disyorkan agar kajian dan pemantauan terhadap tahap kualiti air Sungai Johor di sekitar kawasan pengambilan pasir dilakukan dan dibandingkan dengan tahap kualiti air Sungai Johor di

kawasan lain yang tidak terdapat aktiviti pengambilan pasir agar risiko kemungkinan berlaku pencemaran dapat dikawal. Menurut maklumat daripada Jabatan Perikanan Negeri Johor hasil tangkapan ikan sebilangan nelayan turut terjejas berikutan masalah pencemaran air Sungai Johor yang berpunca daripada aktiviti perlombongan pasir. Semakan Audit mendapati aktiviti pengambilan pasir di PTD 452 dan PTD 453 Mukim Kota Tinggi telah dirujuk kepada JPS Johor tetapi tidak dirujuk kepada JAS berkaitan penjagaan alam sekitar.

Menurut Pejabat Tanah Kota Tinggi, surat arahan penangguhan pengeluaran Permit 4c bagi kawasan ini telah dikeluarkan pada April 2010. Bagaimanapun, kelulusan menyambung semula Permit 4c telah diberikan pada Mei 2010 setelah mendapat ulasan daripada JPS.

Pada pendapat Audit, kelulusan aktiviti pengambilan pasir yang berhampiran dengan sungai jika tidak dikawal dengan baik dan tidak mematuhi syarat yang telah ditetapkan boleh memberi risiko yang tinggi kepada berlakunya pencemaran air sungai.

2.4.2 Impak Kepada Kestabilan Tanah

Syarat kelulusan Laporan EIA menghendaki sebarang kemungkinan hakisan tanah di kawasan tapak pengambilan pasir hendaklah dipantau secara berterusan dan langkah-langkah kawalan rapi seperti penyenggaraan berkala hendaklah dilaksanakan bagi mengelakkan kejadian benteng kolam runtuh. Syarat kelulusan Permit 4c mengeluarkan pasir pula tidak membenarkan pengusaha pasir mengorek/menggali di kawasan tiga rantai atau 60 meter dari sungai. Pengusaha juga perlu memastikan kedalaman tanah yang dikorek untuk mengeluarkan pasir adalah tidak melebihi dua meter dari paras asal muka bumi tanah tersebut dan menjaga kawasan korekan supaya tidak berlaku sebarang hakisan tanah. Cerun yang wujud daripada kerja pengorekan dan pengambilan pasir hendaklah tidak melebihi 27 darjah daripada horizontal atau 1:3 mana yang landai. Lawatan Audit ke 18 kawasan aktiviti pengambilan pasir mendapati tiga daripadanya mengalami runtuh tebing cerun, korekan melebihi 27 darjah dan kolam takungan mendapan berada kurang tiga meter dari tebing sungai.

a) Aktiviti Pengambilan Pasir Di PTD 4153 Mukim Ulu Sungai Johor, Kota Tinggi

Lawatan Audit pada Januari 2010 bersama pegawai JAS dan PTG Johor ke kawasan ini mendapati aktiviti pengorekan dan mencuci pasir telah mengancam kestabilan tanah di rizab sungai. Kedudukan kolam takungan mendapan didapati tidak teratur dan salah satu daripadanya berada pada jarak kurang tiga meter dari tebing Sungai Linggiu dengan keadaan benteng yang mula terhakis dan runtuh. Pemerhatian Audit mendapati tiada kerja penyenggaraan dibuat oleh pihak pengusaha pasir ke atas benteng kolam takungan tersebut. Selain itu, pihak Audit juga mendapati aktiviti pengorekan pasir telah dilakukan di kawasan rizab Sungai Linggiu dengan kecerunan melebihi 27 darjah. Keadaan tanah di rizab sungai adalah seperti di **Foto 2.9** dan **Foto 2.10**.

Foto 2.9
Jarak Kurang Tiga Meter Antara Benteng Kolam Takungan Dan Tebing Sungai Linggiu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD 4153 Mukim Ulu Sungai Johor
Tarikh: 12 Januari 2010

Foto 2.10
Pengorekan Pasir Di Kawasan Rizab Sungai Dengan Kecerunan Melebihi 27 Darjah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD 4153 Mukim Ulu Sungai Johor
Tarikh: 12 Januari 2010

Kegagalan pihak pengusaha pasir untuk meletakkan tanda sempadan kawasan operasi pengeluaran pasir menyebabkan kawasan rizab sungai dicerobohi. Keadaan tebing kolam takungan yang semakin terhakis dan aktiviti pengorekan pasir di kawasan rizab sungai ini boleh mengancam kestabilan tebing sungai berkenaan terutamanya ketika hujan. Semakan lanjut Audit mendapati aktiviti pengambilan pasir yang dijalankan di kawasan seluas 101.17 hektar telah beroperasi sejak tahun 2003. Bagaimanapun, ianya tidak pernah dirujuk kepada JAS dan JPS Johor dari segi penjagaan alam sekitar dan kawalan pencemaran. Memandangkan tiada Laporan EIA disediakan, pihak Audit tidak dapat menilai kesan alam sekitar yang berlaku daripada aktiviti pengambilan pasir di kawasan ini. *Susulan daripada teguran Audit, Pejabat Tanah Kota Tinggi telah mengeluarkan surat kepada pengusaha pasir agar membaik pulih tebing kolam dan memberhentikan kerja pengambilan pasir dalam rizab sungai. Kelulusan Permit 4c pengusaha pula ditahan serta merta.*

b) Aktiviti Pengambilan Pasir Di GM 1985 Lot 702 Mukim Lenga, Muar

Lawatan Audit mendapati aktiviti pengambilan pasir di tapak berkenaan dilakukan pada jarak kurang 50 meter dari Sungai Muar. Kesan alam sekitar dapat dilihat di mana kawah terbentuk sedalam kira-kira 30 meter ke dalam tanah. Cerun yang wujud kesan daripada korekan pula adalah melebihi 27 darjah. Selain itu, kolam takungan mendapati berada dalam rizab sungai dengan kedudukan kurang dua meter dari tebing sungai. Aktiviti mencuci pasir tidak dilakukan secara pusing balik sebagaimana disyaratkan kerana hanya satu kolam takungan yang disediakan. Walaupun aktiviti pengorekan ini dilakukan di atas tanah bermilik, pengusaha masih perlu memastikan kestabilan tanah dan kawasan rizab sungai sentiasa terpelihara. Keadaan kolam takungan berhampiran tebing Sungai Muar dan kawah yang terhasil akibat aktiviti pengorekan pasir adalah seperti di **Foto 2.11** dan **Foto 2.12**.

Foto 2.11
Kolam Takungan Mendapan
Berhampiran Sungai Muar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: GM 1985 Lot 702 Mukim Lenga, Muar
Tarikh: 27 Januari 2010

Foto 2.12
Aktiviti Pengorekan Pasir Sedalam 30 Meter
Dengan Kecerunan Tebing Melebihi 27 Darjah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: GM 1985 Lot 702 Mukim Lenga, Muar
Tarikh: 27 Januari 2010

Semakan lanjut Audit mendapati aktiviti pengambilan pasir di kawasan seluas 1.01 hektar ini telah beroperasi sejak Mei 2007 dan telah dirujuk kepada JAS dan JPS Johor.

Pejabat Tanah Muar memaklumkan pengusaha pasir telah diarahkan untuk memulihkan sistem pengaliran air yang digunakan untuk aktiviti mencuci pasir. Menurut Pejabat Tanah Muar kerja-kerja pengubahsuaian sebagaimana diarahkan sedang dijalankan dan kemajuan kerja pengubahsuaian pada masa ini telah mencapai 70% daripada arahan kerja yang dikeluarkan. Jumlah wang amanah yang perlu dibayar bagi pengambilan pasir juga telah dinaikkan daripada RM3,300 kepada RM5,000.

c) **Aktiviti Pengambilan Pasir Di PTD 953 Dan PTD 954 Mukim Sungai Tiram, Johor Bahru**


Antara syarat kelulusan Permit 4c mengeluarkan pasir di PTD 953 dan PTD 954 seluas 0.81 hektar ialah pengusaha pasir hendaklah memastikan kedalaman tanah yang dikorek adalah tidak melebihi 10 meter dari paras asal muka bumi. Pengusaha juga hendaklah mengekalkan jarak kerja minimum lima meter dari sempadan tanah bersebelahan. Lawatan Audit bersama pegawai PTG Johor ke kawasan ini pada September 2009 mendapati bukit telah ditarah sedalam 37 meter dengan kecerunan melebihi 27 darjah. Keadaan ini telah mengancam kestabilan tanah bukit berkenaan dan mengundang risiko tanah runtuh. Semakan Audit mendapati aduan awam kepada Pejabat Tanah Johor Bahru mengenai hakisan dan tanah runtuh telah dibuat pada April 2008 oleh pemilik tanah bersebelahan. Lanjutan daripada itu, pada Jun 2008, Pejabat Tanah Johor Bahru telah mengarahkan pengusaha memperbaiki cerun dengan kaedah *slopping*. Keadaan bukit yang ditarah untuk mengeluarkan pasir, kawah yang terhasil dan cerun tebing yang telah dibaiki seperti di **Foto 2.13** dan **Foto 2.14**.

Foto 2.13
Bukit Yang Ditarah Sedalam 37 Meter
Dengan Kecerunan Melebihi 27 Darjah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD 953 Dan PTD 954 Mukim Sungai Tiram
Tarikh: 1 September 2009

Foto 2.14
Cerun Yang Telah Dibaiki Dengan
Kaedah *Slopping*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD 953 Dan PTD 954 Mukim Sungai Tiram
Tarikh: 1 September 2009

Pada Ogos 2009, sekali lagi aduan tanah runtuh daripada pemilik tanah bersebelahan telah dibuat. Berikutan itu, Pejabat Tanah Johor Bahru telah mengarahkan pengusaha pasir terbabit menghentikan operasi pada Disember 2009 apabila mendapati masih berlaku pelanggaran syarat pengambilan pasir.

Menurut Pejabat Tanah Johor Bahru, pada masa yang sama tindakan memperbaiki cerun bukit yang berkaitan telah dilaksanakan dengan merampas deposit pengusaha pasir dan menggunakannya untuk membiayai kerja pembaikan tersebut.

Pada pendapat Audit, aktiviti pengorekan dan pengambilan pasir yang tidak mengikut syarat boleh menyebabkan keadaan tanah kurang stabil dan mudah runtuh serta mengganggu rizab sungai.


2.4.3 Impak Kepada *Regime* Sungai

Syarat kelulusan Laporan EIA berkaitan aktiviti pengambilan pasir menghendaki kerja-kerja pemulihan dijalankan ke atas kawasan yang telah tamat operasi dan tidak dibiarkan terbiar melebihi tempoh enam bulan. Syarat kelulusan Permit 4c mengeluarkan pasir pula menghendaki pengusaha menimbus dan meratakan semula lubang yang terhasil daripada kerja pengorekan pasir kepada keadaan asal supaya tidak menakung air. Fasal 38(1)(b) Enakmen Bekalan Air 1993 pula menyatakan sebarang tindakan melencongkan dan mengubah aliran air sungai yang merupakan sebahagian daripada sistem bekalan air adalah satu kesalahan.

Lawatan Audit bersama pegawai JAS, JPS Johor, Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ), Syarikat Air Johor Holding (SAJH) dan *Public Utilities Board Singapore* (PUB) menyusuri Sungai Linggiu pada Januari 2010 mendapati berlaku lencongan terhadap aliran air Sungai

Linggiu akibat benteng kolam takungan bekas aktiviti pengambilan pasir yang pecah. Lokasi berlakunya lencongan aliran air Sungai Linggiu adalah seperti di **Peta 2.1**.

Peta 2.1
Arah Laluan Aliran Sungai Linggiu



Sumber: Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ)

Berdasarkan **Peta 2.1** dan laporan lawatan tapak oleh BAKAJ, Lokasi S1 adalah kawasan kolam bekas lombong dan merupakan *outlet* terakhir sebelum cabang Sungai Tengkil. Lencongan aliran air Sungai Linggiu telah bermula di Lokasi S2 yang juga kolam bekas lombong. Aliran air dari *outlet* lombong ini didapati lebih laju berbanding aliran air Sungai Linggiu. Adalah dianggarkan kira-kira 90% daripada aliran air sungai telah memasuki kawasan kolam bekas lombong yang bercantum akibat daripada benteng kolam yang telah pecah. Lokasi S3 pula adalah aliran keluar air dari kolam takungan ke Sungai Linggiu yang asal.

Semakan lanjut Audit mendapati lencongan aliran air sungai bermula di tapak bekas lombong pasir di PTD 8406 Mukim Ulu Sungai Johor. Aliran air sungai ini kemudiannya memasuki beberapa buah kolam di empat lagi tapak bekas lombong di PTD 2252, PTD 8709, PTD 6639 dan PTD 6638 yang melibatkan keluasan keseluruhan melebihi 50 hektar. Bagaimanapun, lot tapak bekas lombong yang terbabit tidak dapat disahkan oleh Pejabat Tanah Kota Tinggi.


*Menurut Pejabat Tanah Kota Tinggi, aktiviti pengambilan pasir di kawasan terlibat telah berlaku agak lama dan melibatkan ramai pengusaha pasir. Oleh itu, agak sukar untuk mengenalpasti dan mengambil tindakan terhadap pengusaha yang bertanggungjawab yang menyebabkan berlakunya perubahan pada aliran air Sungai Linggiu. Bagaimanapun, pengusaha pasir di PTD 8406 telah dikenal pasti dan tindakan untuk merampas wang amanah berjumlah RM71,762 sedang dilakukan. Keadaan benteng yang pecah dan aliran air sungai adalah seperti di **Foto 2.15** dan **Foto 2.16**.*

Foto 2.15
Keadaan Lencongan Sungai Linggiu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Linggiu
Tarikh: 27 Januari 2010

Foto 2.16
Benteng Kolum Takungan Yang Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Linggiu
Tarikh: 27 Januari 2010

Berdasarkan Laporan Dan Lawatan Tapak Berkaitan Masalah Penurunan Paras Air Sungai Linggiu Dan Gangguan Operasi Loji Rawatan Air Sungai Linggiu oleh BAKAJ, SAJH memaklumkan, paras air sungai yang normal bagi pengambilan air adalah 1.50 meter dan paras kritikal adalah 1.00 meter. **Lencongan aliran air sungai ke kawasan kolam bekas lombong telah menyebabkan paras air Sungai Linggiu berada di bawah paras kritikal di takat pengambilan air bagi operasi Loji Rawatan Air Sungai Linggiu sehingga mengakibatkan operasi loji dihentikan. Kejadian ini kerap berlaku pada Jun hingga September 2009.** Loji tersebut merupakan salah satu sumber bekalan air bersih kepada lebih 70,000 penduduk di sekitar Daerah Kota Tinggi. Bagi mengatasi masalah ini, semenjak Julai 2009, SAJH telah memasang *transfer pump* dan menambah bilangan *intake pipe*. Pemasangan *intake pipe* yang baru adalah di paras lebih rendah berbanding sebelumnya iaitu di paras 1.00 meter. Bagaimanapun, aktiviti pengambilan pasir sungai di bahagian *upstream* iaitu pada jarak 50 meter telah menyebabkan *intake pipe* tersumbat dan *transfer pump* mengalami kerosakan kerana dipenuhi pasir.

Pada pendapat Audit, aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir di Mukim Ulu Sungai Johor yang tidak dipantau dengan baik semasa dan selepas aktiviti dijalankan telah menyebabkan berlakunya perubahan pada aliran air Sungai Linggiu.

2.4.4 Impak Kepada Aktiviti Nelayan Dan Kehidupan Akuatik

Pengusaha pasir dikehendaki mengambil langkah yang sesuai supaya tidak mengganggu aktiviti nelayan tempatan dan tidak menimbulkan pencemaran air. Pengusaha pasir juga bertanggungjawab untuk memastikan tidak menimbulkan sebarang masalah kacau ganggu dan dikehendaki bertanggungjawab atas masalah/aduan/laporan yang timbul akibat kerja-kerja pengambilan pasir. Semakan Audit mendapati aktiviti pengambilan pasir laut di PTD 2346 Mukim Pantai Timur, Kota Tinggi di kawasan seluas 22,265 hektar tidak mendapat sokongan daripada Jabatan Perikanan Negeri Johor (Jabatan Perikanan).

Pejabat Tanah Kota Tinggi pula telah mensyaratkan pengusaha mengemukakan Laporan EIA sebagaimana yang dikehendaki oleh JAS. Permohonan pengusaha untuk memperbaharui lesen pendudukan sementara untuk mengeluarkan pasir telah diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada Februari 2009 melalui Ringkasan Mesyuarat Bil. 615/2009. Bagaimanapun, sehingga kini tiada Laporan EIA dikemukakan untuk kelulusan.

Menurut Jabatan Perikanan melalui suratnya kepada Pentadbir Tanah Kota Tinggi pada Disember 2006, kawasan PTD 2346 Mukim Pantai Timur, Kota Tinggi merupakan Kawasan Penangkapan Ikan Zon A di mana sebahagian besar nelayan menggunakan peralatan pukat hanyut, gombang dan bubu. Apabila berlaku pengorekan pasir di dasar laut, lumpur yang terhasil akan menyebabkan pencemaran air dan memberi kesan kepada ekosistem hidupan laut. Lumpur juga akan hanyut dan berkumpul di pantai yang akan memberi kesan pencemaran pantai. Pengurus Persatuan Nelayan Kawasan Pengerang memaklumkan, laporan polis pernah dibuat oleh nelayan kerana aktiviti pengambilan pasir telah menyebabkan jaring mereka rosak dan pihak pengusaha telah membayar ganti rugi kepada nelayan terbabit. Bagaimanapun, persatuan ini tidak menyimpan sebarang rekod yang berkaitan.

Semakan lanjut Audit terhadap rekod aduan Persatuan Nelayan Kawasan Pengerang mendapati kes terbaru tuntutan ganti rugi berjumlah RM6,150 oleh tiga orang nelayan kepada Pemegang Konsesi Lesen No.0031 telah dibuat pada Januari 2010 mengenai jaring mereka yang telah dilanggar oleh kapal pengangkut pasir. Tuntutan ganti rugi ini telah dijelaskan oleh pengusaha yang terbabit. Temu bual Audit terhadap 20 orang nelayan di kawasan Sungai Musuh, Teluk Ramunia mendapati aktiviti pengeluaran pasir laut telah menjejaskan hasil tangkapan kerana habitat ikan terganggu, peralatan menangkap ikan sering rosak dan dipenuhi lumpur. Pontun yang mengangkut pasir pula mengancam nelayan. Nelayan juga mendakwa mereka tidak tahu kawasan pengorekan pasir sebenar kerana tidak dimaklumkan dan tiada sebarang tanda sempadan diletakkan oleh pengusaha.

Selain itu, aktiviti pemindahan pasir menggunakan pontun dari PTD 34457 dan PTD 34459 Mukim Kota Tinggi juga telah mengganggu aktiviti nelayan di Sungai Johor. Berdasarkan laporan Pejabat Tanah Kota Tinggi, pontun yang mengangkut pasir telah mengakibatkan jaring nelayan dan rumah rakit rosak. Bagaimanapun, pihak pengusaha telah membayar ganti rugi kepada 15 orang nelayan Kampung Makam berjumlah RM13,000 pada Ogos 2009 dan RM4,000 sebulan bagi bulan berikutnya untuk tempoh sepanjang aktiviti pemindahan pasir dijalankan.

Di Daerah Muar pula, aktiviti pengorekan pasir bagi mendalamkan Sungai Muar yang dilaksanakan mulai Jun 2007 juga telah mengganggu aktiviti nelayan. Berdasarkan laporan Jabatan Perikanan, sebanyak 70 laporan polis telah dibuat mengenai kerosakan peralatan menangkap ikan akibat dilanggar oleh bot tunda dan baj. Selain itu, kerosakan peralatan nelayan juga berlaku apabila sisa pengorekan tidak dibuang di kawasan yang telah

ditetapkan. Tuntutan pampasan ganti rugi berjumlah RM157,074 melibatkan 88 orang nelayan telah dijelaskan oleh pengusaha pasir yang terlibat pada Mac 2009.

Menurut Jabatan Perikanan Johor, pengorekan pasir sama ada di laut atau di sungai akan memberi impak yang besar kepada nelayan dan alam sekitar kerana menjejaskan aktiviti harian dan pendapatan nelayan. Nelayan dilarang untuk menangkap ikan berhampiran kawasan pengorekan pasir dan ini menyebabkan kawasan tangkapan nelayan menjadi semakin terhad. Pontun, baj dan bot tunda yang berulang-alik untuk memindahkan pasir sering melanggar dan merosakkan jaring nelayan. Aktiviti pengorekan pasir juga menyebabkan air berkelodak dan keruh. Kelodak lumpur akan melekat pada jaring dan menyebabkan tangkapan ikan berkurangan. Pencemaran bunyi dan bau dari jentera kapal pula menyebabkan sumber ikan bergerak jauh dari sekitarnya. Selain itu, aktiviti pengorekan pasir juga akan menyebabkan hakisan pantai sekaligus merosakkan hutan bakau yang berperanan sebagai zon penampungan.

Pada pendapat Audit, aktiviti pengorekan pasir laut dan pasir sungai yang tidak mematuhi syarat yang ditetapkan telah menyebabkan gangguan kepada aktiviti harian nelayan dan jika berterusan boleh menjejaskan hidupan akuatik.

2.4.5 Impak Kepada Infrastruktur Dan Utiliti

Syarat kelulusan Laporan EIA menghendaki jalan raya awam yang digunakan untuk pengangkutan pasir terutamanya di kawasan petempatan disenggara dengan baik dan dibersihkan daripada sebarang kekotoran yang berpunca daripada aktiviti tersebut bagi mengelakkan masalah habuk dan gangguan kepada pengguna jalan raya yang lain. Syarat kelulusan Permit 4c mengeluarkan pasir pula menyatakan pengusaha pasir hendaklah menentukan tidak berlaku apa-apa kerosakan kepada harta kerajaan termasuk jalan raya, parit, bangunan dan sebagainya semasa kerja-kerja sedang dan selepas dijalankan. Lawatan Audit ke laluan keluar/masuk dan jalan raya yang digunakan sebagai laluan lori pasir di Daerah Kota Tinggi dan Mersing mendapati jalan raya berkeadaan rosak dan kotor. Maklumat lanjut lokasi yang terlibat adalah seperti berikut:

a) Laluan FT 092 Jalan Kota Tinggi–Sungai Rengit

Semakan Audit mendapati pada Januari 2008 Pejabat Tanah Kota Tinggi telah mengeluarkan surat peringatan kepada pengusaha pasir di Lot 4399 Mukim Kota Tinggi kerana telah melanggar syarat kelulusan dengan tidak menjaga kebersihan kenderaan dan juga kebersihan jalan raya. Pada akhir Julai 2009, Jabatan Kerja Raya Daerah Kota Tinggi (JKR Kota Tinggi) telah mengeluarkan surat kepada pengusaha pasir yang sama mengenai keadaan jalan raya di simpang keluar/masuk Seksyen 65.7 Laluan FT 092 Jalan Kota Tinggi-Sungai Rengit yang menghubungkan ke kawasan pengeluaran pasir yang membahayakan pengguna jalan raya yang lain.

Lawatan Audit pada November dan Disember 2009 mendapati keadaan jalan raya di simpang keluar/masuk Seksyen 65.7 Laluan FT 092 Jalan Kota Tinggi-Sungai Rengit

masih rosak dan terdapat limpahan pasir di bahu jalan yang boleh membahayakan pengguna jalan raya. Keadaan jalan raya yang rosak adalah seperti di **Foto 2.17** dan **Foto 2.18**.

Foto 2.17

Jalan Raya Rosak Akibat Laluan Lori Pasir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Simpang Keluar/Masuk Laluan FT 092
ke Lot 4399, Mukim Kota Tinggi
Tarikh: 4 November 2009

Foto 2.18



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Simpang Keluar/Masuk Laluan FT092
ke Lot 4399, Mukim Kota Tinggi
Tarikh: 10 Disember 2009

Lawatan Audit mendapati persimpangan keluar/masuk ini telah dipasang *culvert* dan laluan hingga ke kawasan pengambilan pasir telah diturap dengan *premix* dan *crusher run* sebagaimana yang telah disyaratkan oleh JKR Kota Tinggi. Bagaimanapun, pengusaha tidak menyediakan *washing bay* untuk memastikan tayar lori pasir yang keluar/masuk ke tapak tidak mengotorkan jalan raya. Kesannya dapat dilihat dengan jelas sepanjang dua kilometer dari simpang keluar/masuk sama ada menghala ke Kota Tinggi ataupun ke Sungai Rengit. Keadaan ini adalah seperti di **Foto 2.19** dan **Foto 2.20**.

Foto 2.19

Perbezaan Jalan Raya Laluan Lori Pasir Menghala Ke Sungai Rengit Yang Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan FT 092 Jalan Kota Tinggi-Sungai Rengit
Tarikh: 11 Disember 2009

Foto 2.20

Perbezaan Jalan Raya Laluan Lori Pasir Menghala Ke Kota Tinggi Yang Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan FT 092 Jalan Kota Tinggi-Sungai Rengit
Tarikh: 11 Disember 2009

b) Laluan Keluar/Masuk Ke Di PTD 4153 Mukim Ulu Sungai Johor

Sebahagian jalan Ladang Sibol telah diturap oleh PUB bagi laluan masuk ke kawasan Empangan Linggiu. Jalan ini juga telah digunakan sebagai laluan keluar/masuk lori pasir ke PTD 4153. Lawatan Audit mendapati simpang laluan keluar/masuk ke tapak pengambilan pasir telah dilimpahi pasir dan tiada kerja pembersihan di permukaan jalan yang dipenuhi pasir dilaksanakan oleh pengusaha yang terlibat. Selain itu, *washing bay* juga tidak disediakan oleh pengusaha bagi memastikan kebersihan lori pasir yang keluar/masuk. Keadaan bahu dan permukaan jalan yang dipenuhi limpahan pasir adalah seperti di **Foto 2.21** dan **Foto 2.22**.

Foto 2.21

Bahu Dan Permukaan Jalan Yang Dipenuhi Limpahan Pasir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Ke PTD 4153 Mukim Ulu Sungai Johor
Tarikh: 10 Disember 2009

Foto 2.22



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Ke PTD 4153 Mukim Ulu Sungai Johor
Tarikh: 10 Disember 2009

c) Simpang Keluar/Masuk Di Batu 110 Jalan Kluang-Mersing

Lawatan Audit bersama pegawai JPS Johor, JAS, PTG Johor dan Pejabat Tanah Mersing ke PTD 189 Lot 96 Mukim Lenggong, Mersing juga mendapati limpahan pasir di bahu jalan dan sebahagian jalan raya di simpang keluar/masuk Batu 110 Jalan Kluang-Mersing. Keadaan ini boleh menyebabkan gangguan kepada pengguna jalan raya. Pengusaha juga didapati tidak menyediakan *washing bay* bagi memastikan lori pasir yang keluar dari kawasan operasi dalam keadaan bersih dan tidak mengotorkan jalan raya. Longgokan pasir di simpang keluar/masuk laluan lori pasir adalah seperti di **Foto 2.23** dan **Foto 2.24**.

Foto 2.23
Longgokan Pasir Di Simpang Keluar/Masuk Laluan Lori Pasir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu 110 Jalan Kluang-Mersing
Tarikh: 11 Januari 2010

Foto 2.24



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu 110 Jalan Kluang-Mersing
Tarikh: 11 Januari 2010

Pemerhatian Audit di sembilan kawasan tapak pengeluaran, pengambilan dan pemindahan pasir melalui jalan darat di Daerah Kota Tinggi, Mersing, Muar dan Johor Bahru mendapati semuanya tidak menyediakan *washing bay* untuk membersihkan lori pasir yang keluar ke jalan raya untuk mengangkut pasir.

Menurut Jabatan Kerja Raya Negeri Johor, spesifikasi yang ditetapkan untuk simpang jalan keluar/masuk ke kawasan aktiviti pengambilan pasir tidak pernah dipatuhi oleh pengusaha. Bagaimanapun, notis peringatan telah dikeluarkan kepada pengusaha pasir dan Pejabat Tanah Daerah terbabit untuk tindakan selanjutnya.

Pada pendapat Audit, aktiviti pemindahan pasir melalui jalan darat telah menyebabkan jalan raya menjadi rosak dan kotor serta mengganggu pengguna jalan raya yang lain.

2.4.6 Pemantauan Dan Penguatkuasaan Alam Sekitar

Tindakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir di Negeri Johor adalah tanggungjawab PTG Johor dan pejabat tanah daerah. Pemantauan juga turut dilakukan oleh JAS sekiranya kawasan aktiviti pengambilan pasir tersebut melebihi 50 hektar dan tertakluk kepada Laporan EIA. Pihak Audit mendapati pemantauan dan penguatkuasaan berkaitan alam sekitar yang dijalankan adalah terhad dan kurang berkesan selain tiada prosedur lengkap yang seragam bagi setiap daerah.

a) Tiada Lawatan Berkala Ke Kawasan Aktiviti Pengambilan Pasir Oleh PTG Johor Dan Pejabat Tanah Daerah

Pihak Audit mendapati, PTG Johor dan pejabat tanah daerah tidak mempunyai sebarang rekod lawatan pemantauan ke kawasan aktiviti pengambilan pasir sama ada yang beroperasi melebihi 50 hektar ataupun kurang daripada 50 hektar. Semakan Audit terhadap rekod tindakan penguatkuasaan aktiviti pengambilan pasir oleh PTG Johor pada tahun 2009 mendapati hanya empat kes sahaja yang melibatkan lawatan ke

kawasan pengambilan pasir daripada 25 kes yang telah dicatatkan. Lawatan tersebut pula dilakukan setelah mendapat aduan awam berkaitan aktiviti mengorek pasir tanpa kebenaran. Baki 21 kes adalah kesalahan mengangkut pasir tanpa permit iaitu 18 kes melibatkan jalan darat dan tiga kes melalui jalan laut. Maklumat lanjut berkaitan 25 kes tindakan penguatkuasaan adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Tindakan Penguatkuasaan Oleh PTG Johor Terhadap Aktiviti Pasir
Pada Tahun 2009

Bil.	Daerah	Jenis Kesalahan			Jumlah Kes
		Mengangkut Pasir Tanpa Permit (Darat) (Bil. Kes)	Mengangkut Pasir Tanpa Permit (Laut) (Bil. Kes)	Mengorek Pasir Tanpa Kebenaran (Bil. Kes)	
1.	Johor Bahru	8	0	0	8
2.	Kota Tinggi	2	1	2	5
3.	Pontian	3	2	0	5
4.	Kulaijaya	2	0	1	3
5.	Batu Pahat	2	0	0	2
6.	Kluang	0	0	1	1
7.	Segamat	1	0	0	1
Jumlah		18	3	4	25

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor

Status tindakan bagi 25 kes tersebut sehingga Disember 2009 adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Status Kes Melibatkan Aktiviti Pasir Sehingga Disember 2009

Bil.	Daerah	Status Kes					Jumlah Kes
		Menunggu Perbicaraan (Bil. Kes)	Dalam Siasatan (Bil. Kes)	Denda Dan Kompau (Bil. Kes)	Tamat Tempoh Jaminan (Bil. Kes)	Tiada Tindakan Lanjut (Bil. Kes)	
1.	Johor Bahru	8	0	0	0	0	8
2.	Kota Tinggi	0	2	1	2	0	5
3.	Pontian	3	0	0	0	2	5
4.	Kulaijaya	0	1	1	1	0	3
5.	Batu Pahat	0	0	2	0	0	2
6.	Kluang	0	0	1	0	0	1
7.	Segamat	0	1	0	0	0	1
Jumlah		11	4	5	3	2	25

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor

Berdasarkan **Jadual 2.4**, 11 kes yang sedang menunggu perbicaraan adalah atas kesalahan mengangkut pasir tanpa permit menggunakan jalan darat. Empat kes dalam siasatan adalah atas kesalahan pencerobohan pengorekan pasir di Ulu Sibol, Kota Tinggi dan mengangkut pasir tanpa permit menggunakan jalan darat di Kulaijaya dan Segamat. Lima kes dikenakan denda dan kompaun bagi kesalahan pencerobohan tanah kerajaan di Daerah Kluang, mengangkut pasir tanpa permit di perairan Tanjung Segenting, Batu Pahat dan Tanjung Buai, Kota Tinggi dan juga mengangkut pasir tanpa

permit menggunakan jalan darat di Kulaijaya dan Batu Pahat. Jumlah denda dan kompaun adalah RM80,000. Kes yang tiada tindakan lanjut pula melibatkan pengusaha pasir dari Daerah Pontian yang disyaki mengangkut pasir di perairan Tanjung Piai pada akhir Disember 2009 dan awal Januari 2010.

Menurut PTG Johor, lawatan ke kawasan aktiviti pengambilan pasir akan dilakukan ketika permohonan untuk memperbaharui permit oleh pengusaha pasir dan sekiranya terdapat aduan awam mengenai kawasan tersebut. Bagi kesalahan mengangkut pasir tanpa permit, notis akan dikeluarkan kepada pengusaha pasir dan sekiranya perlu kertas siasatan akan dibuka bagi tujuan siasatan lanjut. Antara kesan apabila lawatan pemantauan ke kawasan aktiviti pengambilan pasir kurang dilakukan oleh PTG Johor dan Pejabat Tanah Daerah adalah seperti berikut:

- i) **Pencerobohan Tanah Kerajaan Di PTD 8403 Mukim Ulu Sungai Johor** - Semakan Audit mendapati aduan berkaitan aktiviti mencuri pasir berlaku di PTD 8403 Mukim Ulu Sungai Johor. Tindakan penguatkuasaan oleh Pejabat Tanah Kota Tinggi telah dilakukan pada awal Julai 2009. Aktiviti pengorekan dan pengambilan pasir di kawasan tersebut telah dihentikan serta merta dan kawasan tersebut telah ditutup. *Menurut Pejabat Tanah Kota Tinggi, satu kertas siasatan telah dibuka pada Disember 2009 dan telah dikemukakan kepada Pegawai Undang-undang PTG Johor untuk tindakan lanjut dan kes ini masih dalam siasatan.* Lawatan Audit ke kawasan ini pada November 2009 mendapati aktiviti mencuri pasir dilakukan di kawasan rizab Sungai Linggiu. Lokasi kawasan yang diceroboh bagi tujuan pengambilan pasir adalah seperti di **Peta 2.2** dan keadaannya seperti di **Foto 2.25** dan **Foto 2.26**.




Foto 2.25
Keadaan Kawasan Yang Diceroboh Bagi Tujuan Pengambilan Pasir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD 8403 Mukim Ulu Sungai Johor
Tarikh: 4 November 2009

Foto 2.26



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD 8403 Mukim Ulu Sungai Johor
Tarikh: 4 November 2009

- ii) **Benteng Kolam Takungan Pecah** - Lawatan Audit bersama-sama pegawai JAS ke PTD 95 Lot 89 Mukim Lenggor, Mersing pada Januari 2010 mendapati benteng kolam takungan telah pecah yang mengakibatkan limpahan lumpur ke kawasan paya bersebelahan dan tiada sebarang penyenggaraan dibuat oleh pengusaha pasir. Keadaan benteng kolam mendapan yang pecah dan limpahan lumpur adalah seperti di **Foto 2.27** dan **Foto 2.28**. Semakan Audit mendapati aktiviti pengambilan pasir telah dijalankan di atas tanah bermilik berkeluasan 153 hektar. Memandangkan Laporan EIA tidak disediakan, pihak Audit tidak dapat menilai kesan alam sekitar yang berlaku daripada aktiviti pengambilan pasir di kawasan ini.

Foto 2.27
Benteng Kolam Takungan Yang Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD 95 Lot 89 Mukim Lenggor, Mersing
Tarikh: 11 Januari 2010

Foto 2.28
Limpahan Lumpur Ke Kawasan Paya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD 95 Lot 89 Mukim Lenggor, Mersing
Tarikh: 11 Januari 2010

iii) **Pemulihan Tapak Lombong Pasir Selepas Tamat Operasi** – Lawatan susulan Audit ke kawasan bekas lombong pasir di PTD 6638 dan PTD 6639 Mukim Ulu Sungai Johor, Kota Tinggi pada Mac 2010 mendapati kolam bekas aktiviti perlombongan pasir melibatkan kawasan yang begitu luas dibiarkan tanpa sebarang usaha pemulihan. Ini menunjukkan tiada tindakan pemantauan oleh Pejabat Tanah Kota Tinggi. Keadaan kolam bekas lombong adalah seperti di **Foto 2.29** dan **Foto 2.30**.

Foto 2.29

Kolam Yang Wujud Daripada Aktiviti Perlombongan Pasir



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD 6638, Mukim Ulu Sungai Johor
Tarikh: 24 Mac 2010*

Foto 2.30



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD 6639, Mukim Ulu Sungai Johor
Tarikh: 24 Mac 2010*

Lawatan Audit ke lokasi pengeluaran pasir mendapati rata-ratanya aktiviti pengambilan pasir telah mewujudkan kolam atau kawah besar. Tanah tapak bekas lombong pasir ini akan menjadi tidak ekonomi untuk digunakan semula sekiranya usaha pemulihan dengan menambak semula tanah tidak dilakukan oleh pengusaha selepas aktiviti pengeluaran pasir tamat. Oleh itu, pejabat tanah daerah perlu memantau situasi ini secara serius agar alam sekitar sentiasa terpelihara dan pembangunan dapat diteruskan. Keadaan kolam yang terhasil daripada aktiviti pengeluaran pasir di beberapa kawasan adalah seperti di **Foto 2.31** dan **Foto 2.32**.

Foto 2.31
Kolam Yang Wujud Daripada Aktiviti Perlombongan Pasir



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: PTD 4153 Mukim Ulu Sungai Johor
 Tarikh: 12 Januari 2010

Foto 2.32



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: PTD 7192 Mukim Lenggor, Mersing
 Tarikh: 27 Januari 2010

b) Pemantauan Bersama JAS Dan JPS Johor

Aktiviti pengambilan pasir yang dijalankan di kawasan yang kurang daripada 50 hektar adalah tidak tertakluk kepada Laporan EIA. Bagi tujuan penjagaan alam sekitar, pentadbir tanah daerah dikehendaki meminta ulasan daripada jabatan teknikal berkaitan seperti JAS dan JPS Johor sebelum kelulusan permit pengeluaran pasir diberikan. Oleh itu, pentadbir tanah daerah adalah bertanggungjawab untuk memastikan syarat kelulusan lesen mengeluarkan pasir dipatuhi sepenuhnya oleh pengusaha pasir. Semakan Audit terhadap rekod pengusaha pasir setakat Januari 2010 di tiga pejabat tanah daerah mendapati sebanyak 27 pengusaha pasir telah diberi kelulusan beroperasi di kawasan kurang daripada 50 hektar. Sebanyak lapan daripadanya tidak dirujuk kepada JAS atau JPS Johor. Maklumat lanjut kawasan pengeluaran pasir yang terlibat adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Kawasan Pengeluaran Pasir Yang Kurang Daripada 50 Hektar
Dan Rekod Ulasan Teknikal Daripada JAS Dan JPS

Bil.	Daerah	Lokasi	Luas (Hektar)	Ulasan JAS	Ulasan JPS	Tahun Operasi
1.	Kota Tinggi	PTD 34456, PTD 33457 dan PTD 34459 Mukim Kota Tinggi	48.3738	Tiada	Ada	2008
2.		PTD 452 dan 453 Mukim Kota Tinggi	2.7974	Tiada	Ada	2008
3.	Mersing	PTD 7192 Mukim Mersing	2.0235	Ada	Tiada	2007
4.		PTD 16751 Mukim Mersing	1.4816	Ada	Tiada	2007
5.		PTD 17367 Mukim Mersing	0.9863	Tiada	Ada	2007
6.		PTD 17473 Mukim Mersing	2.4282	Tiada	Tiada	2007
7.		PTD 6814 Mukim Mersing	2.0235	Tiada	Tiada	2007
8.		PTD 17434 Mukim Mersing	0.8336	Ada	Tiada	2008
9.	Johor Bahru	Lot 1489 Mukim Sungai Tiram	11.7359	Tiada	Tiada	2008
10.		Lot 846 Mukim Sungai Tiram	19.0202	Tiada	Tiada	2010
11.		PTD 152155 dan PTD 152156 Mukim Tebrau	4.0000	Tiada	Tiada	2010

Sumber: Pejabat Tanah Kota Tinggi, Mersing dan Johor Bahru

Selain itu, terdapat juga pengambilan pasir sungai di Lot 44907 dan Parit Monsun, Mukim Plentong, Johor Bahru pada jarak kira-kira 7,000 meter dan 500 meter yang tidak dirujuk kepada JAS dan JPS Johor. Kegagalan pentadbir tanah daerah mendapatkan ulasan ini menyebabkan JAS dan JPS Johor tidak mengetahui bahawa berlaku aktiviti pengambilan pasir di kawasan berkenaan. Akibatnya pemantauan bersama terhadap aktiviti pengambilan pasir tidak dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penguatkuasaan berkaitan alam sekitar terhadap aktiviti pengambilan pasir adalah tidak memuaskan. Tiada rekod yang menunjukkan PTG Johor dan pejabat tanah daerah melakukan lawatan pemantauan secara berkala ke kawasan pengambilan pasir. Selain itu, kegagalan pejabat tanah daerah mendapatkan ulasan teknikal daripada JAS dan JPS Johor menyebabkan penguatkuasaan bersama untuk mengawal aktiviti pengambilan pasir tidak dilaksanakan.

2.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir berkaitan penjagaan alam sekitar di Negeri Johor adalah kurang memuaskan kerana meninggalkan kesan terhadap alam sekitar terutamanya di kawasan operasi melebihi 50 hektar. Tidak kesemua Laporan EIA disediakan sebagaimana ditetapkan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling di bawah Aktiviti 11C Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987. Bagi kawasan kurang 50 hektar pula, walaupun Laporan EIA tidak disyaratkan tetapi jika tidak dikawal boleh memberi kesan kepada alam sekitar. Aktiviti mencuci pasir yang tidak mengikut syarat boleh memberi kesan kepada kualiti air manakala pengorekan di kawasan rizab sungai boleh mendatangkan ancaman kepada kestabilan tanah. Selain itu, pengorekan pasir juga menyebabkan wujud kawah besar dan sekiranya dibiarkan tanpa usaha pemulihan, tanah tersebut tidak ekonomi untuk digunakan lagi. Masalah ini menjadi lebih serius apabila pemantauan dan penguatkuasaan yang lemah terhadap kawasan perlombongan pasir telah menimbulkan masalah alam sekitar. Bagi memastikan pemuliharaan alam sekitar secara berterusan, syor berikut perlu diberi perhatian oleh semua agensi yang terlibat:

- a)** PTG Johor, pejabat tanah daerah dan JAS perlu memastikan aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir yang melebihi 50 hektar mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling dengan menyediakan Laporan EIA. Kelulusan permit tidak sepatutnya dikeluarkan jika Laporan EIA tidak disediakan terlebih dahulu.
- b)** PTG Johor dan pejabat tanah daerah hendaklah mendapatkan rujukan dan mengambil kira ulasan daripada jabatan teknikal yang berkaitan khususnya JAS dan JPS Johor sebelum kelulusan pengeluaran pasir diberikan bagi kawasan kurang 50 hektar.
- c)** PTG Johor dan pejabat tanah daerah perlu melaksanakan pemantauan secara serius terhadap usaha pemulihan tanah oleh pengusaha pasir selepas tamat aktiviti pengeluaran pasir. Denda yang lebih tinggi atau hukuman yang lebih berat perlu

dikenakan ke atas pengusaha pasir yang gagal memulihkan keadaan tanah kepada asal.

- d)** PTG Johor dan pejabat tanah daerah perlu mendedahkan kakitangan dengan kursus berkaitan kepentingan dan penjagaan alam sekitar khususnya berkaitan tanah seperti perlombongan dan kerja tanah yang lain.

3. PENGURUSAN PROGRAM BANTUAN RUMAH

3.1 LATAR BELAKANG

3.1.1 Di bawah RMKe-9, Kerajaan Negeri menetapkan sasaran untuk membasmi sepenuhnya golongan miskin tegar dan separuh golongan miskin menjelang tahun 2010. Sejalan dengan itu, Kerajaan Negeri telah melancarkan lima kategori utama program pembasmian kemiskinan dan salah satu daripadanya ialah Geran Pelancaran Pembasmian Kemiskinan - Program Bantuan Rumah. Program ini telah dilaksanakan semenjak tahun 2005 yang terdiri daripada dua kategori bantuan iaitu bina baru dan baik pulih rumah. Objektif program ini adalah untuk menyediakan rumah yang lebih selesa dan selamat serta kualiti hidup golongan miskin dapat dipertingkatkan. Bagi memastikan bantuan bina baru dan baik pulih rumah diberikan hanya kepada mereka yang layak, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) telah dipertanggungjawabkan untuk merancang, melaksana, memantau dan menyelaras Program Bantuan Rumah. Pejabat-pejabat daerah pula berperanan sebagai agensi pelaksana.

3.1.2 Menerusi program Geran Pelancaran Pembasmian Kemiskinan, Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan Program Bantuan Rumah di bawah peruntukan Pejabat Menteri Besar Johor berjumlah RM3 juta di mana sejumlah RM2.84 juta telah dibelanjakan bagi tahun 2007 hingga 2009. Peruntukan khas berjumlah RM16.17 juta diterima oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2008 daripada Kerajaan Persekutuan dan sejumlah RM15.44 juta atau 95.5% telah dibelanjakan sehingga akhir Disember 2009 bagi membiayai Program Bantuan Rumah di bawah Akaun Amanah Program/Aktiviti Meningkatkan Taraf Hidup dan Membasmi Kemiskinan Negeri Johor (Akaun Amanah Kemiskinan UPENJ). Bilangan penerima Program Bantuan Rumah melalui dua sumber peruntukan berkenaan adalah seramai 1,151 orang iaitu 522 menerima bantuan bina baru manakala 629 menerima bantuan baik pulih rumah bagi tahun 2007 hingga 2009. Program Bantuan Rumah di Negeri Johor juga dibiayai oleh agensi lain seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Agama Islam Negeri Johor.

3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Program Bantuan Rumah telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan terhadap Program Bantuan Rumah melibatkan dua kategori bantuan iaitu bina baru dan baik pulih rumah yang dilaksanakan oleh UPENJ serta meliputi tiga pejabat daerah iaitu Mersing, Kluang dan Segamat bagi tahun 2007 hingga 2009. Skop pengauditan turut meliputi tahun sebelumnya, sekiranya perlu. Pengauditan Program Bantuan Rumah adalah berdasarkan peruntukan di bawah Pejabat Menteri Besar Johor dan Akaun Amanah Kemiskinan UPENJ sahaja.

Kaedah pengauditan ini adalah dengan menyemak, mengkaji, memeriksa, menganalisis data dan maklumat berdasarkan rekod dan dokumen yang diselenggarakan oleh UPENJ dan tiga pejabat daerah iaitu Mersing, Kluang dan Segamat. Lawatan fizikal ke lokasi Program Bantuan Rumah telah dilaksanakan di tiga daerah yang dipilih bersama-sama pegawai pejabat daerah. Temu bual dengan pegawai terlibat dan penerima bantuan bina baru dan baik pulih rumah dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas. Selain itu, borang soal selidik telah diedarkan bagi mendapatkan maklum balas daripada penerima bantuan Program Bantuan Rumah.

3.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara November 2009 hingga Januari 2010 mendapati pada keseluruhannya, prestasi pelaksanaan Program Bantuan Rumah adalah baik kerana rumah yang dibina dan dibaiki adalah melebihi 97%. Bagaimanapun, bilangan rumah yang dibina atau dibaiki tidak dapat menampung keperluan 124 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar yang masih berada dalam senarai menunggu setakat bulan Februari 2010. Selain itu, kualiti kerja pembinaan dan pembaikan rumah adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerosakan selepas diserahkan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

3.4.1 Prestasi Program Bantuan Rumah

Program Bantuan Rumah dibiayai oleh dua sumber kewangan iaitu Pejabat Menteri Besar Johor dan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan yang disalurkan melalui UPENJ. Pejabat Menteri Besar Johor telah memperuntukkan sejumlah RM3 juta bagi tahun 2007 hingga 2009. Pada tahun 2008 pula, sejumlah RM16.17 juta diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Selain itu, Program Bantuan Rumah di Negeri Johor turut dibiayai oleh agensi lain seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri serta Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Program Bantuan Rumah Di Negeri Johor Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Sumber Peruntukan	Tahun	Perbelanjaan (RM Juta)	Bil. Dilaksanakan	
				Bina Baru	Baik Pulih
1.	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	2007	2.79	106	53
		2008	5.41	214	108
		2009	28.05	792	219
Jumlah			36.25	1,112	380
2.	Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri	2008	1.99	30	91
		2009	5.08	114	120
Jumlah			7.07	144	211
3.	Majlis Agama Islam Negeri Johor	2008	1.48	51	27
		2009	2.18	60	18
Jumlah			3.66	111	45
Jumlah Besar			46.98	1,367	636

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

Jadual 3.1 menunjukkan KKLW telah mengeluarkan sejumlah RM36.25 juta kepada 1,492 penerima Program Bantuan Rumah sepanjang tempoh tiga tahun dari 2007 hingga 2009. Sejumlah RM7.07 juta dikeluarkan oleh ICU kepada 355 penerima manakala MAINJ pula mengeluarkan sejumlah RM3.66 juta kepada 156 penerima bantuan bina baru dan baik pulih rumah bagi tahun 2008 dan 2009. Sementara itu, semakan Audit terhadap prestasi pelaksanaan Program Bantuan Rumah di bawah dua sumber peruntukan iaitu Pejabat Menteri Besar Johor dan Akaun Amanah Kemiskinan UPENJ adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Prestasi Program Bantuan Rumah Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Sumber Peruntukan	Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Bil. Diluluskan		Bil. Dilaksanakan	
					Bina Baru	Baik Pulih	Bina Baru	Baik Pulih
1.	Pejabat Menteri Besar Johor	2007	1.00	0.96	43	20	43	20
		2008	1.00	0.96	29	29	29	29
		2009	1.00	0.92	29	0	28	0
Jumlah			3.00	2.84	101	49	100	49
2.	Akaun Amanah Kemiskinan UPENJ	2008	16.17	15.44	445	585	422	580
Jumlah Besar			19.17	18.28	546	634	522	629


Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

Keseluruhan pelaksanaan Program Bantuan Rumah untuk tempoh tiga tahun di bawah Pejabat Menteri Besar Johor adalah sebanyak 149 daripada 150 rumah yang diluluskan atau 99.3% sementara di bawah peruntukan Akaun Amanah Kemiskinan UPENJ adalah sebanyak 1,002 daripada 1,030 atau 97.3%. Peratusan pelaksanaan Program Bantuan Rumah di bawah peruntukan Akaun Amanah Kemiskinan UPENJ yang lebih rendah berbanding pelaksanaan di bawah peruntukan Pejabat Menteri Besar Johor kerana 28 buah rumah yang diluluskan tidak dapat dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, 22 buah rumah

bagi Daerah Johor Bahru tidak dapat dilaksanakan kerana dikatakan kos pembinaan seunit rumah melebihi kadar bantuan yang ditetapkan.

Bagi peruntukan Pejabat Menteri Besar Johor pula, walaupun peratusan perbelanjaan yang dicatatkan adalah tinggi iaitu 94.7%, bilangan bantuan bina baru dan baik pulih rumah yang dilaksanakan didapati mengalami pengurangan setiap tahun. Bilangan bina baru yang dilaksanakan menunjukkan pengurangan sebanyak 14 buah daripada 43 buah pada tahun 2007 kepada 29 pada tahun 2008 dan berkurangan lagi kepada 28 pada tahun 2009. Bagi baik pulih rumah pula, walaupun menunjukkan peningkatan pada tahun 2008 berbanding tahun 2007 tetapi telah berkurangan kepada sifar pada tahun 2009. Kedudukan pengurangan bilangan rumah yang dilaksanakan adalah seperti di **Carta 3.1**.

Carta 3.1
Bilangan Bina Baru Dan Baik Pulih Rumah Yang Dilaksanakan
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

Semakan Audit mendapati pengurangan tersebut adalah disebabkan berlakunya peningkatan kadar bantuan bagi seunit rumah sedangkan jumlah peruntukan yang disediakan adalah sama iaitu RM1 juta setiap tahun. Peningkatan kadar bantuan bina baru dan baik pulih rumah bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Peningkatan Kadar Bantuan Bagi Tempoh 2007 Hingga 2009

Bil.	Jenis Bantuan	2007 (RM)	2008 (RM)	Peningkatan/ (Pengurangan) (RM)	2009 (RM)	Peningkatan/ (Pengurangan) (RM)
1.	Rumah Dua Bilik	16,000	22,300	6,300	29,300	7,000
2.	Rumah Tiga Bilik	20,000	26,300	6,300	33,000	6,700
3.	Baik Pulih (Maksimum)	8,000	8,000	0	11,000	3,000

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

Akibat daripada peningkatan kadar bantuan, bilangan rumah yang dibina akan berkurangan dan tempoh menunggu menjadi lebih panjang. Mengikut rekod Pejabat Pembangunan Negeri Johor, terdapat seramai 308 pemohon masih dalam senarai e-Kasih setakat 18 Februari 2010 iaitu 124 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar dan 184 KIR miskin. Bagaimanapun, senarai KIR miskin tegar yang masih menunggu di bawah peruntukan

Pejabat Menteri Besar Johor tidak dapat dikenal pasti. Ini kerana Pejabat Pembangunan Negeri Johor memaklumkan senarai nama KIR mengikut keutamaan tidak dikhususkan kepada sesebuah agensi pembiaya memandangkan peruntukan yang diterima adalah tidak secara serentak. Selain itu, Pejabat Pembangunan Negeri Johor juga memberikan maklumat bahawa Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan tambahan peruntukan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada bulan Mac 2010 bagi menyelesaikan baki keperluan Program Bantuan Rumah di Negeri Johor.

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan Program Bantuan Rumah adalah baik kerana rumah yang dibina dan dibaiki melebihi 97%. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih memerlukan tambahan peruntukan bagi menyelesaikan 124 permohonan KIR miskin tegar yang masih dalam senarai menunggu sehingga bulan Februari 2010.

3.4.2 Rumah Dibina Dan Dibaik Pulih Mengalami Kerosakan

Kontraktor yang dilantik hendaklah membina rumah yang selesa dan selamat mengikut pelan reka bentuk, spesifikasi kerja dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh pejabat daerah. Spesifikasi kerja bagi bantuan bina baru termasuk menyiapkan rumah dengan dua atau tiga bilik bergantung kepada isi rumah, bilik air dan tandas serta pemasangan paip dan pendawaian elektrik dalaman. Lawatan Audit ke 28 buah rumah yang dibina bagi tahun 2007 hingga 2009 di tiga daerah yang dipilih mendapati 11 penerima rumah menyatakan keadaan rumah mereka semasa penyerahan ada mengalami kerosakan seperti bumbung rumah bocor, retakan pada dinding luar dan dalam rumah serta limpahan daripada tangki air seperti di **Foto 3.1** hingga **Foto 3.4**.

Foto 3.1
Retakan Dinding Luar Rumah



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Baru Nyior, Paloh, Kluang
Tarikh: 18 Januari 2010*

Foto 3.2
Retakan Dinding Dalam Rumah



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Baru Nyior, Paloh, Kluang
Tarikh: 18 Januari 2010*

Foto 3.3
Limpahan Daripada Tangki Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rizab Tanah SPKR, Kluang
Tarikh: 18 Januari 2010

Foto 3.4
Kesan Limpahan Daripada Tangki Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rizab Tanah SPKR, Kluang
Tarikh: 18 Januari 2010

Lawatan Audit terhadap 28 buah rumah yang mendapat bantuan baik pulih rumah pula mendapati 12 penerima menyatakan keadaan rumah mereka selepas menerima bantuan mengalami kerosakan seperti bumbung rumah bocor walaupun telah dibaiki dan retakan pada dinding. Contoh kerosakan yang dialami adalah seperti di **Foto 3.5** hingga **Foto 3.8**.

Foto 3.5



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Air Papan, Tenglu, Mersing
Tarikh: 28 Disember 2009

Bumbung Dibaiki Masih Bocor

Foto 3.6



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Mengkuang, Triang, Mersing
Tarikh: 29 Disember 2009

Foto 3.7

Retakan Pada Dinding Yang Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pengkalan Batu, Mersing
Tarikh: 28 Disember 2009

Foto 3.8



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Teluk Sari, Penyabong, Mersing
Tarikh: 29 Disember 2009

Pejabat Daerah Mersing memaklumkan borang bancian kerosakan akan disediakan untuk diedarkan kepada penerima selepas dua minggu mendapat kunci dan mendiami rumah bagi membolehkan penerima membuat aduan.

Semakan Audit mendapati antara faktor yang menyumbang kepada kualiti kerja pembinaan yang kurang memuaskan adalah butiran kerja dalam borang inden kerja yang disediakan tidak lengkap. Butiran kerja yang disediakan di Daerah Mersing dan Kluang adalah terlalu ringkas di mana jumlah bilangan, jenis sesuatu barangan, keluasan atau lebar bahagian (ketebalan bahan binaan seperti zink, jenis papan, atap dan pintu) yang digunakan tidak dinyatakan. Selain itu, tiada bukti menunjukkan pemeriksaan dan pemantauan secara berkala semasa dan selepas kerja pembinaan telah dilaksanakan oleh juruteknik di setiap pejabat daerah bagi memastikan rumah yang dibina dan dibaiki adalah berkualiti serta selamat didiami. Ini terbukti semasa lawatan Audit terdapat tiga buah rumah bina baru dan enam buah rumah dibaik pulih tidak mengikut spesifikasi sebagaimana ditetapkan dalam butiran kerja seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Bina Baru Dan Baik Pulih Rumah
Yang Tidak Mematuhi Spesifikasi Dalam Butiran Kerja

Bil.	No. Fail	Daerah	Spesifikasi Mengikut Butiran Kerja	Kerja Pembinaan Yang Dilakukan
Bantuan Bina Baru				
1.	P.D.S (Pemb)7/2009	Segamat	Membina anjung depan dengan tiang konkrit	Tiang anjung depan dibina dengan tiang besi seperti di Foto 3.9
2.	P.D.S (Pemb)7/2009			
3.	P.D.S (Pemb)7/2009			
Bantuan Baik Pulih Rumah				
4.	P.D.S (Pemb)22/2008 (BK)	Segamat	Menukar kayu kekuda dan kayu gulung-gulung yang rosak 4 inci x 2 inci x 12 kaki @ 10 batang	Hanya 1 batang sahaja diganti daripada 10 batang seperti di Foto 3.10
5.	P.D.S (Pemb)22/2008 (BK)		Baiki dapur dengan menggantikan: i) kayu bumbung 4 inci x 2 inci @ 10 batang ii) atap zink yang bocor iii) membaiki lantai simen 4m x 4m	Butiran (i) hingga (iii) tidak dilaksanakan
6.	PLB. MG. 247/01/43/08	Mersing	Membuat kerja pembersihan tapak setelah kerja baik pulih bumbung siap dengan kos RM500	Kerja pembersihan tidak dijalankan
7.	PLB. MG. 247/01/138/08		Membuat kerja pembersihan tapak setelah kerja baik pulih bumbung siap dengan kos pukal - RM1,000	Kerja pembersihan tidak dijalankan
8.	PLB. MG. 247/01/107/08		Membuat kerja pembersihan tapak setelah kerja baik pulih bumbung siap dengan kos RM150	Kerja pembersihan dijalankan sendiri oleh penerima
9.	PLB. MG. 247/01/37/08		Membuat kerja pembersihan tapak setelah kerja baik pulih dapur siap dengan kos RM150	Kerja pembersihan dijalankan sendiri oleh penerima

Sumber: Butiran Kerja Pejabat Daerah Mersing Dan Segamat

Foto 3.9
Kerja Pembinaan Yang Tidak Mengikut Spesifikasi Dalam Butiran Kerja



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Spang Loi, Batu Anam, Segamat
Tarikh: 18 Januari 2010

Foto 3.10



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Teluk Kelubi, Buloh Kasap, Segamat
Tarikh: 18 Januari 2010

Pada pendapat Audit, kualiti kerja pembinaan dan pembaikan rumah adalah kurang memuaskan kerana kerja pembinaan dan pembaikan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

3.4.3 Kumpulan Sasaran Tidak Dipatuhi

a) Penerima Bantuan Bukan Kumpulan Sasaran

Kumpulan sasaran yang layak mendapat bantuan bina baru hendaklah merupakan Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar tua iaitu melewati umur 65 tahun atau uzur dan cacat serta ibu atau bapa tunggal yang mempunyai ramai tanggungan, memperoleh pendapatan bulanan kurang daripada Paras Garis Kemiskinan (PGK) serta telah berdaftar dalam Daftar Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) atau sistem e-Kasih. KIR miskin tegar yang merupakan mangsa bencana alam seperti ribut, taufan, banjir serta kebakaran juga layak dipertimbangkan untuk mendapatkan bantuan. Semakan Audit mendapati seramai 27 atau 30% daripada 90 penerima yang mendapat bantuan bina baru di Daerah Mersing, Kluang dan Segamat adalah bukan dikategorikan sebagai KIR miskin tegar, Orang Kurang Upaya, berusia kurang daripada 40 tahun serta tidak menghidap sebarang penyakit. Ini kerana pejabat daerah mengambil kira golongan miskin dan pemohon yang melepasi PGK tetapi mempunyai masalah seperti memiliki anak cacat, masalah kesihatan serta tidak produktif menjana pendapatan sendiri. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada dasar baru ini telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri atau sebaliknya.

Pejabat Daerah Mersing dan Kluang memaklumkan permohonan daripada kategori miskin juga diberikan bantuan Program Bantuan Rumah memandangkan keadaan rumah KIR berkenaan adalah uzur serta tidak selamat untuk didiami.

b) Pemberian Rumah Tidak Mengikut Keperluan Sebenar

Pemberian bantuan bina baru di bawah Program Bantuan Rumah terbahagi kepada dua reka bentuk iaitu jenis dua bilik berkeluasan 560 kaki persegi (20 kaki x 28 kaki) atau tiga bilik berkeluasan 600 kaki persegi (20 kaki x 30 kaki). Semakan Audit terhadap daftar penerima bantuan bina baru yang diselenggarakan oleh Pejabat Daerah Mersing pada tahun 2008 dan 2009 mendapati seramai 10 KIR tinggal seorang diri dan tiga KIR yang lain tinggal bersama seorang isi rumah telah mendapat kemudahan rumah jenis tiga bilik. Bagaimanapun, tiada sebarang penetapan dikeluarkan terhadap bantuan bina baru mengikut bilangan bilik agar bersesuaian dengan bilangan ahli isi rumah serta jumlah pendapatan keluarga kumpulan sasaran.

Pejabat Daerah Mersing menyatakan pemberian rumah jenis dua atau tiga bilik adalah di atas budi bicara dan permintaan penerima bantuan. Pihak UPENJ pula memaklumkan tiada garis panduan yang standard dikeluarkan di peringkat negeri bagi kumpulan sasaran dan pemberian rumah mengikut bilangan bilik.

Pada pendapat Audit, pemilihan penerima bantuan rumah adalah kurang memuaskan kerana tidak mengikut kumpulan sasaran utama yang ditetapkan dan pemberian rumah mengikut bilik tidak berdasarkan kepada bilangan isi rumah yang sepatutnya.

3.4.4 Syarat Dan Kelayakan Bantuan Bina Baru Tidak Dipatuhi

a) Permohonan Tidak Lengkap Diluluskan

Antara syarat dan kelayakan yang ditetapkan bagi mendapatkan bantuan bina baru di bawah Program Bantuan Rumah adalah nama pemohon mesti didaftarkan dalam sistem e-Kasih, pemohon mempunyai tapak rumah (sama ada tanah sendiri atau tanah kerajaan yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri atau tanah hak milik orang lain dengan mendapat kebenaran bertulis), pemohon belum pernah mendapat bantuan rumah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), permohonan yang dikemukakan telah disokong oleh Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Kemajuan Kampung (JKKK) dan wakil rakyat serta pendapatan pemohon ditakrifkan di bawah PGK. Semakan Audit terhadap 160 fail pemohon yang diluluskan menerima bantuan bina baru bagi tahun 2007 hingga 2009 di tiga daerah yang dipilih mendapati 109 fail permohonan tidak disertakan dengan salinan geran hak milik tanah dan surat kebenaran menduduki tanah hak milik orang lain. Permohonan yang diluluskan tanpa disertakan salinan geran hak milik dan surat kebenaran bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Permohonan Yang Diluluskan Tanpa Disertakan
Salinan Geran Hak Milik Dan Surat Kebenaran Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Daerah	Jumlah Permohonan Diluluskan Tanpa			Jumlah Permohonan
		Salinan Geran	Surat Kebenaran	Salinan Geran Dan Surat Kebenaran	
1.	Mersing	28	2	26	56
2.	Kluang	12	14	11	37
3.	Segamat	5	5	6	16
Jumlah		45	21	43	109

Sumber: Pejabat Daerah Mersing, Kluang Dan Segamat

Sistem pengurusan fail yang lemah menyebabkan salinan geran hak milik dan surat kebenaran menduduki tanah hak milik orang lain tidak disertakan dalam fail permohonan. Tanpa surat kebenaran menduduki tanah yang sah, penerima bantuan bina baru berkemungkinan kehilangan rumah yang telah siap dibina sekiranya pemilik asal tanah atau warisnya mengambil balik tanah mereka apabila berlaku perselisihan faham.

Ketiga-tiga pejabat daerah mengesahkan perkara ini berlaku kerana terdapat kelemahan dalam pengurusan fail dan tindakan pengemaskinian fail akan diambil bagi memastikan salinan geran hak milik dan surat kebenaran diperoleh sebelum permohonan diluluskan.

b) Surat Perjanjian Rumah Yang Standard Tiada Disediakan

Pejabat Daerah Mersing telah mengambil inisiatif dengan menyediakan surat perjanjian rumah bagi melindungi penerima bantuan bina baru di atas tanah Kerajaan Negeri. Antara syarat dalam surat perjanjian tersebut ialah bantuan yang diberikan adalah bersifat tidak kekal dan hak milik sementara, penerima tidak boleh menjual atau menyerahkannya kepada orang lain serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap rumah dan kemudahan yang disediakan. Semakan Audit terhadap surat perjanjian rumah yang disediakan oleh Pejabat Daerah Mersing mendapati 12 surat perjanjian adalah tidak lengkap di mana perjanjian tidak ditandatangani oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah Mersing, tidak bertarikh, kos pembinaan rumah tidak dinyatakan serta setem hasil tidak dilekatkan dan dimatikan. Selain itu, tiada surat perjanjian disediakan oleh Pejabat Daerah Kluang terhadap lapan permohonan yang menerima bantuan bina baru di atas tanah Kerajaan Negeri. Tanpa surat perjanjian rumah yang lengkap, kepentingan penerima dan kerajaan tidak dapat dilindungi sekiranya bantuan rumah baru yang siap dibina dicerobohi atau didiami oleh individu lain apabila penerima asal meninggal dunia atau tidak mendiami lagi rumah berkenaan.

Pihak UPENJ memaklumkan belum ada surat perjanjian yang standard disediakan untuk diguna pakai di setiap pejabat daerah. Namun begitu, draf Garis Panduan Program Bantuan Rumah Tahun 2010 berserta borang kebenaran menggunakan tanah milik bagi melaksanakan Program Bantuan Rumah telah disediakan dan akan dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk mendapatkan kelulusan.

Pada pendapat Audit, pematuhan syarat dan kelayakan bantuan bina baru adalah kurang memuaskan kerana permohonan tidak disertakan salinan geran hak milik dan surat kebenaran. Tanpa surat perjanjian, kepentingan kerajaan dan penerima bantuan tidak dapat dilindungi sekiranya rumah yang dibina diceroboh atau didiami oleh pemilik tanah yang asal.

3.4.5 Penyelenggaraan Data Dan Maklumat Kemiskinan Tidak Kemas Kini

a) Sistem e-Kasih Belum Digunakan Sepenuhnya

Setiap pejabat daerah dikehendaki menggunakan sistem pendaftaran e-Kasih sebagai sumber data kemiskinan di peringkat negeri untuk mengemas kini, menyeragamkan maklumat Ketua/Ahli Isi Rumah miskin dan miskin tegar serta menyelaraskan maklumat penerima bantuan yang layak bagi mengelakkan pertindihan penyaluran bantuan. Semakan Audit mendapati Pejabat Daerah Mersing masih belum mengemas kini dan mendaftarkan 137 permohonan Program Bantuan Rumah yang diterima bagi tahun 2007 hingga 2009 ke dalam sistem e-Kasih. Bagaimanapun, Pejabat Daerah Segamat dan Kluang telah mengemas kini dan mendaftarkan masing-masing sebanyak 525 dan 80 permohonan Program Bantuan Rumah yang diterima bagi tempoh tiga tahun berkenaan ke dalam sistem berkenaan. Pejabat Daerah Mersing tidak mengemas kini dan mendaftarkan permohonan yang diterima ke dalam sistem e-Kasih kerana masih menggunakan Daftar SPKR selain mengalami masalah capaian sistem e-Kasih yang perlahan serta menghadapi kesukaran membuat semakan. Keadaan ini menjejaskan strategi Kerajaan Negeri mengguna pakai pangkalan data nasional sistem e-Kasih untuk mewujudkan data dan maklumat kemiskinan yang seragam bagi mengelakkan pertindihan penyaluran bantuan dalam usaha membasmi kemiskinan di Negeri Johor.

Menurut Pejabat Daerah Mersing, senarai permohonan berkenaan telah dibawa dan disahkan dalam Mesyuarat Focus Group peringkat daerah pada Januari 2010 di mana bancian telah dibuat dan sedang menunggu tindakan Jabatan Perangkaan Negeri Johor untuk memasukkan data tersebut ke dalam sistem e-Kasih.

b) Pemutihan Nama Belum Dibuat

Mengikut perenggan 2.4, Panduan Pemutihan Senarai Nama KIR Miskin dan Miskin Tegar, Mesyuarat *Focus Group* peringkat daerah boleh membuat keputusan untuk mengeluarkan nama KIR yang telah menerima bantuan di bawah Program Bantuan Rumah daripada senarai. Semakan Audit mendapati sebanyak 233 KIR telah menerima bantuan Program Bantuan Rumah iaitu 102 di Daerah Mersing, 20 di Kluang dan 111 di Segamat tetapi tindakan pemutihan nama belum dibuat bagi tahun 2007 hingga 2009. Pihak Audit dimaklumkan nama KIR berkenaan masih didaftarkan bagi tujuan pemantauan selain menunggu cadangan daripada penghulu sebelum tindakan pemutihan diambil.

Pejabat Daerah Mersing dan Kluang menyatakan tindakan pemutihan tidak dapat dilaksanakan terus selepas KIR menerima bantuan Program Bantuan Rumah kerana pendapatan isi rumah bulanan masih belum melepasi PGK.

c) Nama Penerima Bantuan Kerap Bertukar

Kekerapan pertukaran nama penerima bantuan hendaklah dielakkan bagi memastikan tidak berlaku pertindihan penyaluran bantuan. Semakan Audit mendapati pertukaran nama penerima bantuan kerap berlaku di Pejabat Daerah Mersing, Kluang dan Segamat kerana data kemiskinan yang diselenggarakan adalah tidak kemas kini selain tidak menggunakan sistem e-Kasih serta bentuk bantuan yang sama telah dilaksanakan oleh agensi pembiaya yang lain. Kesan daripada kekerapan pertukaran nama penerima bantuan, kerja pembinaan rumah baru atau baik pulih rumah tidak dapat dilaksanakan lebih awal. Sebanyak 72 pertukaran nama penerima Program Bantuan Rumah dikesan bagi tahun 2007 hingga 2009 seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Kekerapan Pertukaran Nama Penerima Bantuan
Program Bantuan Rumah Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Jumlah Pertukaran Nama Penerima Bantuan			Jumlah Pertukaran
	Mersing	Kluang	Segamat	
2007	2	1	1	4
2008	28	14	11	53
2009	12	2	1	15
Jumlah	42	17	13	72

Sumber: Pejabat Daerah Mersing, Kluang Dan Segamat

Pejabat daerah yang terlibat memaklumkan pertukaran nama penerima kerap berlaku disebabkan masalah tapak, pemohon berpindah atau meninggal dunia. Pemberian bantuan daripada agensi lain tanpa memaklumpkannya kepada Mesyuarat Focus Group bagi tindakan penyelarasan juga menyebabkan pertukaran nama penerima bantuan terpaksa dilakukan.


Pada pendapat Audit, penyelenggaraan data dan maklumat kemiskinan adalah kurang memuaskan kerana pangkalan data nasional sistem e-Kasih masih belum digunakan sepenuhnya. Selain itu, kelewatan mengemas kini dan mendaftarkan permohonan serta kekerapan pertukaran nama penerima bantuan juga menyebabkan bantuan Program Bantuan Rumah tidak dapat disalurkan dengan segera kepada golongan miskin yang memerlukan.

3.4.6 Tahap Kepuasan Penerima Program Bantuan Rumah

Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada penerima Program Bantuan Rumah untuk mendapatkan maklum balas mengenai tahap kepuasan, rumah yang dibina dan dibaiki selamat dan selesa untuk didiami, tempoh menunggu permohonan diluluskan serta aduan kerosakan. Hasil daripada 338 borang soal selidik yang diedarkan, sebanyak 204 atau 60.4% daripadanya telah dikembalikan. Seramai 129 responden memberikan

maklum balas tahap kepuasan terhadap bantuan yang diterima adalah baik. Seramai 188 atau 92.2% responden memaklumkan bantuan rumah yang diterima adalah selamat untuk didiami manakala seramai 183 atau 89.7% responden berasa selesa mendiami rumah selepas bantuan diberikan. Bagaimanapun, seramai 136 atau 66.7% responden menyatakan tempoh menunggu permohonan mereka diluluskan mengambil masa yang lama iaitu antara enam hingga 24 bulan. Sementara itu, seramai 34 atau 16.7% penerima bantuan memilih mengemukakan aduan kerosakan yang dialami kepada Ketua Kampung dan kontraktor berbanding kepada pejabat daerah sebagai agensi pelaksana. Butiran lanjut adalah seperti di **Carta 3.2**.

Carta 3.2
Tahap Kepuasan Penerima Bantuan Rumah



Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, kepuasan penerima bantuan yang dilaksanakan terhadap aspek keselesaan dan keselamatan adalah baik kecuali proses menunggu permohonan diluluskan mengambil tempoh masa yang lama iaitu melebihi enam bulan.

3.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pelaksanaan Program Bantuan Rumah adalah baik kerana rumah yang dibina dan dibaiki melebihi 97%. Bagaimanapun, bilangan rumah yang dibina atau dibaiki tidak dapat menampung keperluan 124 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar yang masih berada dalam senarai menunggu setakat bulan Februari 2010. Selain itu, kualiti kerja pembinaan dan pembaikan rumah adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerosakan selepas diserahkan serta tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan, penerima bantuan bukan terdiri daripada kumpulan sasaran, permohonan bantuan bina baru diluluskan tanpa dokumen lengkap dan sistem pendaftaran e-Kasih masih belum digunakan sepenuhnya. Namun begitu, dari segi tahap kepuasan, rata-rata penerima bantuan berpuas hati kerana rumah yang dibina dan dibaiki adalah selamat serta selesa untuk didiami. Bagaimanapun, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dan pejabat daerah yang terlibat perlu mengambil perhatian terhadap perkara yang dibangkitkan dan mengambil tindakan penambahbaikan seperti syor berikut:

- a)** Mengkaji semula jumlah peruntukan tahunan Program Bantuan Rumah selaras dengan kenaikan kadar bantuan bina baru dan baik pulih rumah supaya tempoh menunggu bantuan dapat dipercepatkan.
- b)** Pemantauan pelaksanaan kerja di peringkat pejabat daerah dipertingkatkan untuk menjamin kualiti bantuan bina baru dan baik pulih rumah.
- c)** Pejabat daerah perlu memeriksa dengan teliti semua rumah yang dibina dan dibaiki sebelum penyerahan dibuat oleh kontraktor untuk mengenal pasti kerosakan, kecacatan dan kerja tidak mengikut spesifikasi diambil tindakan pembaikan dalam tempoh kecacatan.
- d)** Memastikan maklumat pemohon bantuan yang layak diseragamkan dengan penggunaan sistem e-Kasih sepenuhnya.

4. PROJEK PUSAT INTERNET e-DESA

4.1 LATAR BELAKANG

4.1.1 Projek Pusat Internet e-Desa adalah merupakan projek sosial Kerajaan Negeri Johor. Objektif pembangunan Pusat Internet e-Desa (Pusat e-Desa) adalah untuk merapatkan jurang digital antara penduduk luar bandar dengan bandar. Pusat e-Desa berfungsi sebagai pusat teknologi maklumat bagi tujuan latihan, pusat sumber, penyebaran maklumat, aduan dan rangkaian khidmat kerajaan secara *online*.

4.1.2 Cadangan pembangunan dan penswastaan pengurusan Pusat e-Desa telah dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor (MMK) pada April 2002. Sehubungan itu, perjanjian projek telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan sebuah syarikat teknologi maklumat pada November 2002. Menurut perjanjian, Syarikat dikehendaki membangunkan 40 Pusat e-Desa yang dilengkapi dengan kemudahan komputer, Internet, bilik berhawa dingin, kerusi, meja dan sebagainya dengan kos berjumlah RM48,233 bagi sebuah pusat. Selepas dibangunkan, Syarikat perlu menguruskan pusat berkenaan bagi tempoh enam bulan. Bagi tujuan menampung perbelanjaan pengurusan, Syarikat dibenarkan mengenakan caj kepada pengguna berdasarkan kadar yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Selain itu, perjanjian menetapkan supaya Syarikat membangunkan aplikasi sokongan Pusat e-Desa dalam laman web rasmi Kerajaan Negeri berharga RM45,000. Keseluruhan kos pembangunan Pusat e-Desa adalah berjumlah RM1.97 juta dan dibiayai sepenuhnya melalui balasan daripada projek penswastaan.

4.1.3 Pembangunan 40 Pusat e-Desa dilaksanakan melalui tiga fasa dan siap sepenuhnya pada Januari 2006. Pada peringkat awal, perancangan dan pembangunan Pusat e-Desa adalah di bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ). Pada Oktober 2007, MMK telah memutuskan supaya Pusat e-Desa diletakkan di bawah pengawasan dan penyenggaraan Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor (USTICT). Selain itu, MMK bersetuju supaya satu Jawatankuasa Pemantauan yang dipengerusikan oleh Pengarah UPENJ ditubuhkan bagi memantau Pusat e-Desa. Bagaimanapun, pengurusan Pusat e-Desa menghadapi pelbagai masalah di peringkat pelaksanaan menyebabkan 95% Pusat e-Desa telah ditutup/tidak beroperasi pada akhir tahun 2009.

4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Pusat e-Desa telah diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif pembangunannya.

4.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan terhadap Pusat e-Desa yang dibangunkan secara penswastan bagi tahun 2002 hingga 2009. Semakan Audit telah dijalankan terhadap perjanjian projek, rekod kewangan, fail projek, kertas cadangan, laporan, minit mesyuarat dan sebagainya berhubung perancangan, pembangunan dan pengurusan Pusat e-Desa. Temu bual dengan pegawai dan penduduk juga dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai sesuatu perkara berbangkit. Lawatan Audit telah dijalankan ke 15 Pusat e-Desa iaitu mewakili 37.5% daripada jumlah keseluruhan Pusat e-Desa yang dibangunkan seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Senarai Pusat e-Desa Yang Dilawati Oleh Jabatan Audit Negara

Bil.	Daerah	Nama Pusat e-Desa	Lokasi Pusat e-Desa
1.	Johor Bahru	Kampung Pok	Kompleks Penghulu, Kampung Pok Kecil, Gelang Patah
2.		Felda Ulu Tebrau	Bangunan JKKK, Felda Ulu Tebrau, Ulu Tiram
3.		Kampung Sungai Tiram	Balai Raya Kampung Sungai Tiram, Ulu Tiram
4.		Kampung Sri Jaya	Balai Raya Kampung Sri Jaya, Skudai
5.	Batu Pahat	Sri Medan	Dewan Raya Lama Sri Medan
6.		Kampung Parit Kuda	Balai Raya Kampung Parit Kuda, Semerah
7.		Ayer Hitam	Surau Ar Rahman, Batu 1, Jalan Yong Peng - Ayer Hitam
8.		Kampung Linau Kecil	Balai Raya Kampung Linau Kecil
9.	Muar	Bukit Gambir	Dewan Serba Guna Bukit Gambir
10.		Kampung Temiang	Balai Raya Kampung Temiang, Jalan Salleh
11.		Kampung Kenangan Tun Dr. Ismail 2	Balai Raya Kampung Kenangan Tun Dr. Ismail 2
12.		Bakri	Medan Niaga, Bakri
13.	Kluang	Kampung Bentong	Balai Raya Kampung Bentong
14.		Kampung Tengah	Dewan Orang Ramai Kampung Tengah, Mengkibol
15.		Felda Kahang Timur	Kompleks JKKK, Felda Kahang Timur

Sumber: USTICT

4.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada September hingga Disember 2009 mendapati pada keseluruhannya, tujuan pembangunan Pusat e-Desa adalah gagal dicapai kerana 95% pusat telah ditutup/tidak beroperasi pada akhir tahun 2009. Antara kelemahan yang dikenal pasti ialah aplikasi yang dibangunkan tidak digunakan sepenuhnya, tiada perancangan penggantian komputer, perjanjian pengurusan Pusat e-Desa yang baru tidak ditandatangani, pemilihan lokasi Pusat e-Desa tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan, pemeriksaan fizikal tidak pernah dijalankan terhadap aset Pusat e-Desa, laporan polis tidak dibuat bagi kehilangan 168 unit komputer dan Jawatankuasa Pemantauan tidak ditubuhkan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti di perenggan berikut:

4.4.1 Objektif Pembangunan Pusat e-Desa Tidak Tercapai

Objektif pembangunan Pusat e-Desa adalah untuk merapatkan jurang digital antara penduduk luar bandar dengan bandar. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah membangunkan 40 Pusat e-Desa secara berperingkat di mana fasa pertama melibatkan pembangunan lapan pusat telah dapat disiapkan pada September 2003. Fasa kedua pula yang melibatkan pembangunan 20 pusat telah dapat disiapkan pada Januari 2005 manakala fasa ketiga melibatkan pembangunan 12 pusat telah dapat disiapkan pada Januari 2006. Laporan yang diterima daripada USTICT mendapati **38 Pusat e-Desa atau 95% telah ditutup secara berperingkat mulai tahun 2005 sehingga 2009** seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Pusat e-Desa Yang Ditutup/Tidak Beroperasi Bagi Tahun 2005 Hingga 2009


Bil.	Daerah	Bilangan Pusat e-Desa Yang Dibina	Pusat e-Desa Yang Ditutup/Tidak Beroperasi (Tahun)					Jumlah
			2005	2006	2007	2008	2009	
1.	Johor Bahru	10	3	1	1	1	2	8
2.	Batu Pahat	6	0	1	2	2	1	6
3.	Muar	8	0	2	2	2	2	8
4.	Kluang	4	0	1	2	1	0	4
5.	Segamat	4	0	1	2	1	0	4
6.	Kota Tinggi	3	0	1	1	0	1	3
7.	Pontian	3	0	0	2	1	0	3
8.	Mersing	2	0	1	0	0	1	2
Jumlah		40	3	8	12	8	7	38

Sumber: USTICT

Jadual 4.2 menunjukkan bilangan Pusat e-Desa yang ditutup/tidak beroperasi telah meningkat secara drastik bermula tahun 2006 iaitu setelah fasa terakhir dapat disiapkan. Menurut Kertas Kerja UPENJ yang disediakan untuk MMK pada Ogos 2007, Syarikat telah menghentikan operasi Pusat e-Desa untuk sementara waktu mulai November 2005. Ini kerana Syarikat menghadapi masalah kewangan bagi menampung kos operasi pusat disebabkan oleh bilangan pengunjung yang tidak tetap, kos membaik pulih perkakasan komputer yang tinggi dan kesukaran mendapatkan pekerja. Keadaan ini menyebabkan bilangan Pusat e-Desa yang ditutup/tidak beroperasi telah meningkat secara mendadak kepada 12 pusat pada tahun 2007 berbanding lapan pusat pada tahun 2006 iaitu peningkatan 50%.

Berdasarkan Laporan Pusat e-Desa Negeri Johor tahun 2008 yang disediakan oleh Syarikat, punca utama 31 Pusat e-Desa ditutup/tidak beroperasi adalah seperti di **Carta 4.1**.

Carta 4.1
Punca Utama 31 Pusat e-Desa Ditutup/Tidak Beroperasi



Sumber: Laporan Pusat e-Desa Negeri Johor Tahun 2008 Oleh Syarikat

Carta 4.1 menunjukkan punca Pusat e-Desa ditutup/tidak beroperasi adalah disebabkan oleh tiada penyelia, masalah bangunan, kurang mendapat sambutan, komputer dicuri, komputer rosak dan banjir. Kesannya, ada Pusat e-Desa yang tidak beroperasi telah dijadikan pusat aktiviti masyarakat dan ada yang terbiar kosong. Keadaan Pusat e-Desa yang ditutup/tidak beroperasi adalah seperti di **Foto 4.1** hingga **Foto 4.3**.

Foto 4.1
Pusat e-Desa Telah Dijadikan Pusat Aktiviti Masyarakat



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pusat e-Desa Bakri, Muar
 Tarikh: 17 November 2009

Foto 4.2
Pusat e-Desa Terbiar Kosong



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pusat e-Desa Sri Medan, Batu Pahat
 Tarikh: 18 November 2009

Foto 4.3
Pusat e-Desa Telah Dijadikan Pusat Aktiviti Masyarakat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat e-Desa Kampung Linau Kecil,
Batu Pahat
Tarikh: 18 November 2009

Dua Pusat e-Desa yang masih beroperasi pada akhir tahun 2009 ialah Pusat e-Desa Felda Ulu Tebrau, Johor Bahru yang diuruskan oleh Syarikat dan Pusat e-Desa Kampung Sungai Tiram, Johor Bahru yang diuruskan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) sebagaimana di **Foto 4.4** dan **Foto 4.5**.

Foto 4.4
Pusat e-Desa Yang Masih Beroperasi
Di Bawah Pengurusan Syarikat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat e-Desa Felda Ulu Tebrau,
Johor Bahru
Tarikh: 23 Oktober 2009


Foto 4.5
Pusat e-Desa Yang Masih Beroperasi
Di Bawah Pengurusan JKKK



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat e-Desa Kampung Sungai Tiram,
Johor Bahru
Tarikh: 23 Oktober 2009

Berdasarkan kepada laporan yang dikemukakan oleh USTICT, tempoh 40 Pusat e-Desa beroperasi adalah seperti di **Carta 4.2**.

Carta 4.2
Tempoh Pusat e-Desa Beroperasi



Sumber: USTICT

Carta 4.2 menunjukkan sebanyak tiga Pusat e-Desa atau 7.5% beroperasi kurang setahun, 23 Pusat e-Desa atau 57.5% beroperasi selama satu hingga tiga tahun dan 14 Pusat e-Desa atau 35% beroperasi melebihi tiga tahun.

Kerajaan Negeri telah membangunkan 40 Pusat e-Desa yang dilengkapi 10 unit komputer bagi setiap pusat menjadikan keseluruhannya berjumlah 400 unit komputer. Maklumat yang diperoleh daripada USTICT menunjukkan status komputer di 40 Pusat e-Desa pada Disember 2009 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Status Komputer Di 40 Pusat e-Desa Pada Disember 2009

Bil.	Daerah	Bilangan Pusat e-Desa	Bilangan Komputer Yang Dibekalkan (Unit)	Status Komputer (Unit)			
				Rosak Dan Dipindahkan Ke Stor Pusat USTICT	Boleh Guna		Dicuri/ Tidak Dapat Dikesan
					Masih Berada Di Pusat	Serah Kepada JKKK	
1.	Johor Bahru	10	100	27	36	7	30
2.	Batu Pahat	6	60	19	0	10	31
3.	Muar	8	80	46	0	9	25
4.	Kluang	4	40	6	9	19	6
5.	Segamat	4	40	24	0	0	16
6.	Pontian	3	30	10	0	0	20
7.	Kota Tinggi	3	30	0	10	0	20
8.	Mersing	2	20	0	0	0	20
Jumlah		40	400	132	55	45	168

Sumber: USTICT

Jadual 4.3 menunjukkan sebanyak 132 unit komputer atau 33% telah rosak dan dipindahkan ke Stor Pusat USTICT, 100 unit komputer atau 25% masih boleh digunakan dan berada di Pusat e-Desa/diserahkan kepada JKKK dan 168 unit komputer atau 42% telah dicuri/tidak dapat dikesan.

Perjanjian projek menghendaki Syarikat menyelenggarakan rekod dan akaun yang lengkap dan kemas kini berhubung pengurusan Pusat e-Desa. Berdasarkan Laporan Operasi Pusat e-Desa Ogos 2003 bagi fasa pertama yang disediakan oleh UPENJ untuk dibentangkan dalam MMK, Syarikat telah membangunkan sistem pemantauan masa operasi, bilangan penggunaan dan kutipan wang secara *online*. Bagaimanapun, *Syarikat memaklumkan bahawa sistem berkenaan tidak digunakan lagi selepas tempoh itu*. Oleh itu, Jabatan Audit Negara telah meminta UPENJ untuk mendapatkan rekod dan akaun daripada Syarikat berhubung pengurusan Pusat e-Desa. Syarikat telah mengemukakan laporan kewangan bulanan Pusat e-Desa bagi tempoh tahun 2003 hingga 2006 manakala laporan kewangan bulanan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 masih belum dikemukakan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menilai sejauh mana 40 Pusat e-Desa ini telah dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat kerana laporan penggunaan Pusat e-Desa selepas tahun 2006 tidak dapat dikemukakan.

Pada pendapat Audit, kesinambungan pencapaian objektif pembangunan Pusat e-Desa adalah gagal kerana 38 Pusat e-Desa atau 95% telah ditutup/tidak beroperasi pada akhir tahun 2009. Selain itu, penggunaan komputer di 14 pusat atau 35% tidak dapat dilakukan secara maksimum kerana telah ditutup/tidak beroperasi setelah beroperasi tidak sampai tiga tahun. Di samping itu, sebanyak 132 unit komputer atau 33% telah rosak dan 168 unit komputer atau 42% telah dicuri/tidak dapat dikesan pada akhir tahun 2009.

4.4.2 Pembangunan Aplikasi Sokongan Tidak Digunakan Sepenuhnya

Perjanjian projek menetapkan Syarikat membangunkan aplikasi sokongan Pusat e-Desa di laman web rasmi Kerajaan Negeri iaitu Johordagang dengan kos berjumlah RM15,000, *e-learning* bagi pembelajaran penyenggaraan komputer dengan kos berjumlah RM16,000 dan *e-learning* bagi pembelajaran *Windows 98* dengan kos berjumlah RM14,000. Perjanjian projek menyatakan Johordagang adalah program untuk laman web perdagangan dan direktori usahawan Johor di mana usahawan yang mahu membina laman web Johordagang dikenakan bayaran minimum untuk kos penyenggaraan. Sementara itu, *e-learning* pula adalah pembelajaran penyenggaraan komputer dan *Windows 98* dalam bentuk multimedia. Bayaran bagi pembangunan aplikasi sokongan ini telah dijelaskan sepenuhnya kepada Syarikat pada Oktober 2004. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati portal Johordagang dan *e-learning* tiada di dalam laman web rasmi Kerajaan Negeri.

Menurut USTICT, portal Johordagang telah dikeluarkan daripada laman web rasmi Kerajaan Negeri oleh unit berkenaan semasa proses housekeeping dengan alasan portal berkenaan tidak digunakan dan maklumat di dalamnya tidak dikemaskinikan. Bagaimanapun, tarikh sebenar proses *housekeeping* ini dilakukan masih belum diperoleh daripada USTICT.

Kesannya, berlaku pembaziran kerana aplikasi sokongan yang dibangunkan tidak dapat digunakan secara berterusan kerana telah dikeluarkan daripada laman web rasmi Kerajaan Negeri. *Maklum balas USTICT juga menyatakan bahawa e-learning bagi pembelajaran penyenggaraan komputer dan Windows 98 yang disediakan oleh Syarikat bukan dalam bentuk portal/web tetapi sebaliknya merupakan modul pembelajaran asas mengenai penyenggaraan komputer dan perisian Microsoft Office.*

Pada pendapat Audit, matlamat pembangunan aplikasi sokongan untuk membantu masyarakat luar bandar memasarkan produk mereka secara berterusan tidak tercapai dan perbelanjaan sebanyak RM45,000 adalah suatu pembaziran.

4.4.3 Pelaksanaan Projek

Semua pembangunan projek yang hendak dilaksanakan perlu dirancang dengan teliti bagi memastikan projek dapat berjalan dengan lancar dan seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan.

a) Perancangan Tidak Mengambil Kira Kesyinambungan Projek

Memandangkan objektif Pusat e-Desa ini adalah untuk jangka panjang, perancangan pembangunannya perlu mengambil kira kesyinambungan projek masa hadapan. *Menurut UPENJ, kajian kemungkinan tidak dijalankan kerana masalah kekurangan kakitangan dan masa. Oleh itu, urusan perancangan telah diberikan kepada Syarikat dengan penglibatan minimum UPENJ.* Kesannya, berlaku kelemahan di peringkat perancangan seperti berikut:

- i) Tiada Perancangan Penggantian Komputer** - Semakan Audit mendapati perancangan yang disediakan oleh Syarikat lebih tertumpu kepada pengurusan Pusat e-Desa dan penyenggaraan bagi tempoh enam bulan pertama sahaja. Oleh itu, tiada perancangan dan peruntukan khusus disediakan bagi tujuan penggantian komputer yang usang dan rosak. Kesannya, komputer yang telah usang dan rosak tidak dapat diganti. Selain itu, kemudahan Pusat e-Desa juga perlu dipertingkatkan bagi memastikan ia sentiasa relevan dengan perubahan teknologi dan dapat bersaing dengan siber kafe dan Agensi Kerajaan Persekutuan yang juga melaksanakan program yang hampir sama. Perbezaan kemudahan perkhidmatan Internet yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan adalah seperti di **Foto 4.6** hingga **Foto 4.9**.

Foto 4.6
Pusat e-Desa Yang Dibangunkan
Oleh UPENJ/USTICT



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat e-Desa Felda Ulu Tebrau, Johor Bahru
Tarikh: 12 November 2009

Foto 4.7
Medan Info Desa Yang Dibangunkan Oleh
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan
Wilayah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Info Desa, Kampung Pok, Johor Bahru
Tarikh: 25 November 2009

Foto 4.8
Perpustakaan Desa Sri Medan Yang
Dibangunkan Oleh Kementerian Penerangan,
Komunikasi Dan Kebudayaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perpustakaan Desa Sri Medan, Batu Pahat
Tarikh: 18 November 2009

Foto 4.9
Pusat Internet Desa Sri Medan Yang
Dibangunkan Oleh Kementerian Penerangan,
Komunikasi Dan Kebudayaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Internet Desa Sri Medan, Batu Pahat
Tarikh: 18 November 2009

ii) Pelantikan Pengurusan Pusat e-Desa Lewat Dibuat Dan Perjanjian Baru Tidak Ditandatangani – MMK bertarikh September 2002 telah memutuskan supaya pengurusan dan penyenggaraan Pusat e-Desa diserahkan kepada Syarikat untuk tempoh masa selama enam bulan. Selepas tempoh tersebut, Kerajaan Negeri akan membuat keputusan sama ada pengurusan dan penyenggaraan pusat akan terus diberikan kepada Syarikat atau pihak lain. Bagi tujuan tersebut, satu perjanjian baru hendaklah ditandatangani dengan pihak yang dilantik oleh Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati tempoh masa perjanjian pengurusan Pusat e-Desa ini tamat adalah berbeza-beza mengikut fasa pembangunannya. Bagi fasa pertama, tempoh masa pengurusan pusat tamat pada Mac 2004, fasa kedua pula tamat pada Julai 2005 manakala fasa ketiga tamat pada Julai 2006. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak melantik mana-mana pihak untuk menguruskan Pusat e-Desa selepas tamat tempoh enam bulan bagi setiap fasa di mana pelantikan semula hanya dibuat pada Oktober 2007 bagi satu tempoh yang tidak ditetapkan. Selain itu, perjanjian baru masih belum ditandatangani sehingga akhir tahun 2009. Kegagalan menandatangani perjanjian baru menyebabkan kepentingan Kerajaan Negeri tidak terpelihara sebagaimana berikut:

- Insurans Tanggungan Awam, Kecurian dan Kebakaran tidak diperbaharui selepas tamat tempoh 12 bulan. Oleh itu, semua Pusat e-Desa tidak dilindungi insurans daripada tuntutan pihak ketiga, kemalangan, kebakaran dan kecurian;
- Tiada tindakan boleh diambil sekiranya Syarikat tidak membuat penyenggaraan dan penggantian komponen komputer yang rosak secara berkala; dan
- Tiada tindakan boleh diambil terhadap Syarikat kerana tidak mengemukakan penyata kewangan beraudit dan laporan bulanan kepada UPENJ. Oleh itu, pemantauan terhadap Pusat e-Desa tidak dapat dibuat dengan berkesan.

b) Matlamat Penswastaaan Pengurusan Pusat e-Desa Tidak Tercapai

Pusat e-Desa merupakan projek sosial Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, bagi mengatasi masalah kekurangan kakitangan kerajaan untuk mengendalikan Pusat e-Desa dan menyediakan peruntukan untuk mengurus dan menyenggara pusat, Kerajaan Negeri telah menswastakan pengurusan Pusat e-Desa. Mengikut konsep penswastaaan ini, Kerajaan Negeri akan membiayai perbelanjaan modal bagi membangunkan Pusat e-Desa berjumlah RM1.97 juta manakala syarikat atau pengusaha lain yang dilantik oleh Kerajaan Negeri pula bertanggungjawab untuk mengurus dan menyenggara pusat berkenaan. Bagi tujuan menampung perbelanjaan pengurusan dan penyenggaraan, syarikat atau pengusaha yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dibenarkan mengenakan bayaran kepada orang awam bagi penggunaan komputer dan peralatan mengikut kadar yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Berdasarkan Laporan Projek Pembinaan Pusat e-Desa Di Negeri Johor yang disediakan oleh UPENJ untuk MMK pada September 2007, Syarikat tidak mampu menanggung kos operasi 40 Pusat e-Desa dan mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menampung sebahagian daripada kos operasi tersebut seperti kos talian Internet dan bekalan

elektrik. Laporan itu juga meminta supaya USTICT membuat kajian terperinci berhubung kos pengurusan, operasi dan penyenggaraan semua Pusat e-Desa dan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Johor kaedah untuk menampung sebahagian daripada kos operasi tersebut.

c) Pemilihan Lokasi Tidak Memenuhi Kriteria Yang Ditetapkan

MMK telah menetapkan kriteria pemilihan lokasi Pusat e-Desa seperti berikut:

- i) Keutamaan kepada kawasan kampung di mana jarak dari bandar melebihi 10 kilometer;
- ii) Kepadatan penduduk kawasan sekurang-kurangnya 300 orang;
- iii) Berhampiran dengan sekolah;
- iv) Mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti berpagar; dan
- v) Tempat tumpuan masyarakat seperti balai raya atau kompleks penghulu yang mempunyai kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, talian telefon, elektrik dan tempat letak kenderaan. Tempat-tempat seperti rumah ibadat, bangunan Kerajaan Persekutuan, bangunan individu atau parti politik hendaklah dielakkan.

Pemilihan lokasi untuk fasa pertama adalah berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh setiap Pejabat Daerah dan dipersetujui oleh UPENJ dan Syarikat. Bagaimanapun, MMK pada Ogos 2003 telah bersetuju supaya pemilihan lokasi untuk fasa kedua dan ketiga hendaklah dicadangkan oleh Syarikat dan dipersetujui oleh Ahli Dewan Undangan Negeri sahaja tanpa melalui jawatankuasa yang dilantik bagi memendekkan jangka masa pemilihan. MMK yang sama juga bersetuju supaya kelonggaran pemilihan lokasi diberikan bagi Daerah Johor Bahru memandangkan kesukaran untuk mencari kawasan yang boleh dikategorikan sebagai luar bandar.

Lawatan Audit ke 15 Pusat e-Desa mendapati 14 lokasi pusat yang dibangunkan atau 93.3% tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti berikut:

- i) Enam Pusat e-Desa atau 40% dibina berhampiran bandar iaitu kurang 10 kilometer dari bandar.
- ii) 11 Pusat e-Desa atau 73.3% tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan kerana tidak berpagar atau mempunyai pagar yang tidak sempurna.
- iii) Dua Pusat e-Desa atau 13.3% dibina di kawasan surau dan bangunan milik MARA.

Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Pemilihan Lokasi Pusat e-Desa Tidak Memenuhi Kriteria Yang Ditetapkan

Bil.	Nama Pusat e-Desa	Kriteria Yang Ditetapkan		
		Jarak Melebihi 10 km Daripada Bandar	Mempunyai Pagar Yang Sempurna	Bangunan Milik Kerajaan Negeri
1.	Kampung Pok	✓	X	✓
2.	Felda Ulu Tebrau	✓	X	✓
3.	Kampung Sungai Tiram	✓	X	✓
4.	Kampung Sri Jaya	✓	X	✓
5.	Sri Medan	✓	X	✓
6.	Kampung Parit Kuda	✓	X	✓
7.	Ayer Hitam	X	✓	X
8.	Kampung Linau Kecil	X	✓	✓
9.	Kampung Temiang	✓	X	✓
10.	Kampung Kenangan Tun Dr. Ismail 2	X	✓	✓
11.	Bakri	X	X	X
12.	Kampung Bentong	X	X	✓
13.	Kampung Tengah	X	X	✓
14.	Felda Kahang Timur	✓	X	✓

Sumber: Jabatan Audit Negara

X - Tidak Mematuhi Kriteria

✓ - Mematuhi Kriteria Ditetapkan

Menurut UPENJ, kriteria pemilihan lokasi telah ditetapkan dalam kertas cadangan tetapi di peringkat pelaksanaan timbul isu permintaan oleh pihak tertentu menyebabkan pemilihan lokasi tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, perancangan dan pelaksanaan projek adalah tidak memuaskan kerana program penggantian komputer yang rosak dan usang tidak disediakan, gagal menyediakan perjanjian pengurusan Pusat e-Desa yang baru dan pemilihan lokasi Pusat e-Desa tidak mematuhi sepenuhnya kriteria yang ditetapkan.

4.4.4 Pusat e-Desa Tidak Diurus Dengan Sempurna

Kerajaan Negeri Johor telah menandatangani perjanjian projek dengan Syarikat untuk menguruskan Pusat e-Desa bagi tempoh enam bulan selepas ianya dibangunkan. MMK pada Oktober 2007 pula bersetuju untuk menyambung semula pengurusan dan operasi Pusat e-Desa kepada Syarikat bagi satu tempoh yang tidak ditetapkan. Bagaimanapun, sehingga kini perjanjian yang baru masih belum ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak.

a) Penyerahan Pusat e-Desa Kepada Pengusaha Lain Tanpa Kebenaran Kerajaan Negeri

Maklumat yang diperolehi daripada USTICT menunjukkan 11 Pusat e-Desa atau 27.5% telah diuruskan oleh pengusaha lain yang dilantik oleh Syarikat tanpa kelulusan daripada Kerajaan Negeri. Pusat e-Desa yang terlibat adalah Pusat e-Desa Kampung

Temiang, Kampung Tengah, Kampung Serkat, Kampung Sri Jaya, Kampung Parit Bugis, Kampung Kenangan Tun Dr. Ismail 2, Denai Utama, Kampung Parit Kuda, Kampung Teriang Besar, Kampung Pasir Putih dan Kampung Parit Bakong. Selain itu, JKKK telah mengambil alih pengurusan Pusat e-Desa Kampung Sungai Tiram dan menyerahkannya kepada seorang pengusaha tanpa kelulusan daripada Kerajaan Negeri.

b) Pengurusan Aset Dan Inventori Yang Lemah

Peraturan kerajaan telah menggariskan peraturan berkaitan pengurusan rekod, penggunaan, penyenggaraan dan pelupusan aset milik kerajaan. Seksyen 18, Akta Acara Kewangan 1957 pula menyatakan bahawa tindakan surcaj boleh diambil oleh Suruhanjaya Perkhidmatan tertentu jika didapati sesiapa yang sedang bekerja dengan kerajaan telah bertanggungjawab atau pernah bertanggungjawab bagi sebarang kekurangan atau penghapusan harta benda kerajaan.

i) Daftar Harta Modal Dan Inventori Tidak Diselenggarakan – Mengikut peraturan kerajaan, semua aset alih milik kerajaan perlu direkodkan dalam Daftar Harta Modal atau Daftar Inventori. Lawatan Audit ke 15 Pusat e-Desa mendapati semua perkakasan komputer dan penyaman udara tidak direkodkan dalam Daftar Harta Modal, manakala pencetak, mesin pengimbas, meja komputer, kerusi dan sebagainya tidak direkodkan dalam Daftar Inventori. Sebaliknya, Syarikat telah menyelenggarakan Daftar Inventorinya sendiri pada November 2008 bagi merekodkan semua aset di atas di mana sebelum itu tiada rekod diselenggarakan.

Semakan Audit mendapati Daftar Inventori yang diselenggarakan oleh Syarikat tidak mematuhi format Daftar Harta Modal dan Inventori yang ditetapkan dalam pekeliling. Maklumat seperti nombor siri pendaftaran, kos pembelian, tandatangan pegawai yang diberi tanggungjawab, penempatan, pemeriksaan harta modal dan butir-butir penyenggaraan harta modal tidak dinyatakan dalam daftar berkenaan. Lawatan Audit ke 15 Pusat e-Desa mendapati maklumat nombor siri pembuat dan kuantiti fizikal dalam Daftar Inventori yang diselenggarakan oleh Syarikat bagi 12 Pusat e-Desa tidak dikemaskinikan manakala tiga Pusat e-Desa yang lain telah dikemaskinikan. Maklumat dalam Daftar Inventori yang tidak dikemaskinikan adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Maklumat Dalam Daftar Inventori Yang Tidak Dikemaskinikan Pada 31 Disember 2009

Bil.	Nama Pusat e-Desa	No. Siri Pembuat (Unit Komputer)		Bilangan (Unit Komputer)	
		Ada	Tiada	Rekod	Sebenar
1.	Kampung Sungai Tiram	0	10	10	7
2.	Kampung Sri Jaya	0	10	10	10
3.	Sri Medan	2	8	10	0
4.	Kampung Parit Kuda	7	3	10	5
5.	Ayer Hitam	0	10	10	9
6.	Kampung Linau Kecil	0	10	10	0
7.	Kampung Temiang	0	10	10	8
8.	Kampung Kenangan Tun Dr. Ismail 2	0	10	10	9
9.	Bakri	0	10	10	0
10.	Kampung Bentong	0	10	10	10
11.	Kampung Tengah	0	10	10	10
12.	Felda Kahang Timur	0	10	10	10

Sumber: Daftar Inventori Pusat e-Desa Oleh Syarikat Pada 10 November 2008

- ii) **Daftar Pergerakan Harta Modal Dan Inventori Tidak Diselenggarakan** - Syarikat dan USTICT juga telah memindah masuk dan keluar perkakasan komputer di enam Pusat e-Desa atau 40% daripada 15 yang dilawati tanpa kawalan kerana Daftar Pergerakan Harta Modal Dan Inventori tidak diselenggarakan. Pihak Audit dimaklumkan komputer berkenaan telah dipindahkan ke Pusat e-Desa lain atau Stor Pusat USTICT kerana rosak, Pusat e-Desa tidak mendapat sambutan, tiada penyelia dan sebagainya. Komputer yang telah dipindahkan adalah seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Komputer Yang Telah Dipindahkan Dari Atau ke Pusat e-Desa Lain/Stor Pusat USTICT


Bil.	Nama Pusat e-Desa	Bilangan Komputer Yang Dibekalkan (Unit)	Komputer Dipindahkan Ke Lokasi Lain (Unit)	Komputer Dibawa Masuk Dari Lokasi Lain (Unit)
1.	Kampung Pok	10	7	0
2.	Felda Ulu Tebrau	10	0	23
3.	Kampung Sungai Tiram	10	0	2
4.	Kampung Parit Kuda	10	5	0
5.	Kampung Temiang	10	8	0
6.	Bakri	10	8	0
Jumlah		60	28	25

Sumber: Lawatan Bersama Jabatan Audit Negara, USTICT Dan Syarikat

- iii) **Pelabelan Hak Milik Kerajaan Tidak Dibuat** - Peraturan telah menetapkan supaya semua aset kerajaan hendaklah dilabelkan sebagai "Hak Milik Kerajaan". Pemeriksaan Audit mendapati semua aset di Pusat e-Desa yang dilawati seperti komputer, pencetak, mesin pengimbas, penyaman udara, meja dan kerusi tidak dilabelkan.


- iv) **Pemeriksaan Fizikal Tidak Pernah Dijalankan** - Peraturan telah menetapkan supaya ketua jabatan hendaklah memastikan semua harta modal dan inventori milik kerajaan diperiksa dengan daftar berkenaan oleh satu jawatankuasa yang dilantik mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan pemeriksaan fizikal pernah dijalankan terhadap semua Pusat e-Desa oleh UPENJ atau USTICT kerana laporan pemeriksaan tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit. Bagaimanapun, Syarikat telah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap 40 Pusat e-Desa pada Jun 2008 dan 17 Pusat e-Desa pada November 2009 atas arahan USTICT. Pemeriksaan itu dijalankan bagi membolehkan USTICT mendapatkan maklumat mengenai profil Pusat e-Desa, status setiap Pusat e-Desa yang dibangunkan, masalah yang dihadapi oleh pengurusan pusat, dan kaedah penyelesaiannya. Maklumat ini perlu bagi membolehkan USTICT membuat keputusan dan mengambil tindakan susulan terhadap cadangan dalam laporan tersebut.
- v) **Laporan Kehilangan Tidak Disediakan** - Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan prosedur yang perlu dipatuhi oleh ketua jabatan sekiranya berlaku kehilangan aset kerajaan sama ada dicuri atau tidak dapat dikesan dengan membuat laporan polis seberapa segera. Ketua jabatan dikehendaki menyediakan Laporan Awal dan Laporan Akhir serta mengemukakannya kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk tindakan hapus kira atau mengesyorkan tindakan surcaj/tatatertib kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri. **Maklumat yang dikemukakan oleh USTICT menunjukkan sebanyak 168 unit komputer telah hilang/tidak dapat dikesan pada akhir tahun 2009. Bagaimanapun, laporan polis, Laporan Awal dan Laporan Akhir masih belum dibuat oleh USTICT atau Syarikat sehingga akhir tahun 2009.**
- vi) **Komponen Komputer Telah Dicercaikan** - Semakan Audit mendapati komputer Pusat e-Desa yang rosak telah dipindahkan ke Stor Pusat USTICT. Maklumat USTICT menunjukkan bilangan komputer yang dipindahkan ke stor tersebut berjumlah 132 unit. Lawatan Audit mendapati sebahagian besar komponen dalam CPU komputer berkenaan telah diceraikan seperti di **Foto 4.10** dan **Foto 4.11**. Komponen dalam CPU komputer yang telah diceraikan menyebabkan USTICT sukar untuk mengambil tindakan untuk melupuskan aset berkenaan.

Foto 4.10
Sebahagian Komputer Yang Rosak
Dipindahkan Ke Stor ICT Negeri



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Pusat USTICT, Johor Bahru
Tarikh: 28 Oktober 2009

Foto 4.11
Komponen Dalam CPU Komputer
Yang Telah Dicercaikan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Pusat USTICT, Johor Bahru
Tarikh: 28 Oktober 2009

c) Anak Kunci Pendua Pusat e-Desa Dimiliki Oleh Pihak Lain

Lawatan Audit ke 15 Pusat e-Desa mendapati anak kunci pendua bagi 13 pusat dimiliki oleh pertubuhan masyarakat setempat seperti JKKK atau penduduk kampung selain daripada Syarikat. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada pihak Syarikat telah memberikan anak kunci pendua itu kepada pihak lain atau mereka memilikinya tanpa pengetahuan Syarikat. Ini menyebabkan UPENJ/USTICT sukar menentukan pihak yang bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan komputer dan peralatan di Pusat e-Desa. Senarai pihak yang memegang anak kunci pendua adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Anak Kunci Pendua Pusat e-Desa Dipegang Oleh Pihak Lain Selain Syarikat

Bil.	Pusat e-Desa	Pihak Yang Memegang Anak Kunci Pendua
1.	Kampung Pok	Penghulu
2.	Kampung Sungai Tiram	Pengusaha JKKK
3.	Kampung Sri Jaya	JKKK
4.	Sri Medan	Ketua Kampung
5.	Kampung Parit Kuda	JKKK
6.	Ayer Hitam	Setiausaha Surau
7.	Kampung Linau Kecil	JKKK – Ketua Kampung
8.	Bukit Gambir	Kakitangan Pejabat Wakil Rakyat
9.	Kampung Kenangan Tun Dr. Ismail 2	JKKK
10.	Bakri	Kakitangan Pejabat Wakil Rakyat
11.	Kampung Bentong	JKKK
12.	Kampung Tengah	JKKK
13.	Felda Kahang Timur	JKKK

Sumber: Jabatan Audit Negara

d) Penyata Kewangan Beraudit Untuk Pusat e-Desa Tidak Pernah Dikemukakan

Perjanjian Projek menetapkan Syarikat perlu mengemukakan penyata kewangan beraudit Pusat e-Desa kepada UPENJ/USTICT setiap tahun dan menyelenggarakan rekod berhubung operasi pusat bagi membolehkan prestasi pengurusan Syarikat atau pengusaha dinilai. Semakan Audit mendapati Syarikat masih belum mengemukakan penyata kewangan beraudit tahun 2003 hingga 2008 kepada UPENJ/USTICT pada akhir tahun 2009.

Pada pendapat Audit, Pusat e-Desa tidak diurus dengan sempurna kerana penyerahan Pusat e-Desa kepada pengusaha lain tanpa kebenaran Kerajaan Negeri, pengurusan aset dan inventori yang lemah, anak kunci pendua Pusat e-Desa dimiliki oleh pihak lain serta penyata kewangan beraudit Pusat e-Desa masih belum dikemukakan kepada UPENJ/USTICT.

4.4.5 Dokumen Penyerahan Tugas Antara UPENJ Dengan USTICT Tidak Disediakan

Pada peringkat awal, UPENJ diberi tanggungjawab untuk menguruskan projek Pusat e-Desa. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan pengurusan projek ini dibuat oleh pegawai UPENJ atau jawatankuasa yang dilantik kerana maklumat mengenainya tidak diperoleh dan minit mesyuarat jawatankuasa tidak dikemukakan. Bagaimanapun, MMK pada Oktober 2007 telah memutuskan semua Pusat e-Desa diletakkan di bawah pengawasan USTICT. Pihak Audit mendapati penyerahan tanggungjawab antara UPENJ dengan USTICT tidak dibuat dengan sempurna kerana dokumen penyerahan tugas tidak disediakan menyebabkan sukar untuk menentukan pihak yang bertanggungjawab atas kelemahan dalam pelaksanaan Pusat e-Desa dan kehilangan aset kerajaan.

Pada pendapat Audit, penyerahan tanggungjawab antara UPENJ dengan USTICT adalah tidak memuaskan kerana dokumen penyerahan tugas tidak disediakan.

4.4.6 Jawatankuasa Pemantauan Tidak Ditubuhkan

Pada April 2002, MMK telah bersetuju mewujudkan satu Jawatankuasa Pemantauan yang dipengerusikan oleh Pengarah UPENJ dan dianggotai oleh semua Pegawai Daerah, Pengarah USTICT, Pengurus Minda Rakyat Johor dan seorang Pegawai Tadbir Negeri yang mahir dalam bidang teknologi maklumat. *Maklum balas yang diterima daripada UPENJ menunjukkan jawatankuasa ini belum diwujudkan sehingga kini.* Kesannya, aduan penduduk tidak dapat disalurkan kepada Kerajaan Negeri seperti masalah tunggakan bil elektrik, penutupan operasi Pusat e-Desa tanpa memaklumkan kepada penduduk dan penyalahgunaan Pusat e-Desa dalam aktiviti tidak sihat. Selain itu, pemantauan terhadap prestasi pengurusan Pusat e-Desa juga tidak dapat dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, ketiadaan Jawatankuasa Pemantauan telah menyebabkan masalah pengurusan Pusat e-Desa tidak dapat diselesaikan dengan sewajarnya.

4.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Matlamat pembangunan Pusat e-Desa oleh Kerajaan Negeri adalah baik iaitu untuk merapatkan jurang digital masyarakat luar bandar dengan menyediakan kemudahan perkhidmatan Internet di 40 lokasi yang dikenal pasti. Bagaimanapun, kelemahan pelaksanaan telah menyebabkan projek ini gagal di mana 95% Pusat e-Desa telah ditutup/tidak beroperasi pada akhir tahun 2009. Pelbagai masalah di peringkat pelaksanaan Pusat e-Desa seperti kelewatan pelantikan pihak pengurusan, pengurusan yang tidak cekap, perancangan yang tidak menyeluruh dan kelemahan pemantauan. Kesannya, berlakunya pembaziran dan memberikan imej yang tidak baik kepada Kerajaan Negeri. Maklum balas terkini yang diperoleh pada bulan Mei 2010 menunjukkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor telah memutuskan supaya semua Pusat e-Desa di seluruh Negeri Johor ditutup dan USTICT diberi tanggungjawab untuk melupuskan aset Pusat e-Desa mengikut peraturan yang berkaitan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya USTICT mempertimbangkan syor berikut:

- a)** Menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi memantau dan menyelia proses pelupusan ini bagi memastikan semua peraturan yang berkaitan dipatuhi; dan
- b)** Mengesyorkan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri untuk mengambil tindakan surcaj atau tatatertib terhadap pegawai awam yang didapati cuai di dalam melaksanakan tanggungjawabnya sehingga menyebabkan berlakunya kehilangan, kegagalan dan pembaziran.
- c)** Syarikat Teknologi Maklumat yang menguruskan Pusat e-Desa hendaklah disenaraihitamkan daripada menerima projek Kerajaan Negeri pada masa hadapan.

5. PENGURUSAN PENGENDALIAN KES SYARIAH

5.1 LATAR BELAKANG

5.1.1 Mahkamah Syariah Negeri Johor (Mahkamah Syariah) telah ditubuhkan di bawah Enakmen Mahkamah Syariah 1993. Pentadbiran Mahkamah Syariah adalah di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor (Jabatan) yang diterajui oleh seorang Ketua Hakim Syarie dan dibantu oleh seorang Ketua Pendaftar serta 105 orang kakitangan. Fungsi utama Jabatan ini adalah untuk menerima, mendengar dan memutuskan kes-kes yang dibawa ke mahkamah syariah mengikut hukum syarak dan peruntukan undang-undang bertulis. Objektif Jabatan pula adalah untuk menyegerakan pengendalian kes-kes syariah dengan adil, teratur dan berkesan melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), modal insan yang terlatih, kemudahan dan infrastruktur yang terbaik serta mencukupi.

5.1.2 Mahkamah Syariah terdiri daripada sebuah Mahkamah Rayuan Syariah, dua buah Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) dan 10 buah Mahkamah Rendah Syariah (MRS) pada akhir tahun 2009. Bidang kuasa MTS adalah membicarakan kesalahan kes jenayah yang dilakukan oleh orang Islam seperti persetubuhan luar nikah, khalwat, sumbang mahram, poligami tanpa kebenaran, minum arak dan sebagainya yang hukuman maksimumnya denda melebihi tiga ribu ringgit atau penjara bagi tempoh melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. MTS juga mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding berhubung kes Mal orang Islam berkaitan poligami, pernikahan, perceraian, fasakh, faraq, perihal berkaitan harta, nafkah, wasiat, pewarisan dan sebagainya.

5.1.3 Sepanjang tahun 2007 hingga 2009, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM15.42 juta untuk perbelanjaan mengurus manakala kutipan hasil daripada denda dan hukuman berjumlah RM6.58 juta. Perbelanjaan dan hasil Jabatan adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Perbelanjaan Mengurus Dan Hasil Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Perbelanjaan Mengurus (RM Juta)	Kutipan Denda Dan Hukuman (RM Juta)
2007	4.82	2.23
2008	5.37	2.41
2009	5.23	1.94
Jumlah	15.42	6.58

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

5.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengendalian kes syariah telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan.

5.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan terhadap pengurusan pengendalian kes syariah Mal dan Jenayah di MTS Johor Bahru dan Muar bagi tahun 2007 hingga 2009. Dokumen berkaitan bagi tahun sebelumnya juga disemak mengikut keperluan. Pengauditan dijalankan dengan membuat semakan dan analisis terhadap data dan maklumat yang terkandung dalam laporan, minit mesyuarat, rekod, fail dan dokumen berkaitan dengan pengendalian kes syariah. Temu bual dengan pegawai dan kakitangan Jabatan juga dilakukan. Sebanyak 200 borang soal selidik telah diedarkan kepada orang awam yang berurusan dengan Jabatan untuk menilai kualiti perkhidmatan pengurusan pengendalian kes. Sampel pengauditan adalah terdiri daripada 50 fail kes yang telah ditutup dalam tahun 2009 dan 100 fail yang didaftarkan bagi tahun 1997 hingga 2005 yang masih tertangguh di MTS Johor Bahru dan Muar.

5.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara September hingga Disember 2009 mendapati pada keseluruhannya, pengendalian kes syariah di Negeri Johor adalah tidak memuaskan di mana prestasi penyelesaian kes adalah di bawah 40% daripada jumlah kes yang belum selesai. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah kekosongan jawatan hakim MTS dan lain-lain jawatan antara 20% hingga 61.9% masih belum diisi, sebanyak 12.1% kes yang didaftarkan lewat disebut di mahkamah, alasan penghakiman bagi 995 kes Mal masih belum dikemaskinikan dalam e-Syariah, sebanyak 61% waran tangkap tidak dikeluarkan kepada Orang Kena Tuduh dan seramai 51.4% responden tidak berpuas hati dengan tempoh menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti perenggan berikut:

5.4.1 Prestasi Penyelesaian Kes

Prestasi penyelesaian kes diukur dari sudut peratusan kes yang dapat diselesaikan dan kes lama yang belum selesai.

a) Bilangan Kes Belum Selesai Meningkat Setiap Tahun

Mengikut manual pengguna e-Syariah, kes dianggap selesai sebaik sahaja maklumat alasan penghakiman dikemaskinikan. Bagaimanapun, Jabatan memaklumkan maklumat alasan penghakiman masih belum dikemaskinikan menyebabkan statistik kes belum selesai dalam e-Syariah tidak tepat. Oleh itu, Jabatan telah menyelenggarakan statistik kes belum selesai secara manual mulai tahun 2008. Pengiraan bilangan kes belum selesai secara manual diperoleh dengan menolak bilangan kes yang didaftarkan dalam

e-Syariah dengan pengiraan secara manual bilangan kes yang telah diselesaikan dalam tahun berkenaan. Semakan Audit terhadap rekod kes belum selesai yang di selenggara secara manual mendapati bilangan kes Mal dan Jenayah yang didaftarkan di MTS Johor Bahru dan Muar telah meningkat sebanyak 79.1% iaitu sebanyak 2,051 kes didaftarkan pada tahun 2008 meningkat kepada 3,674 kes pada tahun 2009. Bagaimanapun, **bilangan kes yang dapat diselesaikan adalah antara 34.4% hingga 39.8%**. Pihak Audit tidak dapat membuat perbandingan terhadap penyelesaian kes bagi tahun 2007 kerana statistik tahun berkenaan tidak diperolehi. Butiran lanjut kes yang didaftarkan dan bilangan kes yang dapat diselesaikan pada tahun 2008 dan 2009 adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Prestasi Penyelesaian Kes Mal Dan Jenayah Mahkamah Tinggi Syariah
Johor Bahru Dan Muar Pada Tahun 2008 Dan 2009

Tahun	Bil. Kes Belum Selesai Tahun Sebelum	Kes Didaftarkan Tahun Semasa	Jumlah Kes	Kes Selesai	
				Jumlah Kes	(%)
2008	544	2,051	2,595	1,033	39.8
2009	1,562	3,674	5,236	1,802	34.4

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor (rekod manual)

Jadual 5.2 menunjukkan Jabatan dapat menyelesaikan sebanyak 1,033 kes atau 39.8% daripada 2,595 kes belum selesai pada tahun 2008. Pada tahun 2009, sebanyak 1,802 kes atau 34.4% daripada 5,236 kes telah dapat diselesaikan. Walaupun bilangan kes yang dapat diselesaikan menunjukkan peningkatan sebanyak 74.4% kepada 1,802 kes pada tahun 2009 berbanding tahun 2008, peratusan kes yang dapat diselesaikan merosot sebanyak 5.4%. Ini disebabkan bilangan kes yang belum selesai tahun sebelumnya meningkat sebanyak 187.1% dan kes yang didaftarkan pada tahun semasa juga meningkat sebanyak 79.1%. Semakan Audit terhadap 50 sampel kes yang diselesaikan pada tahun 2009 mendapati tempoh masa yang diambil untuk menyelesaikan kes adalah antara dua hingga 936 hari. Analisis terhadap tempoh masa kes diselesaikan pada tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Tempoh Masa Penyelesaian Kes Tahun 2009

Bil.	Jenis Kes	Tempoh Masa Penyelesaian					
		2-60 (Hari)	61-180 (Hari)	181-360 (Hari)	361-540 (Hari)	541-720 (Hari)	721-936 (Hari)
1.	Jenayah	5	6	3	0	1	0
2.	Mal	8	1	7	4	8	7
Jumlah		13	7	10	4	9	7

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

Penyumbang utama kepada masalah di atas adalah disebabkan oleh faktor dalaman dan luaran seperti berikut:

i) Faktor Dalaman

- **Kekosongan Jawatan Tidak Diisi** - Jabatan ini menghadapi masalah kekosongan jawatan yang tidak diisi menyebabkan kes yang didaftarkan lewat

diselesaikan. Berdasarkan kepada jumlah perjawatan yang telah diisi pada tahun 2008 dan 2009, nisbah hakim berbanding bilangan kes yang didaftarkan pada tahun 2008 adalah 1:513 meningkat kepada 1:1,225 pada tahun 2009. Perbandingan beban kerja hakim berbanding bilangan kes yang didaftarkan pada tahun 2008 dan 2009 adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Nisbah Bilangan Kes Mal Dan Jenayah Berbanding Bilangan Hakim
Bagi Tahun 2008 Dan 2009

Tahun	Bilangan Hakim			Bil. Kes Didaftarkan	Nisbah Hakim Berbanding Kes Yang Didaftarkan
	Lulus	Isi	Kosong		
2008	5	4	1	2,051	1:513
2009	6	3	3	3,674	1:1,225

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

Menurut Jabatan, dua orang hakim MRS dan seorang Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Johor telah mendapat perkenan daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor untuk dilantik dan ditauliahkan sebagai hakim MTS pada Februari 2010. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (BPSM) juga telah mengesahkan kenaikan pangkat pegawai berkenaan mulai Januari 2010.

Selain itu, kekosongan jawatan bagi kakitangan sokongan di pelbagai peringkat pengurusan di kedua-dua MTS adalah antara 47.6% hingga 61.9% pada tahun 2007 hingga 2009. Bilangan perjawatan yang diluluskan dan diisi pada tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5
Perjawatan Kakitangan Sokongan Yang Diluluskan Dan Pengisiannya
Pada Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Nama Dan Gred Perjawatan	2007			2008			2009		
		Lulus	Isi	Kosong	Lulus	Isi	Kosong	Lulus	Isi	Kosong
1.	Pegawai Penyelidik (LS 41)	2	0	2	2	0	2	2	0	2
2.	Pegawai Sulh (LS 41)	2	1	1	2	1	1	2	1	1
3.	Penolong Pegawai Syariah (LS 32)	2	0	2	2	0	2	2	0	2
4.	Penolong Pegawai Tadbir (N 27)	0	0	0	0	0	0	2	1	1
5.	Pembantu Tadbir (W 22)	1	0	1	1	1	0	2	2	0
6.	Pembantu Syariah (LS 22)	2	0	2	2	0	2	2	0	2
7.	Pembantu Syariah (LS 17)	3	3	0	3	3	0	3	3	0
8.	Juru Bahasa (L 17)	2	0	2	2	2	0	2	2	0
9.	Pembantu Tadbir (N 17)	0	0	0	0	0	0	2	0	2
10.	Penghantar Notis (N 12)	2	0	2	2	0	2	2	1	1

Bil.	Nama Dan Gred Perjawatan	2007			2008			2009		
		Lulus	Isi	Kosong	Lulus	Isi	Kosong	Lulus	Isi	Kosong
11.	Pembantu Tadbir (Bailif) (N 11)	2	2	0	2	2	0	2	2	0
12.	Pembantu Am Pejabat (N 1)	1	0	1	1	0	1	2	1	1
13.	Pemandu (R 3)	2	2	0	2	2	0	2	2	0
Jumlah		21	8	13	21	11	10	27	15	12

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

Menurut Jabatan, surat permohonan telah dikemukakan kepada BPSM untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut sejak tahun 2007 hingga 2009. Namun begitu, kekosongan jawatan masih belum diisi sepenuhnya sehingga tarikh pengauditan. BPSM pula memaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor (SPAJ) telah selesai menjalankan temu duga jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS27 pada April 2010 dan BPSM akan mengeluarkan surat tawaran jawatan kepada calon yang berjaya pada Mei 2010. Temu duga bagi jawatan-jawatan lain pula masih belum dilaksanakan sehingga 30 April 2010.

- **Tiada Keutamaan Untuk Menyelesaikan Kes Lama Yang Belum Selesai** - Jabatan tidak menetapkan sebarang had masa bagi sesuatu kes itu patut diselesaikan atau diberi keutamaan untuk diselesaikan dengan segera. Semakan Audit terhadap 100 sampel fail kes yang didaftarkan antara tahun 1997 hingga 2005 tetapi belum selesai sehingga Disember 2009 mendapati 36 atau 36% fail kes menunjukkan tarikh perbicaraan terakhir adalah pada tahun 2001 hingga 2005. Sebanyak 24 fail kes gagal dibicarakan kerana Orang Kena Tuduh (OKT)/defendan tidak dapat dikesan dan pihak pendakwa/mahkamah masih belum mengambil tindakan untuk menjadualkan semula tarikh perbicaraan yang baru atau menutup fail kes.

Berdasarkan petikan akhbar Berita Harian bertarikh 16 Februari 2010, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) supaya semua kes syariah harus diselesaikan dalam tempoh 180 hari mulai tahun 2010. Keratan akhbar yang berkenaan adalah seperti di **Foto 5.1**.

Foto 5.1
Kenyataan Akhbar Mengenai KPI Penyelesaian Kes Syariah



Beliau berkata, bermula tahun ini, semua kes syariah harus diselesaikan dalam tempoh 180 hari berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan.

Sumber: Berita Harian
Tarikh: 16 Februari 2010

- ii) **Faktor Luaran** - Selain daripada faktor dalaman, terdapat juga faktor luaran yang menyebabkan kes lewat diselesaikan. Semakan Audit terhadap sampel 100 fail kes Jenayah dan Mal yang didaftarkan antara tahun 1997 hingga 2005 tetapi masih belum selesai sehingga Disember 2009 mendapati 76 fail kes atau 76% ditangguhkan adalah disebabkan oleh faktor luaran seperti di **Jadual 5.6**.

Jadual 5.6
Punca Kes Yang Tertangguh Bagi MTS Johor Bahru Dan Muar
Antara Tahun 1997 Hingga 2005

Bil.	MTS	OKT/Defendan Tidak Hadir/Minta Tangguh	Saman Tidak Dapat Disampaikan	Pendakwa/Peguam Menangguhkan/ Tidak Hadir/Tarik Diri	Perlu Maklumat Lain Agensi	Jumlah Fail Kes
1.	Johor Bahru	38	15	3	5	61
2.	Muar	10	4	1	0	15
Jumlah		48	19	4	5	76
Peratus (%)		63.1	25	5.3	6.6	100

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

Jadual 5.6 menunjukkan 63.1% kes perbicaraan ditangguhkan kerana OKT/defendan tidak hadir atau minta tangguh dan 25% disebabkan saman gagal disampaikan kepada OKT/defendan kerana tidak mempunyai alamat terkini atau tiada alamat tetap.

b) Usia Kes Yang Masih Belum Selesai

Objektif Jabatan adalah untuk menyegerakan pengendalian kes-kes syariah dengan adil, teratur dan berkesan. Bagaimanapun, maklumat yang diperoleh daripada Jabatan

mendapati kes Jenayah dan Mal yang belum selesai pada akhir tahun 2009 berdasarkan laporan e-Syariah adalah seperti di **Jadual 5.7**.

Jadual 5.7
Statistik Kes Jenayah Dan Mal Belum Selesai Pada 31 Disember 2009

Bil.	MTS	Jenis Kes	Bilangan Kes Belum Selesai Mengikut Usia (Tahun)					Jumlah Kes
			<1	1 - 3	4 - 6	7 - 9	>10	
1.	Johor Bahru	Jenayah	230	199	764	185	20	1,398
		Mal	173	239	174	34	21	641
2.	Muar	Jenayah	288	715	303	5	0	1,311
		Mal	0	150	7	0	0	157
Jumlah			691	1,303	1,248	224	41	3,507

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

Jadual 5.7 menunjukkan 41 kes Jenayah dan Mal yang masih belum selesai di MTS Johor Bahru melebihi 10 tahun. Selain itu, sejumlah 938 kes Jenayah dan Mal di MTS Johor Bahru yang belum diselesaikan antara 4 hingga 6 tahun. Bagi MTS Muar pula, sejumlah 865 kes Jenayah dan Mal yang belum selesai antara 1 hingga 3 tahun.

Pada pendapat Audit, prestasi penyelesaian kes di MTS adalah tidak memuaskan kerana peratus kes yang dapat diselesaikan kurang daripada 40%. Ini disebabkan kekosongan jawatan hakim MTS tidak diisi sejak tahun 2008 dan kakitangan sokongan sejak tahun 2006. Jabatan juga tidak menetapkan sebarang had masa sesuatu kes itu patut diselesaikan atau diberi keutamaan untuk diselesaikan. Selain itu, sebanyak 63.1% kes ditangguhkan kerana Orang Kena Tuduh/defendan tidak hadir atau minta tangguh. Kesannya, terdapat 41 kes belum selesai melebihi 10 tahun.

5.4.2 Pengurusan Pengendalian Kes

Proses kerja bagi kes Jenayah bermula daripada pendaftaran, sebutan, perbicaraan, keputusan kes dan tindakan hukuman sama ada denda ataupun penjara. Kes Mal pula bermula daripada pendaftaran sama ada kes tuntutan ataupun permohonan, sebutan, penghakiman kes dan pengeluaran perintah.

a) Kes Yang Didaftarkan Belum/Lewat Disebut

Piagam Pelanggan Jabatan telah menetapkan supaya semua kes hendaklah disebut/dibicarakan di mahkamah dalam tempoh 21 hari dari tarikh kes didaftarkan. Analisis Audit terhadap Statistik Kes Jenayah dan Mal (kecuali faraid) yang dikeluarkan daripada e-Syariah bagi MTS Johor Bahru dan Muar mendapati sebanyak 2,046 kes yang didaftarkan pada tahun 2007 hingga 2009 telah disebut/dibicarakan di mahkamah melebihi tempoh 21 hari daripada tarikh kes didaftarkan. Bilangan kes yang disebut melebihi 21 hari di MTS Johor Bahru adalah seperti di **Jadual 5.8**.

Jadual 5.8
Bilangan Kes Yang Disebut Melebihi Tempoh 21 Hari
Di MTS Johor Bahru Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Tempoh Kelewatan (Hari)	Bilangan Kes Jenayah			Bilangan Kes Mal			Jumlah Kes
		2007	2008	2009	2007	2008	2009	
1.	22 - 60	124	233	248	82	149	163	999
2.	61 - 180	47	45	0	69	16	2	179
3.	181 - 360	0	0	0	0	0	0	0
4.	361 - 720	0	0	0	2	0	0	2
Jumlah		171	278	248	153	165	165	1,180

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor (e-Syariah)

Mengikut laporan e-Syariah, sebanyak 2,091 kes didaftarkan di MTS Johor Bahru pada tahun 2007, sebanyak 3,077 kes pada tahun 2008 dan 3,717 kes pada tahun 2009. **Jadual 5.8** menunjukkan sebanyak 1,180 kes atau 13.3% daripada 8,885 kes yang didaftarkan di MTS Johor Bahru telah disebut/dibicarakan melebihi 21 hari bagi tahun 2007 hingga 2009. Daripada jumlah tersebut, terdapat dua kes Mal yang disebut melebihi 361 hari. Bilangan kes yang disebut melebihi 21 hari di MTS Muar pula adalah seperti di **Jadual 5.9**.

Jadual 5.9
Bilangan Kes Yang Disebut Melebihi Tempoh 21 Hari
Di MTS Muar Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Tempoh Kelewatan (Hari)	Bilangan Kes Jenayah			Bilangan Kes Mal			Jumlah Kes
		2007	2008	2009	2007	2008	2009	
1.	22 - 60	4	2	26	72	20	231	355
2.	61 - 180	18	8	10	84	18	135	273
3.	181 - 360	8	7	2	63	18	22	120
4.	361 - 720	4	0	0	86	15	0	105
5.	721 - 859	0	0	0	13	0	0	13
Jumlah		34	17	38	318	71	388	866

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor (e-Syariah)

Mengikut laporan e-Syariah, sebanyak 2,052 kes didaftarkan di MTS Muar pada tahun 2007, sebanyak 2,877 kes pada tahun 2008 dan 3,062 kes pada tahun 2009. **Jadual 5.9** menunjukkan sebanyak 866 kes atau 10.84% daripada 7,991 kes yang didaftarkan di MTS Muar telah disebut/dibicarakan melebihi 21 hari bagi tahun 2007 hingga 2009. Daripada jumlah tersebut, terdapat 118 kes Mal dan Jenayah yang disebut melebihi 361 hari.

b) Maklumat Perbicaraan Tiada Dalam Fail

Semua dokumen dan rekod berkaitan sesuatu kes perlu disimpan dalam fail kes bagi memudahkan rujukan dan semakan. Antara dokumen dan rekod yang berkaitan adalah kertas pertuduhan, saman, notis perbicaraan, pemberitahuan penangguhan, perintah hukuman, keputusan penghakiman, alasan penghakiman, perintah dan sebagainya. Semakan Audit terhadap 100 fail kes Jenayah dan Mal tahun 1997 hingga 2005 yang masih belum selesai mendapati sebanyak 19 fail kes atau 19% yang didaftarkan di MTS Johor Bahru tidak mengandungi maklumat sama ada perbicaraan telah atau belum

dijalankan sejak kes berkenaan didaftarkan. Daripada jumlah kes tersebut, 17 fail adalah melibatkan kes Jenayah yang didaftarkan pada tahun 1999 hingga 2000 manakala dua fail lagi melibatkan kes Mal yang didaftarkan pada tahun 2002 dan 2004.

c) Waran Tangkap Tidak Dikeluarkan Atau Gagal Disampaikan Kepada Orang Kena Tuduh

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Johor menyatakan apabila mana-mana orang yang terikat dengan mana-mana bon untuk hadir ke mahkamah tetapi tidak berbuat demikian, maka mahkamah boleh mengeluarkan waran mengarahkan supaya orang itu ditangkap. Mengikut Fasal 38(b), mahkamah boleh mengeluarkan waran tangkap setelah berpuas hati bahawa saman telah disampaikan tetapi OKT gagal menghadirkan diri semasa perbicaraan tanpa alasan munasabah.

Semakan Audit terhadap 79 fail kes Jenayah bagi tahun 1997 hingga 2005 di MTS Johor Bahru dan Muar mendapati sebanyak 41 saman atau 51.9% telah berjaya disampaikan tetapi OKT gagal menghadirkan diri untuk perbicaraan. Daripada jumlah tersebut, lima waran tangkap atau 12.2% telah dikeluarkan, 25 kes atau 61% waran tangkap tidak dikeluarkan manakala 11 kes atau 26.8% ditangguhkan atas permohonan OKT. Bagaimanapun, semua waran tangkap yang dikeluarkan tidak dapat disempurnakan kerana OKT tidak dapat dikesan. Kegagalan mahkamah mengeluarkan waran tangkap terhadap 25 kes berkenaan boleh menimbulkan persepsi negatif orang awam terhadap Jabatan.

Pada pendapat Audit, berlaku kelemahan dalam pengurusan pengendalian kes di MTS yang menyebabkan Jabatan belum dapat mencapai sasaran yang ditetapkan di dalam piagam pelanggan, maklumat perbicaraan tiada di dalam fail kes dan waran tangkap tidak dikeluarkan.

5.4.3 Pengurusan Rekod Dan Data

Segala maklumat dan rekod perbicaraan hendaklah disimpan dalam fail kes untuk rujukan dari semasa ke semasa. Selain itu, mulai tahun 2004 Jabatan telah menggunakan e-Syariah yang mengintegrasikan semua proses dalam pengendalian kes mahkamah syariah.

a) Rekod Di Dalam e-Syariah Tidak Dikemaskinikan

Bagi meningkatkan kecekapan sistem pengurusan dan pentadbiran institusi kehakiman Islam di negara ini melalui gerbang teknologi maklumat, kerajaan telah melancarkan e-Syariah pada tahun 2002. Modul-modul dalam e-Syariah terdiri daripada Pendaftaran Kes, Proses Perbicaraan, Proses Penghakiman, Majlis Sulh, Penghantar Notis, Bailif, Pengiraan Faraid, Sistem Kutipan, Carian dan Laporan, Kalendar Mahkamah serta Senarai Kes Selesai.

i) Alasan Penghakiman Tidak Dikemaskinikan - Salah satu sub modul dalam proses penghakiman adalah rekod penghakiman yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu

rekod perbicaraan, perintah dan alasan penghakiman. Bagi tujuan kawalan, semua maklumat alasan penghakiman perlu dikemaskinikan oleh hakim yang berkenaan dalam e-Syariah. Semakan Audit mendapati alasan penghakiman bagi 995 kes Mal di MTS Johor Bahru yang telah selesai pada tahun 2009 masih belum dikemaskinikan dalam e-Syariah sehingga Disember 2009. Pihak Audit dimaklumkan maklumat ini tidak dapat dikemaskinikan oleh hakim berkenaan kerana kesuntukan masa disebabkan sebahagian besar masa dihabiskan untuk urusan perbicaraan. Selain itu, tarikh alasan penghakiman yang dimasukkan dalam e-Syariah boleh di *back dated* menyebabkan statistik kes selesai e-Syariah sentiasa berubah-ubah.

Kelewatan mengemaskinikan maklumat alasan penghakiman menyebabkan Laporan Statistik Kes dalam e-Syariah tidak tepat. Kesannya, beban kerja kakitangan bertambah kerana perlu menyediakan Laporan Statistik Kes secara manual dan wujud perbezaan antara kedua-dua laporan. Perbezaan Laporan Statistik Kes e-Syariah dengan laporan yang disediakan secara manual adalah seperti di **Jadual 5.10**. Keadaan ini menunjukkan matlamat JKSM untuk mewujudkan sistem yang membolehkan pengguna memperoleh maklumat di hujung jari gagal dicapai.

Jadual 5.10
Perbezaan Laporan Statistik Kes e-Syariah Dengan Secara Manual

Tahun	Statistik Kes e-Syariah		Statistik Kes Secara Manual	
	Jumlah Kes Berdaftar	Jumlah Kes Selesai	Jumlah Kes Berdaftar	Jumlah Kes Selesai
2007	4,143	947	Tiada data	Tiada data
2008	5,954	1,703	2,595	1,033
2009	7,042	1,461	5,236	1,802

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

Pihak Jabatan memaklumkan bahawa tindakan telah diambil setelah menerima teguran daripada pihak Audit untuk mengemaskinikan maklumat alasan penghakiman bagi 995 kes Mal di MTS Johor Bahru dalam e-Syariah.

- ii) **Rekod Bayaran Tidak Dapat Dipaparkan** - Rekod Bayaran adalah merupakan sub modul kepada Sistem Kutipan dalam e-Syariah untuk merekodkan transaksi kutipan bayaran denda dan deposit di mahkamah syariah. Modul ini boleh memaparkan setiap transaksi bayaran yang diterima secara terperinci bagi memudahkan semakan dan rujukan. Pihak Audit mendapati modul ini menghadapi masalah untuk memaparkan setiap transaksi bayaran denda dan deposit bagi kes Mal di MTS Johor Bahru sekiranya pada hari berkenaan terdapat transaksi bayaran bagi kes Mal dan Jenayah. Modul berkenaan hanya memaparkan jumlah besar bayaran denda kes Mal untuk hari berkenaan tidak sebagaimana transaksi bayaran kes Jenayah dapat dipaparkan secara terperinci. Sehubungan itu, transaksi bayaran secara manual terpaksa dibuat untuk hari berkenaan. *Jabatan memaklumkan bahawa JKSM sedang membangunkan e-Syariah versi II dan berharap masalah di atas dapat diselesaikan apabila sistem baru ini dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun 2011.*

b) Kawalan Fizikal Dan Persekitaran Bilik Server

Bilik server yang menempatkan sistem rangkaian pangkalan data e-Syariah perlu dilengkapi dengan ciri-ciri kawalan fizikal dan persekitaran bagi memastikan e-Syariah dapat beroperasi secara terkawal dan lancar. Perkara yang perlu diberi perhatian antaranya ialah kawalan akses, kawalan keselamatan dan kebersihan. Lawatan Audit ke bilik server di MTS Johor Bahru mendapati pintu bilik server berkunci tetapi Daftar Keluar Masuk ke bilik server tidak diselenggarakan. Selain itu, kebersihan bilik server kurang diberi perhatian di mana sistem pendawaian tidak dikemaskan dan barang-barang seperti kertas terpakai, papan kenyataan dan sebagainya disimpan di dalam bilik berkenaan. Lawatan Audit ke bilik kawalan suis di MTS Muar pula mendapati sistem pendawaian tidak dikemaskan dan barang-barang seperti kotak, tangga dan alat pembersih hampa gas disimpan di bilik berkenaan. Keadaan tersebut berlaku disebabkan oleh ruang pejabat MTS Muar yang terlalu sempit kerana menumpang di bangunan Pejabat Agama Daerah Muar. Keadaan bilik suis di MTS Muar adalah seperti di **Foto 5.2** dan **Foto 5.3**.

Foto 5.2
Bilik Suis Berada Dalam Bilik Penolong Pendaftar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mahkamah Syariah Muar
Tarikh: 29 Disember 2009

Foto 5.3
Kotak, Tangga Dan Alat Pembersih Hampa Gas Berada Dalam Bilik Suis



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mahkamah Syariah Muar
Tarikh: 29 Disember 2009

Jabatan memaklumkan bahawa tindakan pembaikan telah dijalankan setelah menerima teguran Audit dengan menambah bilangan port elektrik di bilik server supaya bilik berkenaan lebih kemas dan selamat pada Februari 2010.

c) Backup Data Tidak Disimpan Di Bangunan Berasingan

Mengikut Pelan Pemulihan Bencana, *backup* data hendaklah dibuat secara berkala dan disimpan di bangunan lain bagi memastikan keselamatan data sekiranya berlaku bencana seperti kebakaran dan bencana alam. Pihak Audit dimaklumkan *backup* data e-Syariah dibuat secara manual tiga hari sekali dengan menggunakan *tape*. Bagaimanapun, *tape* berkenaan disimpan di tingkat dan bangunan yang sama dengan bilik server. *Jabatan memaklumkan tindakan akan diambil untuk menyimpan backup*

data e-Syariah di JKSM dan Pejabat Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor selepas menerima teguran Audit.

d) Rekod Deposit Mahkamah Tidak Teratur

- i) Buku Akaun Utama Deposit** - Maklumat yang diperolehi daripada Jabatan menunjukkan baki akaun deposit MTS Johor Bahru berjumlah RM750,800 pada 31 Disember 2008. Semakan Audit mendapati buku Akaun Utama Deposit tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Buku tersebut hanya disediakan mulai tahun 2006 dan tiada rekod tahun sebelumnya. Selain itu, tidak semua baki individu/subsidiari dicatatkan dalam buku tersebut, akaun tidak disemak dan disahkan oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang diberi kuasa. Buku Akaun Utama Deposit yang tidak kemas kini menyebabkan Penyata Penyesuaian Deposit pada 31 Disember 2008 tidak menunjukkan jumlah sebenar. *Menurut Jabatan, rekod deposit mahkamah syariah yang tidak teratur dan lengkap berlaku sejak awal penubuhannya. Bagaimanapun, Jabatan akan berusaha supaya rekod berkenaan dapat disediakan dengan lengkap dan kemas kini.*
- ii) Senarai Baki Individu** - Semakan Audit mendapati senarai baki individu deposit MTS Johor Bahru disediakan bermula tahun 2003 manakala senarai individu bagi tahun sebelumnya tidak disediakan. Oleh itu, senarai baki individu deposit MTS Johor Bahru tidak menunjukkan jumlah sebenar. Sebagai contoh, semakan Audit terhadap 100 fail kes tahun 1997 hingga 2005 yang masih belum selesai mendapati sembilan kes belum selesai dengan wang jaminan deposit berjumlah RM25,900 tidak disenaraikan dalam baki individu deposit pada 31 Disember 2008. Butiran lanjut akaun deposit yang berkaitan adalah seperti di **Jadual 5.11**.

Jadual 5.11
Wang Deposit Yang Tidak Disenaraikan Dalam Baki Individu
MTS Johor Bahru Pada 31 Disember 2008

Bil.	Nombor Fail	Jumlah Deposit (RM)
1.	2/99	1,500 1,500
2.	74/99	1,500 1,500
3.	52/99 (J/ JB 545/99)	1,500
4.	60/99 (J/ KT 58/99)	2,500 2,500
5.	101/99 (0110-114-01/99)	700 700
6.	109/99 (J/ JB 546/99)	1,000 1,000
7.	94/99 (J/ JB 666/99)	3,000
8.	34/99 (J/ JB 459/99)	3,000 3,000
9.	110/99 (J/ JB 691/99)	1,000
Jumlah		25,900

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

Pada pendapat Audit, matlamat pembangunan e-Syariah tidak tercapai disebabkan masalah maklumat tidak dikemaskinikan dan keselamatan data tidak diberi perhatian. Selain itu, Jabatan tidak menyelenggarakan Rekod Akaun Deposit dengan lengkap dan kemas kini.

5.4.4 Pengawasan Bangunan Melalui CCTV Tidak Digunakan Sepenuhnya

Bangunan Ibu Pejabat Jabatan telah dilengkapi kamera litar tertutup (CCTV) bagi memastikan keselamatan kakitangan, bangunan, dokumen dan aset kerajaan terjamin. Lawatan Audit ke bangunan tersebut mendapati tiada pengawal keselamatan ditempatkan di bilik kawalan dan tiada bukti menunjukkan aktiviti di bangunan tersebut telah dirakamkan. Ini menunjukkan Jabatan tidak menggunakan CCTV sepenuhnya untuk memantau keselamatan bangunan. Lawatan Audit ke MTS Muar pula mendapati bangunan ini tidak dilengkapi CCTV. Keadaan bilik CCTV di bangunan Jabatan adalah seperti di **Foto 5.4**.

Foto 5.4
Tiada Pegawai Pengawal Ditempatkan Di Bilik Kawalan CCTV



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Mahkamah Syariah Johor Bahru
Tarikh: 30 Disember 2009*

Jabatan memaklumkan bahawa tindakan telah diambil setelah menerima teguran Audit dengan memberikan tanggungjawab memantau bilik kawalan tersebut dan menyenggara CCTV kepada Unit ICT Jabatan.


Pada pendapat Audit, tindakan meletakkan CCTV di bangunan Jabatan adalah baik. Bagaimanapun, kegagalan menggunakan sepenuhnya kemudahan ini menyebabkan berlakunya pembaziran.

5.4.5 Kualiti Perkhidmatan Kurang Memuaskan

Sebanyak 142 maklum balas atau 71% diterima daripada 200 borang soal selidik yang diedarkan kepada orang awam yang berurusan dengan Jabatan untuk menilai mutu perkhidmatan yang diterima. Antara perkara yang dinilai adalah kemudahan perkhidmatan kaunter, tempoh masa perkhidmatan diterima dan layanan oleh pegawai serta kakitangan

Jabatan. Tahap kepuasan orang awam terhadap perkhidmatan di MTS adalah seperti di **Carta 5.1**.

Carta 5.1
Tahap Kepuasan Orang Awam Terhadap Perkhidmatan
Di Mahkamah Tinggi Syariah



Sumber: Soal Selidik Oleh Jabatan Audit Negara

Carta 5.1 menunjukkan seramai 104 orang awam atau 73.2% menyatakan perkhidmatan kaunter oleh Jabatan adalah berada di tahap memuaskan atau baik manakala 80 orang awam atau 56.3% menyatakan kurang berpuas hati terhadap tempoh menunggu bagi mendapatkan perkhidmatan. Seramai 127 orang awam atau 89.4% pula menyatakan layanan kakitangan Jabatan adalah memuaskan dan baik. Bagi mengatasi masalah tempoh menunggu bagi mendapatkan perkhidmatan, Jabatan bercadang untuk menggunakan sistem nombor.

Pada pendapat Audit, kualiti perkhidmatan Jabatan adalah memuaskan. Bagaimanapun, Jabatan perlu memberi perhatian untuk mengatasi masalah tempoh menunggu bagi mendapatkan perkhidmatan.

5.4.6 Pemantauan

Pemantauan merupakan satu elemen penting bagi memastikan pengurusan pengendalian kes di Jabatan dapat dilaksanakan dengan lancar. Jabatan telah menggunakan mesyuarat sebagai platform untuk memantau aktiviti pengendalian kes mahkamah syariah. Keperluan mesyuarat pula telah ditetapkan dalam pekeliling atau Jabatan. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak mematuhi ketetapan kekerapan mesyuarat bagi lima daripada tujuh mesyuarat atau 71.4% yang diadakan pada tahun 2009. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.12**.

Jadual 5.12
Mesyuarat Yang Perlu Diadakan Tahun 2009

Bil.	Nama Mesyuarat	Agenda Mesyuarat	Kekerapan Mesyuarat (Kali Setahun)	
			Ditetapkan	Diadakan
1.	Mesyuarat Bahagian Pentadbiran	Membincangkan urusan pentadbiran Jabatan	2	2
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun	Membincangkan isu berkaitan pengurusan kewangan dan akaun	4	0
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan	Memperkukuhkan struktur sistem pengurusan pentadbiran	4	0
4.	Mesyuarat Pengurusan	Membincangkan pengurusan Jabatan	4	0
5.	Mesyuarat Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia	Membincangkan perkara berkaitan dengan pengurusan aktiviti Jabatan	2	2
6.	Mesyuarat Pendaftar Syariah Negeri Johor	Perkara berkaitan bidang kuasa pendaftar dalam bidang pentadbiran mahkamah	2	0
7.	Mesyuarat Hakim-Hakim Dan Pegawai Syariah (Sulh) Negeri Johor	Perkara berkaitan bidang kuasa kehakiman dan masalah kes tertanggung	4	2

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

Jadual 5.12 menunjukkan Jabatan tidak mematuhi ketetapan kekerapan mesyuarat bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun, Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan, Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Pendaftar Syariah Negeri Johor dan Mesyuarat Hakim-Hakim Dan Pegawai Syariah (Sulh) Negeri Johor sepanjang tahun 2009. Bagaimanapun, Jabatan dapat memenuhi ketetapan kekerapan mesyuarat bagi Mesyuarat Bahagian Pentadbiran dan Mesyuarat Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia dalam tahun 2009.

Pada pendapat Audit, kaedah pemantauan yang diwujudkan oleh Jabatan adalah baik. Bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tidak memuaskan kerana mesyuarat tidak diadakan mengikut kekerapan yang telah ditetapkan.

5.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi penyelesaian kes syariah oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor adalah tidak memuaskan kerana prestasi kes yang dapat diselesaikan adalah di bawah 40% daripada jumlah kes belum selesai, pengurusan pengendalian kes yang tidak memuaskan, alasan penghakiman dan rekod deposit yang tidak dikemaskinikan serta pemantauan yang tidak memuaskan. Jabatan perlu mengambil tindakan proaktif untuk memperbaiki segala kelemahan yang dinyatakan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan mempertimbangkan syor berikut:

- a) Jabatan perlu memberi keutamaan untuk menyelesaikan kes yang telah lama tertangguh dengan memasukkannya di dalam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan sasaran kerja tahunan Jabatan.
- b) Had masa bagi sesuatu kes perlu diselesaikan patut ditetapkan dan dipatuhi.
- c) Mengkaji semula keperluan bilangan hakim dan lain-lain jawatan selaras dengan pertambahan bilangan kes syariah yang didaftarkan setiap tahun.
- d) Bagi kes Orang Kena Tuduh tidak dapat dikesan setelah segala usaha dijalankan mengikut peruntukan undang-undang, tindakan *DNAA* (kes tersebut hendaklah ditutup tetapi waran tangkap terbuka) hendaklah diambil.
- e) Mengemaskinikan Akaun Utama Deposit, fail kes dan rekod dalam e-Syariah.

6. PROGRAM PEMESATAN PEMBANGUNAN AKUAKULTUR

6.1 LATAR BELAKANG

6.1.1 Program Pemesatan Pembangunan Akuakultur (Program Akuakultur) dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Negeri Johor (Jabatan) memberi sumbangan kepada industri akuakultur melalui pengeluaran ikan makan, ikan hiasan, tumbuhan akuatik dan produk nilai tambah serta menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk khususnya di luar bandar. Sehingga tahun 2007, pengeluaran ikan akuakultur di Negeri Johor bernilai RM353.70 juta yang terdiri daripada 22,587.57 tan metrik ikan ternakan dan kerang-kerangan, 266.92 juta ekor ikan hiasan dan 112.28 juta tumbuh-tumbuhan akuatik.

6.1.2 Objektif Program Akuakultur adalah selaras dengan objektif Industri Ikan Negara iaitu merealisasikan sasaran pengeluaran ikan negara kepada dua juta tan metrik setahun, dengan akuakultur menyumbang sebanyak 662,000 tan metrik. Sasaran pengeluaran akuakultur untuk Negeri Johor pula ditetapkan sebanyak 90,300 tan metrik ikan setahun dan juga 510 juta ekor ikan hiasan menjelang tahun 2010. Jabatan juga menetapkan sasaran pendapatan minimum bersih pengusaha akuakultur sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan.

6.1.3 Bagi memesatkan pembangunan akuakultur negeri, Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak RM0.30 juta pada tahun 2007 dan RM0.35 juta pada tahun 2008 dan 2009 kepada Jabatan bagi membiayai perbelanjaan untuk benih ikan, peralatan, latihan dan kursus kepada penternak di bawah Program Akuakultur. Maklumat lanjut mengenai peruntukan yang diterima dan jumlah pengusaha akuakultur di Negeri Johor bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Peruntukan Program Pemesatan Pembangunan Akuakultur
Dan Bilangan Pengusaha Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Peruntukan Diterima (RM Juta)	Bilangan Pengusaha Akuakultur
2007	0.30	975
2008	0.35	959
2009	0.35	1,092
Jumlah	1.00	3,026

Sumber: Unit Akuakultur, Jabatan Perikanan Negeri Johor

6.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Program Akuakultur telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

6.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap Program Akuakultur dilaksanakan di Pejabat Pengarah Perikanan Negeri Johor dan empat buah Pejabat Perikanan Daerah iaitu Johor Bahru, Kota Tinggi, Mersing dan Kluang. Skop pengauditan hanya meliputi Program Akuakultur bagi ikan ternakan dan kerang-kerangan sahaja dan tidak termasuk ikan hiasan dan tumbuhan akuatik meliputi tahun 2007 hingga 2009 dan tahun sebelumnya, di mana perlu. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji, memeriksa, serta menganalisis data dan maklumat berasaskan rekod berhubung dengan semua aspek Program Akuakultur seperti proses permohonan, pemilihan peserta, perolehan dan pengagihan bantuan. Rekod yang disemak seperti borang permohonan, rekod pengagihan, rekod kursus peserta, buku peruntukan dan baucar bayaran. Temu bual dengan pegawai yang terlibat serta soal selidik terhadap 22 pengusaha akuakultur dilakukan bagi mendapatkan maklum balas dan pengesahan. Lawatan ke tapak perusahaan akuakultur juga telah diadakan bersama-sama pegawai Jabatan Perikanan Daerah di Daerah Johor Bahru, Kota Tinggi, Mersing dan Kluang.

6.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Jun hingga Oktober 2009 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan Program Akuakultur adalah kurang memuaskan di mana terdapat kelemahan yang menyebabkan matlamat program tidak tercapai sepenuhnya iaitu kuantiti hasil pengeluaran akuakultur hanya 43,149.57 tan metrik atau 47.8% pada tahun 2009 berbanding kuantiti sasaran 90,300 tan metrik dan 45.5% pengusaha akuakultur tidak mencapai sasaran pendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

6.4.1 Kuantiti Hasil Pengeluaran Akuakultur Tidak Mencapai Sasaran

Selaras dengan objektif Industri Ikan Negara untuk meningkatkan pengeluaran ikan, Jabatan telah menetapkan sasaran pengeluaran akuakultur sebanyak 90,300 tan metrik setahun menjelang tahun 2010 seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Sasaran Pengeluaran Akuakultur Negeri Johor Pada Tahun 2010

Bil.	Jenis Perusahaan Akuakultur	Sasaran Pengeluaran (Tan Metrik)
1.	Ikan Air Tawar	6,300
2.	Udang Laut	18,000
3.	Ikan Air Payau	45,000
4.	Kerang-kerangan	21,000
Jumlah		90,300

Sumber: Unit Akuakultur, Jabatan Perikanan Negeri Johor

Bagi mencapai sasaran pengeluaran ini, Jabatan ini telah mengambil beberapa langkah dan perancangan seperti berikut:

- Mengenal pasti dan membangunkan kawasan berpotensi termasuk tasik, bekas lombong, tanah terbiar dan kawasan daratan;

- Mewartakan zon atau kawasan berpotensi sebagai kawasan pengeluaran makanan (akuakultur); dan
- Mengukuhkan organisasi dengan meningkatkan program pembangunan sumber manusia, mewujudkan jawatan baru dan menaik taraf jawatan sedia ada bagi kakitangan lantikan negeri dan persekutuan.

Semakan Audit mendapati jumlah pengeluaran akuakultur keseluruhannya bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah antara 27.2% hingga 47.8% berbanding kuantiti sasaran pengeluaran tahunan yang ditetapkan sebanyak 90,300 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, hanya perusahaan ternakan ikan air tawar yang berjaya meningkatkan hasil pengeluaran daripada sasaran yang ditetapkan, iaitu 87.0% pada tahun 2007, 222.7% pada tahun 2008 dan 202.8% pada tahun 2009. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Kemajuan Sasaran Pengeluaran Ternakan Akuakultur Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Ternakan	Sasaran Pengeluaran Tahun 2010 (Tan Metrik)	Jumlah Pengeluaran (Tan Metrik)			Pencapaian Sasaran (%)		
			2009	2008	2007	2009	2008	2007
1.	Ikan Air Tawar	6,300	12,775.38	14,029.90	5,478.88	202.8	222.7	87.0
2.	Ikan Air Payau	45,000	6,553.46	7,587.55	4,609.45	14.6	16.9	10.2
3.	Udang Air Laut	18,000	12,465.13	10,850.28	7,230.52	69.3	60.3	40.2
4.	Kerang-kerangan	21,000	11,355.60	8,624.86	7,233.31	54.1	41.1	34.4
Jumlah		90,300	43,149.57	41,092.59	24,552.16	47.8	45.5	27.2

Sumber: Unit Akuakultur, Jabatan Perikanan Negeri Johor

Menurut Jabatan, pengeluaran yang tidak mencapai sasaran pada tahun 2007 adalah disebabkan oleh banjir yang berlaku pada hujung tahun 2006 dan awal tahun 2007. Pengusaha akuakultur yang terlibat dengan banjir telah menghentikan operasi mereka untuk sementara waktu bagi tujuan baik pulih. Bagaimanapun, dengan unjuran peningkatan pengeluaran sebanyak 2.3% pada tahun 2009, pihak Audit mendapati sasaran pengeluaran yang ditetapkan menjelang tahun 2010 tidak akan tercapai. Semakan lanjut Audit pula mendapati kegagalan mencapai sasaran pengeluaran ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

a) Kawasan Darat Akuakultur Yang Berpotensi Tidak Dibangunkan

Pada tahun 2006 hingga 2009, Jabatan telah membuat tinjauan terhadap lokasi tanah yang sesuai untuk aktiviti akuakultur. Hasil daripada tinjauan ini, kawasan tanah seluas 2,491.53 hektar di Daerah Mersing, Pontian dan Kota Tinggi telah dikenal pasti boleh diusahakan dengan aktiviti akuakultur. Selepas kajian lanjut dijalankan ke atas sumber dan kualiti air serta infrastruktur, didapati 1,401.53 hektar daripada keluasan tersebut adalah kawasan yang berpotensi untuk pembangunan akuakultur. Bagaimanapun, kawasan tersebut tidak dibangunkan sepenuhnya dan sehingga akhir tahun 2009 hanya 725.17 hektar atau 51.7% daripada kawasan tersebut yang telah diusahakan dengan

ternakan ikan air payau dan air tawar. Maklumat lanjut kawasan yang berpotensi sebagai kawasan darat akuakultur adalah seperti di **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4
Luas Kawasan Darat Yang Berpotensi Untuk Aktiviti Akuakultur

Bil.	Daerah	Sistem Ternakan	Jenis Ternakan	Luas Kawasan (Hektar)		
				Dibangunkan	Kenal Pasti	Berpotensi
1.	Mersing	Kolam	Air Payau	77.12	676.00	300.00
2.	Pontian	Kolam	Air Payau	44.43	531.53	331.53
3.	Kota Tinggi	Kolam	Air Payau	603.62	1,204.00	720.00
4.	Mersing	Kolam	Air Tawar	0.00	80.00	50.00
Jumlah				725.17	2,491.53	1,401.53

Sumber: Unit Akuakultur, Jabatan Perikanan Negeri Johor

Kesemua tanah/kawasan yang dikenal pasti adalah merupakan tanah milik Kerajaan Negeri. Penggunaannya perlu mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri terlebih dahulu sama ada secara pelupusan atau Lesen Pendudukan Sementara yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak menerima sebarang permohonan daripada pengusaha yang berminat untuk menjalankan ternakan akuakultur di atas tanah yang telah dikenal pasti ini. *Jabatan memaklumkan walaupun kawasan tersebut berpotensi untuk aktiviti akuakultur, tetapi harga pasaran ikan air tawar yang lebih rendah berbanding harga pasaran ikan air laut juga menyebabkan pengusaha kurang berminat untuk mengusahakannya. Keadaan ini turut memberi kesan kepada pencapaian sasaran pengeluaran yang ditetapkan.*

b) Kelulusan Pewartaan Zon Industri Akuakultur Belum Diperoleh

Pada September 2007, Jabatan telah mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri untuk mewartakan kawasan seluas 1,470.32 hektar sebagai Zon Industri Akuakultur (ZIA). Tujuannya adalah untuk menyediakan kawasan pengeluaran yang kondusif dan berpotensi untuk pembangunan akuakultur secara komersial, berdaya maju serta mapan di Negeri Johor. Kawasan cadangan ZIA berdasarkan aktiviti akuakultur adalah seperti di **Jadual 6.5**

Jadual 6.5
Kawasan Cadangan ZIA

Bil.	Aktiviti Akuakultur	Kawasan Cadangan ZIA	Keluasan (Hektar)
1.	Sistem Ternakan Kolam Air Payau / Marin	Kawasan paya bakau di Benut dan Sanglang, Pontian	450.00
		Kawasan Pusat Penyelidikan Ternakan Air Payau, Gelang Patah, Johor Bahru	278.00
		Kawasan Kampung Telok Sari dan Simpang Penyabong, Mersing	149.00
2.	Sistem Ternakan Kerang Dan Siput Sudu	Kawasan Teluk Jawa dan Pasir Putih, Johor Bahru	6.50
		Kawasan Sungai Melayu dan Kampung Pendas Laut, Gelang Patah, Johor Bahru	16.24

Bil.	Aktiviti Akuakultur	Kawasan Cadangan ZIA	Keluasan (Hektar)
		Kawasan persisiran pantai antara Parit Kuda – Parit Bisu, Batu Pahat	142.00
3.	Sistem Ternakan Ikan Dalam Sangkar Air Payau / Marin	Kawasan Sungai Endau, Mersing	100.00
4.	Sistem Ternakan Kitar Semula Berteknologi Tinggi	Kawasan paya antara Tanjung Kelesa – Tanjung Siang, Kota Tinggi	222.58
5.	Sistem Ternakan Ikan Hiasan dan Tumbuhan Akuatik	Kawasan Hutan Simpan Panti (Sungai Merbau/Sungai Dohol), Pengerang, Kota Tinggi	106.00
Jumlah			1,470.32

Sumber: Unit Akuakultur, Jabatan Perikanan Negeri Johor

Semakan Audit mendapati sehingga kini, Kerajaan Negeri Johor masih belum meluluskan permohonan pewartaan ZIA walaupun pada dasarnya bersetuju dengan penggunaan kawasan tersebut untuk aktiviti akuakultur. Keadaan ini menyebabkan Jabatan tidak dapat memperkembangkan aktiviti akuakultur di kawasan yang dicadangkan kerana dikhuatiri wujud pertindihan dengan aktiviti lain yang boleh memberikan kesan negatif kepada industri akuakultur yang sedang diusahakan.

Menurut Jabatan, pertindihan aktiviti yang berlaku di kawasan cadangan ZIA telah menyukarkan lagi pelaksanaan aktiviti akuakultur. Sebagai contoh, di perairan Sungai Pulai telah terdapat Pelabuhan Tanjung Pelepas di bahagian muaranya dan pembangunan hartanah di bahagian hulunya. Di Sungai Johor pula banyak kapal dagang yang berlabuh sebelum memasuki Pelabuhan Pasir Gudang dan keadaan ini menimbulkan risiko pembuangan sisa minyak yang merosakkan alam sekitar. Semua keadaan ini boleh mengganggu dan mengancam aktiviti akuakultur.

c) Tidak Ramai Peserta Yang Menerima Bantuan

Penyertaan lebih ramai peserta menceburi bidang akuakultur adalah diperlukan bagi mencapai sasaran pengeluaran dan menambah kuantiti ikan dalam pasaran. Semakan Audit terhadap bilangan pengusaha akuakultur yang menerima bantuan bagi tahun 2007 hingga 2009 mendapati pengusaha yang berjaya menerima bantuan adalah antara 14 hingga 42 orang setahun berbanding dengan jumlah pengusaha yang berdaftar iaitu antara 949 hingga 1,078 orang setahun. Maklumat lanjut mengenai jumlah bilangan pengusaha yang menerima bantuan adalah seperti di **Jadual 6.6**.

Jadual 6.6
Bilangan Pengusaha Yang Menerima Bantuan Akuakultur Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Jenis Perusahaan	Bilangan Pengusaha						Peratusan (%)		
		Berdaftar			Menerima Bantuan			2007	2008	2009
		2007	2008	2009	2007	2008	2009			
1.	Kolam Air Tawar	349	258	341	19	33	13	5.4	12.8	3.8
2.	Sangkar Air Tawar	8	11	39	0	0	0	0	0	0
3.	Sangkar Air Payau	216	251	277	6	8	0	2.8	3.2	0
4.	Kolam Air Payau	108	107	113	6	0	0	5.6	0	0
5.	Ternakan Kupang	84	109	108	1	0	1	1.2	0	0.9
6.	Ternakan Kerang	3	3	1	0	0	0	0	0	0
7.	Tangki Simen	7	9	8	1	1	0	14.3	11.1	0
8.	Ikan Hiasan	190	201	191	1	0	0	0.5	0	0
Jumlah		965	949	1,078	34	42	14	3.5	4.4	1.3

Sumber: Unit Akuakultur, Jabatan Perikanan Negeri Johor

Kekurangan bilangan pengusaha akuakultur yang menerima bantuan adalah disebabkan peruntukan kewangan yang terhad. Analisis Audit terhadap perbelanjaan program ini mendapati 99% daripada jumlah peruntukan kewangan yang diterima daripada tahun 2007 hingga 2009 telah digunakan. Maklumat lanjut jumlah perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 6.7**.

Jadual 6.7
Peruntukan Program Akuakultur Yang Dibelanjakan


Tahun	Peruntukan Diterima (RM)	Perbelanjaan Akuakultur (RM)	Baki Peruntukan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
2007	300,000	299,959	41	99.9
2008	350,000	342,016	7,984	97.7
2009	350,000	349,817	183	99.9

Sumber: Unit Akuakultur, Jabatan Perikanan Negeri Johor

Semakan Audit terhadap perbelanjaan Program Akuakultur pada tahun 2008 mendapati sebanyak 35.9% daripada peruntukan digunakan untuk pembelian benih ikan, manakala 29.1% daripada peruntukan digunakan untuk pembelian peralatan. Maklumat lanjut pecahan jenis perbelanjaan Program Akuakultur bagi tahun 2008 adalah seperti di **Carta 6.1**.

Carta 6.1

Pecahan Perbelanjaan Daripada Peruntukan RM350,000 Pada Tahun 2008



Sumber: Unit Akuakultur, Jabatan Perikanan Negeri Johor

Carta 6.1 menunjukkan hampir kesemua (97.7%) peruntukan telah dibelanjakan. Menurut Jabatan, memandangkan peruntukan yang terhad, pemilihan pengusaha akuakultur hanyalah diberi kepada mereka yang benar-benar berminat dalam industri akuakultur yang dijangka boleh memberi impak kepada peningkatan pengeluaran akuakultur.

d) Keupayaan Unit Akuakultur

Sejak tahun 2007, Unit Akuakultur Jabatan dianggotai oleh 11 orang kakitangan untuk melaksanakan tugas pengembangan dan pengawalseliaan. Tujuh orang kakitangan ditempatkan di Pejabat Pengarah Perikanan Negeri dan empat lagi masing-masing di Pejabat Perikanan Daerah Johor Bahru, Segamat, Kluang dan Pengerang. Maklumat lanjut mengenai perjawatan sedia ada di Unit Akuakultur adalah seperti di **Jadual 6.8**.

Jadual 6.8
Perjawatan Sedia Ada Di Unit Akuakultur Sehingga 2009

Bil.	Nama Jawatan Dan Gred	Penempatan	Bil. Jawatan
1.	Pembantu Perikanan Gred G22	Unit Akuakultur Darat, Pejabat Pengarah Perikanan Negeri	1
2.	Pembantu Perikanan Gred G17	1) Unit Akuakultur Darat, Pejabat Pengarah Perikanan Negeri 2) Pejabat Perikanan Daerah Johor Bahru 3) Pejabat Perikanan Daerah Kluang 4) Pejabat Perikanan Daerah Segamat 5) Pejabat Perikanan Pengerang, Kota Tinggi	2 1 1 1 1
3.	Pembantu Tadbir Gred N17	Bahagian Pentadbiran, Pejabat Pengarah Perikanan Negeri	1
4.	Pembantu Tadbir Rendah Gred N11	Bahagian Pentadbiran, Pejabat Pengarah Perikanan Negeri	1
5.	Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R10	Bahagian Pentadbiran, Pejabat Pengarah Perikanan Negeri	2
Jumlah			11

Sumber: Unit Akuakultur, Jabatan Perikanan Negeri Johor

Menurut Jabatan, bilangan kakitangan sedia ada tidak mencukupi jika dibandingkan dengan aktiviti akuakultur yang semakin berkembang dengan bertambahnya keluasan kawasan dan bilangan pengusaha akuakultur bagi tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2002 hingga 2007. Perkembangan aktiviti akuakultur telah menunjukkan peningkatan yang ketara bagi sistem ternakan sangkar air tawar iaitu sebanyak 100% bagi bilangan pengusaha dan 140.4% bagi keluasan kolam. Ini diikuti dengan sistem ternakan kupang yang meningkat sebanyak 18.3% (bilangan pengusaha) dan 143.5% (keluasan kolam). Oleh itu, Jabatan telah memohon pertambahan jawatan 20 orang kakitangan pada tahun 2007 berbanding dengan 11 orang kakitangan yang ada pada masa kini bagi mengukuhkan keupayaan Jabatan dalam urusan pentadbiran dan teknikal sejajar dengan perkembangan industri akuakultur. Tambahan perjawatan yang dimohon adalah seperti di **Jadual 6.9**.

Jadual 6.9
Permohonan Pertambahan Jawatan Unit Kawal Selia Perikanan Darat

Bil.	Jawatan	Tempat	Tugas	Bil. Jawatan
1.	Pembantu Tadbir Kanan (Perikanan) N22	Pejabat Perikanan Segamat dan Kluang	Ketua Daerah Perikanan	2
2.	Pembantu Tadbir (Perikanan) N17	Pejabat Perikanan Daerah Johor Bahru, Muar, Mersing, Pontian, Batu Pahat, Kota Tinggi, Kulaijaya dan Ledang.	Pengembangan Akuakultur Air Tawar	8
3.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N17	Pejabat Perikanan Daerah Muar, Mersing, Pontian, Batu Pahat, Kota Tinggi, Johor Bahru, Segamat, Kluang, Kulaijaya dan Ledang	Pembantu Tadbir (Perkeranian /Operasi)	10
Jumlah				20

Sumber: Unit Akuakultur, Jabatan Perikanan Negeri Johor

Jabatan memaklumkan sehingga Disember 2009, permohonan untuk menambah kakitangan di Unit Akuakultur ini masih belum mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri Johor.

e) Operasi Kolam Ternakan Di Bawah Kapasiti

Buku Panduan Ternakan Air Tawar - Bilangan 1/89 telah menetapkan pelepasan benih ikan ternakan ke dalam kolam adalah mengikut keluasan kolam atau sangkar. Benih ikan air tawar yang berukuran antara tiga hingga empat inci seekor boleh dilepaskan sebanyak 35 hingga 150 ekor pada setiap satu meter persegi keluasan kolam mengikut jenis ikan.

Lawatan Audit ke kolam dan sangkar ikan di Daerah Johor Bahru, Kluang dan Kota Tinggi mendapati tujuh daripada 22 kolam dan sangkar ikan beroperasi dengan jumlah ikan kurang daripada kapasiti sebenar. Pengusaha hanya memelihara antara 5,000 hingga 20,000 ekor ikan setiap kolam sedangkan kolam yang diusahakan boleh menampung ternakan sehingga 300,000 ekor benih ikan. Semua pengusaha tersebut hanya menternak ikan yang diperolehi daripada Jabatan. Pada keseluruhannya, tujuh kolam dan sangkar ikan tersebut hanya diisi dengan 77,000 atau 11.2% ekor benih ikan

yang diperoleh melalui bantuan Jabatan berbanding kapasiti sebenar yang mampu ditampung oleh kolam tersebut sebanyak 685,344 ekor. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 6.10**.

Jadual 6.10
Kekurangan Bantuan Benih Ikan Berbanding Kapasiti Pengusaha

Bil.	Nama Pengusaha	Jenis Ternakan (Ikan)	Luas Kolam (m ²)	Kadar Pelepasan Ternakan (ekor/m ²)	Bantuan Yang Sepatutnya Diterima (ekor)	Bantuan Sebenar Diterima (ekor)	Perbezaan (ekor)	Bantuan Diberi Berbanding Kapasiti (%)
1.	Abd Razak bin Salleh	Siakap	1,152	36	41,472	19,000	22,472	45.8
		Jenahak						
		Tilapia Merah						
2.	Zaid bin Geman @ Wagiman	Keli	1,333	150	199,950	5,000	194,950	2.5
		Tilapia Merah	1,333	36	47,988	5,000	42,988	10.4
3.	Yatim bin Selamat	Keli	71	150	10,650	10,000	650	93.9
4.	Hj. Suradi bin Kassim	Keli	260	150	39,000	20,000	19,000	51.3
5.	Mail A/L Amat	Baung	48	150	7,200	3,000	4,200	41.7
		Tilapia	144	36	5,184	5,000	184	96.5
6.	Mat Zaili bin Karnani	Baung	2,155	150	323,250	5,000	318,250	1.5
7.	Ismail bin Hassan	Keli	71	150	10,650	5,000	5,650	46.9
Jumlah Keseluruhan					685,344	77,000	608,344	11.2

Sumber: Borang Soal Selidik, Jabatan Audit Negara

Pengusaha didapati hanya bergantung kepada bantuan benih ikan daripada Jabatan kerana kekurangan modal menyebabkan mereka tidak mampu untuk menambah bilangan benih ikan kepada jumlah yang sepatutnya. Keadaan ini menjadikan kolam ternakan beroperasi di bawah paras kapasiti sebenar dan menjejaskan kuantiti pengeluaran yang disasarkan.

Jabatan memaklumkan bantuan benih yang diberikan kepada pengusaha akuakultur adalah sebagai galakan agar mereka meneruskan aktiviti akuakultur. Oleh itu, jumlah bantuan tidak semestinya 100% memenuhi kapasiti yang diperlukan. Pengusaha akuakultur bertanggungjawab untuk memenuhi kapasiti sebenar kolam ternakan mereka. Selain itu, kadar pelepasan benih ikan adalah bergantung kepada sistem ternakan. Sistem ternakan tanpa bantuan pengudaraan hanya boleh membuat pelepasan benih pada kadar 20% sahaja daripada kapasiti sebenar berbanding sistem ternakan dengan bantuan pengudaraan.

f) Bantuan Benih Dan Peralatan Lewat Dibekalkan

Bekalan benih dan peralatan akuakultur perlu dibuat segera bersesuaian dengan persediaan pengusaha. Pengusaha perlu melepaskan benih ikan setelah semua persediaan seperti kolam, sangkar dan bekalan air mencukupi sebagaimana yang ditetapkan dalam buku panduan.

Lawatan Audit ke kawasan akuakultur di Daerah Johor Bahru, Kluang, Kota Tinggi dan Mersing mendapati 11 daripada 22 pengusaha akuakultur mendakwa lewat menerima bantuan sehingga melebihi tempoh enam bulan sedangkan keperluan fizikal di tapak projek atau kolam telah disediakan. Dakwaan kelewatan ini berasaskan kepada dakwaan daripada pengusaha kerana Jabatan tidak mendaftarkan Borang Permohonan Bantuan yang diterima daripada pengusaha ke dalam Daftar Permohonan. Maklumat lanjut mengenai tempoh menunggu bekalan oleh pengusaha akuakultur adalah seperti di **Jadual 6.11**.


Jadual 6.11
Bilangan Pengusaha Yang Lewat Menerima Bekalan Peralatan Dan Benih

Bil.	Jenis Ternakan	Tempoh Menunggu		Jumlah (Bil. Pengusaha)
		Lebih 6 Bulan (Bil. Pengusaha)	Kurang 6 Bulan (Bil. Pengusaha)	
1.	Ikan Air Tawar	7	5	12
2.	Ikan Air Payau	3	4	7
3.	Udang Air Laut	1	2	3
Jumlah		11	11	22

Sumber: Borang Soal Selidik, Jabatan Audit Negara

Semakan Audit terhadap Borang Pesanan Tempatan bagi tahun 2008 pula menunjukkan pesanan benih ikan dibuat setiap bulan bermula pada Februari hingga November. Pesanan tertinggi hanya dibuat pada September 2008 yang sepatutnya boleh dibuat lebih awal kerana waran peruntukan telah diterima pada Januari. Kelewatan pesanan ini adalah disebabkan Unit Akuakultur lewat mengemukakan pesanan kepada Bahagian Kewangan. Selain itu, Jabatan memaklumkan kelewatan bekalan juga disebabkan oleh proses perolehan benih ikan yang melibatkan sebut harga bagi mendapatkan harga terendah. Maklumat lanjut pesanan bekalan benih ikan pada tahun 2008 adalah seperti di **Carta 6.2**.

Carta 6.2
Pembelian Benih Ikan Pada Tahun 2008



Sumber: Unit Akuakultur, Jabatan Perikanan Negeri Johor

Tempoh menunggu yang lama ini menyebabkan pengusaha lewat memulakan projek dan menjejaskan tempoh pusingan pengeluaran ternakan. Kesannya, tumpuan pengusaha terhadap aktiviti akuakultur terganggu kerana terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk meneruskan projek mereka. Matlamat kerajaan untuk menghasilkan pengeluaran akuakultur yang berkualiti pada jumlah dan masa yang ditetapkan turut gagal.

Jabatan memaklumkan pembekal yang dipilih melalui proses sebut harga tidak dapat membekalkan benih pada masa yang ditetapkan. Selain itu, bekalan benih ikan hanya boleh diberikan setelah pengusaha menerima bekalan makanan ikan. Ini bagi mengelakkan pengusaha akuakultur menghadapi masalah ketiadaan makanan untuk ternakannya. Sekiranya bekalan makanan ikan masih belum diperolehi, bekalan benih ikan kepada pengusaha terpaksa ditangguhkan sehingga bekalan makanan diterima.

Pada pendapat Audit, sasaran pengeluaran ikan akuakultur boleh dicapai sekiranya semua kelemahan yang menghalang kepada pencapaian sasaran diberikan perhatian yang sewajarnya. Kerjasama bersepadu antara Jabatan dan pengusaha perlu wujud agar industri akuakultur dapat memberikan sumbangan kepada peningkatan pengeluaran ikan. Perancangan dalam pemilihan kawasan yang akan dibangunkan khususnya pewartaan ZIA dan jenis ternakan akuakultur yang menguntungkan adalah aspek utama yang perlu diambil kira bagi menarik minat pengusaha. Di peringkat pelaksanaan aktiviti akuakultur, bilangan peserta yang terpilih untuk mendapat bantuan perlulah sesuai dengan jumlah peruntukan yang diperolehi agar bantuan yang diberikan mencukupi dan berkualiti.

6.4.2 Sasaran Pendapatan RM3,000 Tidak Tercapai

Jabatan telah menetapkan sasaran pendapatan minimum bersih pengusaha akuakultur adalah sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan. Bagi mencapai sasaran yang ditetapkan, Jabatan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- Memperkenalkan dan memajukan perusahaan akuakultur;
- Menggalakkan akuakultur sebagai satu perusahaan komersial dan sebagai punca pendapatan utama;
- Memberi pengetahuan asas tentang teknik ternakan ikan kepada pengusaha;
- Memajukan serta menyampaikan teknik ternakan ikan yang terbaru untuk diamalkan oleh pengusaha; dan
- Mengeratkan hubungan antara pengusaha dengan sektor lain yang terlibat seperti penyelidikan, pemasaran dan pejabat tanah daerah.

Analisis Audit terhadap maklum balas pengusaha akuakultur mendapati 10 daripada 22 orang pengusaha atau 45.5% memperoleh pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkannya kerana tiada sebarang rekod berkaitan pendapatan disimpan oleh Jabatan atau pengusaha. Maklumat berkaitan adalah seperti di **Jadual 6.12**.

Foto 6.3
Kolam Ternakan Udang Putih Oleh Pengusaha Akuakultur Yang Telah Mencapai Pendapatan RM3,000 Sebulan



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Telok Buih, Mersing
Tarikh: 15 Julai 2009*

Foto 6.4
Kolam Ternakan Udang Putih Oleh Pengusaha Akuakultur Yang Telah Mencapai Pendapatan RM3,000 Sebulan



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Telok Buih, Mersing
Tarikh: 15 Julai 2009*

Semakan Audit mendapati antara sebab sasaran pendapatan RM3,000 sebulan tidak tercapai adalah kerana faktor-faktor berikut:

a) Kualiti Benih Ikan Yang Dibekalkan Tidak Sesuai

Lima orang pengusaha ikan sangkar yang menerima bantuan 24,000 ekor benih ikan tidak dapat memasarkan ikan mereka pada masa yang dijadualkan. Pengusaha mendakwa benih ikan yang dibekalkan adalah kecil dan tidak mengikut spesifikasi bekalan yang ditetapkan oleh Jabatan. Benih ikan yang sepatutnya diterima adalah berukuran tiga inci tetapi pengusaha akuakultur menerima benih yang lebih kecil. Pengusaha juga mendakwa benih yang dibekalkan tidak menghasilkan kualiti ikan yang memenuhi permintaan pasaran. Sebagai contoh, ikan baung yang berkualiti dan mendapat permintaan pasaran adalah berwarna putih. Bagaimanapun, benih yang diterima oleh pengusaha menghasilkan ikan baung yang berwarna hitam dan tidak mempunyai nilai pasaran yang baik. Perbezaan warna ikan baung yang diternak oleh pengusaha dengan ikan baung yang sepatutnya dihasilkan dan keadaan kolam ternakan adalah seperti di **Foto 6.5** hingga **Foto 6.7**.

Foto 6.5
Ikan Baung Yang Diternak Berwarna Hitam Dan Tiada Permintaan Di Pasaran



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Orang Asli Sayong Pinang,
Kota Tinggi
Tarikh: 24 Jun 2009*

Foto 6.6
Contoh Ikan Baung Berwarna Putih Yang Mendapat Permintaan Di Pasaran



Sumber: <http://khairulhazman77.blogspot.com>

Foto 6.7
Kolam Sangkar Ternakan Ikan Baung Dan Tilapia



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Orang Asli Sayong Pinang,
Kota Tinggi
Tarikh: 24 Jun 2009*

Akibat daripada bekalan benih ikan yang lebih kecil berbanding dengan benih ikan yang sepatutnya, pengusaha tidak dapat menjual ternakan mereka dalam tempoh yang dijadualkan dan terpaksa menanggung kos perbelanjaan makanan sehingga ternakan mencapai saiz yang dikehendaki dalam pasaran. Benih ikan kurang berkualiti pula menyebabkan pengusaha terpaksa menjual hasil ternakan pada harga yang lebih rendah. Keadaan ini memberi kesan kepada pendapatan pengusaha dan sasaran pendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan sukar dicapai.

Menurut Jabatan, kualiti benih yang dibekalkan kepada penternak dipastikan berada dalam keadaan yang baik. Tempoh ternakan sama ada lama atau cepat pula adalah bergantung kepada spesis yang dipilih oleh penternak. Warna ikan pula boleh memainkan peranan dalam penentuan harga. Sebagai contoh, ikan yang diternak di kolam bekas lombong akan berwarna hitam dan akan mengakibatkan harga yang rendah.

b) Penternak Tidak Mendapat Latihan Yang Secukupnya

Pengetahuan asas mengenai teknik ternakan ikan dan pendedahan kepada teknik terbaru boleh memastikan sasaran pendapatan RM3,000 sebulan oleh pengusaha akuakultur tercapai. Maklum balas daripada soal selidik yang dijalankan mendapati 11 atau 50% daripada 22 pengusaha yang berminat tidak berpeluang mengikuti kursus anjuran Jabatan kerana tempat yang disediakan adalah terhad dan bilangan kursus yang dianjurkan adalah kurang. Menurut Jabatan, ini kerana tiada peruntukan yang khusus untuk latihan di bawah Program Akuakultur. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 6.13**.

Jadual 6.13
Kursus Yang Dihadiri Oleh Pengusaha

Bil.	Jenis Kursus	Kursus Dihadiri		Jumlah (Bil. Pengusaha)
		Ada (Bil. Pengusaha)	Tiada (Bil. Pengusaha)	
1.	Ikan Air Tawar	5	7	12
2.	Ikan Air Payau	5	2	7
3.	Udang Air Laut	1	2	3
Jumlah		11	11	22

Sumber: Borang Soal Selidik, Jabatan Audit Negara

c) Kos Pengeluaran Bertambah Berbanding Pendapatan

Aktiviti akuakultur adalah menguntungkan sekiranya kos pengeluaran dapat dijimatkan. Hasil temu bual Audit dengan pengusaha akuakultur mendapati kos bahan makanan ikan telah meningkat antara 42.2% hingga 45% pada tahun 2009 berbanding tahun 2006 sedangkan harga pasaran ikan tidak meningkat. Maklumat lanjut mengenai peningkatan harga makanan ikan adalah seperti di **Jadual 6.14**.

Jadual 6.14
Peningkatan Harga Makanan Ikan (*Pallet*)

Bil.	Jenis Makanan Ikan (<i>Pallet</i>)	Harga Pasaran		Perbezaan Harga (RM)	Peningkatan (%)
		Tahun 2006 (RM/20kg)	Tahun 2009 (RM/20kg)		
1.	<i>Starter</i>	45	64	19	42.2
2.	<i>Grower</i>	40	58	18	45.0

Sumber: Unit Akuakultur, Jabatan Perikanan Daerah Kluang

Analisis Audit terhadap kos pengeluaran semusim bagi ikan air tawar adalah pada kadar purata RM3.50 sekilogram sedangkan hasil jualan di pasaran adalah pada kadar purata RM2.80 sekilogram. Masalah ini telah memberi kesan kepada pengusaha untuk meneruskan aktiviti akuakultur dan tidak mendorong pengusaha lain untuk menjalankan aktiviti akuakultur. Sekiranya masalah harga makanan ikan tidak dapat dikawal, hasrat untuk meningkatkan pendapatan pengusaha kepada RM3,000 sebulan turut terjejas.

Pada pendapat Audit, pendapatan daripada aktiviti akuakultur boleh mencapai RM3,000 sebulan sekiranya kos makanan ikan terkawal dan pengusaha dapat meningkatkan kuantiti pengeluaran mengikut sasaran yang ditetapkan. Kualiti benih ikan dan latihan peserta adalah faktor yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan agar pengusaha berpengetahuan dan dapat menghasilkan ikan ternakan yang bermutu dan boleh dipasarkan dalam masa yang ditetapkan.

6.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Program Pemesatan Pembangunan Akuakultur adalah kurang memuaskan. Bagaimanapun, pelaksanaan program masih boleh dipertingkatkan agar lebih cekap, berkesan dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, adalah disyorkan Jabatan mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Jabatan perlu membuat permohonan semula kepada Kerajaan Negeri supayaewartakan ZIA yang telah dikenal pasti dengan mengambil kira faktor lain seperti alam sekitar dan rancangan pembangunan masa depan Kerajaan Negeri.
- b) Jabatan perlu mengkaji semula formula bantuan yang diberi dengan mengambil kira jumlah permohonan dan kenaikan kos bahan makanan yang sering berlaku.
- c) Jabatan perlu mengagihkan bekalan tepat pada masa yang dijadualkan. Kualiti benih ikan yang dibekalkan haruslah menepati standard yang ditetapkan.
- d) Jabatan perlu meningkatkan khidmat nasihat kepada pengusaha termasuklah menambahkan bilangan kursus yang bersesuaian.

JABATAN PERTANIAN NEGERI JOHOR

7. PROGRAM GALAKAN USAHA TANI

7.1 LATAR BELAKANG

7.1.1 Jabatan Pertanian Negeri Johor (Jabatan) ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan pengembangan dan perundingan, sokongan teknikal dan pemindahan teknologi pertanian kepada pengusaha pertanian. Objektif Jabatan ini adalah untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan pendapatan petani selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara. Salah satu program yang dilaksanakan oleh Jabatan semenjak tahun 1970-an di bawah Projek Pengembangan dan Perundingan ialah Program Galakan Usaha Tani (GUT) dan pada tahun 2009 telah ditukar nama kepada Program Galakan Amalan Teknologi.

7.1.2 Objektif Program GUT ini adalah untuk mendorong para petani dan pekebun kecil supaya lebih bersemangat tinggi dan berdaya maju ke arah mencapai petani komersial, membantu dalam mengurangkan kos pengeluaran bahan tanaman dan penggunaan bahan input pertanian serta membantu petani menghasilkan pengeluaran tanaman yang maksimum.

7.1.3 Melalui Program GUT pekebun-pekebun kecil akan diberikan bantuan baja, racun dan peralatan ladang pada kadar separuh harga. Bantuan yang merupakan subsidi ini bertujuan mengurangkan kos pengeluaran ladang seterusnya membantu petani melaksanakan aktiviti kebun mereka dengan lebih baik dan berterusan.

7.1.4 Sehingga Disember 2009, jumlah petani berdaftar di Negeri Johor adalah seramai 49,239 orang dengan kawasan pertanian seluas 880,903.88 hektar. Pada tahun 2007 hingga 2009, sejumlah RM2 juta telah diperuntukkan bagi program ini. Bahagian Perancangan dan Pembangunan Komoditi Jabatan ini bertanggungjawab melaksanakannya. Maklumat lanjut berkaitan peruntukan dan bilangan petani Program GUT adalah seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1
Peruntukan Program GUT Dan Bilangan Petani Yang Menerima Bantuan Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Peruntukan Diterima (RM Juta)	Bil. Petani
2007	0.70	1,644
2008	0.70	4,252
2009	0.60	5,619
Jumlah	2.00	11,515

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Johor

7.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Program GUT telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

7.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan terhadap aktiviti Program GUT di Jabatan Pertanian Negeri Johor, Pejabat Pertanian Daerah Johor Bahru, Batu Pahat dan Muar. Skop pengauditan meliputi tahun 2007 hingga 2009. Kaedah pengauditan yang dijalankan adalah dengan menyemak, mengkaji, memeriksa, menganalisis data dan maklumat berasaskan rekod dan dokumen berhubung dengan semua aspek Program GUT. Lawatan Audit juga dijalankan ke tapak program peserta di Daerah Johor Bahru, Batu Pahat dan Muar. Temu bual dengan pegawai pembimbing Jabatan dan peserta juga dilakukan bagi melihat keberkesanan program ini.

7.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Julai hingga Oktober 2009 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan Program GUT adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang memberi kesan kepada pencapaian matlamat dan sasaran Program GUT. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah peningkatan pendapatan ke arah petani komersial tidak tercapai di mana 22.7% daripada mereka memperoleh pendapatan bersih sebulan kurang daripada RM1,000. Pengurangan kos bahan input yang dicapai adalah terlalu rendah, hanya antara 0.9% hingga 15.9%. Penggunaan bahan input oleh petani yang tidak mengikut keperluan sebenar berdasarkan keluasan ladang dan jenis tanaman dan bilangan petani yang diberikan adalah bantuan melebihi daripada sasaran 10,000 orang petani yang telah ditetapkan dan ini memberi kesan kepada jumlah bantuan yang diterima oleh seorang petani berdasarkan peruntukan kewangan yang diluluskan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

7.4.1 Peningkatan Pendapatan Ke Arah Petani Komersial Tidak Dicapai

Objektif Program GUT sebagaimana dinyatakan di dalam Anggaran Belanjawan Pembangunan Jabatan adalah untuk melahirkan petani komersial. Berdasarkan kepada Manual Pengembangan Pertanian, petani komersial adalah mereka yang menjalankan aktiviti pertanian sama ada tanaman, ternakan, ternak air ataupun industri asas tani dan mempunyai pendapatan bersih melebihi RM3,000 sebulan. Jabatan menjelaskan sasaran sebenar pendapatan petani di bawah Program GUT ialah sekurang-kurangnya RM1,000 sebulan kerana golongan sasaran merupakan petani yang mengusahakan pertanian berskala kecil dan kurang berkemampuan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menyemak dokumen yang berkaitan untuk pengesahan.

Analisis Audit terhadap maklum balas 110 borang soal selidik yang diterima daripada petani mendapati 25 orang atau 22.7% daripadanya memperoleh pendapatan bersih kurang daripada RM1,000 sebulan. Seramai 62 orang atau 56.4% petani memperoleh pendapatan bersih melebihi RM1,000 sebulan manakala 23 orang atau 20.9% petani mencapai tahap petani komersial iaitu memperoleh pendapatan bersih melebihi RM3,000 sebulan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2
Analisis Pendapatan Bersih Petani Berdasarkan Borang Soal Selidik

Bil.	Pendapatan Bersih	Sebelum Terima GUT		Selepas Terima GUT	
		Bil. Petani	(%)	Bil. Petani	(%)
1.	Kurang RM1,000	75	68.2	25	22.7
2.	RM1,000 – RM2,000	19	17.3	38	34.6
3.	RM2,001 – RM3,000	13	11.8	24	21.8
4.	RM3,001 dan ke atas	3	2.7	23	20.9
Jumlah		110	100	110	100

Sumber: Analisis Borang Soal Selidik, Jabatan Audit Negara

Semakan Audit terhadap rekod pengeluaran hasil 13 orang petani dan lawatan ke lima buah ladang di Daerah Batu Pahat mendapati petani yang berjaya meraih pendapatan bersih melebihi RM1,000 sebulan adalah petani yang telah menerima bantuan di bawah program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani, Jabatan Pertanian. Bantuan tersebut diterima daripada Jabatan ini ketika memulakan usaha pertanian dan petani terlibat merupakan usahawan tani. Antara bantuan yang diterima ialah peruntukan pembersihan kawasan, peruntukan penyediaan parit ladang, benih tanaman, peralatan fertigasi, sistem para dan sistem pengairan selain baja dan racun. Jumlah bantuan adalah antara RM8,526 hingga RM19,000 yang diterima pada tahun 2001 dan 2008. Petani ini mengusahakan tanaman kelapa matag dan sayuran dengan keluasan tanaman antara dua hingga 6.4 hektar. Menurut Jabatan ini bantuan di bawah Program GUT diberikan juga kepada mereka agar petani ini terus kekal dan bersemangat untuk mengusahakan tanaman. Contoh ladang petani yang berpendapatan melebihi RM1,000 sebulan adalah seperti di **Foto 7.1** dan **Foto 7.2**.

Foto 7.1
Ladang Kelapa Matang Yang Memperoleh
Pendapatan Melebihi RM1,000 Sebulan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Raja, Batu Pahat
Tarikh: 12 Ogos 2009

Foto 7.2
Ladang Sayur Yang Memperoleh
Pendapatan Melebihi RM1,000 Sebulan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Melayu Raya, Muar
Tarikh: 29 Julai 2009


Pemerhatian Audit terhadap petani yang tidak mencapai sasaran pendapatan sekurang-kurangnya RM1,000 sebulan pula mendapati ketidakupayaan mereka adalah disebabkan oleh jenis tanaman yang diusahakan dan keluasan tanah yang tidak sesuai walaupun Jabatan telah menyediakan panduan jenis tanaman berdasarkan bilangan pokok dan keluasan. Lawatan Audit ke Ladang Simpang Kiri di Daerah Batu Pahat mendapati petani yang terlibat mengusahakan tanaman nanas dengan keluasan tanaman kurang daripada 1.7 hektar. Di Daerah Muar pula, seorang petani yang memiliki tanah dengan keluasan purata antara 0.42 hingga 3.24 hektar tidak menanam sepenuhnya pokok buah-buahan dan nanas di tanah mereka walaupun bilangan pokok yang sepatutnya ditanam bagi sehektar telah dinyatakan dalam buku garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan. Selain itu, terdapat juga petani yang mengusahakan tanaman secara selingan dengan tanaman kelapa sawit. Contoh kawasan ladang petani yang memperoleh pendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan adalah seperti di **Foto 7.3** hingga **Foto 7.5**.

Foto 7.3
Ladang Petani Yang Memperoleh Pendapatan Kurang RM1,000 - Pokok Limau Yang Ditanam Secara Selingan Dengan Kelapa Sawit



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Sawah Ring, Muar
 Tarikh: 14 Oktober 2009

Foto 7.4
Ladang Petani Yang Memperoleh Pendapatan Kurang RM1,000 - Dusun



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Sawah Ring, Muar
 Tarikh: 14 Oktober 2009

Foto 7.5
Ladang Petani Yang Memperoleh Pendapatan Kurang RM1,000 – Tanaman Kontan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Parit Raja, Batu Pahat
 Tarikh: 12 Ogos 2009

Dengan pendapatan daripada hasil tanaman yang kurang daripada RM1,000 sebulan, petani akan beralih kepada punca pendapatan lain. Oleh itu, tumpuan terhadap ladang turut merosot dan sasaran Jabatan untuk menjadikan petani berskala kecil sebagai petani komersial tidak tercapai.

Pada pendapat Audit, pencapaian sasaran pendapatan petani Program GUT sekurang-kurangnya RM1,000 sebulan adalah baik kerana 85 (77.3%) daripada 110 petani memperoleh pendapatan bersih melebihi RM1,000 sebulan. Bagaimanapun, pencapaian ini masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya petani mengusahakan tanaman mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan.

7.4.2 Sasaran Mengurangkan Kos Bahan Input Tidak Tercapai

Objektif Program GUT dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan menasaskan pengurangan kos pengeluaran bahan tanaman yang ditanggung oleh petani dan menghasilkan pengeluaran tanaman yang maksimum dengan penggunaan bahan input pertanian yang disyorkan. Bagi tujuan itu, kaedah bantuan yang dicadangkan adalah pemberian keperluan bahan input dibekalkan terus kepada pekebun kecil pada kadar separuh harga untuk menampung sebahagian daripada kos pengeluaran yang sedang meningkat. Dengan itu, petani terpaksa membeli sendiri baki bahan input yang diperlukan. Bagaimanapun, sasaran pengurangan kos pengeluaran tidak dapat dicapai disebabkan faktor berikut:

a) Sasaran Pengurangan Kos Tidak Dijelaskan

Jabatan tidak menyatakan jumlah pengurangan kos dengan jelas bagi setiap input bantuan yang diberikan. Analisis Audit terhadap rekod pengesahan penerimaan input pertanian dan semakan ke atas 10 rekod ladang petani mendapati kos bahan input sebenar yang digunakan oleh petani adalah antara RM1,331 hingga RM25,260. Pengurangan 50% kos sepatutnya adalah berjumlah antara RM665 hingga RM12,630. Bagaimanapun, bantuan yang diberikan di bawah Program GUT hanya dapat menampung pengurangan kos antara RM59 hingga RM900 atau 0.9% hingga 15.9%. Oleh itu, bantuan yang diberikan hanya dapat menampung sebahagian kecil daripada keperluan sebenar petani. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 7.3**.

Jadual 7.3
Perbandingan Kos Bahan Input Yang Digunakan
Dengan Kos Bahan Input Yang Diterima Oleh Petani

Bil.	Petani	Kos Bahan Input Yang Digunakan (RM)	Kos Bahan Input Yang Diberi (RM)	Pengurangan Kos (%)
1.	Petani 1	3,776	59	1.6
2.	Petani 2	6,280	503	8.0
3.	Petani 3	16,590	788	4.7
4.	Petani 4	25,260	221	0.9
5.	Petani 5	7,324	843	11.5
6.	Petani 6	6,238	242	3.9
7.	Petani 7	4,815	496	10.3
8.	Petani 8	8,616	900	10.4
9.	Petani 9	1,331	212	15.9
10.	Petani 10	2,776	127	4.6

Sumber: Pejabat Pertanian Kawasan Peserai, Batu Pahat

Jabatan ini tidak dapat menambah kuantiti bantuan bahan input bagi membantu mengurangkan kos pengeluaran kerana peruntukan yang diterima tidak mencukupi. Ini menyebabkan Jabatan terpaksa menghadkan kuantiti bantuan bahan input yang diberikan kepada petani. Jumlah bantuan ini berbeza dengan jumlah bantuan yang diberikan oleh RISDA sebanyak RM6,000 hingga RM7,000 sehektar kepada petani kelapa sawit dan getah yang ingin menanam semula tanaman mereka.

b) Kenaikan Harga Bahan Input Di Pasaran

Kenaikan harga semasa bahan input dalam pasaran juga merupakan faktor utama sasaran mengurangkan kos bahan input tidak tercapai. Dengan jumlah peruntukan yang sama dan harga pasaran yang meningkat, kuantiti bahan input yang dapat disediakan untuk bantuan di bawah Program GUT pasti berkurangan. Contohnya, harga bahan input baja jenis *Muriate Of Potash* yang biasanya digunakan untuk tanaman nanas telah meningkat sehingga 194% pada tahun 2008 jika dibandingkan dengan harga pasaran tahun 2007. Bagaimanapun, pada tahun 2009 harga baja ini telah mengalami penurunan tetapi masih tinggi jika dibandingkan harga pada tahun 2007 bagi beberapa jenis baja. Harga bahan input baja di pasaran bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 7.4**.

Jadual 7.4
Harga Bahan Input (Baja) Di Pasaran Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Jenis Baja	Harga Pasaran			Peratus Kenaikan/(Penurunan)	
		2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)	2007 - 2008 (%)	2008 - 2009 (%)
1.	NPK Biru (Tempatan)	65	127	150	96.2	18.1
2.	NPK Biru (Import)	66	126	120	90.9	(4.8)
3.	Urea	65	146	80	124.6	(45.2)
4.	<i>Christmas Island Rock Phosphates</i>	35	64	27	82.9	(57.8)
5.	<i>Muriate Of Potash</i>	50	147	105	194.0	(28.6)
6.	Tahi Ayam Proses (Organik)	66	66	22	0.00	(66.6)
7.	<i>Complehumus</i>	120	160	55	33.3	(65.6)
8.	NPK Hijau (Import)	70	176	118	151.4	(32.9)

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Johor

Jabatan telah beralih kepada penggunaan baja organik untuk mengurangkan kebergantungan penggunaan baja kimia mulai tahun 2009 berdasarkan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor pada 12 Mac 2009.

Kesan daripada kenaikan kos baja pada tahun 2008, petani yang tidak berkemampuan telah mengurangkan penggunaan baja ke atas tanaman dan akhirnya menjejaskan kualiti tanaman mereka sekali gus memberi kesan kepada hasil pengeluaran. Kenaikan kos baja juga menyebabkan petani telah mengurangkan penggunaan bahan input yang lain seperti plastik hitam penutup batas atau *silver shine* dan racun. Akibatnya terdapat batas yang tidak ditutup seperti di **Foto 7.6** hingga **Foto 7.11**.

Foto 7.6
Penggunaan Silver Shine Yang Dipotong
Tidak Mengikut Saiz Sebenar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Melayu Raya, Muar
Tarikh: 29 Julai 2009

Foto 7.7
Saiz Sebenar Penggunaan Silver Shine



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sri Medan, Batu Pahat
Tarikh: 11 Ogos 2009

Foto 7.8
Pokok Nanas Tidak Subur Dan Buah Bersaiz Kecil Kerana Kekurangan Baja
Dan Keadaan Kebun Yang Semak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ulu Semerah, Air Hitam
Tarikh: 30 Julai 2009

Foto 7.9
Pokok Nanas Tidak Subur Dan Buah Bersaiz Kecil Kerana Kekurangan Baja
Dan Keadaan Kebun Yang Semak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ulu Semerah, Air Hitam
Tarikh: 30 Julai 2009

Foto 7.10
Keadaan Kebun Yang Semak Kerana Kekurangan Racun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Tanah Merah, Sungai Sudah, Muar
Tarikh: 30 Julai 2009

Foto 7.11



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Melayu Raya, Tangkak
Tarikh: 30 Julai 2009

Jabatan memaklumkan permohonan untuk menambah peruntukan telah dibuat pada setiap tahun berdasarkan kepada kenaikan harga bahan input pertanian. Bagaimanapun, peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri Johor adalah tidak jauh berbeza daripada tahun-tahun sebelumnya.

Pada pendapat Audit, pencapaian sasaran pengurangan kos terutamanya baja bagi pengeluaran bahan tanaman adalah kurang memuaskan kerana peratusan pengurangan adalah antara 0.9% hingga 15.9% sahaja. Kuantiti bantuan bahan input perlu selaras dengan kenaikan harga di pasaran agar pengurangan kos pengeluaran dapat mencapai sehingga 50%. Oleh itu, Jabatan seharusnya menyarankan kepada kerajaan agar kawalan harga baja tanaman patut dikenakan bagi meminimumkan kos pengeluaran makanan.

7.4.3 Petani Tidak Mengamalkan Penggunaan Bahan Input Yang Betul

Objektif Program GUT adalah untuk menggalakkan penggunaan bahan input yang betul supaya pengeluaran dapat dipertingkatkan. Berdasarkan Buku Ringkasan Panduan Pertanian yang disediakan Jabatan, jumlah keperluan bahan input adalah berbeza-beza mengikut jenis tanaman dan keluasan ladang bagi mendapatkan hasil pengeluaran yang maksimum. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 7.5**.

Jadual 7.5
Anggaran Keperluan Sebenar Bahan Input Setahun Dengan
Keluasan Tanaman Sehektar Mengikut Jenis Tanaman

Bil.	Jenis Tanaman	Jumlah Keperluan Bahan Input (Setahun)		
		Baja (Beg)	Racun (Tong)	Peralatan (Unit)
1.	Jagung (3 pusingan)	120	6	4
2.	Nanas	30	3	4
3.	Pisang	80	3	4
4.	Betik	120	5	4
5.	Sayuran Daun (4 pusingan)	800	16	4
6.	Sayuran Buah (3 pusingan)	600	6	4
7.	Kelapa Matag	40	3	4
8.	Dusun	40	3	4

Sumber: Unit Statistik, Jabatan Pertanian Negeri Johor

Semakan Audit mendapati petani Program GUT tidak menggunakan bahan input mengikut keperluan sebenar kerana faktor-faktor berikut:

a) Agihan Bantuan Tidak Mengikut Keperluan Sebenar

Jumlah bantuan yang diberikan adalah bergantung kepada bilangan petani yang memohon dalam sesebuah mukim. Semakan Audit terhadap sampel 100 orang petani menunjukkan kuantiti bantuan bahan input yang diterima oleh tujuh orang (7%) petani tidak mengikut keperluan sebenar berdasarkan keluasan ladang dan jenis tanaman. Petani hanya menerima bantuan baja antara dua hingga 15 beg setahun berbanding keperluan sebenar antara 30 hingga 800 beg baja setahun iaitu hanya 1.8% berbanding keperluan sebenar. Selain itu, keperluan bahan input lain seperti racun juga diterima antara satu hingga dua tong sahaja setahun berbanding keperluan sebenar iaitu antara tiga hingga 16 tong setahun. Bagi peralatan seperti kereta sorong dan *silver shine*, petani menerima antara satu hingga 15 unit/gulung setahun berbanding keperluan sebenar iaitu empat unit setahun. Terdapat juga petani yang tidak menerima langsung bantuan jika dibandingkan dengan keperluan sebenar. Maklumat mengenai perbandingan jumlah keperluan sebenar bahan input dengan jumlah bahan input yang diterima berdasarkan borang permohonan petani adalah seperti di **Jadual 7.6**.

Jadual 7.6
Keperluan Bahan Input Yang Diterima Setahun
Berbanding Keperluan Sebenar Sehektar Mengikut Jenis Tanaman

Bil.	Jenis Tanaman	Keluasan (Hektar)	Jumlah Keperluan Sebenar Bahan Input Setahun			Jumlah Keperluan Bahan Input Yang Diterima Setahun		
			Baja (Beg)	Racun (Tong)	Peralatan (Unit)	Baja (Beg)	Racun (Tong)	Peralatan (Unit)
1.	Jagung	1.5	120	6	4	5	2	0
2.	Nanas	5.7	30	3	4	0	0	2
3.	Pisang	1.8	80	3	4	4	0	1
4.	Betik	4.8	120	5	4	2	0	1
5.	Sayuran	4.8	800	16	4	0	0	15
6.	Kelapa Matag	2.1	40	3	4	4	0	0
7.	Ubi	4.0	80	3	4	15	0	0

Sumber: Borang Permohonan Program GUT

b) Kaedah Pengagihan Tidak Seragam

Berdasarkan kepada 100 sampel petani mendapati kaedah pengagihan yang tidak seragam antara mukim menyebabkan enam orang petani yang mengusahakan tanaman yang sama dengan keluasan tanaman yang sama mendapat jumlah bantuan yang berbeza. Petani yang mengusahakan tanaman kelapa seluas 1.2 hektar di Mukim Peserai, Batu Pahat menerima bantuan lima beg baja dan empat tong racun manakala petani di Mukim Sungai Sudah, Muar yang mengusahakan tanaman yang sama dengan keluasan yang sama hanya menerima dua beg baja, dua tong racun dan dua peralatan. Selain itu, petani di Mukim Sri Gading, Batu Pahat yang mengusahakan tanaman dusun seluas 0.4 hektar telah menerima empat beg baja dan satu tong racun, manakala petani di Mukim Senai-Kulai yang mengusahakan tanaman dengan keluasan yang sama pula menerima enam beg baja tanpa racun dan peralatan ladang. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 7.7**.

Jadual 7.7
Perbandingan Keperluan Bahan Input Yang Diterima Oleh Petani Bagi Tahun 2008
Berdasarkan Kepada Jenis Tanaman Dan Keluasan Tanaman

Bil.	Mukim	Jenis Tanaman	Keluasan Tanaman (Hektar)	Jumlah Keperluan Bahan Input Yang Diterima (Setahun)		
				Baja	Racun	Peralatan
1.	Sri Gading	Dusun	0.4	4	1	0
2.	Sawah Ring			3	0	1
3.	Senai-Kulai			6	0	0
4.	Peserai	Kelapa	1.2	5	2	0
5.	Parit Raja			4	1	0
6.	Sungai Sudah			2	2	2

Sumber: Borang Permohonan Program GUT

c) Agihan Bahan Input Lewat

Permohonan bantuan bahan input pertanian Program GUT diterima oleh Jabatan pada awal tahun dan kelulusan hanya diberikan kepada petani yang sedang mengusahakan tanaman mereka pada tahun berkenaan. Bagaimanapun, bahan input pertanian lewat diagihkan kepada petani berbanding dengan tarikh permohonan mereka. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan tempoh penerimaan bahan input pertanian berdasarkan rekod Jabatan kerana tiada tarikh dinyatakan dalam rekod pengesahan penerimaan berkenaan. Analisis Audit terhadap 110 maklum balas petani mendapati 68.2% permohonan bantuan diluluskan dalam tempoh melebihi enam bulan. Maklumat berkaitan tempoh permohonan bantuan diluluskan adalah seperti di **Jadual 7.8**.

Jadual 7.8
Analisis Tempoh Menunggu Kelulusan
Permohonan Bantuan Bahan Input Oleh Petani GUT

Bil.	Tempoh Menunggu	Bil. Petani	Peratus (%)
1.	1 hingga 2 bulan	5	4.5
2.	2 hingga 3 bulan	14	12.7
3.	3 hingga 4 bulan	6	5.5
4.	4 hingga 5 bulan	10	9.1
5.	Lebih 6 bulan	75	68.2
Jumlah		110	100

Sumber: Analisis Borang Soal Selidik

Kelewatan petani menerima bantuan ini menyebabkan bahan input yang diterima tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan seterusnya menjejaskan hasil pengeluaran serta pendapatan yang diperoleh.

Kegagalan petani menerima bahan input dengan segera, mencukupi serta bersesuaian dengan jenis tanaman mereka telah memberi kesan pencapaian objektif Program GUT untuk meningkatkan hasil pengeluaran ke tahap yang maksimum.

Jabatan memaklumkan bahawa pengagihan bantuan input adalah berdasarkan kepada jumlah permohonan yang diterima oleh pejabat pertanian daerah. Oleh sebab peruntukan yang diterima adalah sedikit dan terhad berbanding dengan permohonan yang tinggi, pejabat pertanian daerah terpaksa juga membuat agihan bantuan kepada semua petani yang layak. Oleh yang demikian, agihan bantuan tidak dapat dibuat mengikut keperluan sebenar projek dan hasil yang maksimum tidak dapat dikeluarkan. Kadar agihan bantuan juga berbeza antara daerah berdasarkan bilangan permohonan yang diterima dan jenis projek yang diusahakan. Jabatan akan meneliti perkara ini dan akan menetapkan kadar bantuan yang sesuai untuk setiap permohonan, selaras dengan jenis projek dan jumlah peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri.

Pada pendapat Audit, penggunaan bahan input bagi Program GUT adalah tidak memuaskan kerana bantuan yang diberikan tidak mengikut keperluan sebenar petani. Selain itu, kaedah pengagihan yang tidak seragam antara mukim dan agihan yang lewat boleh menjejaskan pengeluaran hasil yang maksimum.

7.4.4 Jumlah Peruntukan Diterima Tidak Mencukupi

Justifikasi aktiviti program dalam Anggaran Belanjawan Pembangunan Jabatan menganggarkan 10,000 orang petani kecil di Negeri Johor yang telah membuat permohonan akan menerima insentif daripada Program GUT yang berupa bahan input pertanian. Jabatan memaklumkan sasaran bilangan petani ini adalah untuk tempoh lima tahun iaitu bagi RMKe-9.

Semakan Audit terhadap agihan bantuan kepada petani bagi tahun 2007 hingga 2009 mendapati seramai 11,515 orang iaitu 15.2% melebihi sasaran 10,000 yang telah ditetapkan. Bilangan petani yang meningkat pada setiap tahun dengan jumlah peruntukan yang sama bagi tahun 2007 dan 2008 kemudian menurun pada tahun 2009, telah memberi kesan kepada jumlah bantuan yang diterima oleh setiap orang petani. Maklumat lanjut jumlah peruntukan dan bilangan petani mengikut daerah di Negeri Johor adalah seperti di **Jadual 7.9**.

Jadual 7.9
Peruntukan Kewangan Dan Jumlah Petani Program GUT

Bil.	Daerah	2007		2008		2009	
		Peruntukan (RM)	Bil. Petani	Peruntukan (RM)	Bil. Petani	Peruntukan (RM)	Bil. Petani
1.	Johor Bahru	40,000	26	40,000	97	45,000	57
2.	Batu Pahat	180,000	569	180,000	709	140,000	872
3.	Muar	180,000	80	180,000	1,900	130,000	1,917
4.	Segamat	60,000	0	70,000	544	60,000	537
5.	Mersing	80,000	50	70,000	433	70,000	974
6.	Kota Tinggi	50,000	105	50,000	300	50,000	557
7.	Pontian	50,000	550	50,000	103	50,000	173
8.	Kluang	50,000	264	55,000	166	55,000	532
9.	Ibu Pejabat (Pengurusan)	10,000	0	5,000	0	0	0
Jumlah		700,000	1,644	700,000	4,252	600,000	5,619

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Johor

Berdasarkan **Jadual 7.9**, purata jumlah bantuan diterima bagi seorang petani adalah berjumlah RM174 seorang daripada peruntukan kewangan berjumlah RM2 juta bagi tahun 2007 hingga 2009. Bilangan petani yang melebihi sasaran ini memberi kesan kepada jumlah bantuan yang sepatutnya diterima oleh seorang petani. Sebagai contoh, pada tahun 2009, seramai 1,917 orang petani di Daerah Muar telah menerima bantuan pada kadar purata RM67.81 bagi setiap orang petani dengan peruntukan sejumlah RM130,000. Jumlah ini adalah terlalu rendah berbanding dengan purata bantuan yang sepatutnya diterima sebanyak RM174 seorang. Maklumat lanjut kadar purata jumlah bantuan bagi setiap orang petani adalah seperti di **Jadual 7.10**.

Jadual 7.10
Purata Jumlah Bantuan Yang Diterima Oleh Setiap Orang Petani
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Daerah	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
1.	Johor Bahru	1,538.46	412.37	789.47
2.	Batu Pahat	316.34	253.88	160.55
3.	Muar	2,250.00	94.74	67.81
4.	Segamat	0.00	128.68	111.73
5.	Mersing	1,600.00	161.66	71.87
6.	Kota Tinggi	476.19	166.67	89.77
7.	Pontian	90.91	485.44	289.02
8.	Kluang	189.39	331.33	103.38
Purata		425.79	164.63	106.78

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jabatan ini tidak membuat perancangan yang terperinci berkaitan bilangan petani berasaskan kepada jumlah peruntukan yang diperoleh. Sasaran bilangan petani yang menerima bantuan untuk setiap tahun pula tidak ditentukan menyebabkan semua permohonan petani Program GUT akan diluluskan oleh Jabatan. Kesannya jumlah bantuan yang dapat diberikan kepada seorang petani akan berkurangan. Petani Program GUT tidak lagi mendapat jumlah bantuan mengikut keperluan sebenar dan ini akan turut mempengaruhi jumlah hasil pengeluaran tanaman. Jabatan seharusnya menetapkan bilangan petani

dengan kadar jumlah bantuan pada setiap tahun dengan lebih munasabah berdasarkan jumlah peruntukan yang diterima.

Jabatan memaklumkan bahawa sasaran utama Program GUT pada peringkat awalnya adalah untuk membantu golongan petani yang berminat untuk mengekalkan aktiviti-aktiviti pertanian supaya mereka tidak beralih ke bidang lain dan berhijrah ke bandar. Melalui cara ini, bekalan makanan adalah terjamin dan dapat menampung keperluan penduduk yang semakin bertambah. Pada waktu itu tiada kadar agihan yang ditetapkan, tetapi pihak Jabatan akan memastikan semua yang membuat permohonan di bawah program ini akan diberikan bantuan kelulusan peruntukan daripada Kerajaan Negeri Johor ('first come, first served').

Pada pendapat Audit, penetapan sasaran 10,000 bilangan petani yang menerima bantuan Program GUT untuk tempoh lima tahun adalah baik. Bagaimanapun, pelaksanaannya adalah kurang memuaskan kerana sasaran bilangan petani untuk setiap tahun tidak dinyatakan berasaskan peruntukan kewangan yang diperoleh.

7.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pelaksanaan dan pencapaian Program GUT adalah kurang memuaskan. Walaupun Program GUT menyalurkan bantuan input pertanian seperti baja, racun dan peralatan ladang pada kadar bayaran separuh harga kepada petani, peningkatan harga pasaran input pertanian menyebabkan petani masih perlu menanggung kos yang tinggi untuk terus beroperasi. Peserta Program GUT yang kebanyakannya terdiri daripada petani berskala kecil dan kurang berkemampuan tidak akan mampu menanggung peningkatan kos untuk membeli bahan input. Ini menyebabkan input pertanian yang digunakan kurang daripada yang sepatutnya. Jabatan disyorkan mengambil langkah untuk menambah baik pelaksanaan Program GUT seperti berikut:

- a)** Jabatan perlu menyediakan satu garis panduan yang lengkap dan seragam untuk dijadikan panduan oleh Pegawai Pertanian Kawasan dalam melaksanakan Program GUT. Garis panduan ini penting dalam pengagihan bahan input pertanian agar dibuat mengikut jenis tanaman dan keluasan kawasan.
- b)** Jabatan perlu membuat pengagihan bantuan bahan input seperti baja tepat pada masanya supaya pertumbuhan tanaman tidak terbantut dan menjamin hasil pengeluaran yang maksimum.
- c)** Jabatan perlu menggalakkan penggunaan teknologi pertanian terkini seperti sistem fertigasi dengan memberi modal kepada petani yang terpilih.
- d)** Jabatan perlu memohon peruntukan kewangan berdasarkan sasaran bilangan petani agar bantuan input pertanian dapat diberikan mengikut keperluan sebenar selaras dengan slogan '**Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**'.

8. PROGRAM PENGGALAKAN PELANCONGAN NEGERI JOHOR

8.1 LATAR BELAKANG

8.1.1 Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor (MTPNJ) yang beroperasi di Bangunan Pusat Informasi Pelancongan Negeri Johor (JOTIC) di Johor Bahru merupakan satu unit di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor yang bertanggungjawab merancang, melaksana dan memantau program penggalakan pelancongan bagi Negeri Johor. Matlamat utama program penggalakan pelancongan adalah memperkenalkan Negeri Johor sebagai destinasi pelancongan yang menarik, meningkatkan jumlah ketibaan pelancong/pelawat dan mengenal pasti produk pelancongan agar memenuhi keperluan pasaran di samping mengekalkan alam semula jadi. Sehubungan itu, MTPNJ akan melaksanakan fungsi untuk mencapai matlamat program yang ditetapkan antaranya ialah mengadakan promosi pelancongan, mengenal pasti produk baru pelancongan, membuat analisa dan penyelidikan, menyelaraskan aktiviti perusahaan pelancongan yang dikendalikan oleh jabatan atau agensi kerajaan dan bukan kerajaan di Negeri Johor serta memberikan penekanan terhadap isu kesihatan, keselesaan, keindahan, kebersihan dan keselamatan tempat pelancongan.

8.1.2 MTPNJ telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong antarabangsa dan domestik ke Negeri Johor sehingga 10 juta orang setahun bagi tempoh 2008 hingga 2012. Bagi mencapai sasaran tersebut, MTPNJ memfokuskan kepada strategi membangunkan sembilan teras pelancongan yang dikenal pasti, memperluaskan promosi dan pemasaran produk pelancongan, meningkatkan tahap keselamatan, kebersihan, kebolehcapaian dan keselesaan, mewujudkan acara *Hallmark* serta membangunkan infrastruktur pelancongan. Selain itu, MTPNJ telah mengenal pasti inventori produk pelancongan yang ada di Negeri Johor mulai tahun 2009 iaitu Ekopelancongan, Agropelancongan dan *Homestay*, Pantai dan Pulau, M.I.C.E (*Meeting, Incentives, Conferences and Exhibitions*), Golf, Membeli Belah dan Makanan, Kesihatan, Sukan serta Sejarah dan Kebudayaan. MTPNJ telah menerima sejumlah RM2.50 juta setahun daripada Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2007 hingga 2009 daripada peruntukan keseluruhan RM15 juta di bawah RMKe-9. MTPNJ juga menerima peruntukan daripada Kementerian Pelancongan Malaysia bagi membiayai program pelancongan peringkat kebangsaan dan negeri pada tahun 2007 berjumlah RM2.18 juta, RM7.91 juta pada tahun 2008 dan sejumlah RM3.14 juta bagi tahun 2009.

8.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada program penggalakan pelancongan oleh MTPNJ telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat program.

8.3 SKOP PENGAUDITAN DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah tertumpu kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap program penggalakan pelancongan oleh Unit Promosi dan Pemasaran, Unit Publisiti dan Perhubungan Awam serta Unit Projek dan Pembangunan Projek di MTPNJ pada tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen berkaitan garis panduan, polisi dan prosedur program, dokumen kewangan, kaedah perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Analisis terhadap prestasi kewangan program serta statistik pelancong ke Negeri Johor juga dibuat. Lawatan Audit telah dijalankan ke beberapa tempat pelancongan di Daerah Johor Bahru, Kota Tinggi dan Pontian berdasarkan bilangan inventori produk pelancongan yang dimiliki oleh setiap daerah dan potensi sebagai destinasi pelancongan menarik. Analisis juga dibuat terhadap 52 borang soal selidik yang telah diterima daripada pelancong serta masing-masing satu borang daripada Persatuan Pemandu-pemandu Pelancong Malaysia (Johor), Persatuan Hotel Malaysia (Johor) dan Persatuan Hotel Bajet Malaysia (Johor) selain temu bual untuk mendapatkan maklum balas dan seterusnya mengkaji keberkesanan program penggalakan pelancongan yang dijalankan oleh MTPNJ.

8.4 PENEMUAN AUDIT


Pengauditan yang dijalankan antara September hingga Disember 2009 mendapati pada keseluruhannya, pelaksanaan program penggalakan pelancongan oleh MTPNJ kurang memuaskan di mana terdapat beberapa kelemahan yang menjejaskan pencapaian matlamat dan sasaran program penggalakan pelancongan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah penurunan statistik pelancong ke Negeri Johor sebanyak 34% pada tahun 2009 berbanding tahun 2008, produk pelancongan tidak dipromosikan sepenuhnya dan tidak dijaga dengan baik serta kekurangan kemudahan kepada pelancong. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

8.4.1 Prestasi Kemasukan Pelancong Ke Negeri Johor

MTPNJ telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong antarabangsa dan domestik ke Negeri Johor sehingga 10 juta orang setahun bagi tempoh 2008 hingga 2012. Sasaran tersebut adalah berdasarkan statistik daripada Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM). Pada tahun 2007, statistik LPPM mencatatkan kemasukan pelancong domestik dan antarabangsa ke Negeri Johor adalah 3.77 juta orang, 5.35 juta pada tahun 2008 dan 3.53 juta pada tahun 2009. Analisis Audit terhadap rekod tersebut mendapati kemasukan pelancong domestik dan antarabangsa meningkat pada

tahun 2008 berbanding tahun 2007 sejumlah 1.58 juta atau 41.9%. Bagaimanapun, pada tahun 2009, penurunan berlaku sejumlah 1.82 juta atau 34% berbanding tahun 2008 terutamanya melibatkan pelancong domestik iaitu hampir 50%. Bagi pelancong antarabangsa pula mencatatkan seramai 1.21 juta pada tahun 2007, 1.70 juta pada tahun 2008 dan 1.60 juta pada tahun 2009. Bilangan kemasukan pelancong ke Negeri Johor berdasarkan rekod LPPM adalah seperti di **Carta 8.1**.

Carta 8.1
Rekod Kemasukan Pelancong Ke Negeri Johor



Sumber: LPPM

Berdasarkan **Carta 8.1**, pencapaian sasaran MTPNJ untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong antarabangsa dan domestik ke Negeri Johor sehingga 10 juta orang setahun bagi tempoh 2008 hingga 2012 adalah rendah iaitu 53.5% pada tahun 2008 dan 35.3% pada tahun 2009.

Pihak Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Sultan Ismail, Senai menyatakan perbincangan telah diadakan dengan MTPNJ, agensi pelancongan dan hotel untuk mengenal pasti kaedah terbaik bagi menggalakkan kedatangan pelancong ke Negeri Johor. Pihaknya juga mengharapkan kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi menjayakan usaha penggalakan pelancong ke Negeri Johor.

Pada pendapat Audit, prestasi kemasukan pelancong ke Negeri Johor adalah kurang memuaskan kerana pencapaian sasaran adalah rendah pada tahun 2008 dan 2009.

8.4.2 Prestasi Program Penggalakan Pelancongan

a) Pencapaian Pelaksanaan Program Pemasaran, Pameran dan Acara Pelancongan

Pada setiap tahun, MTPNJ menyediakan rancangan untuk pemasaran, misi pemasaran ke luar negara, pameran dalam dan luar negara, mengadakan acara pelancongan serta

percetakan risalah. Pelaksanaan program berbanding perancangan bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Pelaksanaan Program Pemasaran, Pameran Dan Acara Pelancongan Berbanding Perancangan Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Jenis Program	2007		2008		2009	
		Rancang	Sebenar	Rancang	Sebenar	Rancang	Sebenar
1.	Pameran dan Misi Pemasaran	13	10	0	17	20	12
2.	Acara Pelancongan	31	8	14	26	10	11
3.	Pembangunan Pemasaran Produk	3	0	0	2	0	1
Jumlah		47	18	14	45	30	24
Pencapaian (%)		38.3		321.4		80	

Sumber: Anggaran Perbelanjaan dan Laporan Kewangan MTPNJ

Merujuk kepada **Jadual 8.1**, MTPNJ telah melaksanakan 38.3% program pada tahun 2007, sebanyak 321.4% program pada tahun 2008 dan 80% pada tahun 2009 berbanding yang dirancang. Pelaksanaan program kurang 50% pada tahun 2007 adalah disebabkan peruntukan kewangan sejumlah RM2.04 juta telah ditarik balik daripada RM2.50 juta yang diterima daripada Kerajaan Negeri Johor berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi tujuan pemberian bantuan kepada mangsa banjir. MTPNJ telah melaksanakan programnya pada tahun 2008 melebihi 100% berbanding tahun 2007 daripada perancangan walaupun Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor telah memutuskan untuk menarik balik sejumlah RM0.56 juta daripada peruntukan kewangan yang diterima atas dasar perbelanjaan berhemat. Pelaksanaan acara pelancongan yang melebihi 100% pada tahun 2008 adalah disebabkan pertambahan peruntukan kewangan daripada Kementerian Pelancongan Malaysia sebanyak 119.9% iaitu daripada RM4.17 juta pada tahun 2007 kepada RM9.17 juta pada tahun 2008.

Pada tahun 2007 hingga 2009, selain mengadakan pameran dan misi pemasaran antarabangsa ke Singapura, China dan Indonesia, MTPNJ telah mengadakan program yang serupa ke Taiwan, Korea dan India. Semakan Audit mendapati misi pemasaran MTPNJ ke Taiwan dan Korea yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM58,650 tidak melonjakkan kedatangan pelancong ke Negeri Johor kecuali program ke Negara India yang menunjukkan sedikit lonjakan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 8.2**.

Jadual 8.2
Kekerapan Program Pemasaran Ke Taiwan, Korea dan India Berbanding Jumlah Kedatangan Pelancong ke Negeri Johor Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Negara	Kekerapan Program			Bilangan Pelancong (Orang)		
		2007	2008	2009	2007	2008	2009
1.	Taiwan	0	1	0	24,746	33,055	35,434
2.	Korea	0	1	0	109,578	110,580	82,400
3.	India	1	0	0	101,369	183,393	203,286

Sumber: MTPNJ dan Jabatan Imigresen Negeri Johor

Pada pendapat Audit, program promosi dan misi pemasaran antarabangsa oleh MTPNJ ke negara selain Singapura, Indonesia dan China didapati kurang berkesan kerana tidak menyumbang kepada peningkatan statistik kedatangan pelancong ke Negeri Johor. MTPNJ seharusnya berupaya mengenal pasti negara yang berpotensi menyumbang peningkatan pelancong sebelum memutuskan mengadakan pemasaran di negara tersebut.

b) Produk Pelancongan Kurang Pemasaran Dan Publisiti

Lawatan Audit ke sembilan tempat pelancongan di Daerah Kota Tinggi, Johor Bahru dan Pontian mendapati kurang publisiti dibuat oleh MTPNJ melalui *billboard* dan papan iklan mengenai pantai-pantai, pusat agropelancongan, makam-makam, taman-taman awam serta tempat bersejarah. Menurut rekod MBBJ, sebanyak dua *electronic billboard* disediakan di sekitar Bandar Raya Johor Bahru di mana ia belum digunakan untuk pemasaran tempat pelancongan di Daerah Johor Bahru. Menurut MTPNJ, permohonan peruntukan kewangan telah dikemukakan kepada Kementerian Pelancongan Malaysia untuk program pemasaran melalui papan iklan dan *billboard* tetapi telah ditolak memandangkan ia melibatkan kos yang tinggi. Pada masa kini, MTPNJ hanya membuat pemasaran melalui edaran risalah kepada hotel dan semasa pameran pelancongan. Kekurangan pemasaran dan publisiti bagi pantai pelancongan di Kota Tinggi telah dibangkitkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri semasa Persidangan Dewan Negeri Johor pada November 2009. Isu kekurangan publisiti mengenai Hutan Bandar Johor Bahru sebagai tempat riadah telah disiarkan dalam akhbar Berita Harian ruangan Johor bertarikh 28 Disember 2009 seperti di **Foto 8.1**.

Foto 8.1
Keratan Akhbar Mengenai Hutan Bandar Yang Disiarkan
Dalam Berita Harian Ruangan Johor



Sumber: Berita Harian
Tarikh : 28 Disember 2009

Kekurangan pemasaran dan publisiti mengenai tempat pelancongan akan memberi kesan kepada sambutan pengunjung yang tidak menggalakkan serta ekonomi penduduk setempat dan Negeri Johor.

c) Pusat Informasi Pelancong Tidak Berfungsi Sepenuhnya

MTPNJ ada menyediakan Pusat Informasi Pelancong di lapan daerah di mana pelancong boleh mendapatkan risalah mengenai tempat pelancongan dan kemudahan dalam industri pelancongan di Negeri Johor. Lawatan Audit ke Pusat Informasi Pelancong di Bangunan JOTIC Johor Bahru yang juga menempatkan pejabat MTPNJ dan LPPM mendapati ia kurang dikunjungi pelancong serta suasana yang suram dan gelap. Selain itu, tiada papan tanda dan papan tunjuk arah di pintu masuk Bangunan JOTIC di tingkat bawah yang menunjukkan arah ke pejabat MTPNJ di tingkat lima bangunan tersebut. Suasana Pusat Informasi Pelancong di Bangunan JOTIC Johor Bahru adalah seperti di **Foto 8.2** dan **Foto 8.3**.

Foto 8.2
Pusat Informasi Pelancong Di JOTIC
Yang Lengang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Air Molek, Johor Bahru
Tarikh: 11 Disember 2009

Foto 8.3
Lobi Lif Di Tingkat Bawah JOTIC
Yang Gelap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Air Molek, Johor Bahru
Tarikh: 11 Disember 2009

Lawatan Audit ke Pusat Informasi Pelancong di Daerah Pontian mendapati pusat tersebut tidak dibuka dan pintu pagar berkunci seperti di **Foto 8.4** dan **Foto 8.5**.

Foto 8.4
Pusat Informasi Pelancong Di Daerah Pontian Tidak Dibuka Dan Berkunci



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Dato' Ali, Pontian
Tarikh: 30 Disember 2009*

Foto 8.5



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Dato' Ali, Pontian
Tarikh: 30 Disember 2009*

Analisis Audit terhadap 52 borang soal selidik yang telah dikemukakan kepada pelancong mendapati 30 responden atau 57.7% menyatakan tidak pernah mengunjungi Pusat Informasi Pelancong di Bangunan JOTIC di mana 28 responden atau 53.8% menyatakan tidak mengetahui lokasi bangunan tersebut. Antara sebab Pusat Informasi Pelancong di Bangunan JOTIC dan di Daerah Pontian tidak dikunjungi ialah:

- i) Tiada papan tanda arah disediakan di perhentian bas/teksi di hadapan Bangunan MBBJ yang merupakan hentian utama bus dan teksi dari arah timur Johor serta dari Terminal Bas Larkin. Ini menyebabkan pelancong dan warga tempatan tidak mengetahui lokasi Bangunan JOTIC;
- ii) Tiada perkhidmatan bus awam yang melalui Jalan Ayer Molek mulai akhir tahun 2008 iaitu selepas Bangunan Kompleks Sultan Iskandar (CIQ) dan persimpangan bertingkat Jalan Ayer Molek siap dibina; dan
- iii) MTPNJ tidak memantau dan membuat lawatan ke Pusat Informasi Pelancong di daerah.

Pusat Informasi Pelancong yang tidak berfungsi sebagaimana tujuan penubuhannya menunjukkan kegagalan MTPNJ menyediakan kemudahan kepada pelancong dan memberikan imej negatif terutamanya kepada pelancong luar negara.

MTPNJ memaklumkan program pengindahan, menaik taraf kemudahan awam dan program pemasaran Pusat Informasi Pelancong di Bangunan JOTIC akan dilaksanakan secara agresif mulai tahun 2010 memandangkan pengurusan bangunan tersebut baru diambil alih oleh MBBJ.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan program penggalakan pelancong ke Negeri Johor adalah kurang berkesan kerana perancangan program tidak dilaksanakan sepenuhnya, tiada penekanan terhadap program pemasaran dan publisiti produk pelancongan serta Pusat Informasi Pelancong tidak berfungsi sepenuhnya.

8.4.3 Produk Pelancongan

MTPNJ telah mengenal pasti sebanyak 167 produk pelancongan dan dikategorikan mengikut sembilan teras pelancongan untuk dibangunkan dan dipromosikan termasuk aspek kebersihan dan keselesaan kepada pelancong seperti di **Jadual 8.3**.

Jadual 8.3
Sembilan Teras Pelancongan Dan Bilangan Inventori Produk Yang Ada Di Negeri Johor

Bil.	Teras Pelancongan	Definisi	Bil. Inventori Produk
1.	Agropelancongan dan <i>Homestay</i>	a) Pertanian, pusat ternakan b) Perusahaan inap desa (<i>homestay</i>)	15 15
2.	Membeli Belah dan Makanan	a) Pusat membeli belah b) Pusat makanan	25 8
3.	Ekopelancongan	a) Taman-taman negara b) Pusat rekreasi dan taman awam	6 20
4.	Kesihatan	Hospital dan pusat perubatan swasta	17
5.	Sejarah dan Kebudayaan	Kawasan dan bangunan bersejarah	16
6.	Golf	Padang golf	16
7.	Pantai dan Pulau	a) Pantai b) Kepulauan	12 1
8.	Sukan	Acara sukan peringkat kebangsaan dan antarabangsa	9
9.	M.I.C.E (<i>Meeting, Incentives, Conferences and Exhibitions</i>)	Kemudahan tempat persidangan/ mesyuarat/kursus	7
Jumlah			167

Sumber: *Pelan Strategi dan Rekod Inventori Produk Pelancongan MTPNJ*

Pemerhatian Audit terhadap usaha MTPNJ ke atas produk pelancongan di Negeri Johor adalah seperti berikut:

a) Tempat Pelancongan Tidak Disenggarakan

Lawatan Audit ke tempat pelancongan di Daerah Johor Bahru dan Kota Tinggi mendapati tempat pelancongan tidak disenggarakan dan dijaga dengan baik seperti berikut:

- i) **Kebersihan Dan Keindahan Tempat Pelancongan Tidak Memuaskan** -Lawatan Audit ke makam bersejarah dan pantai di Daerah Kota Tinggi serta tempat pelancongan di Daerah Johor Bahru mendapati semak, tumbuhan mati, sampah bertaburan dan rumah usang bersebelahan kawasan makam yang mencacatkan pandangan seperti di **Foto 8.6** hingga **Foto 8.11**.

Foto 8.6
Rumah Usang Bersebelahan Kawasan Makam Laksamana Bentan, Kota Tinggi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Makam Laksamana Bentan, Kota Tinggi
Tarikh: 18 November 2009

Foto 8.7
Rumah Usang Bersebelahan Kawasan Makam Laksamana Bentan, Kota Tinggi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Makam Laksamana Bentan, Kota Tinggi
Tarikh: 18 November 2009

Menurut MDKT, tindakan untuk merobohkan rumah usang di tanah milik persendirian berdekatan Makam Laksamana Bentan sukar diambil kerana ia terletak di luar kawasannya.

Foto 8.8
Kawasan Semak Dan Sampah Bertaburan Di Makam Tauhid, Kota Tinggi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Makam Tauhid, Kota Tinggi
Tarikh: 18 November 2009

Foto 8.9
Kawasan Semak Dan Sampah Bertaburan Di Makam Tauhid, Kota Tinggi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Makam Tauhid, Kota Tinggi
Tarikh: 18 November 2009

Foto 8.10
Tembok Yang Berlumut Di Taman Rekreasi
Merdeka, Johor Bahru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Rekreasi Merdeka, Johor Bahru
Tarikh: 9 Disember 2009

Foto 8.11
Tumbuhan Mati Di Taman Rekreasi
Merdeka, Johor Bahru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Rekreasi Merdeka, Johor Bahru
Tarikh: 9 Disember 2009

- ii) **Kerosakan Kemudahan Awam** - Lawatan Audit ke Pantai Teluk Mahkota di Daerah Kota Tinggi dan Taman Rekreasi Merdeka di Johor Bahru mendapati kemudahan awam seperti bangku batu, tempat berehat serta tandas awam telah rosak dan kotor seperti di **Foto 8.12** hingga **Foto 8.15**.

Foto 8.12 **Bangku Dan Tempat Rehat Yang Rosak Di Pantai Teluk Mahkota, Kota Tinggi**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Teluk Mahkota, Kota Tinggi
Tarikh: 18 November 2009

Foto 8.13 **Bangku Dan Tempat Rehat Yang Rosak Di Pantai Teluk Mahkota, Kota Tinggi**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Teluk Mahkota, Kota Tinggi
Tarikh: 18 November 2009

Foto 8.14
Tandas Yang Telah Rosak Dan Kotor
Di Taman Rekreasi Merdeka, Johor Bahru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Rekreasi Merdeka, Johor Bahru
Tarikh: 9 Disember 2009

Foto 8.15
Lampu Tandas Yang Telah Rosak
Di Taman Rekreasi Merdeka, Johor Bahru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Rekreasi Merdeka, Johor Bahru
Tarikh: 9 Disember 2009

Semakan Audit mendapati penyenggaraan produk pelancongan tidak dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab iaitu Jabatan Agama Johor dan Jabatan Warisan Negara bagi penyenggaraan makam, MDKT dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) bagi penyenggaraan Pantai Teluk Mahkota dan penyenggaraan Taman Rekreasi Merdeka oleh MBBJ. Sampah dan kemudahan awam yang rosak serta kotor mencacatkan pemandangan pengunjung. Berdasarkan temu bual pihak Audit dengan pegawai MBBJ, kerja penyenggaraan di Taman Rekreasi Merdeka tidak dapat dilakukan sepenuhnya kerana pembangunan fasa pertama tempat rekreasi tersebut yang sepatutnya siap pada tahun 2007 masih belum diserahkan oleh kontraktor kepada MBBJ. Tempat pelancongan dan kemudahan awam yang tidak disenggarakan dengan baik telah dibangkitkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri semasa Persidangan Dewan Negeri Johor pada bulan November 2009. Ini menunjukkan MTPNJ tidak menjalankan fungsi dengan baik dalam memantau dan menyelaraskan pihak-pihak yang berkaitan untuk menyenggara tempat pelancongan.

MTPNJ juga mengakui tiada mesyuarat penyelarasan diadakan untuk menyelesaikan masalah pertindihan kuasa menyenggarakan kawasan makam.

- iii) **Tempat Sejarah Tidak Dipagarkan Dan Diwartakan** - Lawatan Audit telah menemui satu kawasan di hadapan rumah persendirian yang dikenal pasti sebagai tempat Sultan Mahmud mangkat ditikam ketika dijulang yang tidak dipagar. Pihak Audit dimaklumkan tempat tersebut tidak pernah diwartakan sebagai tempat bersejarah kerana tiada sebarang usaha diambil sama ada oleh MTPNJ mahupun agensi yang berkaitan. Tempat bersejarah dan makam di Daerah Kota Tinggi yang tidak diwartakan dan tidak dijaga dengan baik boleh menyebabkan kesan sejarah

hilang di arus peredaran zaman, pembangunan kemodenan dan tidak dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

MDKT memaklumkan tindakan pewartaan terhadap tempat Sultan Mahmud mangkat ditikam sukar diambil kerana ia melibatkan kawasan tanah persendirian.

b) Sambutan Pelancong Ke Acara *Hallmark*

Acara *Hallmark* merupakan acara pelancongan yang difokuskan untuk memberi impak yang berkesan kepada pelancongan Negeri Johor. Ia dijangka dapat meningkatkan statistik kedatangan pelancong ke Negeri Johor sebagaimana strategi MTPNJ yang kedua. Analisis Audit terhadap bilangan peserta dan negara yang menyertai sembilan acara *Hallmark* yang telah diadakan pada tahun 2007 hingga 2009 mendapati tiga acara mencatatkan jumlah peserta yang tinggi iaitu *Desaru-Pengerang International Triathlon*, Festival Kesenian Johor Bahru dan Festival Layang-layang Pasir Gudang. Bagaimanapun, terdapat penurunan jumlah peserta bagi acara Festival Layang-layang Pasir Gudang pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 iaitu sebanyak 7.6% dan penurunan sebanyak 14% bagi acara *Desaru-Pengerang International Triathlon* pada tahun yang sama. Empat acara yang lain mencatatkan penurunan jumlah peserta antara 7.6% hingga 95.9% pada tahun 2009 berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, dua acara yang mempunyai potensi untuk menjadi acara *Hallmark* gemilang adalah Pameran Orkid dan Bonsai Antarabangsa Johor Bahru dan *Iskandar Golf Open*. MTPNJ perlu mempergiatkan pemasaran bagi acara Pameran Orkid dan Bonsai Antarabangsa Johor Bahru untuk menarik lebih banyak penyertaan dari dalam dan luar Negara memandangkan ia telah mendapat pengiktirafan dalam *Malaysia Book of Record* sebagai “Pameran Orkid Terbesar di Malaysia”.

c) Sambutan Pelancong Ke Program *Homestay*

Strategi pertama MTPNJ untuk menarik kedatangan pelancong ke Negeri Johor antaranya ialah membangunkan komponen *homestay* dengan lebih meluas lagi. Mengikut rekod MTPNJ, terdapat 15 *homestay* di enam daerah di Negeri Johor melibatkan 528 pengusaha yang menyediakan sebanyak 780 bilik. Semakan Audit terhadap rekod kedatangan pelancong yang menyertai program *homestay* di Negeri Johor pada tahun 2007 hingga 2009 mendapati berlaku peningkatan sebanyak 1% kedatangan pelancong pada tahun 2009 berbanding tahun 2008. Lapan daripada 15 pengusaha *homestay* mencatatkan peningkatan kedatangan pelancong pada tahun 2009 berbanding tahun 2008, manakala 7 pengusaha yang lain mencatatkan penurunan di mana tiga pengusaha langsung tidak menerima kedatangan pelancong. Analisis Audit terhadap kedatangan pelancong ke *homestay* di Negeri Johor pada tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 8.4**.

Jadual 8.4
Kedatangan Pelancong Ke *Homestay* Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Kedatangan Pelancong	Bil. Pengusaha <i>Homestay</i>	Peratus (%)
Melebihi 5,000	3	20.0
3,000 – 4,999	3	20.0
1,000 – 2,999	2	13.3
Kurang 1,000	7	46.7
Jumlah	15	

Sumber: Rekod MTPNJ

Walaupun berlaku peningkatan kedatangan pelancong pada tahun 2009, semakan Audit mendapati kebanyakan aktiviti pemasaran dan publisiti serta pembangunan perusahaan *homestay* dijalankan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia. Ini dapat dilihat semasa penyediaan bajet tahun 2007 hingga 2009 oleh MTPNJ di mana:

- i) MTPNJ tidak menyediakan perancangan dan bajet untuk *homestay* pada tahun 2009;
- ii) MTPNJ tidak melaksanakan pembangunan dan pemasaran *homestay* yang dirancang pada tahun 2007 yang melibatkan kos RM0.13 juta;
- iii) MTPNJ tidak mempunyai perancangan pembangunan dan penyelidikan terhadap produk sedia ada dan produk baru; dan
- iv) Pembangunan *homestay* banyak bergantung kepada peruntukan kewangan daripada Kementerian Pelancongan Malaysia.

Temu bual Audit dengan pengusaha *homestay* tersebut mendapati bantuan kewangan untuk menaik taraf *homestay* sukar diperolehi daripada MTPNJ dan kekurangan papan tanda arah yang menyukarkan pelancong luar Negeri Johor untuk ke *homestay* tersebut. Semakan Audit mendapati 9 daripada 15 pengusaha mencatatkan penurunan pendapatan pada tahun 2009 berbanding tahun 2008. Tiga daripadanya tidak memperoleh pendapatan pada tahun 2009 berbanding tahun 2008. Analisis Audit terhadap rekod pendapatan 15 pengusaha *homestay* bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 8.5**.

Jadual 8.5
Pendapatan 15 Pengusaha *Homestay* Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Pendapatan Pengusaha <i>Homestay</i>	Bil. Pengusaha	Peratus (%)
Melebihi RM100,000	5	33.3
RM10,000 – RM99,999	8	53.4
Kurang RM10,000	2	13.3
Jumlah Pengusaha	15	

Sumber: Rekod MTPNJ

Berdasarkan rekod MTPNJ, lima *homestay* mencatatkan pendapatan tertinggi bagi tempoh 2007 hingga 2009. Bagaimanapun, dua daripadanya mencatatkan penurunan pendapatan pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 iaitu *Homestay* Felda Semenchu sebanyak 3.2% dan *Homestay* Kampung Sri Gunung Pulai sebanyak 70.7%. Penekanan yang kurang diberikan oleh pihak MTPNJ dari aspek promosi dan publisiti serta pembangunan produk *homestay* boleh menjejaskan kejayaan program *homestay* yang berpotensi menjadi penyumbang utama industri pelancongan Negeri Johor sekali gus

memberi manfaat kewangan kepada penduduk setempat. Kesan ini amat dirasai bagi pengusaha *homestay* yang tidak mempunyai sumber kewangan lain dan hanya bergantung kepada pihak MTPNJ dan Kementerian Pelancongan Malaysia. Ketiadaan inisiatif pihak MTPNJ menjalankan penyelidikan dalam membangun atau memperkenalkan produk baru juga telah menyebabkan produk *homestay* sedia ada tidak dapat dipelbagaikan untuk ditawarkan kepada pelancong.

d) Penilaian Pelancong Terhadap Produk Pelancongan

Analisis Audit terhadap 52 borang soal selidik untuk menilai kepuasan hati pelancong dan tiga borang soal selidik yang diedarkan kepada persatuan yang berkaitan pelancongan mendapati 34.5% responden menyatakan pantai dan pusat membeli belah menjadi tarikan utama pelancong ke Negeri Johor. Ini diikuti dengan pusat makanan dan buah-buahan sebanyak 30.9% dan pulau sebanyak 29.1% responden. Pusat Agropelancongan dan *Homestay* merupakan produk yang paling tidak menjadi tarikan utama pelancong iaitu 5.5% responden selain daripada taman-taman negara dan M.I.C.E iaitu hanya 12.7% responden yang memilihnya. Walaupun pantai menjadi tarikan utama pelancong, hanya 65.4% responden menyatakan produk tersebut amat menarik atau menarik sebaliknya pusat makanan dan buah-buahan serta pusat membeli belah adalah amat menarik atau menarik iaitu mewakili 85.5% dan diikuti golf sebanyak 80%. Penilaian pelancong terhadap produk pelancongan Negeri Johor adalah seperti di **Jadual 8.6**.

Jadual 8.6
Penilaian Pelancong Terhadap Produk Pelancongan Negeri Johor

Bil.	Produk Pelancongan	Penilaian (%)				
		Tarikan Utama	Amat Menarik	Menarik	Kurang Menarik	Tidak Menarik
1.	Pantai	34.5	14.5	50.9	21.8	3.6
2.	Pusat Membeli Belah	34.5	27.3	50.9	9.1	5.5
3.	Buah-buahan dan Makanan	30.9	29.1	56.4	5.5	1.8
4.	Pulau	29.1	21.8	56.4	3.6	3.6
5.	Kebudayaan dan Kesenian	27.3	20.0	43.6	18.2	3.6
6.	Tempat Bersejarah	27.3	20.0	43.6	20.0	3.6
7.	Golf	18.2	25.5	54.5	5.5	7.3
8.	Pusat Rekreasi, Taman Awam, Sukan dan Riadah	18.2	10.9	50.9	16.4	7.3
9.	Taman-taman Negara	12.7	18.2	43.6	20.0	5.5
10.	M.I.C.E (<i>Meeting, Incentives, Conferences and Exhibitions</i>)	12.7	10.9	50.9	9.1	3.6
11.	Pusat Agropelancongan dan <i>Homestay</i>	5.5	16.4	41.8	25.5	3.6

Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Berdasarkan **Jadual 8.8** diatas, MTPNJ perlu mempertingkatkan tahap kemudahan awam, kebersihan dan keindahan pantai memandangkan ia menjadi tarikan utama pelancong ke Negeri Johor. Selain itu, promosi dan publisiti perlu dipertingkatkan untuk menarik pelancong mengunjungi taman negara, pusat agropelancongan dan *homestay* yang berpotensi menjadi tarikan utama pelancong.

Pada pendapat Audit, MTPNJ belum melaksanakan fungsinya dalam membangunkan produk pelancongan kerana tiada produk baru diperkenalkan dan produk sedia ada tidak dijaga dengan baik hingga menyebabkan kerosakan dan kotor. Selain itu, penekanan kurang diberikan oleh MTPNJ daripada aspek pemasaran dan publisiti serta pembangunan produk *homestay*.

8.4.4 Keselamatan Pelancong

Strategi MTPNJ adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan pelancong di tempat-tempat pelancongan bagi menggalakkan kedatangan pelancong ke Negeri Johor. Semakan Audit mendapati wakil daripada Persatuan Pelancong Negeri Johor telah membangkitkan mengenai aduan pelancong dari Negara Singapura terhadap isu keselamatan di pusat membeli belah dan beberapa kawasan di Daerah Johor Bahru yang dianggap berbahaya semasa sesi dialog antara Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor dengan Badan-badan Bukan Kerajaan Dalam Industri Pelancongan yang diadakan pada September 2008. Berdasarkan rekod Ibu Pejabat Kontinjen Polis Negeri Johor (IPK Johor), sebanyak 1,118 kes jenayah melibatkan pelancong luar negara telah dilaporkan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 seperti di **Jadual 8.7**.

Jadual 8.7
Statistik Kes Jenayah Yang Dilaporkan Oleh Pelancong Luar Negara
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Jenis Jenayah	Negara Pelancong	Tahun			Jumlah
			2007	2008	2009	
1.	Ragut	Australia	0	1	0	1
Jumlah			0	1	0	1
2.	Kehilangan Harta Benda	Singapura	328	352	312	992
		China	3	1	0	4
		Jepun	2	0	1	3
		Nepal	0	0	2	2
		Australia	2	0	0	2
		German	2	0	0	2
		Korea	0	0	1	1
		Sweden	0	0	1	1
		Eropah	0	0	1	1
British	0	0	1	1		
Jumlah			337	353	319	1,009
3.	Bunuh	Singapura	2	0	1	3
Jumlah			2	0	1	3
4.	Rompakan	Singapura	0	0	99	99
		Thailand	0	0	1	1
		Pakistan	0	0	1	1
		Caucasian	0	0	1	1
Jumlah			0	0	102	102
5.	Mendatangkan Kecederaan	Singapura	0	0	2	2
		Perancis	0	0	1	1
Jumlah			0	0	3	3
Jumlah Besar			339	354	425	1,118

Sumber: Rekod IPK Johor

Analisis Audit berdasarkan **Jadual 8.9** mendapati secara keseluruhannya, statistik kes jenayah yang dilaporkan oleh pelancong luar negara di Negeri Johor meningkat setiap tahun bagi tahun 2007 hingga 2009 iaitu:

- a) Peningkatan sebanyak 4.4% pada tahun 2008 berbanding 2007;
- b) Peningkatan sebanyak 20.1% pada tahun 2009 berbanding 2008;
- c) Pelancong Singapura mencatatkan laporan jenayah paling tinggi iaitu 1,096 kes atau 98% berbanding pelancong lain; dan
- d) Sebanyak 1,009 kes atau 90.3% adalah mengenai laporan kehilangan harta benda.

Temu bual pihak Audit dengan pegawai di IPK Johor mendapati kes jenayah yang tinggi direkodkan oleh pelancong Singapura adalah disebabkan sebahagian besar warga Singapura yang melaporkan jenayah menetap dan menjalankan perniagaan di Negeri Johor. Selain itu, langkah keselamatan kurang dilaksanakan seperti rondaan oleh polis/polis pelancong/anggota sukarelawan dan pemasangan CCTV di sekitar Bandar Raya Johor Bahru yang menjadi tumpuan pelancong Singapura. Mengikut rekod IPK Johor sehingga Disember 2009, sebanyak 18 unit CCTV telah ditempatkan di 18 lokasi sekitar Bandar Raya Johor Bahru, empat buah bit polis, empat buah pondok polis dan dua buah rumah komuniti polis di dua taman perumahan sekitar Johor Bahru serta seramai 580 orang anggota RELA terlatih. Bagaimanapun, usaha meningkatkan aspek keselamatan di Negeri Johor terutamanya Daerah Johor Bahru sedang diambil oleh Kerajaan Persekutuan melalui pemberian peruntukan kewangan. Pada tahun 2009, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan kewangan untuk pembelian 32 unit CCTV yang akan dipasang di sekitar Johor Bahru. Sejumlah RM41 juta untuk menyediakan 140 buah rumah komuniti polis di taman perumahan dalam Kawasan Wilayah Iskandar dan pembelian 28 buah kenderaan bagi balai polis bergerak. Selain itu, program rondaan sedang dipergiatkan di mana lebih kurang 490 orang anggota RELA sedang dalam latihan. Kerajaan juga mengambil inisiatif dengan memberikan kuasa polis sukarela kepada pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan rondaan. Peningkatan statistik laporan jenayah oleh pelancong asing terutamanya Singapura boleh menjejaskan imej Kerajaan Negeri Johor. Seterusnya, usaha MTPNJ untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke Negeri Johor seramai 10 juta orang setahun pada tahun 2008 hingga 2012 akan terjejas.

Pada pendapat Audit, usaha meningkatkan aspek keselamatan pelancong di Negeri Johor adalah baik untuk mengurangkan bilangan laporan jenayah yang semakin meningkat setiap tahun.

8.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pelaksanaan program penggalakan pelancongan oleh MTPNJ adalah kurang memuaskan kerana MTPNJ tidak melaksanakan fungsi dengan sepenuhnya. MTPNJ kurang mempromosikan produk dan tempat pelancongan yang berpotensi menjadi destinasi pelancongan menarik serta kurang menyelaraskan aktiviti pelancongan yang dikendalikan oleh pelbagai pihak sama ada badan kerajaan ataupun swasta. Sehubungan itu, matlamat program penggalakan pelancongan masih belum tercapai di mana Negeri Johor masih belum terkenal sebagai destinasi pelancongan menarik berbanding negeri lain dan prestasi kemasukan pelancong ke Negeri Johor menurun pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 dan tidak mencapai sasaran. Antara syor yang perlu dipertimbangkan oleh MTPNJ adalah:

- a) Kerajaan Negeri Johor perlu mempertingkatkan hubungan antarabangsa untuk menarik minat syarikat penerbangan antarabangsa menyediakan perkhidmatan di Negeri Johor.
- b) Mengambil langkah segera mengatasi masalah dan aduan pelancong seperti soal kebersihan dan keselamatan.
- c) Meluaskan pemasaran dan publisiti dengan menggunakan kaedah yang lebih komprehensif, efektif dan berkesan.
- d) Mewartakan Daerah Kota Tinggi sebagai Daerah Pelancongan Bersejarah dan tempat-tempat bersejarah yang terletak atas tanah persendirian.

9. PENGURUSAN PROGRAM PENGHAYATAN MODUL KELUARGA SAKINAH

9.1 LATAR BELAKANG

9.1.1 Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (Yayasan) ditubuhkan di bawah Enakmen Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim Bil. 2 Tahun 1997 dan mula beroperasi pada 1 Oktober 1997. Objektif Yayasan adalah untuk menggalakkan, membantu, melaksanakan dan membentuk masyarakat yang harmoni, bahagia, sejahtera dan penyayang dengan mengukuhkan institusi keluarga, membawa wanita dalam arus pembangunan dan menangani masalah sosial. Yayasan mempunyai seramai 110 kakitangan yang berjawatan kontrak dan satu jawatan tetap bagi melaksanakan tanggungjawab untuk mencapai objektif penubuhannya.

9.1.2 Modul Keluarga SAKINAH (MKS) telah dilancarkan oleh YAB Menteri Besar Johor pada 6 November 1998 dan mengandungi sebanyak 10 modul. SAKINAH bermaksud Sabar, Amanah, Kasih, Intim, Nadi kepada Aman dan damai dalam Hidup selaras dengan matlamat kerajaan yang mementingkan pengukuhan dan pemantapan institusi keluarga. Pada peringkat awal, pelaksanaan MKS telah dilaksanakan oleh Jabatan Agama Johor dari tahun 1998 hingga 2001. Mulai tahun 2002, Unit Kekeluargaan Yayasan telah mengambil alih tanggungjawab tersebut sepenuhnya dengan melaksanakan sembilan modul iaitu Modul 2 hingga Modul 10, manakala bagi Modul 1 (Pra Perkahwinan) masih lagi dilaksanakan oleh Jabatan Agama Johor. Senarai modul yang dilaksanakan oleh Unit Kekeluargaan Yayasan adalah Modul 2 - Persediaan Keibubapaan, Modul 3 - Pra Keibubapaan (Hamil), Modul 4 - Asuhan, Bimbingan dan Pendidikan (Bayi Hingga 7 Tahun), Modul 5 - Asuhan, Bimbingan dan Pendidikan (Mumayyiz Hingga Baligh), Modul 6 - Alam Remaja (15 hingga 21 Tahun), Modul 7 - Alam Dewasa (21 hingga 40 tahun), Modul 8 - Alam Matang (40 hingga 50 tahun), Modul 9 - Usia Emas (55 tahun ke atas) dan Modul 10 - Husnul Khatimah.

9.1.3 Objektif MKS adalah untuk memberi kefahaman tentang perkara-perkara yang berhubung dengan pra keibubapaan, menjelaskan tentang teknik pembentukan akhlak anak-anak daripada perspektif Islam serta menyediakan panduan dan bimbingan kekeluargaan kepada masyarakat Islam khususnya dan masyarakat umum amnya. Bagi tahun 2007 hingga 2009, Yayasan telah memperuntukkan sejumlah RM3.76 juta dan sejumlah RM2.93 juta telah dibelanjakan oleh Unit Kekeluargaan Yayasan untuk melaksanakan aktiviti MKS. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM2.56 juta atau 87.4% telah dibelanjakan bagi pembayaran elaun Pegawai Penggerak dan Penyelaras.

9.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Program Penghayatan Modul Keluarga SAKINAH telah diuruskan dengan cekap, berkesan, teratur serta mengikut perancangan yang ditetapkan.

9.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aktiviti pengurusan Program Penghayatan MKS bagi tahun 2007 hingga 2009 dan tahun sebelumnya, mana yang berkaitan. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat Yayasan serta empat pejabat cawangan di daerah Johor Bahru, Batu Pahat, Kota Tinggi dan Pontian meliputi 14 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) seperti di **Jadual 9.1**.

Jadual 9.1
Senarai Daerah Dan Kawasan Dewan Undangan Negeri

Bil.	Daerah	DUN
1.	Johor Bahru	Nusajaya Skudai Puteri Wangsa Bukit Batu
2.	Batu Pahat	Sri Medan Rengit Semerah Parit Raja
3.	Kota Tinggi	Johor Lama Pasir Raja Penawar
4.	Pontian	Kukup Benut Pulai Sebatang

Sumber: Jabatan Audit Negara

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan data, rekod, fail dan dokumen berhubung dengan pelaksanaan Program Penghayatan MKS. Dokumen yang disemak adalah seperti minit mesyuarat, bajet, laporan tahunan, laporan prestasi program/aktiviti, baucar bayaran dan fail surat-menyurat. Perbincangan dan temu bual juga telah diadakan dengan pegawai Yayasan, Pegawai Penyelaras dan Penggerak bagi mendapatkan maklumat lengkap mengenai pengurusan program. Pengauditan ini juga melibatkan lawatan ke Daerah Johor Bahru, Batu Pahat, Kota Tinggi dan Pontian serta pusat aktiviti bagi melihat perkembangan serta sambutan peserta terhadap program yang dianjurkan. Pihak Audit telah mengedarkan soal selidik kepada tiga kategori responden iaitu Pegawai Penggerak, peserta program dan orang awam bagi mendapatkan maklum balas mengenai keberkesanan program yang telah dilaksanakan. Bilangan borang yang telah diagih dan dikembalikan adalah sebagaimana di **Jadual 9.2**.

Jadual 9.2**Bilangan Borang Soal Selidik Yang Telah Diagih Dan Dikembalikan**

Bil.	Kategori Responden	Bilangan Borang Soal Selidik		Peratus Dikembalikan (%)
		Diagih	Dikembalikan	
1.	Pegawai Penggerak	48	42	87.5
2.	Peserta Program	900	631	70.1
3.	Orang Awam	900	786	87.3
Jumlah		1,848	1,459	

Sumber: Jabatan Audit Negara

9.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara September hingga Disember 2009 mendapati pada keseluruhannya, pelaksanaan Program Penghayatan MKS adalah kurang memuaskan di mana terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah sasaran ceramah bersiri yang ditetapkan tidak tercapai iaitu sebanyak 631 modul pada tahun 2008 dan 547 modul pada tahun 2009 yang tidak dilaksanakan, kehadiran peserta menurun antara 2.5% hingga 42.8%, pelaksanaan program tidak mempunyai sasaran tertentu dan kajian penambahbaikan tidak dilakukan bagi menambah baik Program Penghayatan MKS. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

9.4.1 Prestasi Pencapaian Program

Yayasan ini telah merangka dan merancang untuk mengadakan pelbagai Program Penghayatan MKS bagi meningkatkan kefahaman dan mengukuhkan institusi keluarga berlandaskan konsep SAKINAH (ketenangan), mawaddah (kecintaan) dan rahmah (kasih sayang) serta memberikan pengetahuan dan kemahiran yang menjadi asas kehidupan dalam rumah tangga. Ianya telah melantik seramai 10 Pegawai Penyelaras dan 56 Pegawai Penggerak secara kontrak yang ditempatkan di 10 daerah di Negeri Johor yang mana setiap DUN diwakili oleh seorang Pegawai Penggerak. Pada awal pelaksanaannya, MKS hanya disampaikan melalui ceramah biasa yang diadakan di kampung tertentu. Mulai tahun 2008, Yayasan telah mengambil pendekatan dengan mengadakan ceramah secara bersiri untuk menyampaikan modul ini. Ceramah bersiri ini memerlukan setiap Pegawai Penggerak melengkapkan sembilan modul di 10 buah kampung yang telah dipilih pada setiap tahun. Semakan Audit terhadap laporan pelaksanaan program yang telah dikeluarkan oleh setiap daerah mendapati perkara seperti berikut:

a) Pelaksanaan Program Ceramah Bersiri Tidak Mengikut Perancangan Bilangan Modul Dan Kampung Yang Ditetapkan

Yayasan telah menyasarkan sebanyak 1,260 modul melalui ceramah bersiri pada tahun 2008 dan 2009. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Yayasan tidak melaksanakan sebanyak 631 modul pada tahun 2008 dan 547 modul pada tahun 2009. Bilangan modul yang tidak mencapai sasaran mengikut Daerah/DUN adalah seperti di **Jadual 9.3**.

Jadual 9.3
Bilangan Modul Yang Tidak Mencapai Sasaran Mengikut Daerah/DUN
Pada Tahun 2008 Dan 2009

Bil.	Daerah/DUN	2008			2009		
		Bil. Modul Dan Kampung			Bil. Modul Dan Kampung		
		Sasaran	Laksana (%)	Beza (%)	Sasaran	Laksana (%)	Beza (%)
1.	Johor Bahru Nusajaya	90	35	55	90	40	50
2.	Skudai	90	5	85	90	43	47
3.	Puteri Wangsa	90	20	70	90	23	67
4.	Bukit Batu	90	7	83	90	26	64
5.	Batu Pahat Sri Medan	90	52	38	90	68	22
6.	Rengit	90	28	62	90	58	32
7.	Semerah	90	58	32	90	88	2
8.	Parit Raja	90	81	9	90	88	2
9.	Kota Tinggi Johor Lama	90	79	11	90	60	30
10.	Pasir Raja	90	70	20	90	46	44
11.	Penawar	90	82	8	90	86	4
12.	Pontian Kukup	90	52	38	90	22	68
13.	Benut	90	49	41	90	27	63
14.	Pulai Sebatang	90	11	79	90	38	52
Jumlah		1,260	629	631	1,260	713	547

Sumber: Laporan Pelaksanaan Program Penghayatan MKS

Jadual 9.3 menunjukkan bilangan modul yang tidak dapat dilaksanakan oleh setiap Pegawai Penggerak bagi tempoh dua tahun ialah antara dua hingga 85 modul. Antara perkara yang menyebabkan bilangan modul ini tidak dapat dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i) **Pegawai Penggerak Melaksanakan Modul, Program Dan Aktiviti Sama Secara Berulang Di Kampung Yang Sama** - Semakan Audit terhadap Laporan Pelaksanaan Program Penghayatan MKS di peringkat daerah mendapati Pegawai Penggerak telah melaksanakan Modul 8 di 15 kampung dan Modul 2 di 14 kampung yang sama secara berulang bagi tempoh dua tahun dengan purata kekerapan dua dan tiga kali bagi setiap kampung. Butiran lanjut seperti di **Jadual 9.4**.

Jadual 9.4
Bilangan Kekerapan Modul, Program Dan Aktiviti Sama
Secara Berulang Di Kampung Yang Sama Pada Tahun 2008 Dan 2009

Bil.	Jenis Modul	Modul	2008		2009	
			BKMS	PKBK	BKMS	PKBK
1.	2	Persediaan Keibubapaan	11	2	14	3
2.	3	Pra Keibubapaan - Hamil	2	2	8	2
3.	4	Asuhan, Bimbingan dan Pendidikan (Bayi Hingga 7 Tahun)	6	2	12	1
4.	5	Asuhan, Bimbingan dan Pendidikan - Mumayyiz Hingga Baligh	9	2	5	2
5.	6	Alam Remaja - 15 hingga 21 Tahun	8	2	4	2
6.	7	Alam Dewasa - 21 hingga 40 tahun	6	2	5	2
7.	8	Alam Matang - 40 hingga 50 tahun	15	2	4	3
8.	9	Usia Emas - 55 tahun ke atas	8	2	4	3
9.	10	Husnul Khatimah	9	2	4	2

Sumber: Laporan Pelaksanaan Program Penghayatan MKS

BKMS- Bilangan Kampung Yang Mengulangi Modul Yang Sama Pada Tahun Tersebut

PKBK- Purata Kekerapan Pengulangan Modul Bagi Setiap Kampung

Kesannya, Pegawai Penggerak tidak melengkapkan jenis modul yang disasarkan mengikut kampung yang ditetapkan pada tahun 2008 dan 2009. Modul 3 merupakan modul yang kerap tidak dilengkapkan oleh Pegawai Penggerak pada tahun 2008 iaitu melibatkan 88 kampung, diikuti dengan Modul 10 (84 kampung) dan Modul 2 (80 kampung). Pada tahun 2009, Modul 8 merupakan modul yang kerap tidak dilengkapkan oleh Pegawai Penggerak iaitu melibatkan 71 kampung, diikuti Modul 10 (67 kampung) dan Modul 6 (64 kampung).

- ii) Bilangan Kampung Yang Diwakili Oleh Pegawai Penggerak Tidak Seimbang**
 - Semakan Audit mendapati bilangan kampung yang diwakili oleh seorang Pegawai Penggerak adalah antara 21 hingga 167 kampung. Senarai kampung induk, rangkaian dan taman yang diwakili oleh setiap Pegawai Penggerak adalah seperti di **Jadual 9.5**.

Jadual 9.5
Bilangan Kampung Yang Diwakili Oleh Pegawai Penggerak

Bil.	Daerah/DUN	Bilangan Pegawai Penggerak	Bilangan Kampung			
			Induk	Rangkaian	Taman	Jumlah
1.	Johor Bahru Nusajaya	1	0	23	19	42
2.	Skudai	1	2	0	19	21
3.	Puteri Wangsa	1	0	23	17	40
4.	Bukit Batu	1	0	16	36	52
5.	Batu Pahat Sri Medan	1	32	91	0	123
6.	Rengit	1	21	41	0	62
7.	Semerah	1	24	62	0	86
8.	Parit Raja	1	13	36	0	49
9.	Kota Tinggi Johor Lama	1	12	86	7	105
10.	Pasir Raja	1	12	93	11	116
11.	Penawar	1	12	154	0	166
12.	Pontian Kukup	1	0	116	1	117
13.	Benut	1	0	167	0	167
14.	Pulai Sebatang	Tiada	0	86	0	86
Jumlah		13	128	994	110	1,232

Sumber: Rekod Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim

Yayasan hanya menetapkan seorang Pegawai Penggerak pada setiap DUN tanpa mengambil kira bilangan kampung di dalam DUN tersebut. Berdasarkan **Jadual 9.5**, Pegawai Penggerak di DUN Benut mewakili 167 kampung berbanding DUN Skudai yang hanya mewakili 21 kampung. Mengikut perancangan, Pegawai Penggerak perlu melengkapkan sembilan modul bagi setiap 10 kampung pada setiap tahun. Jika seorang Pegawai Penggerak perlu mewakili 167 kampung, jangka masa yang diperlukan untuk melengkapkan siri modul bagi keseluruhan kampung adalah lebih kurang 17 tahun. Ini menunjukkan sebuah kampung perlu menunggu selama 17 tahun lagi untuk mengikuti semula Program Penghayatan MKS. Keadaan ini menyebabkan penyampaian ceramah tidak dapat dilakukan dengan berkesan kerana tempoh masa pusingan untuk melaksanakan semula adalah terlalu lama, seterusnya menjejaskan pelaksanaan program ceramah bersiri dan pencapaian objektif Program Penghayatan MKS.

Yayasan memaklumkan pendekatan baru akan dilaksanakan mulai tahun 2010 iaitu penyampaian lebih dari satu modul serentak dalam satu ceramah bagi memastikan tempoh pusingan tidak terlalu lama.

- iii) **Pegawai Penggerak Lebih Mengutamakan Pengamalan Di Hospital Berbanding Ceramah Bersiri** - Pengamalan di hospital merupakan satu aktiviti yang dilakukan oleh Pegawai Penggerak terhadap bayi yang baru dilahirkan mengikut kehendak Syarak seperti azan, iqamat dan melakukan tahnik. Kaedah ini merupakan salah satu perkara yang terkandung di dalam Modul 3. Semakan Audit mendapati Yayasan Daerah Johor Bahru lebih tertumpu kepada pengamalan di

hospital kerana program ceramah bersiri yang dianjurkan tidak mendapat kerjasama daripada penduduk di kawasan yang disasarkan. Perbandingan antara bilangan ceramah bersiri dengan pengamalan di hospital di DUN Nusajaya dan Bukit Batu yang telah dilaksanakan pada tahun 2008 dan 2009 adalah seperti di **Jadual 9.6**.

Jadual 9.6
Perbandingan Antara Bilangan Ceramah Bersiri Dengan Pengamalan
Di Hospital Pada Tahun 2008 Dan 2009

Bil.	DUN	2008		2009	
		Bilangan		Bilangan	
		Ceramah Bersiri	Pengamalan	Ceramah Bersiri	Pengamalan
1.	Nusajaya	35	202	40	131
2.	Bukit Batu	7	149	26	61

Sumber: Laporan Pelaksanaan Program Penghayatan MKS

Jadual 9.6 menunjukkan Pegawai Penggerak telah melaksanakan pengamalan di hospital antara 61 hingga 202 kali berbanding ceramah bersiri yang telah dilaksanakan antara tujuh hingga 40 kali sahaja. Yayasan Daerah Johor Bahru menetapkan jika Pegawai Penggerak telah melaksanakan pengamalan di hospital, program ceramah bersiri di DUN yang diwakilinya akan dilaksanakan oleh Pegawai Penggerak daripada DUN yang lain.

- iv) **Memenuhi Jemputan Ceramah Daripada Pihak Luar** - Pegawai Penggerak akan memenuhi jemputan daripada pihak luar seperti jabatan kerajaan, agensi, swasta, institut pengajian tinggi dan sekolah untuk menyampaikan ceramah atau sebagai pakar motivasi melalui program yang telah dianjurkan. Bilangan ceramah luar yang telah dilaksanakan oleh Pegawai Penggerak bagi tempoh tiga tahun adalah seperti di **Jadual 9.7**.

Jadual 9.7
Bilangan Ceramah Luar Yang Dilaksanakan Oleh Yayasan
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Daerah	Bilangan Ceramah			Jumlah
		2007	2008	2009	
1.	Johor Bahru	3	7	3	13
2.	Batu Pahat	4	2	18	24
3.	Kota Tinggi	2	3	10	15
4.	Pontian	2	1	12	15
Jumlah		11	13	43	67

Sumber: Rekod Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim

Jadual 9.7 menunjukkan bilangan kekerapan Pegawai Penggerak memberi ceramah kepada pihak luar bagi tempoh tiga tahun adalah antara satu hingga 18 kali. Yayasan menerima jemputan daripada pihak luar adalah atas permintaan pihak penganjur yang memilih Pegawai Penggerak yang dirasakan sesuai untuk menyampaikan ceramah. Yayasan seharusnya memberi tumpuan kepada perancangan yang telah dibuat berbanding jemputan secara ad hoc bagi memastikan jadual yang dirancang tidak terganggu.

Menurut Yayasan, jemputan daripada pihak luar perlu dipenuhi bagi mewujudkan jalinan kerjasama dengan agensi/jabatan/pihak lain serta dapat memperluas penyampaian MKS kepada orang awam.

v) **Pegawai Penyelaras Kurang Melaksanakan Pemantauan** - Tugas Pegawai Penyelaras adalah untuk memantau Pegawai Penggerak serta membuat penilaian umum mengenai program yang telah dilaksanakan dan melibatkan diri secara langsung dalam program yang telah diatitkan. Pada setiap bulan, Pegawai Penyelaras perlu memantau serta menilai aktiviti ceramah dan program Pegawai Penggerak sebanyak enam kali bagi memastikan program yang dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Borang Pemantauan Aktiviti Pegawai Penggerak perlu dihantar ke Unit Kekeluargaan Yayasan Ibu Pejabat pada setiap bulan untuk dianalisis. Semakan Audit mendapati perkara-perkara seperti berikut:

- **Analisis Borang Pemantauan** - Setiap daerah telah menghantar borang pemantauan tersebut di Unit Kekeluargaan Yayasan Ibu Pejabat. Namun begitu, Yayasan ini tidak pernah menganalisis borang tersebut bagi memantapkan penyampaian MKS pada masa akan datang.
- **Pemantauan Pegawai Penyelaras** - Minit Mesyuarat Pegawai Tadbir Daerah dan Unit Kekeluargaan pada 8 Mac 2007 menyatakan Pegawai Tadbir Daerah, perlu menyediakan Sasaran Kerja Bulanan bagi setiap Pegawai Penyelaras yang perlu mengenal pasti tiga tempat baru di setiap daerah untuk Pegawai Penggerak melaksanakan ceramah. Semakan Audit terhadap empat daerah yang dilawati mendapati Sasaran Kerja Bulanan tidak disediakan. Selain itu, Pegawai Penyelaras juga tidak menyediakan perancangan untuk menyasarkan kampung yang hendak dilawati dalam bulan berkenaan. Semakan Audit terhadap borang pemantauan mendapati kekerapan pemantauan yang dilakukan oleh Pegawai Penyelaras adalah seperti di **Jadual 9.8**.

Jadual 9.8
Jumlah Kekerapan Pemantauan Yang Dilakukan Oleh Pegawai Penyelaras
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Daerah	Bilangan Pemantauan					
		2007		2008		2009	
		Sasaran	Sebenar (%)	Sasaran	Sebenar (%)	Sasaran	Sebenar (%)
1.	Johor Bahru	72	0	72	80	72	127
2.	Batu Pahat	72	69	72	81	72	65
3.	Kota Tinggi	72	5	72	19	72	45
4.	Pontian	72	9	72	18	72	48

Sumber: Rekod Pemantauan Pegawai Penyelaras Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim

Jadual 9.8 menunjukkan pemantauan yang dilakukan oleh Pegawai Penyelaras Daerah Kota Tinggi dan Pontian tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2007 hingga 2009. Faktor kekangan masa serta kekurangan tenaga kerja menyebabkan pemantauan tidak dapat dilaksanakan seperti mana yang diarahkan.

Kurangnya pemantauan oleh Pegawai Penyelaras menyebabkan terdapat modul yang sama diajar berulang kali di lokasi yang sama serta pelaksanaan program ceramah bersiri tidak mengikut perancangan. Yayasan seharusnya membuat pemantauan dengan lebih kerap bagi memastikan Pegawai Penggerak melaksanakan program dan aktiviti seperti mana yang dirancang.

Yayasan memaklumkan pemantauan akan dilaksanakan oleh Pegawai Tadbir Daerah dan Pegawai Penyelaras bagi memastikan perancangan dan sasaran yang telah ditetapkan tercapai.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan program ceramah bersiri adalah kurang memuaskan kerana Pegawai Penggerak tidak melengkapkan siri modul berdasarkan kampung yang telah ditetapkan, penempatan Pegawai Penggerak tidak seimbang dengan beban tugas (bilangan kampung) dan analisis borang pemantauan tidak pernah dilakukan serta pemantauan yang dilaksanakan tidak mencapai sasaran.

b) Prestasi Kehadiran Peserta

Mengikut buku MKS, Yayasan menyasarkan peserta berdasarkan modul dan peringkat usia. Bagaimanapun, Yayasan tidak menetapkan sasaran bilangan kehadiran peserta apabila setiap kali program atau aktiviti dirancang. Semakan Audit terhadap program ceramah di tujuh DUN yang dipilih mendapati kehadiran peserta meningkat pada tahun 2008 berbanding tahun 2007. Bagaimanapun, kehadiran peserta menurun semula pada tahun 2009. Hanya **DUN Kukup** menunjukkan peningkatan kehadiran peserta pada setiap tahun. Butiran lanjut kehadiran peserta bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 9.9**.

Jadual 9.9
Kehadiran Peserta Mengikut DUN Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Daerah/DUN	Bilangan Kehadiran Peserta			Peningkatan/(Penurunan) Kehadiran Peserta (%)	
		2007	2008	2009	2007-2008	2008-2009
1.	Johor Bahru					
	Skudai	9,120	24,112	13,796	164.4	(42.8)
	Nusajaya	4,492	6,267	5,916	39.5	(5.6)
3.	Puteri Wangsa	7,691	7,888	7,689	2.6	(2.5)
4.	Batu Pahat					
	Rengit	6,720	6,428	6,574	(4.3)	2.3
5.	Kota Tinggi					
	Pasir Raja	5,631	6,276	5,381	11.5	(14.3)
6.	Pontian					
	Benut	5,142	9,416	6,128	83.1	(34.9)
7.	Kukup	4,591	4,801	6,272	4.6	30.6

Sumber: Laporan Pelaksanaan Program Penghayatan MKS

Antara penyebab penurunan kehadiran peserta ke program yang dianjurkan oleh Yayasan ialah cara penyampaian yang dilaksanakan oleh Pegawai Penggerak adalah sama dan ceramah hanya tertumpu di masjid atau surau sahaja. Ceramah yang dilaksanakan di surau adalah seperti di **Foto 9.1** dan **Foto 9.2**.

Foto 9.1
Ceramah Yang Dilaksanakan Oleh Pegawai Penggerak Di Surau



Sumber: Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim
Lokasi: Surau Kampung Paya Embun, Pontian
Tarikh: 27 Mei 2009

Foto 9.2
Kehadiran Peserta Ceramah Yang Dilaksanakan Di Surau



Sumber: Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim
Lokasi: Surau Kampung Paya Embun, Pontian
Tarikh: 23 Mei 2009

Selain itu, kepakaran Pegawai Penggerak dalam memberi ceramah atas tajuk tertentu tidak diberi penekanan. Ini kerana pelantikan Pegawai Penggerak hanya berdasarkan pengalaman kerja semata-mata. Hasil soal selidik yang dijalankan oleh pihak Audit terhadap 631 peserta program mendapati perkara seperti berikut:

- i) Seramai 585 atau 92.7% peserta menyatakan Pegawai Penggerak perlu memberi ceramah dengan bijaksana dan kreatif supaya ceramah yang hendak disampaikan akan lebih berkesan. Dengan kata lain ceramah yang hendak disampaikan perlu kepada kepakaran khusus;
- ii) Seramai 592 atau 93.8% peserta menyatakan penganjur perlu memilih masa, tempat dan penceramah yang sesuai bagi setiap program yang dianjurkan; dan
- iii) Seramai 561 atau 88.9% peserta bersetuju agar program MKS dipelbagaikan pendekatannya.

Pemeriksaan Audit juga mendapati hanya Yayasan Daerah Kota Tinggi yang mempunyai senarai lengkap kehadiran peserta, manakala Yayasan Daerah Johor Bahru, Batu Pahat dan Pontian kehadiran peserta diambil kira secara rawak. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengukur prestasi kehadiran peserta mengikut umur berdasarkan modul terutamanya bagi program ceramah bersiri. Kesannya, Program Penghayatan MKS hanya dapat dihayati oleh golongan yang sering ke surau dan masjid.

Menurut Yayasan, Daftar Kehadiran Peserta bagi setiap program ceramah pernah diselenggarakan tetapi tidak berjaya kerana Pegawai Penggerak menghadapi kesulitan memohon kerjasama penduduk untuk mengisi daftar tersebut. Yayasan juga memaklumkan Pegawai Penggerak telah dihantar menghadiri kursus luaran dan dalaman bagi mempelbagaikan kebolehan penyampaian ceramah.

Pada pendapat Audit, prestasi kehadiran peserta program adalah kurang memuaskan kerana tidak menunjukkan peningkatan secara konsisten dan pelaksanaan modul dilakukan di lokasi yang sama.

9.4.2 Keberkesanan Program

Bagi menilai keberkesanan program ini, soal selidik telah diedarkan kepada orang awam dan peserta MKS. Selain itu, melalui soal selidik juga pihak Audit dapat mengetahui penerimaan MKS di kalangan masyarakat serta kelemahan yang perlu diperbaiki setelah penilaian terhadap modul ini dilakukan. Hasil soal selidik dirumuskan seperti berikut:

a) Pelaksanaan Program Tidak Mempunyai Sasaran Tertentu

Yayasan ini menyasarkan kehadiran peserta berdasarkan kepada buku MKS yang diterbitkan serta berdasarkan program yang dianjurkan seperti program Remaja SAKINAH. Sasaran program ini adalah kepada golongan remaja. Manakala Nostalgia Perkahwinan disasarkan kepada pasangan suami isteri yang tempoh perkahwinannya melebihi 10 tahun. Semakan Audit mendapati golongan remaja dan keluarga yang bermasalah tidak disenaraikan sebagai golongan yang disasarkan mengikut modul atau program yang hendak dilaksanakan. Unit Kekeluargaan juga tidak mempunyai perancangan bagi menjalinkan kerjasama antara unit seperti Unit Kaunseling dan Motivasi bagi mendapatkan data remaja atau keluarga yang bermasalah bagi program yang dianjurkan. Hasil soal selidik mendapati seramai 101 atau 64.3% daripada 157 peserta berusia antara 10 hingga 40 tahun tidak pernah mengikuti program yang bersesuaian dengan peringkat umur mereka seperti program Sehari Bersama Keluarga, Mahligai Idaman dan Remaja SAKINAH. Selain itu, 257 atau 94.8% daripada 271 peserta berusia antara 51 hingga 60 tahun telah menghadiri ceramah yang tidak bersesuaian dengan peringkat usia mereka.

Kesannya, golongan bermasalah yang seharusnya diberikan tumpuan kurang menghadiri program yang dianjurkan oleh Yayasan. Oleh itu, Unit Kekeluargaan Yayasan perlu bekerjasama dengan unit-unit lain dan agensi/jabatan luar untuk mengenal pasti golongan peserta yang terlibat bagi memastikan objektif MKS tercapai.

Yayasan memaklumkan maklumat remaja/keluarga bermasalah di Unit Kaunseling dan Motivasi adalah sulit dan dikhuatiri sekiranya golongan bermasalah ini menghadiri program yang dianjurkan akan menjejaskan hubungan di antara golongan tersebut dengan Yayasan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Program Penghayatan MKS kepada golongan sasaran yang tertentu adalah kurang memuaskan kerana Yayasan tidak menyasarkan program tersebut kepada golongan yang bermasalah. Yayasan juga tidak menjalinkan kerjasama antara unit/agensi/jabatan lain bagi mendapatkan maklumat peserta untuk mengikuti Program Penghayatan MKS.

b) Pengetahuan Orang Awam Dan Peserta Mengenai Program Penghayatan MKS Masih Rendah

Hasil soal selidik untuk menilai tahap pengetahuan orang awam dan peserta mengenai Program Penghayatan MKS yang dianjurkan oleh Yayasan adalah seperti berikut:

- i)** Seramai 411 atau 52.3% daripada 786 orang awam menyatakan tidak mengetahui MKS adalah program yang dianjurkan oleh Yayasan;
- ii)** Seramai 398 atau 50.6% daripada 786 orang awam menyatakan tidak pernah menghadiri program MKS;
- iii)** Seramai 366 atau 46.6% daripada 786 orang awam yang telah menyertai program MKS menyatakan program tersebut bukan anjuran daripada Yayasan;
- iv)** Seramai 221 atau 35% daripada 631 peserta program tidak mengetahui bahawa program MKS yang dihadiri adalah anjuran Yayasan. Mereka menganggap program tersebut merupakan anjuran lain-lain jabatan kerajaan/agensi seperti Jabatan Agama Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, masjid/surau, pihak swasta, NGO dan lain-lain pertubuhan; dan
- v)** Seramai 136 atau 21.6% daripada 631 peserta program memiliki buku MKS yang telah diterbitkan pada Oktober 1998.

Kajian soal selidik yang dilakukan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia di 20 kawasan DUN yang terpilih di Johor pada tahun 2006 mendapati hanya 80 atau 7.7% daripada 1,040 responden yang memiliki buku tersebut. Manakala 960 atau 92.3% daripada 1,040 responden menyatakan mereka tidak mempunyai buku tersebut kerana buku tersebut tidak sampai kepada mereka.

Pada pendapat Audit, tahap pengetahuan orang awam dan peserta terhadap Program Penghayatan MKS adalah kurang memuaskan kerana lebih 50% belum pernah menyertai program tersebut.

c) Promosi Kurang Dijalankan

Unit Promosi Dan Publisiti Yayasan bertanggungjawab untuk merancang kaedah promosi yang perlu dilakukan bagi memastikan maklumat program MKS dapat disebarkan kepada orang awam. Pada setiap tahun, Yayasan akan memperuntukkan bajet untuk mencetak pelbagai risalah dan poster untuk diedarkan oleh Pegawai Penggerak atau melalui pameran yang disertainya. Hasil soal selidik yang dilaksanakan oleh pihak Audit terhadap 786 orang awam mengenai promosi yang dijalankan mendapati perkara seperti berikut:

- i) Seramai 389 atau 49.5% responden memperoleh maklumat mengenai program yang dianjurkan oleh Yayasan melalui kawan-kawan atau jiran tetangga dan seramai 293 atau 37.3% orang awam mengetahuinya melalui risalah;
- ii) Seramai 487 atau 62% responden menyatakan Yayasan kurang melakukan promosi mengenai program MKS; dan
- iii) Seramai 601 atau 76.5% responden meminta agar Yayasan mempelbagaikan lagi lokasi program dan ceramah di tempat yang terbuka bagi menyebarkan program MKS.

Pada pendapat Audit, promosi yang dijalankan oleh Yayasan boleh dipertingkatkan lagi dengan mempelbagaikan cara dan bentuk promosi serta dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan maklumat mengenai program MKS dapat disampaikan dengan lebih berkesan.

9.4.3 Tiada Kajian Penambahbaikan Mengenai Pengurusan Pelaksanaan MKS Selepas Pengambilalihan Daripada Jabatan Agama Johor

Kajian awal dari segi sosial, ekonomi, politik, pengurusan dan kos membolehkan Yayasan ini mendapatkan gambaran sebenar sebelum program ini dilaksanakan sebaik sahaja mengambil alih daripada Jabatan Agama Johor. Kajian ini juga dapat membantu Yayasan mengenal pasti kelemahan pelaksanaan program untuk ditambah baik dan dipertingkatkan mengikut keperluan semasa. Semakan Audit mendapati kertas kerja kajian awal bagi pelaksanaan modul ini telah disediakan oleh Jabatan Agama Johor iaitu sebelum tahun 1998. Bagaimanapun, kertas kerja kajian dan bukti pengambilalihan tidak dikemukakan semasa pengauditan dijalankan kerana Yayasan tidak menyimpan salinan kertas kerja tersebut. Pihak Audit tidak dapat mengukur sejauh mana objektif yang hendak dicapai mengenai modul ini. Selain itu, selama lapan tahun mengambil alih modul ini daripada Jabatan Agama Johor pihak Audit mendapati Yayasan ini tidak pernah membuat kertas kerja bagi mengkaji semula program dan aktiviti yang telah dilaksanakan. Kajian semula ini perlu bagi mengenal pasti kelemahan terhadap pengurusan pelaksanaan modul yang terdahulu serta untuk mengukur keberkesanan dan menambah baik serta mempertingkatkan aktiviti modul ini.

Yayasan memaklumkan tindakan penambahbaikan Program Penghayatan MKS telah mula dijalankan melalui pelaksanaan ceramah bersiri dan penggunaan sistem e-Coding bagi merekodkan program dan aktiviti Penggerak secara online. Yayasan juga sedang dalam usaha bagi memperhalus setiap modul bagi mempertingkatkan lagi isi kandungan buku MKS agar lebih mudah difahami oleh pembaca.

Pada pendapat Audit, pengurusan pelaksanaan MKS boleh dipertingkatkan lagi dengan membuat kajian keberkesanan Program Penghayatan MKS bagi membolehkan Yayasan mengenal pasti kelemahan serta menambah baik program tersebut.

9.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan Program Penghayatan Modul Keluarga SAKINAH (MKS) kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti Pegawai Penggerak melaksanakan modul, program dan aktiviti sama secara berulang di kampung sama yang menyebabkan terdapat kampung sasaran tidak lengkap pengisiannya. Bilangan kampung yang diwakili oleh Pegawai Penggerak juga tidak seimbang dan menyebabkan penyampaian ceramah tidak dapat dilakukan dengan berkesan kerana tempoh masa pusingan untuk melaksanakan semula adalah terlalu lama serta pemantauan daripada pegawai yang bertanggungjawab tidak dilaksanakan seperti yang ditetapkan. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan objektif Program Penghayatan Modul Keluarga Sakinah tercapai, adalah disyorkan Yayasan ini mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Yayasan perlu mengkaji semula kaedah pelaksanaan Program Penghayatan MKS dengan mengambil kira keperluan tenaga kerja dan faedah program kepada golongan sasaran. Yayasan juga perlu melibatkan golongan pakar tertentu bagi memberi impak yang lebih dan menarik minat penyertaan.
- b) Yayasan perlu memperbanyakkan latihan kepada Pegawai Penggerak untuk menambah kemahiran menyampaikan kaedah dan idea baru yang bersesuaian dengan perkembangan semasa dan teknologi maklumat.
- c) Yayasan seharusnya mengenal pasti golongan sasaran yang tertentu mengikut kesesuaian program yang dianjurkan bagi memastikan golongan yang bermasalah dapat turut serta dalam program yang dianjurkan.

10. PENGURUSAN KEMUDAHAN AWAM

10.1 LATAR BELAKANG

10.1.1 Majlis Perbandaran Muar (Majlis) telah ditubuhkan pada 1 Ogos 1976 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang terdiri daripada gabungan Majlis Bandaran Bandar Maharani dan tujuh penguasa tempatan iaitu Majlis Tempatan Bukit Bakri, Parit Jawa, Bukit Pasir, Pancor, Pagoh, Bukit Kepong dan Lenga. Luas kawasan pentadbiran Majlis meliputi 1,376 km persegi dan sejumlah 616 km persegi daripadanya merupakan kawasan operasi. Objektif Majlis adalah untuk menguatkuasakan kawalan pembangunan dan perkhidmatan kebersihan serta mempertingkatkan dan menggalakkan pembangunan yang komprehensif bagi memastikan kemajuan dan keutuhan sistem fizikal, sosial dan ekonomi di seluruh kawasan pentadbirannya.

10.1.2 Bagi mencapai objektif tersebut, salah satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan adalah memberikan perkhidmatan kepada penduduk setempat termasuk membuat perancangan, pembangunan, pengawalan dan penyenggaraan kemudahan awam. Sehubungan itu, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah menetapkan dalam piagam pelanggannya untuk memastikan semua kemudahan awam berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Bagaimanapun, fungsi merancang dan melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan terletak di bawah Jabatan Kejuruteraan. Kemudahan awam merupakan kemudahan tempat, kawasan, bangunan atau prasarana yang penggunaannya dikongsi oleh masyarakat setempat yang meliputi tiga kategori utama iaitu kemudahan pengurusan kejuruteraan, kemudahan rekreasi dan riadah serta kemudahan prasarana seperti di **Jadual 10.1**.

Jadual 10.1
Kategori Kemudahan Awam

Bil.	Kategori	Kemudahan
1.	Kemudahan Pengurusan Kejuruteraan	Dewan orang ramai, balai raya, stadium dan dataran perbandaran
2.	Kemudahan Rekreasi dan Riadah	Padang permainan kanak-kanak, gelanggang permainan, padang bola, laluan siar kaki/jogging, kolam renang dan wakaf
3.	Kemudahan Prasarana	Perhentian bas dan teksi, tandas awam, pondok menunggu bas, tempat letak kereta, jeti dan jejantas

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Muar

10.1.3 Bagi tahun 2007 hingga 2009, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM1.57 juta atau 52.9% daripada RM2.97 juta peruntukan yang diluluskan bagi pembangunan dan pengurusan penyenggaraan kemudahan awam.

10.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kemudahan awam oleh Majlis telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi memenuhi piagam pelanggan yang ditetapkan.

10.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan perancangan kemudahan awam, pembinaan, penyenggaraan dan pemantauan terhadap projek kemudahan awam sedia ada dan yang baru dibina bagi tahun 2007 hingga 2009 di jabatan-jabatan Majlis seperti Jabatan Kewangan, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, Jabatan Landskap, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Perundangan dan Penguatkuasaan serta Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak fail dan dokumen mengenai pengurusan kemudahan awam. Lawatan ke projek kemudahan awam yang dipilih dalam kawasan pentadbiran Majlis juga dilakukan. Temu bual dengan pegawai Majlis dan orang awam telah dibuat untuk mendapatkan maklumat tambahan. Selain itu, soal selidik Audit telah digunakan untuk menilai tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan awam yang disediakan. Sampel jenis kemudahan awam dipilih secara rawak berdasarkan lawatan ke tapak-tapak kemudahan awam.

10.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Ogos hingga November 2009 mendapati pada keseluruhannya pengurusan kemudahan awam Majlis ini tidak memuaskan dan mempunyai ruang untuk penambahbaikan di mana terdapat beberapa kelemahan yang menyebabkan kemudahan yang disediakan tidak boleh dimanfaatkan oleh orang awam. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah 38 jenis kemudahan awam serta komponennya tidak disenggara dengan sempurna, penyediaan kemudahan awam yang tidak digunakan atau tidak mencukupi, berlaku pencerobohan di 29 tapak kemudahan awam yang terdiri daripada lot permainan dan tanah lapang serta kemudahan awam yang dirancang tidak dilaksanakan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

10.4.1 Penyenggaraan Kemudahan Awam

Penyenggaraan merupakan elemen terpenting dalam pengurusan kemudahan awam. Oleh itu, satu mekanisme yang baik perlu diwujudkan di samping mengamalkan budaya penyenggaraan berterusan bagi memastikan kemudahan awam diuruskan dengan cekap. Pada keseluruhannya, prestasi penyenggaraan kemudahan awam oleh Majlis adalah tidak memuaskan seperti berikut:

a) Kemudahan Awam Tidak Disenggara Dengan Sempurna

Kemudahan awam hendaklah disenggara apabila rosak, usang dan tidak berfungsi. Lawatan Audit bersama pegawai Majlis pada September dan Oktober 2009 di sekitar kawasan pentadbiran Majlis mendapati 38 atau 71.7% daripada 53 kemudahan awam dan komponennya tidak disenggara sewajarnya. Kerosakan fizikal terhadap kemudahan awam yang diperhatikan semasa lawatan Audit adalah seperti di **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2
Kemudahan Awam Yang Tidak Disenggara

Bil.	Kemudahan Awam	Dilawati	Tidak Disenggara	Jenis Kerosakan
1.	Dewan Orang Ramai dan Balai Raya	8	7	<ul style="list-style-type: none"> Struktur bangunan telah reput Pintu pagar utama rosak Cermin tingkap dan pintu pecah Sistem paip air tidak berfungsi
2.	Taman Permainan Kanak-kanak	24	17	<ul style="list-style-type: none"> Komponen peralatan permainan patah, hilang dan tertanggal
3.	Gelanggang Permainan	13	11	<ul style="list-style-type: none"> Permukaan gelanggang retak <i>Basketball ring</i> patah Garisan gelanggang pudar/hilang Lampu gelanggang tidak berfungsi
4.	Stadium (komponen)	4	1	<ul style="list-style-type: none"> 4 lampu limpah tidak berfungsi
5.	Siar Kaki	4	2	<ul style="list-style-type: none"> Laluan siar kaki retak Tembok condong dan hampir runtuh Tiang tempat berteduh berkarat
Jumlah		53	38	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Kerosakan ketara ditemui semasa pemeriksaan adalah seperti berikut:

- i) Dewan Orang Ramai Dan Balai Raya** - Kerosakan besar ke atas Balai Raya Lenga yang merupakan tempat mengutip bayaran cukai taksiran ditunjukkan seperti di **Foto 10.1** dan **Foto 10.2**.

Foto 10.1
Sebahagian Struktur Binaan Balai Raya Lenga Yang Telah Runtuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Balai Raya Lenga, Muar
Tarikh: 21 Oktober 2009

Foto 10.2
Dewan Mengalami Kerosakan Dinding Dan Siling



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Balai Raya Lenga, Muar
Tarikh: 21 Oktober 2009

- ii) **Taman Permainan Kanak-Kanak** - Komponen atau peralatan yang biasa disediakan di taman permainan kanak-kanak adalah alatan permainan kanak-kanak bersepadu, *spring item*, buaian, papan gelongsor dan papan jongkang-jongket. Kerosakan pada peralatan tersebut adalah seperti di **Foto 10.3** dan **Foto 10.4**.

Foto 10.3
Tangga Peralatan Permainan Kanak-Kanak Bersepadu Yang Tanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Cempaka, Parit Jawa, Muar
Tarikh: 17 September 2009

Foto 10.4
Alat Permainan Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pertama, Sungai Abong, Muar
Tarikh: 17 September 2009

- iii) **Gelanggang Permainan** - Pelbagai jenis gelanggang permainan juga didapati mengalami kerosakan seperti permukaan gelanggang permainan retak dan tidak rata, lampu tidak berfungsi, garisan gelanggang yang pudar dan hilang serta *basketball ring* patah. Contoh kerosakan gelanggang permainan adalah seperti di **Foto 10.5** dan **Foto 10.6**.

Foto 10.5
Permukaan Gelanggang Permainan Retak Dan Tidak Rata



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gelanggang Permainan Taman Ibrahim, Muar
Tarikh: 17 September 2009


Foto 10.6
Kerosakan Pendawaian Elektrik Pada Kotak Suis Utama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gelanggang Permainan Taman Ibrahim, Muar
Tarikh: 17 September 2009

- iv) **Komponen Kemudahan Awam Di Stadium Sultan Ibrahim** - Empat unit lampu limpah Stadium Sultan Ibrahim didapati tidak berfungsi dan kotak suis utamanya tidak ditutup dan menyebabkan pendawaian elektrik terdedah kepada panas dan hujan.
- v) **Laluan Siar Kaki** - Tapak laluan siar kaki di Tanjung Emas mengalami pergerakan akibat runtuh kecil struktur tembok yang telah terhakis oleh arus sungai. Pergerakan tapak tersebut menyebabkan laluan siar kaki retak dan runtuh manakala tembok penghadang telah condong ke laut dan berkemungkinan akan runtuh seperti di **Foto 10.7** dan **Foto 10.8**.

Foto 10.7
Laluan Siar Kaki Yang Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Emas, Muar
Tarikh: 15 September 2009

Foto 10.8
Siar Kaki Yang Telah Runtuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Emas, Muar
Tarikh: 15 September 2009

Tindakan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan terhadap kerosakan tersebut tidak dapat dilakukan disebabkan Majlis tidak menyediakan jadual perancangan penyenggaraan di samping peruntukan kewangan yang tidak dibelanjakan sepenuhnya. Keadaan kerosakan tersebut jika dibiarkan akan membahayakan keselamatan pengguna.

Menurut Majlis, tindakan penyenggaraan tidak dapat dilakukan dengan segera kerana perlu mematuhi prosedur yang telah ditetapkan seperti berikut:

- *Melaporkan kerosakan yang ditemui kepada Jabatan Kejuruteraan Majlis untuk tindakan.*
- *Kerja pembaikan kecil boleh dilaksanakan dengan segera melalui anggota Unit Bengkel dan Stor Majlis.*
- *Mendapatkan kelulusan peruntukan dan menyediakan spesifikasi kerja jika kerja penyenggaraan perlu dilaksanakan secara kontrak.*
- *Memohon peruntukan daripada jabatan dan agensi kerajaan yang lain jika kerosakan melibatkan projek di bawah bidang kuasa jabatan atau agensi yang berkaitan.*

b) Kerja-kerja Penyelenggaraan Projek Pembangunan Dan Pemuliharaan Paya Bakau Di Jeti Tanjung Ketapang Tidak Dilaksanakan

Skop kerja utama projek adalah untuk membina laluan pelantar dan wakaf, membekal dan menanam 1,500 pokok bakau dan kerja-kerja penyelenggaraan projek pembangunan dengan kos sejumlah RM197,400. Skop kerja penyelenggaraan projek pembangunan dan pemuliharaan paya bakau di Jeti Tanjung Ketapang termasuk pengairan, membaja, memangkas, membersihkan rumput rampai serta mencegah dan melindungi semua tanaman daripada serangan makhluk perosak untuk memastikan ia tumbuh dengan sihat. Kerja penyelenggaraan perlu dilakukan selepas kerja utama disiapkan. Semakan Audit mendapati kontrak utama disahkan siap pada 28 November 2008 tetapi kerja penyelenggaraan selama 12 bulan seperti yang dipersetujui dalam sebut harga tidak ditentukan oleh pegawai penguasa. Tiada sebarang bukti yang menunjukkan pihak kontraktor telah melaksanakan kerja penanaman sebanyak 1,500 batang pokok bakau dan enam batang pokok kelapa gading serta kerja penyelenggaraan seperti berikut:

- i) Pengairan pada semua tanaman yang dilakukan dua kali sehari;
- ii) Memelihara tanaman di tempat yang bebas dari rumput rampai yang tidak diperlukan;
- iii) Mengawal tanaman daripada sebarang perosak dan penyakit dengan menggunakan kaedah kimia atau biologi sekurang-kurangnya sekali sebulan;
- iv) Memangkas dahan dan ranting yang mati;
- v) Kerja-kerja membaja pokok;
- vi) Penggantian pokok yang mati atau tidak sihat; dan
- vii) Memancang dengan menggunakan bahan yang sesuai bagi membetulkan keadaan tumbuhan tanaman.

Perkara ini berlaku disebabkan Majlis tidak mengambil kira tempoh kerja penyelenggaraan semasa mengesahkan projek siap. Oleh itu, bayaran kontrak yang telah dijelaskan sepenuhnya adalah termasuk pembayaran bagi kerja membekal dan menanam enam pokok kelapa gading, 800 pokok bakau minyak dan 700 pokok bakau kurap bernilai RM8,500 di tapak projek serta kerja penyelenggaraan lain berharga RM40,000 yang tidak dilaksanakan.

Menurut Majlis, kerja penyelenggaraan yang tidak dilaksanakan itu telah digantikan dengan kerja-kerja menambak tanah untuk tujuan tempat letak kereta, pembersihan sampah, mengecat semula jeti dan wakaf, menggantikan bumbung wakaf serta menebang pokok nipah berhampiran tapak projek dengan nilai harga yang sama dan diselia oleh jurutera perunding yang dilantik iaitu Tetuan Ira Teknik Consulting Engineers. Selain daripada tempat letak kereta, kerja-kerja yang lain tidak dapat disahkan kerana arahan kerja secara bertulis tidak dikeluarkan kepada kontraktor. Bagaimanapun, tarikh sebenar tempat letak kereta disiapkan tidak dapat disahkan kerana tiada perakuan siap kerja diserahkan kepada pihak Audit sebaliknya pengesahan dibuat melalui lawatan fizikal ke tempat letak kereta tersebut pada 5 Mac 2010.

c) Kompleks Kolam Renang Terbiar

Kompleks kolam renang Majlis dibina di atas tanah rizab kerajaan seluas 1.4 hektar terletak di Jalan Sultanah pada tahun 1977 dengan kos RM1.50 juta. Projek ini adalah bertujuan untuk menggalakkan penyertaan orang awam dalam aktiviti renang dan mempelbagaikan kemudahan rekreasi di kawasan Majlis. Penyelenggaraan yang perlu dilakukan adalah terhadap komponen seperti bangunan utama, kolam renang, mesin pam air dan peralatan lain. Bangunan utama kolam renang perlu disenggara jika terdapat kerosakan manakala penyelenggaraan di bahagian kolam dan mesin pam air perlu dilakukan secara berterusan untuk menjaga kualiti air kolam renang.

Semakan Audit mendapati kompleks kolam renang Majlis kini terbiar dan ditinggalkan semenjak penutupannya pada tahun 1998. Struktur bangunan utama didapati telah rosak. Sebuah kolam renang bersaiz olimpik yang berada di dalamnya tidak boleh digunakan lagi kerana air tercemar dan mengalami kemerosotan kualiti air. Pemeriksaan terhadap mesin pam air juga tidak dapat dilakukan kerana rekod berkaitan dengannya tidak diselenggara. Antara usaha yang dilakukan oleh Majlis ialah memohon peruntukan untuk cadangan membaik pulih sejumlah RM2 juta daripada Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 2001 dan sejumlah RM2.20 juta daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 2003. Selain itu, Majlis pernah membuka tawaran kepada mana-mana syarikat yang sanggup membangunkan semula kolam renang tersebut tetapi tidak mendapat sambutan. Keadaan ini berlaku disebabkan Majlis kurang membuat kerja penyelenggaraan pada peringkat awal terutamanya semasa tempoh pengurusan kompleks kolam renang ini dipajak kepada sebuah syarikat swasta dari tahun 1986 hingga 1992 dan seterusnya sehingga tarikh pengauditan dilakukan. Akibatnya, kompleks kolam renang tersebut tidak ekonomik untuk dibaiki kerana kos membaik pulih dianggarkan berjumlah RM3 juta. Apabila kompleks kolam renang Majlis ditutup kepada orang awam, pengguna dan peminat sukan renang yang ingin menggunakan kemudahan kompleks ini tidak dapat meneruskan aktiviti riadah tersebut. Kolam renang yang terbiar adalah seperti di **Foto 10.9** dan **Foto 10.10**.

Foto 10.9
Struktur Bangunan Utama Yang Telah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Kolam Renang Tanjung Ketapang,
Muar
Tarikh: 16 September 2009

Foto 10.10
Kolam Renang Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Kolam Renang Tanjung Ketapang,
Muar
Tarikh: 16 September 2009

Majlis memaklumkan telah membuat permohonan kepada Pejabat Tanah Daerah Muar supaya tapak kolam renang tersebut dijadikan sebagai hak milik Majlis dan dijadikan tapak bangunan pejabat baru Majlis.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan terhadap kemudahan awam adalah tidak memuaskan kerana tidak mematuhi piagam pelanggan. Kemudahan awam sedia ada yang tidak disenggara dan ditambah baik menyebabkan ia tidak dapat digunakan oleh orang awam.

10.4.2 Penyediaan Kemudahan Awam

a) Dewan Orang Ramai Yang Dibina Tidak Digunakan

Pembinaan dewan orang ramai dan balai raya adalah bertujuan untuk digunakan bagi menjalankan pelbagai aktiviti seperti majlis perkahwinan, pertandingan kebudayaan, pameran, perhimpunan dan perjumpaan serta aktiviti sukan berbentuk riadah seperti badminton dan sepak takraw. Semakan Audit terhadap rekod penggunaan dewan orang ramai dan balai raya milik Majlis antara tahun 2007 hingga 2009 mendapati Dewan Raya Pancor telah digunakan sehari sahaja manakala Dewan Tun Sulaiman Ninam Shah pula tidak pernah digunakan langsung. Semakan Audit selanjutnya mendapati Dewan Tun Sulaiman Ninam Shah kurang disenggara di mana terdapat kerosakan pada siling dewan, lampu dan pendawaian elektrik menyebabkan ia terbiar dan tidak dapat digunakan oleh penduduk setempat seperti di **Foto 10.11** dan **Foto 10.12**.

Foto 10.11
Dewan Tun Sulaiman Ninam Shah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Tun Sulaiman Ninam Shah, Muar
Tarikh: 21 Oktober 2009

Foto 10.12
Dewan Terbiar, Kerosakan Pada Siling Dan Pendawaian Elektrik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Tun Sulaiman Ninam Shah, Muar
Tarikh: 21 Oktober 2009

Dewan orang ramai yang tidak disenggara ini menyebabkan ia tidak dapat digunakan oleh penduduk setempat untuk tujuan aktiviti kemasyarakatan dan riadah. Lawatan Audit ke Dewan Raya Pancor pula mendapati ia tidak digunakan walaupun kerja menaik taraf dewan orang ramai ini telah dilakukan pada tahun 2007 melibatkan kos sejumlah RM193,200. Ini disebabkan tiada promosi penggunaan

yang dilakukan oleh Majlis menyebabkan tiada tempahan daripada penduduk setempat.

Menurut penjelasan Majlis, kedudukan dewan orang ramai ini yang terletak di taman perumahan menyebabkan kawalan sukar dilakukan dan kerap berlaku perbuatan vandalisme. Oleh itu, Majlis bercadang untuk menyerahkan pengurusan dewan orang ramai ini kepada Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung/Taman.

b) Kemudahan Pondok Perhentian Bas Tidak Mencukupi

Jalan raya hendaklah dilengkapi dengan kemudahan awam seperti siar kaki dan laluan basikal yang diasingkan daripada jalan berturap, lintasan pejalan kaki yang mudah dilihat dan dikenali serta pondok menunggu bas yang lengkap dengan ruang bas berhenti (*bus lay by*). Pemerhatian Audit di sepanjang laluan bas awam di antara pusat bandar Maharani dengan kawasan perindustrian Bukit Bakri mendapati pondok perhentian bas kurang disediakan terutamanya di Jalan Sungai Abong. Lokasi yang tidak mempunyai pondok perhentian bas di sepanjang laluan tersebut dan merupakan tempat tumpuan orang ramai adalah seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3
Lokasi Yang Tidak Mempunyai Pondok Perhentian Bas

Bil.	Laluan Bas Awam	Lokasi Yang Tiada Pondok Perhentian Bas
1.	Jalan Sungai Abong	<ul style="list-style-type: none"> • Di hadapan Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri • Kampung Kenangan Tun Dr. Ismail 2 • Di hadapan Masjid Jamek Sungai Abong • Taman Pertama
2.	Jalan Kampung Tengah	<ul style="list-style-type: none"> • Di hadapan Pejabat Pelajaran Daerah • Taman Sri Terap
3.	Jalan Bukit Batu	<ul style="list-style-type: none"> • Taman Acid dan Taman Jeram Mewah
4.	Jalan Parit Wahid Hulu	<ul style="list-style-type: none"> • Taman Bakri Permai
5.	Jalan Batu Nampak	<ul style="list-style-type: none"> • Taman Pertiwi • Taman Bakri Jaya • Maktab Teknik Polis Diraja Malaysia

Sumber: Jabatan Audit Negara

Hasil temu bual Audit dengan pemandu bas awam mendapati orang awam yang ingin menggunakan perkhidmatan bas terpaksa menunggu di bawah pokok atau di tempat teduh terutamanya di kawasan tumpuan ramai seperti Kampung Kenangan Tun Dr. Ismail 2 dan kawasan berhampiran persimpangan Kampung Tengah dan Jalan Kampung Jeram. Keadaan ini berlaku disebabkan Majlis tidak membuat kajian mengenai keperluan pondok menunggu bas di sepanjang laluan bas awam tersebut dan pondok menunggu bas hanya akan disediakan berdasarkan permintaan daripada orang awam. Ini menyebabkan orang awam terpaksa menunggu bas di tepi jalan seperti di **Foto 10.13**.

Foto 10.13
Orang Awam Menunggu Bas
Di Kawasan Yang Tidak Mempunyai
Pondok Menunggu Bas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Kenangan Tun Dr. Ismail 2, Muar
Tarikh: 21 Oktober 2009

Pada pendapat Audit, fungsi penggunaan kemudahan awam di Majlis boleh dipertingkatkan lagi sekiranya kemudahan yang diperlukan disediakan secukupnya. Kemudahan sedia ada pula boleh dinaik taraf dan disenggara sewajarnya supaya dapat digunakan oleh orang awam.

10.4.3 Pencerobohan Tapak Kemudahan Awam

Peruntukan Undang-undang Kecil Taman (MDMS) 1987 menyatakan tiada sesiapa boleh mengalih, memindah, merosakkan atau mencacatkan mana-mana perabot landskap, peralatan permainan kanak-kanak, membuang atau menimbun apa jua kekotoran sampah sarap, mengalih rumput padang atau mengorek tanah serta mendirikan apa jua struktur di taman awam tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua Majlis. Selain itu, semua jenis kenderaan tidak boleh diletakkan dalam sesuatu taman.

Lawatan Audit di sekitar kawasan pentadbiran Majlis mendapati 29 atau 40.3% daripada 72 lot permainan dan tanah lapang di kawasan perumahan telah diceroboh oleh orang awam yang menjalankan pelbagai aktiviti yang bertentangan dengan Undang-undang Kecil Taman (MDMS) 1987 seperti bercucuk tanam, membina garaj meletak kereta dan mendirikan bangsal kerja. Antara lot permainan dan tanah lapang yang diceroboh telah digunakan untuk mengusahakan tanaman kekal seperti pokok mangga, rambutan, kelapa dan nangka. Selain itu, terdapat bangsal kerja dan garaj kenderaan dibina di atas rizab tanah lapang Majlis. Contoh pencerobohan adalah seperti di **Foto 10.14** dan **Foto 10.15**.

Foto 10.14
Pencerobohan Taman Permainan
Kanak-Kanak Dengan Aktiviti Tanaman



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Meranti I, Bakri, Muar
Tarikh: 15 September 2009

Foto 10.15
Stor Dan Garaj Kenderaan Yang
Di Bina Atas Lot Tanah Lapang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Tun Dr. Ismail 2, Sungai Abong,
Muar
Tarikh: 15 September 2009

Kes pencerobohan lot permainan dan tanah lapang berlaku disebabkan tindakan penguatkuasaan tidak dilakukan terhadap mana-mana orang awam yang melakukan kesalahan. Selain itu, tindakan pencegahan seperti notis larangan menceroboh tidak dipamerkan di kawasan taman tersebut. Setiap tanah lapang yang telah diceroboh sama ada sebahagian atau keseluruhan kawasan telah menghilangkan fungsi rekreasi iaitu sebagai tempat berehat dan menggalakkan interaksi sosial antara masyarakat.

Pada pendapat Audit, pemantauan Majlis terhadap tanah lapang dan lot permainan adalah tidak memuaskan kerana penguatkuasaan tidak dilaksanakan berasaskan Undang-undang Kecil Taman (MDMS) 1987.

10.4.4 Perancangan Dan Pelaksanaan Penyediaan Kemudahan Awam

Penyediaan kemudahan awam merupakan salah satu daripada tanggungjawab Majlis yang perlu dilaksanakan kepada orang awam. Sehubungan itu, kajian menyeluruh mengenai keperluan kemudahan awam di sesuatu kawasan perlu dibuat bagi memastikan orang awam dapat menikmati faedah yang diperoleh daripada penyediaan kemudahan awam tersebut.

a) Tapak Kemudahan Awam Untuk Pusat Kejiranan Tidak Mencukupi

Jabatan Perancang Bandar Dan Desa telah menetapkan pemaju hendaklah merizabkan 10% daripada keluasan tapak pembangunan sebagai kawasan lapang bagi setiap permohonan pembangunan hartanah. Sebanyak 7% daripada rizab tersebut adalah untuk kawasan lapang mutlak dan selebihnya untuk rizab kemudahan awam yang perlu diserahkan kepada kerajaan. Selaras dengan itu, Piawaian Perancangan Negeri Johor telah dirangka bagi memudahkan Majlis merancang penyediaan tapak untuk pembangunan kemudahan awam. Keperluan menyediakan rizab tapak kemudahan awam mengikut piawaian perancangan tersebut adalah seperti di **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4
Piawaian Menyediakan Rizab Tapak Kemudahan Awam

Bil.	Tapak Untuk Seunit Kemudahan Awam	Luas Tapak (Hektar)	Piawaian Keperluan Penduduk (Orang)
1.	Lot Permainan	0.066 - 0.4	500 – 2,000
2.	Balai Raya	0.3 - 1 (ekar)	1,000 - 5,000
3.	Klinik	0.1	2,000 - 4,000
4.	Tadika	0.1	2,500
5.	Padang Permainan	0.8-3.2	2,000 - 5,000
6.	Sekolah Rendah	2.3	7,500
7.	Sekolah Agama	0.6	7,500
8.	Surau/Tempat Ibadah	0.1	5,000
9.	Dewan Orang Ramai	0.25 - 1.5 (ekar)	3,000 - 10,000
10.	Padang Kejiranan	3.2 - 12	5,000 - 10,000
11.	Balai Polis	1.0	10,000 - 15,000
12.	Pejabat Pos Kecil	0.1 - 0.2	3,000 - 15,000
13.	Sekolah Menengah	3.6	15,000

Sumber: Piawaian Perancangan Negeri Johor

Pematuhan terhadap piawaian di atas akan memudahkan Majlis dan jabatan kerajaan yang lain untuk menyediakan kemudahan awam di atas rizab yang ditentukan. Lawatan Audit ke kawasan kejiranan Jalan Jonid dan Jalan Sungai Abong mendapati tapak untuk kemudahan awam hanya disediakan sebanyak 39 atau 45.3% berbanding 86 tapak yang sepatutnya untuk keperluan piawaian penduduk seramai 39,785 orang. Bilangan tapak yang tidak disediakan bagi kedua-dua kawasan kejiranan tersebut adalah sebanyak 47 lot iaitu 24 lot di kawasan kejiranan Jalan Jonid untuk penduduk seramai 16,110 orang dan 23 lot di kejiranan Jalan Sungai Abong untuk penduduk seramai 23,675 orang. Keperluan tapak berbanding tapak sedia ada di kawasan kejiranan Jalan Jonid dan Jalan Sungai Abong adalah seperti di **Jadual 10.5**.

Jadual 10.5
Keperluan Tapak Berbanding Dengan Tapak Sedia Ada

Kawasan Kejiranan	Penduduk (Orang)	Keperluan Piawaian (Bil. Lot) (a)	Sedia Ada (Bil. Lot) (b)	Kurang (Bil. Lot) (c)=(a)-(b)	Kurang (%) (d)=(c)/(a)
Jalan Jonid	16,110	36	12	24	66.7
Sungai Abong	23,675	50	27	23	46.0
Jumlah	39,785	86	39	47	54.7

Sumber: Jabatan Audit Negara

Sebanyak 47 lot tapak kemudahan awam yang kurang disediakan adalah untuk 12 lot tadika, sembilan lot klinik, enam lot padang permainan, empat lot sekolah rendah, empat lot sekolah agama, tiga lot padang kejiranan, tiga lot balai raya, dua lot surau/tempat ibadah, dua lot untuk pejabat pos kecil, satu lot balai polis dan satu lot dewan orang ramai.


Semakan Audit juga mendapati kedudukan tapak kawasan lapang, dewan orang ramai dan surau/tempat ibadah tidak diagihkan mengikut kepadatan penduduk dan keluasan sesuatu sektor kejiranan dalam tapak pembangunan. Keperluan tapak kemudahan

awam yang mencukupi tidak dapat disediakan bagi kedua-dua kejuranan mengikut pertambahan penduduk kerana saiz 10% tanah lapang yang diluluskan antara 0.032 hingga 1.715 hektar setiap satu hanya dirizab untuk keluasan lot permainan atau kawasan lapang mutlak berbanding saiz lot yang ditentukan oleh piawaian iaitu antara 0.066 hektar hingga 12 hektar. Majlis juga tidak mengambil kira keperluan penyediaan lot tanah lapang yang berskala besar mengikut jenis rizab tanah lapang untuk penyediaan kemudahan awam pada masa akan datang semasa meluluskan sesuatu permohonan. Oleh kerana rizab tapak yang mencukupi tidak dapat disediakan oleh pemaju, Majlis dan jabatan kerajaan yang lain tidak dapat menyediakan kemudahan awam mengikut piawaian perancangan yang telah ditetapkan bagi manfaat penduduk di seluruh kawasan tersebut.

Menurut Majlis, tapak kemudahan awam sukar disediakan kerana kebanyakan tanah dimiliki oleh pemilik yang berlainan dan dibangunkan secara usahasama dengan pemaju perumahan dalam skala kecil.

Analisis Audit terhadap 100 borang soal selidik yang diedarkan kepada penduduk di kedua-dua kejuranan tersebut mengenai kemudahan awam yang diperlukan oleh orang awam tetapi tidak disediakan oleh Majlis adalah seperti di **Carta 10.1**.

Carta 10.1
Kemudahan Awam Yang Diperlukan Oleh Orang Awam
Bagi Kejuranan Jalan Jonid Dan Jalan Sungai Abong



Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Carta 10.1 menunjukkan sebanyak 44% responden memerlukan kemudahan padang bola sepak dan pondok menunggu bas, 37% memerlukan peralatan permainan kanak-kanak dan 33% memerlukan balai raya di kawasan kediaman mereka. Sebanyak 10% responden pula memerlukan kemudahan awam yang lain seperti surau, perpustakaan awam dan telefon awam.

b) Perancangan Pembinaan Balai Raya Dan Dewan Orang Ramai Tidak Dilaksanakan Rancangan Tempatan Daerah Muar yang disediakan mengikut Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) menyatakan Majlis perlu membina sebanyak 37 unit balai raya dan 23 unit dewan orang ramai dalam tempoh 12 tahun iaitu dari tahun 2004 hingga 2015. Kos keseluruhan pembangunan projek adalah sejumlah RM22.53 juta yang akan dilaksanakan melalui tiga fasa. Pembinaan fasa satu bermula dari Januari 2004 hingga Disember 2007 melibatkan sebanyak 18 unit balai raya dan 18 unit dewan orang ramai. Pembinaan fasa dua bermula dari Januari 2008 hingga Disember 2011 melibatkan sebanyak lapan unit balai raya dan dua unit dewan orang ramai dan fasa tiga bermula dari Januari 2012 hingga Disember 2015 melibatkan sebanyak 11 unit balai raya dan tiga unit dewan orang ramai.

Semakan Audit mendapati pembinaan sebanyak 18 unit balai raya dan 18 unit dewan orang ramai tidak dilaksanakan di tiga blok perancangan yang telah ditentukan sehingga akhir tahun 2009. Semakan selanjutnya mendapati tiada sebarang rekod diselenggara bagi menunjukkan status kemajuan projek bagi fasa satu dan fasa dua. Majlis tidak dapat melaksanakan pembinaan balai raya dan dewan orang ramai yang dirancang kerana lokasi sebenar tapak projek belum ditentukan dan tiada kajian semula dibuat terhadap keperluan balai raya atau dewan orang ramai di sesuatu tempat yang telah dirancang. Selain itu, Majlis tidak menyediakan peruntukan kewangan dalam bajet tahunannya untuk projek berkaitan. Kelewatan melaksanakan rancangan yang dibuat menyebabkan orang awam tidak dapat menggunakan kemudahan awam yang telah dirancang.

Menurut Majlis, Rancangan Tempatan yang disediakan adalah sebagai garis panduan dalam melaksanakan pembangunan di mana pembinaan balai raya dan dewan orang ramai ini akan dilaksanakan apabila perlu dan Majlis mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi.

Pada pendapat Audit, perancangan Majlis untuk mengadakan rizab tapak kemudahan awam adalah tidak memuaskan kerana bilangan tapak kemudahan awam yang disediakan tidak mencukupi dan tidak mengambil kira keperluan masa hadapan selaras dengan pertumbuhan penduduk.

10.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan kemudahan awam di Majlis Perbandaran Muar adalah tidak memuaskan dan boleh dipertingkatkan melalui tindakan bersepadu antara jabatan dalam Majlis. Antara kelemahan yang ditemui adalah aspek penyenggaraan kurang diberikan perhatian menyebabkan kemudahan awam tidak boleh digunakan lagi. Terdapat juga kolam renang yang terbiar dalam keadaan yang terlalu usang. Kemudahan awam yang dirancang tidak dilaksanakan dan kemudahan awam yang disediakan tidak dimanfaatkan. Selain itu, tanah lapang dan kawasan permainan kanak-kanak juga tidak dipantau serta tiada

tindakan penguatkuasaan dilakukan terhadap penceroboh. Sehubungan itu, syor berikut boleh dipertimbangkan oleh pihak Majlis:

- a)** Menyediakan rancangan penyenggaraan kemudahan awam untuk tujuan kerja penyenggaraan secara berkala (*regular*), pencegahan (*preventive*) dan pembaikan (*corrective*) melalui penyediaan satu daftar kemudahan awam.
- b)** Membuat kajian menyeluruh terhadap keperluan kemudahan awam di seluruh kawasan pentadbiran Majlis berdasarkan permintaan orang awam.
- c)** Meningkatkan rondaan dan mengambil tindakan terhadap aktiviti yang bertentangan Undang-Undang Kecil Taman (MDMS) 1987 di atas tanah lapang dan kawasan permainan kanak-kanak di seluruh kawasan pentadbiran Majlis.
- d)** Menggalakkan skim perumahan yang berskala besar untuk mengelakkan konflik guna tanah dan masalah kekurangan kemudahan awam terutama di kawasan yang mempunyai ramai penduduk. Skim ini boleh dilaksanakan dengan menggabungkan lot-lot kecil agar kawasan boleh dibangunkan secara bersepadu dengan penyediaan kemudahan awam yang lengkap sebagaimana yang disarankan dalam Rancangan Tempatan Daerah Muar.



BAHAGIAN II PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

11. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau agensi Kerajaan Negeri. Satu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 telah diwartakan pada 17 Disember 2009 bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Pada tahun 2009, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd., PIJ Holdings Sdn. Bhd. dan YPJ Holdings Sdn. Bhd.

SYARIKAT KERAJAAN NEGERI JOHOR

12. KUMPULAN PRASARANA RAKYAT JOHOR SDN. BHD.

12.1 LATAR BELAKANG

12.1.1 Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJ) merupakan sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Johor telah ditubuhkan pada 8 November 1995. Sehingga Disember 2009, modal saham dibenarkan KPRJ ialah RM20 juta dan modal saham berbayar berjumlah RM1 juta dipegang sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Johor. Kegiatan utama KPRJ adalah untuk melaksanakan pembangunan prasarana di Negeri Johor. Pelaksanaan projek prasarana oleh KPRJ adalah berdasarkan kaedah “Perkongsian Bijak” dan persefahaman berikut:

- a)** KPRJ perlu melaksanakan pembangunan prasarana mengikut arahan Kerajaan Negeri Johor dengan kadar segera menggunakan sumber kewangan sendiri sama ada dalam bentuk pinjaman atau sumber lain; dan
- b)** Kerajaan Negeri Johor akan mengurniakan tanah kepada KPRJ yang akan digunakan untuk mencari pulangan sama ada menerusi pembangunan hartanah, penjualan atau apa-apa kaedah yang berjaya menjana hasil serta sebagai pemegang saham. Pulangan ini akan disalurkan oleh KPRJ terus untuk pembayaran balik sumber kewangan yang diterima/digunakan dalam pelaksanaan projek prasarana.

Lembaga Pengarah KPRJ yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Johor dianggotai oleh seorang ahli EXCO Kerajaan Negeri Johor, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Pegawai Kewangan Negeri Johor, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Johor, Penasihat Pembangunan Negeri Johor, Timbalan Pengerusi Eksekutif YPJ Holdings Sdn. Bhd. dan Ketua Eksekutif KPRJ. Pada masa kini, KPRJ memberi tumpuan kepada aktiviti projek usaha sama, penjualan tanah dan pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu untuk menjana pendapatannya. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Johor, KPRJ perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, peraturan lain yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa serta peraturan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah KPRJ.

12.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan KPRJ adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

12.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama KPRJ iaitu prestasi kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat bagi tahun 2007 hingga 2009. Penyata kewangan beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 hingga 2008 juga digunakan untuk analisis kewangan. Semakan terhadap dokumen, fail, rekod yang berkaitan serta pemeriksaan fizikal projek dan aset turut dilakukan. Temu bual dan perbincangan juga telah diadakan dengan pegawai yang berkaitan.

12.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Oktober 2009 hingga Januari 2010 mendapati KPRJ memperoleh keuntungan bersih RM107 juta pada tahun 2008 berbanding keuntungan RM549.87 juta pada tahun 2007. Bagaimanapun, dari segi pengurusan aktiviti didapati ianya kurang memuaskan dengan penjualan tanah lebih rendah atau tanpa penilaian dan projek usaha sama yang belum bermula selepas beberapa tahun perjanjian ditandatangani. Syarikat subsidiari yang ditubuhkan tidak aktif dan tidak menjana keuntungan serta tiada pembayaran dividen kepada KPRJ sebagai syarikat induk. Selain itu, terdapat kelemahan dalam tadbir urus korporat dan pekeliling berkaitan syarikat kerajaan tidak dipatuhi. Setelah 14 tahun tidak pernah membayar dividen kepada Kerajaan Negeri Johor semenjak penubuhannya, KPRJ telah membayar dividen sejumlah RM5 juta kepada Kerajaan Negeri Johor pada Disember 2009 selepas diaudit. Bagi penyata kewangan beraudit tahun 2008, KPRJ telah mendapat Sijil Berteguran berikutan tidak membuat peruntukan bagi rosot nilai pelaburan syarikat bersekutu. Penjelasan lanjut mengenai prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat syarikat adalah seperti berikut:

12.4.1 Prestasi Kewangan

- a) Berdasarkan kepada penyata kewangan beraudit KPRJ bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008, keuntungan selepas cukai KPRJ pada tahun 2006 berjumlah RM104.25 juta dan meningkat sebanyak 427.5% kepada RM549.87 juta pada tahun 2007 dan menurun sebanyak 80.5% kepada RM107 juta pada tahun 2008. Keuntungan selepas cukai yang tinggi pada tahun 2007 adalah disebabkan peningkatan dalam perolehan KPRJ sejumlah RM615.06 juta pada tahun 2007 berbanding RM2.44 juta pada tahun 2006. Ini disumbangkan oleh penjualan 24 bidang tanah berjumlah RM615.06 juta. Penurunan keuntungan selepas cukai pada tahun 2008 adalah selaras dengan perolehan KPRJ yang menurun sebanyak 96.8% kepada RM19.43 juta disebabkan KPRJ hanya memperoleh hasil sejumlah RM36 juta daripada penjualan tiga bidang tanah. Selain itu, perolehan terlebih nyata sejumlah RM16.57 juta yang telah dilaporkan dalam penyata kewangan tahun 2007 telah diselaraskan semula pada tahun 2008.

Perbelanjaan KPRJ terdiri daripada belanja pentadbiran dan operasi serta kos kewangan. Perbelanjaan pentadbiran dan operasi bagi tempoh yang sama (2006 – 2008) menunjukkan peningkatan dan penurunan yang ketara di mana pada tahun 2007 ia meningkat sebanyak 4,711.6% iaitu daripada RM1.99 juta pada tahun 2006 kepada RM95.75 juta dan menurun sebanyak 96.8% kepada RM3.05 juta pada tahun 2008. Perbelanjaan pada tahun 2007 adalah tinggi disebabkan peningkatan bayaran yuran profesional, elaun rosot nilai pelaburan jangka panjang, penghutang dihapus kira dan kos pembangunan prasarana dihapus kira. Manakala pengurangan pada tahun 2008 disebabkan penurunan bayaran yuran profesional dan tiada elaun rosot nilai pelaburan serta perbelanjaan yang dihapus kira. Bagi kos kewangan KPRJ, ia menurun bagi tiga tahun berturut-turut selaras dengan penyelesaian bayaran pinjaman KPRJ.


- b) Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi KPRJ bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 12.1** dan **Carta 12.1**.

Jadual 12.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi KPRJ
Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008


Butiran	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Perolehan	2.44	615.06	19.43
Perbelanjaan Operasi	0.00	(3.01)	(0.21)
Untung Kasar	2.44	612.05	19.22
Pendapatan Lain	132.59	56.83	110.41
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	(1.99)	(95.75)	(3.05)
Untung Operasi	133.04	573.13	126.58
Kos Kewangan	(28.73)	(23.25)	(19.34)
Untung Sebelum Cukai	104.31	549.88	107.24
Cukai	(0.06)	(0.01)	(0.24)
Untung Selepas Cukai	104.25	549.87	107.00

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit KPRJ Tahun 2006 Hingga 2008

Carta 12.1
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan
Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit KPRJ Tahun 2006 Hingga 2008



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit KPRJ Tahun 2006 Hingga 2008

c) Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan KPRJ, nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan KPRJ bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 12.2**.

Jadual 12.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2006, 2007 Dan 2008

Butiran	Tahun		
	2006	2007	2008
Nisbah Semasa	0.34:1	1.09:1	1.11:1
Margin Keuntungan	42.73:1	0.89:1	5.51:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.26:1	0.62:1	0.13:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	(1.23):1	1.18:1	0.19:1

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit KPRJ Tahun 2006 Hingga 2008

- i) Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur kecairan syarikat iaitu sejauh mana aset semasa yang ada dapat menampung liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan kewangan yang baik dan berupaya menampung liabiliti semasa. Analisis Audit mendapati tahap kecairan KPRJ pada tahun 2006 adalah 0.34 kali dan ia meningkat kepada 1.09 kali pada tahun 2007. Pada tahun 2008 tahap kecairan KPRJ terus meningkat kepada 1.11 kali. Walaupun tahap kecairan KPRJ meningkat setiap tahun tetapi ia masih di bawah kadar 2 yang menyebabkan KPRJ terpaksa berdepan dengan risiko untuk menyelesaikan liabiliti semasa.
- ii) Margin Keuntungan digunakan untuk mengukur keupayaan syarikat dalam memperoleh untung bersih daripada setiap ringgit hasil yang dikutip. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan

syarikat. Analisis Audit mendapati margin keuntungan KPRJ menurun dengan ketara pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 iaitu daripada RM42.73 kepada kurang daripada RM1 tetapi meningkat semula kepada RM5.51 pada tahun 2008. Berdasarkan kepada margin ini, dapat dirumuskan bahawa tahap kecekapan operasi KPRJ tidak stabil kerana menunjukkan penurunan dan peningkatan yang ketara disebabkan perolehan yang tidak menentu.

- iii) Nisbah Pulangan Ke Atas Aset bertujuan mengukur kecekapan syarikat menggunakan aset yang dimiliki untuk menghasilkan keuntungan. Kadar nisbah yang tinggi menunjukkan aset syarikat telah digunakan secara optimum dan berkesan bagi menjana pendapatan. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008, kadar pulangan ke atas aset yang diperolehi oleh KPRJ tidak konsisten di mana ia meningkat daripada 26 sen pada tahun 2006 kepada 62 sen pada tahun 2007 dan menurun pada tahun 2008 kepada 13 sen. Nisbah pulangan ke atas aset yang menurun dengan ketara pada tahun 2008 disebabkan oleh pengurangan tunai dan penghutang serta perolehan. Ini menunjukkan KPRJ kurang cekap dalam menguruskan aset bagi menjana keuntungan syarikat.
- iv) Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti bertujuan menghasilkan untung kepada pemilik atau pemegang saham. Semakin tinggi kadar nisbah yang diperolehi semakin tinggi kemampuan syarikat memberi keuntungan kepada pemegang saham. Analisis Audit mendapati ekuiti KPRJ pada tahun 2006 tidak memberi pulangan kepada pemegang saham kerana mencatatkan defisit. Ini disebabkan oleh KPRJ mengalami kerugian terkumpul yang besar berbanding peningkatan dalam perolehan. Bagaimanapun, pulangan pada tahun 2007 meningkat kepada RM1.18 dan menurun kepada 19 sen pada tahun 2008. Kadar nisbah yang semakin menurun ini disebabkan oleh pengurangan yang ketara dalam perolehan berbanding peningkatan dalam ekuiti. Ini menunjukkan perolehan KPRJ yang tidak menentu tidak dapat memberi pulangan yang tinggi kepada pemegang saham.

12.4.2 Pengurusan Aktiviti

Pada peringkat awal penubuhannya, KPRJ berperanan membangunkan prasarana untuk rakyat tanpa pembiayaan daripada Kerajaan Negeri yang dilaksanakan melalui konsep *Cross Subsidy*. Konsep ini bermaksud KPRJ menggunakan pinjaman bank untuk membiayai projek prasarana rakyat dan mencari pulangan daripada projek hartanah untuk membayar balik pinjaman bank tersebut. Dalam tempoh tiga tahun (1996 hingga 1999) di peringkat awal penubuhannya, KPRJ telah terlibat dalam tujuh projek prasarana iaitu Projek Jalan-Jalan Kampung, Projek Membina Semula Dan Baik Pulih Masjid, Projek Perpustakaan Desa, Projek Kerajaan Elektronik, Projek Stadium Larkin, Projek Pusat Perlindungan Kanak-kanak dan Projek Rumah Rakyat. Selepas tahun 1999, KPRJ memberi tumpuan kepada projek usaha sama, penjualan tanah dan pelaburan bagi menjana pendapatannya. Pihak Audit telah membuat penilaian terhadap aktiviti KPRJ iaitu pengurusan tanah kurniaan Kerajaan Negeri, prestasi pelaburan syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu.

a) Pengurusan Tanah Yang Dikurniakan Oleh Kerajaan Negeri Kepada KPRJ

Seksyen 76, Kanun Tanah Negara (KTN) memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk memindah milik tanah negeri kepada mana-mana pihak dengan cara melupuskan pemilikannya daripada tanah negeri kepada pemohon. KPRJ sebagai syarikat Kerajaan Negeri telah mendapat pemilikan tanah melalui peruntukan di bawah Akta tersebut. Sehingga akhir tahun 2009, KPRJ telah menerima sebanyak 110 bidang tanah dengan keluasan 4,708.89 hektar daripada Kerajaan Negeri Johor di sekitar Daerah Johor Bahru, Kulaijaya dan Kota Tinggi. Status pemilikan tanah KPRJ sehingga akhir tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 12.3**.

Jadual 12.3
Status Pemilikan Tanah KPRJ Sehingga Tahun 2009

Bil.	Status Tanah	Bilangan Tanah	Luas (Hektar)
1.	<i>Joint Venture</i> -Projek Pembangunan	35	1,604.51
2.	Dijual	61	2,370.46
3.	Belum Dibangunkan	14	733.92
Jumlah		110	4,708.89

Sumber : Rekod KPRJ

Pengauditan mendapati wujud kelemahan tertentu dalam pengurusan tanah KPRJ terutamanya melibatkan aspek penjualan tanah dan pembangunan tanah bagi projek usaha sama seperti berikut:

- i) Harga Jualan Rendah Daripada Penilaian** – Mengikut amalan terbaik, penilaian perlu dibuat terhadap setiap tanah yang hendak dijual bagi memastikan pulangan hasil yang terbaik. Semakan Audit terhadap *Master Agreement* bertarikh 30 Mei 2007 antara KPRJ dengan Credence Resources Sdn. Bhd.(CRSB), Danga Bay Holdings Sdn. Bhd. (DBH) dan Danga Bay Sdn. Bhd. (DBSB) mendapati KPRJ telah menjual sembilan bidang tanah seluas 229.90 hektar pada harga RM160.09 juta. Semakan Audit mendapati dua daripada sembilan bidang tanah tersebut telah dijual pada harga RM22.38 juta berbanding penilaian Jabatan Perkhidmatan Dan Penilaian Harta (JPPH) yang bernilai RM72.17 juta iaitu perbezaan sejumlah RM49.79 juta atau 222.5%. Harga jualan juga lebih rendah berbanding penilaian firma juruukur sebanyak RM73.81 juta atau 329.8%. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 12.4**.

Jadual 12.4
Harga Jualan Dua Bidang Tanah Lebih Rendah Daripada Penilaian

Bil.	Lokasi Tanah	Luas (Hektar)	Harga Jualan (RM Juta) (a)	Penilaian JPPH			Penilaian Swasta		
				Harga (RM Juta) (b)	Beza (RM Juta) (a) – (b)	Peratus (%)	Harga (RM Juta) (c)	Beza (RM Juta) (a) – (c)	Peratus (%)
1.	Tambahan Danga, Mukim Bandar	10.40	14.41	10.92	3.49	24.2	34.80	(20.39)	(141.5)
2.	Danga F, Mukim Bandar	15.35	7.97	61.25	(53.28)	(668.5)	61.39 *	(53.42)	(670.3)
Jumlah		25.75	22.38	72.17	(49.79)	(222.5)	96.19	(73.81)	(329.8)

Sumber: Rekod KPRJ, JPPH Dan Firma Juruukur

Nota: * Penilaian swasta bagi Danga F tidak dikemukakan oleh KPRJ. Pihak Audit membuat pengiraan penilaian berdasarkan kepada tanah yang bersebelahan dengan tanah tersebut berkeluasan 44.86 hektar dengan harga penilaian firma juruukur sejumlah RM179.38 juta.

Mengikut maklum balas terkini, nilai tanah tidak disemak semula pada tahun 2007 kerana KPRJ terikat dengan perjanjian yang ditandatangani pada tahun 2005. Bagaimanapun, pada tahun 2005 tiada sebarang penilaian ke atas tanah tersebut dibuat. KPRJ memaklumkan ia mengguna pakai penilaian yang dibuat oleh JPPH pada tahun 1999 bagi tanah yang terletak bersebelahan.

- ii) **Baki Penjualan Tanah** – Semakan Audit terhadap *Master Agreement* bertarikh 30 Mei 2007 antara KPRJ, CRSB, DBH dan DBSB mendapati harga jualan sembilan bidang tanah pada harga RM160.09 juta tersebut, KPRJ tidak menerima tunai secara langsung tetapi dalam bentuk saham biasa bernilai RM1 sesaham yang berjumlah RM3 juta dan saham keutamaan boleh tebus (RPS) berjumlah RM134.50 juta dalam DBH serta kontra pembayaran dengan Rampai Fokus Sdn. Bhd. berjumlah RM22.38 juta. Baki sejumlah RM0.21 juta pula masih belum dijelaskan oleh DBH. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 12.5**.

Jadual 12.5
Bentuk Bayaran Yang Diterima Daripada Penjualan Sembilan Bidang Tanah

Bil.	Butiran Perjanjian/ Tarikh	Harga Jualan (RM Juta)	Saham Biasa @ RM1 (RM Juta)	Saham Keutamaan Boleh Tebus (RPS) (RM Juta)	Kontra (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1.	<i>Master Agreement/ 30.5.2007</i>	105.93	3.00	102.72	0	137.50
2.	<i>Shareholders' Agreement/ 16.6.2009</i>	31.78		31.78	0	
3.	<i>Sales & Purchase Agreement/ 30.5.2007</i>	22.38	0	0	22.38	22.38
Jumlah		160.09	3.00	134.50	22.38	159.88
Baki Belum Jelas						0.21
Jumlah Besar		160.09	3.00	134.50	22.38	160.09

Sumber: Rekod KPRJ

Selain itu, melalui *Subscription Agreement* bertarikh 17 Januari 2007 antara KPRJ, Iskandar Investment Berhad (SJIC), DBH dan Iskandar Waterfront Development Sdn. Bhd. (IWD), KPRJ telah menjual tujuh lagi bidang tanah yang lain seluas 326.25 hektar pada harga RM321.30 juta. Daripada jumlah tersebut, KPRJ tidak menerima tunai secara langsung tetapi dalam bentuk saham biasa bernilai RM1 sesaham yang berjumlah RM12.30 juta dan saham keutamaan boleh tebus (RPS) berjumlah RM309 juta dalam IWD. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 12.6**.

Jadual 12.6
Bentuk Bayaran Yang Diterima Daripada Penjualan Tujuh Bidang Tanah

Bil.	Lokasi Tanah	Luas (Hektar)	Harga Jualan (RM Juta)	Saham Biasa @ RM 1 (RM Juta)	Saham Keutamaan Boleh Tebus (RPS) (RM Juta)
1.	Tanjung Puteri, Mukim Bandar	63.64	321.30	12.30	309.00
2.	Sungai Bahan/Sungai Kemudi, Mukim Pulau	185.90			
3.	Sungai Lunchoo A, Mukim Plentong	76.71			
Jumlah		326.25	321.30	12.30	309.00

Sumber: Rekod KPRJ

Semakan Audit mendapati KPRJ telah menerima tunai daripada penebusan RPS daripada DBH sejumlah RM93.46 juta berserta dividen RPS sejumlah RM24,398 sehingga Disember 2009. Hasil penebusan RPS daripada IWD pula, KPRJ telah menerima tunai sejumlah RM18.91 juta dan dividen RPS sejumlah RM1.17 juta. **Sehingga 31 Disember 2009, KPRJ hanya menerima RM112.37 juta atau 25.3% daripada jumlah RPS bagi kedua-dua perjanjian tersebut yang berjumlah RM443.50 juta manakala baki sejumlah RM331.13 juta atau 74.7% masih belum diterima.** Mengikut perjanjian, baki tersebut akan diterima oleh KPRJ secara berperingkat antara dua hingga 15 tahun bergantung kepada tempoh matang setiap RPS dan **budi bicara syarikat**. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 12.7**.

Jadual 12.7
Kedudukan RPS Sehingga 31 Disember 2009

Butiran	Master Agreement 30.5.2007 Danga RPS (RM Juta)	Subscription Agreement 17.1.2007 SJIC RPS (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	Peratus (%)
Saham Keutamaan Boleh Tebus	134.50	309.00	443.50	100
Tolak: Bayaran RPS yang telah ditebus setakat Disember 2009	93.46	18.91	112.37	25.3
Baki RPS Yang Belum Diterima	41.04	290.09	331.13	74.7

Sumber: Rekod KPRJ

KPRJ memaklumkan pulangan yang diterima dalam bentuk RPS adalah lebih menguntungkan iaitu antara 5% hingga 8% setahun walaupun berisiko tinggi berbanding pulangan dalam bentuk tunai yang disimpan dalam simpanan tetap di mana

menawarkan kadar faedah yang lebih rendah. Pulangan melalui RPS telah dipraktikkan oleh Khazanah Nasional Berhad dan kaedah ini hanya digunakan oleh KPRJ bagi penjualan tanah kepada DBH dan IWD.

Di samping itu, KPRJ juga memaklumkan panel peguamnya telah memberi pandangan bahawa syarikat yang mengeluarkan RPS akan tetap membayar amaun prinsipal dan compounded annual capital growth kepada KPRJ walaupun dalam perjanjian ada menyebutkan "The capital repayment in respect of RPS may be at any time from the anniversary of the date of issue **at the discretion of the Company**".

Pada pendapat Audit, penjualan dua bidang tanah oleh KPRJ adalah tidak menguntungkan kerana tanah dijual lebih rendah daripada penilaian. Selain dari itu, KPRJ juga perlu menilai dan melihat kesan jangka panjang sekiranya ingin menerima pulangan secara RPS daripada penjualan tanah terutamanya di dalam aspek kemampuan kewangan syarikat.

iii) **Pembangunan Tanah Melalui Projek Usaha Sama** – KPRJ juga menggunakan kaedah usaha sama bagi membangunkan serta memajukan tanah yang dikurniakan oleh Kerajaan Negeri Johor. Semakan Audit terhadap tiga projek usaha sama KPRJ iaitu di Ponderosa, Sungai Kim Kim dan Sedenak mendapati perkara seperti berikut:

- **Projek Pembangunan Masih Belum Dimulakan** – Sebanyak tiga projek pembangunan masih belum dimulakan selepas dua hingga 10 tahun perjanjian ditandatangani. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 12.8**.

Jadual 12.8
Projek Pembangunan Yang Belum Bermula

Bil.	Lokasi Projek	Luas (Hektar)	Tarikh Perjanjian	Keuntungan Terjamin (RM Juta)	Catatan
1.	Ponderosa	156.83	11.5.1999	25.00	Perjanjian Pemegang Saham
2.	Sungai Kim Kim	361.70	7.10.2005	77.35	Penilaian JPPH
3.	Sedenak	90.69	7.12.2007	21.14	6% daripada jualan sebenar
Jumlah				123.49	

Sumber: Perjanjian Di Antara KPRJ Dan Syarikat Usaha Sama

Projek pembangunan bagi tanah Ponderosa belum bermula kerana Province Treasure Sdn. Bhd. (PTSB) sedang dalam proses mendapatkan kelulusan Pelan Bangunan daripada Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Kesannya, keuntungan terjamin kepada KPRJ sejumlah RM24.70 juta tertanggung setelah PTSB hanya membayar keuntungan terjamin sejumlah RM0.30 juta pada KPRJ. Semakan lanjut mendapati KPRJ menerima 5.10 juta saham biasa bernilai RM1 sesaham sebagai balasan memberi hak pembangunan tanah Ponderosa kepada PTSB. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada nilai saham tersebut adalah setimpal dengan nilai tanah kerana tiada penilaian dibuat oleh KPRJ ataupun PTSB. *KPRJ memaklumkan PTSB sedang dalam proses*

mendapatkan kelulusan Pelan Bangunan daripada MBBB manakala pegangan saham biasa berjumlah RM5.10 juta dalam syarikat tersebut adalah ditentukan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dan bukan berdasarkan nilai tanah serta diberikan secara percuma.

Bagi pembangunan tanah Sungai Kim Kim pula, *layout* yang dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang oleh IDJ Kim Kim Sdn. Bhd. (IDJ) tidak mendapat kelulusan kerana zon guna tanah Sungai Kim Kim dikategorikan sebagai Hutan Simpan. Kesannya pulangan sejumlah RM77.35 juta iaitu nilai minimum tanah turut tertangguh. *KPRJ memaklumkan IDJ sedang dalam perancangan mengemukakan layout baru setelah KPRJ berjaya mendapatkan kelulusan pertukaran zon guna tanah tersebut daripada Hutan Simpan kepada pembangunan bercampur.*

Pembangunan bagi tanah Sedenak belum bermula kerana ia masih dalam tindakan Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) Johor bagi proses penyerahan sebahagian tanah kepada Kerajaan Negeri Johor. Kesannya pulangan keuntungan sejumlah RM21.14 juta juga tertangguh. *KPRJ memaklumkan akan membuat tindakan susulan terhadap masalah berkaitan pembangunan di tanah tersebut.*

- **Tanah Untuk Projek Usaha Sama Digadaikan** – Mengikut sekatan kepentingan yang dinyatakan pada surat hak milik, tanah yang dikurniakan tidak boleh dijual, dicagar, dipajak, digadai atau dipindah milik tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Mengikut Pekeliling PTG Johor Bil. 10/86 mengenai Kebenaran Menyeluruh Bagi Cagaran/Gadaian Untuk Tanah-tanah Yang Dikenakan Sekatan Kepentingan, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di dalam Ringkasan Mesyuarat Bil. 321/86 bertarikh 5 April 1986 telah memberi persetujuan membenarkan pemilik tanah kurnia menggadaikan tanah kepada pihak bank tanpa perlu merujuk kepada PBN terlebih dahulu. Semakan Audit mendapati lapan bidang tanah untuk projek usaha sama seluas 25.48 hektar di Larkin Jaya, Johor Bahru telah dicagarkan oleh Cemerlang Land Sdn. Bhd. (CLSB) (dahulu dikenali sebagai Genting Unggul Sdn. Bhd.) kepada bank bagi mendapatkan pinjaman berjangka dan *bridging loan* berjumlah RM21 juta pada 6 April 2001. *KPRJ memaklumkan pinjaman tersebut adalah untuk membiayai bayaran pampasan penduduk setinggan yang berada dalam kawasan pembangunan dan selebihnya bagi perbelanjaan operasi CLSB.* Mengikut penyata pinjaman daripada pihak bank berkaitan, prestasi pembayaran pinjaman adalah tidak memuaskan kerana pinjaman berjangka dan *bridging loan* tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 30 bulan yang ditetapkan iaitu pada 1 Julai 2003 dan berlaku kelewatan selama enam tahun. Bayaran terakhir bagi menyelesaikan *bridging loan* adalah pada Julai 2009 manakala baki pinjaman bagi pinjaman berjangka setakat Disember 2009 adalah berjumlah RM4.1 juta.

KPRJ dan CLSB telah menandatangani Perjanjian Pembangunan bertarikh 4 November 1996 (Perjanjian Asal) dan dua perjanjian tambahan bertarikh 30 April 1997 dan 28 Mac 2001 (Perjanjian Tambahan) melibatkan lapan komponen projek di atas lapan bidang tanah seluas 25.48 hektar (62.97 ekar). Mengikut rekod CLSB, sehingga Disember 2009 prestasi pembangunan tanah tersebut secara keseluruhannya adalah pada kadar 1%. Daripada lapan komponen terbabit, komponen yang sedang di dalam pembinaan adalah Rumah Teres 2½ Tingkat. Lima komponen lagi masih belum bermula dan terdapat satu projek lewat iaitu 248 unit Projek Rumah Pangsa Kos Rendah berharga RM25,000 seunit. Di samping itu, terdapat satu komponen iaitu stesen minyak seluas 0.46 hektar yang tidak dibangunkan oleh CLSB telah dijual pada harga RM4.58 juta kepada Petronas Dagangan Berhad (PDB) melalui Perjanjian Jual Beli antara KPRJ, CLSB dan PDB bertarikh 17 Julai 2003. Melalui Resolusi KPRJ bertarikh 16 Mei 2007, Lembaga Pengarah KPRJ telah bersetuju menerima pulangan sebanyak 15% daripada harga jualan tanah tersebut iaitu sebanyak RM0.69 juta sahaja. Daripada jumlah tersebut, KPRJ telah menerima RM0.1 juta pada Mac 2008 dan bakinya masih belum dijelaskan oleh CLSB. *Pihak Audit dimaklumkan Projek Rumah Pangsa Kos Rendah lewat kerana CLSB menghadapi masalah kewangan dan memberi tumpuan untuk menyiapkan Rumah Teres 2½ Tingkat terlebih dahulu. KPRJ juga memaklumkan baki pulangan daripada penjualan tanah stesen minyak tersebut masih belum dijelaskan oleh CLSB disebabkan proses pindah milik tanah Rizab Melayu daripada KPRJ kepada PDB masih belum selesai.*

Mengikut rekod CLSB, jumlah kasar kos pembangunan dianggarkan sejumlah RM166.63 juta. Mengikut perjanjian asal, KPRJ akan menerima pulangan 10% daripada harga jualan sebenar. Bagaimanapun, dalam perjanjian tambahan pada tahun 2001 jumlah pulangan KPRJ telah diturunkan dari 10% kepada 6% daripada harga jualan sebenar. Selanjutnya ditegaskan pulangan minima kepada KPRJ akan dikira berdasarkan pada kadar RM5 sekaki persegi yang mana lebih tinggi berbanding dengan 6% daripada keseluruhan harga jualan sebenar komponen projek. Mengikut kertas cadangan CLSB pada tahun 2006, anggaran pulangan kepada KPRJ berdasarkan 6% adalah berjumlah RM16.18 juta manakala mengikut perjanjian tambahan sebanyak RM13.71 juta sahaja (dikira mengikut kadar RM5 sekaki persegi). Sehingga Disember 2009, kelewatan penyediaan projek tersebut menyebabkan KPRJ belum menerima pulangan daripada CLSB yang kesemuanya dianggarkan berjumlah RM13.16 juta setelah ditolak sejumlah RM0.55 juta yang telah dibayar terdahulu oleh CLSB untuk melepaskan kaveat atas satu bidang tanah KPRJ di Larkin Jaya. Keadaan tapak Projek Rumah Pangsa Kos Rendah adalah seperti di **Foto 12.1** dan **Foto 12.2** manakala Projek Rumah Teres 2½ Tingkat adalah seperti di **Foto 12.3**.

Foto 12.1
Keadaan Tapak Projek Rumah Pangsa Kos Rendah



Sumber: KPRJ
Lokasi: Larkin Jaya, Johor Bahru
Tarikh: 12 Januari 2010

Foto 12.2

Keadaan Tapak Projek Rumah Pangsa Kos Rendah



Sumber: KPRJ
Lokasi: Larkin Jaya, Johor Bahru
Tarikh: 12 Januari 2010

Foto 12.3
Projek Rumah Teres 2½ Tingkat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Larkin Jaya, Johor Bahru
Tarikh: 15 Disember 2009

Pada pendapat Audit, projek usaha sama KPRJ di Ponderosa, Sungai Kim Kim dan Sedenak yang sepatutnya menjana pulangan berjumlah RM123.19 juta kepada KPRJ tidak dapat direalisasikan disebabkan projek tersebut masih belum bermula. Manakala penggadaian lapan bidang tanah di Larkin Jaya boleh menyebabkan KPRJ berhadapan dengan risiko akan menanggung hutang atau tanah dilelong sekiranya pinjaman berkaitan tidak dibayar oleh CLSB. Selain itu, kelewatan projek pembangunan usaha sama di Larkin Jaya menyebabkan KPRJ tidak mendapat pulangan dianggarkan sejumlah RM13.16 juta sehingga kini. Perjanjian juga tidak memperuntukkan penalti/denda terhadap kerja-kerja yang lewat disiapkan mengikut jadual.

- **Tanah Belum Dimajukan Telah Digadaikan** – Lapan bidang tanah lain yang belum dimajukan telah digadaikan kepada pihak bank iaitu satu bidang tanah di Bukit Tempurung B, Mukim Tanjung Kupang seluas 27.52 hektar bagi pinjaman berjumlah RM11.78 juta dan tujuh bidang tanah di Batu 15, Jalan Kulai, Mukim Ulu Sungai Johor seluas 181.28 hektar bagi pinjaman berjumlah RM16 juta daripada dua buah bank. *KPRJ memaklumkan kedua-dua pinjaman tersebut adalah bagi menampung perbelanjaan projek Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor di Nusajaya oleh sebuah anak syarikat KPRJ iaitu Julung cipta Sdn. Bhd..*

b) Prestasi Pelaburan Syarikat Subsidiari

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan semua pelaburan syarikat subsidiari kerajaan termasuk penubuhan syarikat baru dan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat. Penubuhan syarikat subsidiari dengan pegangan ekuiti 100% oleh kerajaan atau syarikat kerajaan tidak dibenarkan kecuali atas sebab mendesak dan mustahak. Lembaga Pengarah syarikat induk perlu melupuskan/menswastakan kepentingan kerajaan dalam syarikat yang menghadapi kerugian besar yang berterusan, dorman dan telah menamatkan operasinya. Sehingga Disember 2009, KPRJ mempunyai sembilan buah syarikat subsidiari di mana empat buah syarikat adalah aktif manakala lima lagi tidak aktif. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 12.9**.

Jadual 12.9
Prestasi Syarikat Subsidiari KPRJ Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Bil.	Subsidiari	Ekuiti (%)	Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai			Keuntungan / (Kerugian) Terkumpul
			2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Syarikat Aktif						
1.	Province Treasure Sdn. Bhd.	51	(1.60)	(1.68)	TM	TM
2.	Julung Cipta Sdn. Bhd.	100	1.78	1.63	3.76	6.36
3.	KPRJ Astakapuri Sdn. Bhd.	100	(0.07)	0.42	0.64	1.55
4.	Generasi Takzim Sdn. Bhd.	100	(0.02)	(0.005)	(0.002)	(0.03)
Syarikat Tidak Aktif (Dorman)						
5.	Anggerik Nusantara Sdn. Bhd.	100	0	0	0	0
6.	Baiduri Palms Sdn. Bhd.	60	TM	TM	TM	TM
7.	Desa Kukuh Sdn. Bhd.	60	TM	TM	TM	TM
8.	Bukit Tempurung Development Sdn. Bhd.	60	TM	TM	TM	TM
9.	Minda Rakyat Johor Sdn. Bhd.	100	(0.004)	(0.003)	(0.02)	(6.31)

Sumber : Rekod KPRJ

TM- Tiada Maklumat (Salinan Penyata Kewangan Tidak Dikemukakan Untuk Semakan Audit)

Menurut resolusi secara bertulis bertarikh 10 November 2003, Lembaga Pengarah telah meluluskan pelupusan pegangan saham KPRJ dalam syarikat usaha samanya di Desa Kukuh Sdn. Bhd. (DKSB) dan Baiduri Palms Sdn. Bhd. (BPSB) kepada rakan kongsi atau melalui pembubaran pada harga tara (*par*) RM1.00 sesaham. Dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-25 bertarikh 5 Ogos 2004, Lembaga Pengarah telah bersetuju

untuk menutup semua syarikat subsidiari yang tidak aktif sama ada secara menjual saham kepada rakan kongsi, membatalkan nama (*strike off*) di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau pembubaran. Semakan Audit mendapati KPRJ hanya mengemukakan tiga daripada lima syarikat subsidiari yang tidak aktif kepada SSM untuk proses *strike off* iaitu DKSB pada September 2009 serta BPSB dan Bukit Tempurung Development Sdn. Bhd. pada Disember 2009. *Sementara itu, Minda Rakyat Johor Sdn. Bhd. dan Anggerik Nusantara Sdn. Bhd. tidak dikemukakan untuk proses strike off kerana KPRJ memaklumkan ianya mempunyai perancangan perniagaan di masa akan datang.* Sementara itu, syarikat yang aktif iaitu Julung Cipta Sdn. Bhd. dan KPRJ Astakapuri Sdn. Bhd. mencatatkan keuntungan terkumpul pada tahun 2008 masing-masing berjumlah RM6.36 juta dan RM1.55 juta. Semakan Audit juga mendapati dua syarikat lagi iaitu Generasi Takzim Sdn. Bhd. mencatatkan kerugian bagi tahun 2006 hingga 2008 manakala Province Treasure Sdn. Bhd. mencatat kerugian bagi tahun 2006 hingga 2007 dan tiada maklumat bagi tahun 2008 kerana penyata kewangan tidak dikemukakan kepada KPRJ.

Pada pendapat Audit, pelaburan dalam syarikat subsidiari tidak memuaskan kerana terdapat lima daripada sembilan syarikat subsidiari yang tidak aktif dan dua syarikat yang aktif pula mengalami kerugian berturut-turut selama dua tahun atau lebih. Selain itu, KPRJ juga tidak menerima sebarang dividen dan perkongsian keuntungan daripada syarikat subsidiari kecuali daripada Julung Cipta Sdn. Bhd.

c) Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari

Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bil.12 Tahun 1993, pinjaman yang diberikan tanpa faedah atau dengan kadar faedah yang *subsidized* serta syarat yang longgar, hendaklah dihentikan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2007 hingga 2009, KPRJ ada memberi pendahuluan kepada syarikat subsidiari dan lapisan syarikat subsidiari dengan baki terutang pada 31 Disember 2009 berjumlah RM24.60 juta. Daripada jumlah tersebut, RM7.51 juta adalah untuk Julung Cipta Sdn. Bhd. (JCSB) bagi membiayai sebahagian besar pembangunan projek Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor (JSNAC), RM6.16 juta adalah untuk Minda Rakyat Johor Sdn. Bhd. (MRJSB) bagi membiayai penyenggaraan Projek Teknologi Maklumat manakala selebihnya adalah untuk syarikat subsidiari dan lapisan syarikat subsidiari KPRJ yang lain bagi membiayai operasi syarikat. Semakan lanjut mendapati tiada perjanjian dibuat berkaitan pendahuluan tersebut bagi menyatakan secara terperinci syarat-syarat lain berkaitan faedah dikenakan dan tempoh bayaran balik antara KPRJ dengan syarikat subsidiarinya.

KPRJ memaklumkan pemberian pendahuluan/pinjaman kepada syarikat subsidiari dan pematuhan kepada pekeling berkaitan akan dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk dibincangkan.

d) Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu

Sehingga Disember 2009, KPRJ mempunyai 10 buah syarikat bersekutu di mana pelaburan KPRJ adalah berjumlah RM330.46 juta. Semakan Audit mendapati daripada 10 syarikat bersekutu, dua syarikat menjana keuntungan terkumpul pada tahun 2008 iaitu Infra Desa Johor Sdn. Bhd. (IDJSB) dan Iskandar Investment Berhad. Lima syarikat lagi mengalami kerugian terkumpul pada tahun 2008 dengan Tebrau Teguh Berhad mengalami kerugian terkumpul yang terbesar iaitu RM62.63 juta dan diikuti oleh PLS Plantations Berhad berjumlah RM6.25 juta. Sementara itu dua syarikat lagi tiada maklumat berkaitan kerana tidak mengemukakan penyata kewangan beraudit iaitu Permata Seroja Sdn. Bhd. dan Danau Puteri Development Sdn. Bhd. manakala sebuah syarikat lagi iaitu KPRJ – Layang Cekap JV Sdn. Bhd. baru ditubuhkan pada tahun 2008. Sehingga Disember 2009, KPRJ hanya menerima perkongsian keuntungan daripada KPRJ - Layang Cekap JV Sdn. Bhd. sejumlah RM0.61 juta iaitu sebahagian daripada pembahagian keuntungan yang dipersetujui melalui projek Pembinaan Jalan Abu Bakar dan Jalan Skudai bagi tahun 2009. Selain itu, KPRJ hanya menerima dividen daripada IDJSB sejumlah RM2 juta iaitu dividen interim pertama bagi tahun 2008.

Pada pendapat Audit, pelaburan dalam syarikat bersekutu tidak memuaskan kerana kebanyakan syarikat bersekutu tidak memberi pulangan dividen setimpal dengan nilai pelaburan KPRJ.

12.4.3 Tadbir Urus Korporat

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memperkenalkan Kod Malaysia untuk tadbir urus korporat pada tahun 2000 dan telah disemak semula pada tahun 2007 yang menekankan elemen penting seperti pematuhan undang-undang dan peraturan, struktur organisasi, keanggotaan, peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah kepada pemegang saham, penetapan dan pendedahan ganjaran yang diterima oleh Lembaga Pengarah, polisi dan prosedur, penubuhan jawatankuasa tertentu dan peranan Jawatankuasa Audit terhadap akauntabiliti syarikat. Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mengurus dan mengawal aktiviti/program dan kebajikan syarikat ke arah meningkatkan prestasi dan akauntabiliti korporat dengan objektif utama memastikan kepentingan *stakeholders* dipertahankan. Tadbir urus korporat penting sebagai peraturan yang berkesan bagi menyumbang kepada perkembangan perniagaan. Penemuan Audit terhadap tadbir urus korporat KPRJ adalah seperti berikut:

a) Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat kerajaan dan dikehendaki membayar dividen sekurang-kurangnya 10% setahun sebagai pulangan modal kepada kerajaan sebagai pemegang saham. Cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus untuk kelulusan Lembaga Pengarah agensi kerajaan dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Semakan Audit mendapati KPRJ tidak membuat bayaran dividen kepada Kerajaan Negeri Johor sejak penubuhan hingga 2008 seperti yang ditetapkan oleh Pekeliling walaupun telah memperoleh keuntungan bagi beberapa tahun kebelakangan. Bagaimanapun, KPRJ telah membuat pembayaran dividen bagi tahun 2009 sebanyak RM5 juta kepada Kerajaan Negeri Johor pada 9 Disember 2009 pada kadar 500% atas 1,000,002 unit saham biasa bernilai RM1 sesaham. *KPRJ memaklumkan bahawa syarikat telah memberi sumbangan kepada Kerajaan Negeri Johor melalui konsep Cross Subsidy dan mengangap ia sebagai dividen.*

b) Pembayaran Bonus

Akta Syarikat 1965 memperuntukkan bonus boleh dibayar kepada kakitangan sekiranya syarikat memperoleh keuntungan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan cadangan bayaran bonus kumpulan syarikat subsidiari kerajaan perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat dan Lembaga Pengarah agensi kerajaan sebelum dikemukakan kepada PBN dalam tempoh sebulan selepas akaun tahunan ditutup. Cadangan bayaran bonus perlu dikemukakan serentak dengan cadangan bayaran dividen kepada pemegang saham.

Semakan Audit mendapati KPRJ telah membayar bonus kepada kakitangannya sejak tahun 1997 sehingga 2009 kecuali pada tahun 1998. Butiran bonus bagi kakitangan KPRJ bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 12.10**.

Jadual 12.10
Bayaran Bonus Kakitangan KPRJ Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Butiran	Tahun		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Untung Sebelum Cukai	549.88	107.24	141.45
Bonus Interim	0	0	0.32
Bonus Akhir	0.89	0.37	Belum Ditentukan
Jumlah Bonus	0.89	0.37	0.32
Kadar Bonus (Bulan)	9	3	6
Bilangan Pekerja (Orang)	11	11	10

Sumber: Rekod KPRJ

Analisis Audit mendapati KPRJ telah membuat bayaran bonus kepada kakitangannya antara RM0.32 juta hingga RM0.89 juta pada tahun 2007 hingga 2009. Bayaran bonus antara tiga hingga sembilan bulan gaji telah dibayar berdasarkan keuntungan tahunan. Bagi tahun 2009, lembaga pengarah telah meluluskan 12 bulan gaji bagi bonus kakitangannya dan telah membayar enam bulan bonus interim, manakala baki enam bulan lagi adalah berdasarkan prestasi kakitangan dan belum dibayar sehingga pengauditan dijalankan. KPRJ juga telah membayar bonus kepada lembaga pengarah dan butirannya adalah seperti di **Jadual 12.11**.

Jadual 12.11
Bayaran Bonus Ahli Lembaga Pengarah KPRJ
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Butiran	Tahun		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Untung Sebelum Cukai	549.88	107.24	141.45
Bonus Pengerusi (Elaun Lembaga Pengarah = RM5,000)	0.05	0.02	0.06
Bonus Ahli Lembaga Pengarah (Elaun Lembaga Pengarah = RM2,000)	0.14	0.04	0.14
Jumlah Bonus	0.19	0.06	0.20
Kadar Bonus (Bulan)	9	3	12
Bilangan Ahli Lembaga Pengarah (Orang)	9	7	7

Sumber : Rekod KPRJ

Berdasarkan **Jadual 12.11**, KPRJ telah membayar bonus kepada lembaga pengarah antara RM0.06 juta hingga RM0.20 juta pada tahun 2007 hingga 2009. Pembayaran bonus bagi tahun 2009 sebanyak 12 bulan gaji telah dibayar sepenuhnya pada Disember 2009. Semakan Audit mendapati pembayaran bonus kepada kakitangan dan Lembaga Pengarah KPRJ hanya diluluskan oleh Lembaga Pengarah KPRJ. Tiada bukti diperolehi daripada rekod KPRJ menunjukkan cadangan pembayaran bonus telah dirujuk kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN). *KPRJ mengakui tidak mengemukakan cadangan pembayaran bonus kepada PBN dan akan membawa perkara ini ke Mesyuarat Lembaga Pengarah.*

Pada pendapat Audit, sebagai syarikat milikan Kerajaan Negeri Johor, KPRJ seharusnya mematuhi pekeliling yang berkaitan pembayaran dividen dan bonus dengan menerima pakai pekeliling berkaitan.

c) Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Dan Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menggariskan keperluan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan untuk meningkatkan kawalan terhadap syarikat kerajaan bagi menjaga kepentingan kerajaan sebagai pemegang saham utama. Jawatankuasa yang ditubuhkan perlu mempunyai sekurang-kurangnya tiga orang ahli yang terdiri daripada pengarah bukan eksekutif dan pihak luar bukan dari pengurusan syarikat. Pengurus Audit Dalam Agensi Kerajaan hendaklah menjadi setiausaha jawatankuasa dan perlu berpengalaman serta menjadi ahli badan profesional Institut Akauntan Malaysia. Antara fungsi utama Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan adalah menilai pencapaian audit dalaman, mengadakan kajian audit dan pemeriksaan khas, mengkaji dan mengawasi rancangan korporat, menilai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan, memastikan dasar kerajaan dipatuhi, mengkaji perbelanjaan syarikat dibuat dengan berpatutan, mengkaji penggunaan sistem perakaunan efektif serta mengkaji dan memeriksa penyata kewangan syarikat.

Semakan Audit mendapati KPRJ tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan Unit Audit Dalam yang berperanan menjalankan pengauditan dan pemeriksaan terhadap pengurusan kewangan dan menilai kawalan dalaman pengurusan kewangan syarikat KPRJ.

KPRJ memaklumkan ia tidak menubuhkan Unit Audit Dalam memandangkan ia sebuah syarikat kecil yang mempunyai 11 orang kakitangan. Bagaimanapun, KPRJ mengambil kira pandangan Audit dan akan memaklumkan kepada lembaga pengarah.

d) Jawatankuasa Lain Yang Ditubuhkan

Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat juga menggariskan lembaga pengarah perlu mewujudkan jawatankuasa lain yang dianggotai oleh pengarah bukan eksekutif yang bebas, mempunyai kemahiran dan berpengalaman bagi membantu memantapkan sistem kawalan dalaman dan pengurusan syarikat. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah KPRJ hanya menubuhkan satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pelaburan pada 18 Disember 2002. Jawatankuasa ini melaporkan dan memperakui semua cadangan/laporan dan lain-lain yang berkenaan dengan penyelesaian hutang syarikat kepada Ahli Lembaga Pengarah KPRJ bagi mendapat keputusan dan kelulusan. Bagaimanapun, ia telah dibubarkan pada 31 Mac 2008 kerana kedudukan hutang KPRJ telah hampir kepada penyelesaian. Selain itu, tiada jawatankuasa lain yang ditubuhkan seperti Jawatankuasa Tender, Jawatankuasa Tawaran Dan Sebut Harga, Jawatankuasa Penghapusan Aset dan Jawatankuasa Saham Syarikat. Tiada pihak luar yang berkemahiran dan berpengalaman dilantik bagi menganggotai jawatankuasa ini untuk membantu KPRJ.

KPRJ memaklumkan Jawatankuasa Pelaburan dibubarkan kerana KPRJ telah menyelesaikan kesemua pinjaman yang tertunggak. Berkaitan penubuhan jawatankuasa yang lain, KPRJ memaklumkan ia hanya diwujudkan di syarikat subsidiari. Bagaimanapun, KPRJ akan meneliti cadangan Audit mengenai penubuhan jawatankuasa pada peringkat KPRJ sendiri.

e) Penyata Tahunan Dan Mesyuarat Agung Tahunan

Seksyen 165(1) dan (2), Akta Syarikat 1965 menghendaki syarikat menyediakan suatu penyata yang dibuat pada tarikh Mesyuarat Agung Tahunan syarikat dalam sesuatu tahun itu atau suatu tarikh tidak lewat daripada 14 hari selepas tarikh Mesyuarat Agung Tahunan. Penyata Tahunan yang ditandatangani oleh Pengurus dan Setiausaha Syarikat hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam tempoh satu bulan selepas Mesyuarat Agung Tahunan dan disertakan bersama penyata kewangan yang telah diaudit. Seksyen 143 Akta Syarikat 1965 menghendaki Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan pada setiap tahun atau tidak lebih 15 bulan daripada Mesyuarat Agung Tahunan yang terakhir dan kegagalan ianya diadakan boleh menyebabkan syarikat dikenakan penalti.

Semakan Audit mendapati Mesyuarat Agung Tahunan hanya diadakan pada tahun 2007 manakala bagi tahun 2008 dan sehingga Disember 2009, Mesyuarat Agung Tahunan masih belum diadakan. Bagi tahun 2007, Mesyuarat Agung Tahunan telah diadakan pada 22 Jun 2007 untuk membentangkan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006. Disebabkan penyata kewangan KPRJ tahun 2006 belum dimuktamadkan, Mesyuarat Agung Tahunan telah ditunda pada 5 Disember 2007 bagi mengesahkan penyata kewangan bagi tahun berakhir 2006. Penyata kewangan telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 15 Januari 2008. Penyata Tahunan 2008 telah diserahkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 5 Januari 2009 tanpa diadakan Mesyuarat Agung Tahunan tetapi ditolak kerana tidak disertakan dengan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 seperti yang dikehendaki oleh Jadual Kelapan Akta Syarikat 1965. Penyata kewangan tersebut hanya selesai diaudit pada 30 Mac 2009 dan belum dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Sehingga April 2010, Penyata Tahunan 2009 masih belum dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia kerana penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 masih belum dimuktamadkan dan Mesyuarat Agung Tahunan 2009 masih belum dijalankan. Tempoh kelewatan penyerahan Penyata Tahunan KPRJ kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia adalah seperti di **Jadual 12.12**.

Jadual 12.12
Tempoh Kelewatan Penyerahan Penyata Tahunan KPRJ
Tahun 2007 Hingga 2009

Tarikh Penyata Tahunan	Tahun Berakhir Penyata Kewangan	Tarikh Penyata Kewangan Diperakui	Tarikh Mesyuarat Agung Tahunan	Tarikh Sepatutnya Penyata Diserahkan Kepada SSM	Tarikh Penyerahan Penyata Kepada SSM	Tempoh Kelewatan (Bulan)
2007	31.12.2006	5.12.2007	22.6.2007	4.8.2007	15.1.2008	5(Sehingga Jan. 2008)
2008	31.12.2007	30.3.2009	Belum Diadakan	*Ogos 2008	Belum Diserahkan	16(Sehingga Dis. 2009)
2009	31.12.2008	Belum Diperakui	Belum Diadakan	*Ogos 2009	Belum Diserahkan	4 (Sehingga Dis. 2009)

Sumber: Rekod KPRJ

* Tertakluk Kepada Tarikh Mesyuarat Agung Tahunan

KPRJ memaklumkan penyata kewangan tahun 2008 telah dibentangkan dan mendapat kelulusan di Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah pada Disember 2009 dan penyata kewangan tersebut telah selesai diaudit pada 2 April 2010.

Pada pendapat Audit, KPRJ sepatutnya menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan Unit Audit Dalam dan lain-lain jawatankuasa penting sepertimana yang ditetapkan dalam Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat. Selain itu, KPRJ hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dan mengemukakan Penyata Tahunan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan mengikut Akta Syarikat 1965.

f) Pengurusan Kewangan

Sebagai sebuah syarikat milik Kerajaan Negeri Johor, selain daripada mematuhi Akta Syarikat 1965, KPRJ juga perlu mematuhi Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan peraturan kewangan yang ditetapkan kepada syarikat kerajaan. Pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan meliputi kawalan bajet, kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset, pengurusan pelaburan dan pengurusan pinjaman.

Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan KPRJ adalah di tahap kurang memuaskan dan masih perlu dipertingkatkan terutamanya bagi penyediaan kawalan bajet, prosedur kerja, kawalan perbelanjaan dan pengurusan pinjaman. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah:

- i) KPRJ tidak menyediakan Perancangan Strategik dan *Key Performance Indicator* (KPI) bagi tahun 2007 hingga 2009. Selain itu, garis panduan dan prosedur kerja tidak lengkap dan dikemaskinikan merangkumi elemen pengurusan kewangan dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan terhadap syarikat kerajaan.
- ii) Terdapat beberapa kelemahan terhadap kawalan perbelanjaan seperti:
 - Tiada kelulusan lembaga pengarah terhadap perbelanjaan penyenggaraan sebuah kenderaan bukan milik KPRJ yang berjumlah RM35,085 pada tahun 2007, sejumlah RM25,152 pada tahun 2008 dan RM27,497 bagi tahun 2009.
 - Bil telefon terlebih tuntutan oleh kakitangan KPRJ adalah seperti di **Jadual 12.13**.

Jadual 12.13
Lebih Tuntutan Perbelanjaan Telefon Kakitangan KPRJ
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Kumpulan Jawatan	Jumlah Had Sebulan (RM)	Jumlah Lebih Tuntutan		
			2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
1.	Pengurus dan ke atas	300	2,700	1,319	80
2.	Bukan Eksekutif	100	15,378	13,022	6,150
Jumlah			18,078	14,341	6,230

Sumber: Rekod KPRJ

Berdasarkan **Jadual 12.13**, perbelanjaan telefon terlebih tuntutan bagi kumpulan jawatan bukan eksekutif adalah untuk seorang kakitangan sahaja iaitu pemandu KPRJ. *KPRJ memaklumkan tuntutan tersebut adalah berkaitan dengan tugas rasmi*. Selain itu, bayaran bil telefon juga dibuat bagi dua orang lembaga pengarah, kakitangan Protokol Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (SUKJ) dan pegawai di Pejabat Pengerusi adalah seperti di **Jadual 12.14**.

Jadual 12.14
Bayaran Bil Telefon Bukan Kakitangan KPRJ Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Pegawai Terlibat	Jumlah Bil		
		2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
1.	Ahli Lembaga Pengarah (2 Orang)	4,536	8,880	5,001
2.	Pejabat SUKJ	42,886	32,596	36,417
3.	Pejabat Pengerusi	2,635	21,493	17,560
Jumlah		50,057	62,969	58,978

Sumber: Rekod KPRJ

Semakan Audit mendapati tiada kelulusan daripada lembaga pengarah mengenai pembayaran bil telefon kepada bukan kakitangan bagi tahun 2007 hingga 2009 dan tiada justifikasi dikemukakan. *KPRJ memaklumkan bahawa mulai Januari 2010, KPRJ telah mendapat kelulusan lembaga pengarah berkenaan pembayaran bil telefon oleh KPRJ kepada pegawai kerajaan yang diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.*

- iii) KPRJ tidak membuat bajet tahunan bagi tahun 2007 hingga 2009 dan hanya menyediakan unjuran belanjawan tunai. Unjuran tersebut menyatakan kedudukan tunai KPRJ dan perbelanjaan yang akan dibayar dan bukannya berkenaan bajet tahunan syarikat. Oleh yang demikian, pihak Audit tidak dapat menilai secara keseluruhannya prestasi pengurusan Bajet KPRJ.
- iv) KPRJ tidak menyediakan daftar aset, pemeriksaan fizikal aset dan hanya menyediakan satu buku log sahaja untuk semua kenderaan syarikat. Ruangan di buku log seperti jadual penyenggaraan, pembaikan, penggantian, pembelian bahan api dan cerakinan penggunaan bahan api tidak diwujudkan manakala bacaan meter tidak diisi.
- v) KPRJ mempunyai baki pinjaman dan overdraf pada 31 Disember 2008 berjumlah RM149.49 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 12.15**.

Jadual 12.15
Ringkasan Pinjaman KPRJ Daripada Institusi Kewangan

Bil.	Jenis Pinjaman	Sumber Pinjaman	Jumlah Pokok (RM Juta)	Jumlah Faedah (RM Juta)	Jumlah Pinjaman (RM Juta)	Faedah Kewangan Dihapus-kira (RM Juta)	Jumlah Bayaran Pinjaman Sebelum 31.12.2008 (RM Juta)	Baki Pinjaman Pada 31.12. 2008 (RM Juta)
1.	Pinjaman Berjangka	AmBank (M) Berhad	10	14.78	24.78	0	0	24.78
2.	Pinjaman Berpusing	AmBank (M) Berhad	20	24.29	44.29	0	0	44.29
3.	Overdraf	Malayan Banking Berhad	5	4.83	9.83	0	0	9.83
4.	Pinjaman Berpusing	Malayan Banking Berhad	50	20.59	70.59	0	0	70.59
5.	Pinjaman Berjangka	Affin Bank Berhad	62.88	32.94	95.82	(21.82)	(74)	0
6.	Pinjaman Berpusing, Pinjaman Berjangka Dan Overdraf	Affin Bank Berhad	140.94	112.30	253.24	(37.24)	(216)	0
Jumlah			288.82	209.73	498.55	(59.06)	(290)	149.49

Sumber: Rekod KPRJ

Mengikut rekod KPRJ, jumlah pinjaman sebanyak RM288.82 juta adalah pinjaman yang dibuat pada tahun 1995 hingga 1997. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM52.30 juta adalah untuk projek prasarana yang dibuat melalui kaedah *Cross Subsidy*, RM71.30 juta adalah untuk pembelian saham dalam Man Yau Berhad dan Pembinaan Limbongan Setia Berhad dan RM71.30 juta lagi adalah untuk projek hartanah. Baki sebanyak RM93.92 juta lagi adalah untuk kos pentadbiran, *overhead* dan operasi. Bagaimanapun, pinjaman tersebut tidak pernah dibayar sehingga tahun 2004 menyebabkan faedah meningkat sehingga menjadi *Non Performing Loan* (NPL). Pada April 2009, KPRJ telah menyelesaikan semua baki hutang pinjamannya dengan pihak bank berjumlah RM101 juta setelah ditolak faedah kewangan dihapus kira sejumlah RM48.49 juta.

KPRJ memaklumkan syarikat tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk membayar balik pinjaman disebabkan kegawatan ekonomi di sekitar tahun 1998 hingga 2000.

Pada pendapat Audit, walaupun KPRJ berjaya menyelesaikan hutang pinjaman dengan pihak bank pada tahun 2009, pengurusan pinjaman KPRJ adalah tidak memuaskan kerana pinjaman yang diperoleh tidak berasaskan keupayaan bayar balik. Akibatnya, KPRJ terpaksa membayar faedah yang banyak berjumlah RM209.73 juta dan menjual tanah-tanahnya untuk melunaskan hutang.

12.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti utama syarikat adalah kurang memuaskan dan terdapat beberapa syarikat subsidiari yang ditubuhkan tidak aktif dan mengalami kerugian serta tiada pembayaran dividen kepada KPRJ sebagai syarikat induk. Begitu juga KPRJ tidak membayar dividen kepada Kerajaan Negeri Johor sejak ditubuhkan kecuali pada tahun 2009. Di samping itu, terdapat kelemahan dalam tadbir urus korporat, perancangan strategik, tidak mengguna pakai pekeliling berkaitan syarikat kerajaan, penyata tahunan lewat dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan kelemahan dalam pengurusan kewangan. Pihak Audit mengesyorkan perkara berikut bagi mempertingkatkan pengurusan syarikat KPRJ:

- a) Memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Pekeliling Kerajaan dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Kerajaan Negeri Johor.
- b) Mengkaji dengan sempurna setiap penubuhan syarikat subsidiari/bersekutu dan menutup syarikat subsidiari/bersekutu yang tidak aktif dan dorman, menetapkan dasar/garis panduan berkaitan pemberian pendahuluan/pinjaman kepada syarikat subsidiari/bersekutu.
- c) Menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam, menyediakan perancangan strategik, bajet tahunan dan KPI supaya perjalanan aktiviti syarikat dapat dijalankan dengan teratur.
- d) Memastikan Setiausaha Syarikat mengemukakan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada masa yang ditetapkan serta memastikan Mesyuarat Agung Tahunan diadakan setiap tahun.
- e) KPRJ perlulah mengkaji semula dasar penjualan tanah-tanahnya sebelum dimajukan terlebih dahulu serta mewujudkan satu garis panduan yang jelas mengenai projek usaha sama terutamanya melibatkan penggadaian tanah dengan mengambil kira risiko jangka panjang seperti projek gagal disiapkan.

13. PIJ HOLDINGS SDN. BHD.

13.1 LATAR BELAKANG

13.1.1 PIJ Holdings Sdn. Bhd. telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125) pada 13 Februari 1979 oleh Perbadanan Islam Johor (PIJ). PIJ Holdings Sdn. Bhd. (PIJH) bergiat aktif mulai bulan Januari 1995 lanjutan daripada langkah pengkorporatan aktiviti komersial oleh PIJ. Objektif utama PIJH adalah untuk menjana sumber ekonomi PIJ secara fokus dalam perniagaan korporat bagi menghasilkan keuntungan yang perlu disalurkan semula kepada PIJ untuk pelaksanaan tanggungjawab sosial dan kemajuan masyarakat Islam. Lembaga Pengarah PIJH yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Johor, dianggotai oleh dua orang Pegawai Tadbir Negeri Johor, seorang ahli Exco Kerajaan Negeri Johor dan seorang Pengarah Urusan PIJH. Pengurusan syarikat diketuai oleh seorang Pengarah Urusan dan dibantu oleh 14 orang kakitangan eksekutif dan bukan eksekutif.

13.1.2 PIJH adalah sebuah syarikat pemegang pelaburan. Antara aktiviti komersial yang dijalankan oleh PIJH ialah pertanian dan perladangan, pembangunan hartanah serta perusahaan dan perkilangan. Modal yang dibenarkan berjumlah RM100 juta manakala modal berbayar berjumlah RM73 juta. Sebagai sebuah syarikat induk yang dimiliki 100% oleh PIJ, PIJH perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa serta peraturan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah PIJH.

13.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan PIJH adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

13.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama PIJH iaitu prestasi kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat bagi tahun 2007 hingga 2009. Penyata kewangan beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 hingga 2009 juga digunakan untuk analisis kewangan. Semakan dibuat terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan. Selain itu, temu bual dan perbincangan diadakan dengan pegawai yang berkaitan.

13.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2009 mendapati PIJH memperoleh keuntungan selepas cukai berjumlah RM0.99 juta pada tahun 2007, RM2.78 juta pada tahun 2008, dan RM0.71 juta pada tahun 2009. Bagaimanapun pembayaran dividen kepada PIJ tidak pernah dibuat. Pengurusan aktiviti syarikat subsidiari PIJH dalam bidang pembangunan hartanah dan perkilangan adalah tidak memuaskan berbanding aktiviti perladangan. Selain itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan tadbir urus korporat dan pekeliling berkaitan tidak dipatuhi. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

13.4.1 Prestasi Kewangan


- a) Pendapatan PIJH adalah daripada hasil operasi, pendapatan sewa, faedah deposit tetap, sewa tanah, faedah bank, yuran pengurusan dan lain-lain pendapatan. PIJH memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM3.56 juta pada tahun 2008 meningkat sebanyak 109.4% berbanding tahun 2007 berjumlah RM1.70 juta. Keuntungan sebelum cukai pada tahun 2009 berjumlah RM2.25 juta menurun sebanyak 36.8% berbanding tahun 2008. Penurunan keuntungan sebelum cukai pada tahun 2009 disebabkan penurunan pendapatan bagi yuran pengurusan. Perbelanjaan PIJH pula terdiri daripada belanja pekerja dan belanja operasi. Perbelanjaan PIJH menurun bagi tahun 2008 iaitu sebanyak 31.3% berbanding tahun 2007. Penurunan ini disebabkan pada tahun 2007 terdapat perbelanjaan bagi peruntukan hutang lapuk berjumlah RM2.05 juta. Perbelanjaan bagi tahun 2009 pula meningkat sebanyak 15.9% disebabkan perbelanjaan terhadap bayaran yuran pengurusan kepada PIJ bagi tahun 2008 dan 2009.
- b) Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi PIJH bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 13.1** dan **Carta 13.1**.

Jadual 13.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi PIJH
Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009


Butiran	2007	2008	2009
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Pendapatan	8.91	8.53	7.70
Perbelanjaan Operasi	5.53	3.17	4.37
Untung Kasar	3.38	5.36	3.33
Pendapatan Lain	0.18	0.11	0.44
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	0.59	0.82	0.82
Untung Operasi	2.97	4.65	2.95
Kos Kewangan	1.27	1.09	0.70
Untung Sebelum Cukai	1.70	3.56	2.25
Cukai	0.71	0.78	1.54
Untung Selepas Cukai	0.99	2.78	0.71

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PIJH Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

Carta 13.1
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan PIJH
Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PIJH Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PIJH Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 hingga 2009

c) Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan PIJH, beberapa nisbah kewangan telah dikira terhadap butiran yang ditunjukkan dalam lembaran imbangan serta penyata pendapatan PIJH bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 13.2**.

Jadual 13.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan PIJH
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Butiran	Tahun Kewangan		
	2007	2008	2009
Nisbah Semasa	0.71:1	0.40:1	0.27:1
Margin Keuntungan	0.11:1	0.32:1	0.08:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.01:1	0.03:1	0.01:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.01:1	0.04:1	0.01:1

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PIJH Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

i) **Nisbah Semasa** dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan perkiraan Audit, tahap kecairan PIJH adalah menurun dari tahun 2007 hingga 2009 iaitu daripada 0.71 kali pada tahun 2007 menurun dengan ketara kepada 0.27 kali pada tahun 2009. Ini menunjukkan kedudukan kewangan PIJH tidak berupaya untuk menampung liabiliti semasa kerana kecairan yang rendah. Pihak PIJH menjelaskan bahawa kedudukan kecairan syarikat dijangka akan pulih sepenuhnya pada tahun 2014 setelah baki pinjaman bagi pembiayaan bangunan pejabat PIJH daripada Bank Islam Malaysia Berhad dapat diselesaikan.

- ii) **Margin Keuntungan** mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan, PIJH menunjukkan keuntungan sejumlah 11 sen pada tahun 2007, meningkat kepada 32 sen pada tahun 2008 dan menurun semula kepada 8 sen pada tahun 2009. Berdasarkan kepada margin ini, dapat dirumuskan bahawa tahap kecekapan operasi PIJH berubah-ubah mengikut terimaan bayaran yuran pengurusan daripada syarikat subsidiari.
- iii) **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat mengurus asetnya. Nisbah pulangan ke atas aset diukur daripada jumlah untung selepas cukai dibahagi dengan jumlah aset. Mengikut perkiraan Audit, bagi tahun kewangan 2007 hingga 2008, kadar pulangan atas aset yang diperoleh PIJH telah menunjukkan peningkatan iaitu daripada 1 sen kepada 3 sen. Manakala bagi tahun 2009, nisbah pulangan ke atas aset PIJH telah menunjukkan penurunan kepada 1 sen yang disebabkan oleh penurunan keuntungan syarikat pada tahun tersebut.
- iv) **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** syarikat bertujuan untuk mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan untuk menghasilkan untung kepada pemilik atau pemegang sahamnya. Nisbah pulangan ke atas ekuiti diukur daripada jumlah untung selepas cukai dibahagi dengan jumlah ekuiti. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat mengurus modalnya. Mengikut perkiraan Audit, kadar pulangan yang diperoleh pemegang saham PIJH menunjukkan peningkatan pada tahun 2007 dan 2008 iaitu daripada 1 sen kepada 4 sen yang disebabkan oleh peningkatan keuntungan syarikat. Manakala bagi tahun 2009, nisbah pulangan ke atas ekuiti PIJH menunjukkan penurunan kepada 1 sen. Ini disebabkan oleh penurunan terhadap keuntungan syarikat bagi tahun tersebut.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan PIJH bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah memuaskan.

13.4.2 Pengurusan Aktiviti

PIJH adalah syarikat pelaburan yang bertanggungjawab mengawal selia semua aktiviti komersial yang dilaksanakan oleh syarikat dalam kumpulan. Pendapatan utamanya ialah yuran pengurusan daripada syarikat subsidiari. Berdasarkan penyata kewangan beraudit PIJH bagi tahun 2007, 2008 dan 2009 yuran pengurusan daripada syarikat subsidiari menyumbang antara 91.6% hingga 93.8% kepada pendapatan operasi keseluruhan PIJH seperti di **Jadual 13.3**.

Jadual 13.3
Pendapatan PIJH Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Butiran	Tahun		
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Dividen	0.02	0.01	0.012
2.	Hasil Sewa Bangunan Pejabat	0.49	0.56	0.56
3.	Faedah Deposit Tetap	(0.016)	0.007	0.012
4.	Sewa Tanah	0.06	0.06	0.06
5.	Faedah Bank	0.0009	0.002	0.002
6.	Yuran Pengurusan Daripada Subsidiari	8.36	7.89	7.05
Jumlah		8.91	8.53	7.70
% Yuran Pengurusan Daripada Subsidiari		93.8%	92.5%	91.6%

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PIJH Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

Semakan Audit mendapati PIJ Plantation & Agriculture Sdn. Bhd. yang menjalankan aktiviti pertanian dan perladangan adalah pembayar yuran pengurusan tertinggi kepada PIJH bagi tahun 2007 hingga 2009 iaitu berjumlah RM20.25 juta atau 87% daripada keseluruhan jumlah pendapatan PIJH. Ini menunjukkan aktiviti pertanian dan perladangan memberikan keuntungan paling tinggi kepada syarikat tersebut. Bagi PIJ Property Development Sdn. Bhd. dan PIJ Manufacturing Sdn. Bhd. walaupun mengalami kerugian terkumpul, kedua-dua syarikat didapati tetap membayar yuran pengurusan kepada PIJH. Secara keseluruhannya, pendapatan operasi PIJH banyak bergantung kepada terimaan yuran pengurusan daripada syarikat subsidiarinya. Prestasi bayaran yuran pengurusan oleh syarikat subsidiari mengikut aktiviti bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 13.4**.

Jadual 13.4
Prestasi Yuran Pengurusan Yang Dibayar Oleh Syarikat Subsidiari Mengikut Sektor Utama Aktiviti PIJH Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Aktiviti	Syarikat Subsidiari Yang Terlibat	Jumlah Bayaran Yuran Pengurusan			Jumlah (RM Juta)
			Tahun 2007 (RM Juta)	Tahun 2008 (RM Juta)	Tahun 2009 (RM Juta)	
1.	Pembangunan Hartanah	PIJ Property Development Sdn. Bhd.	0.12	0.24	0.31	0.67
2.	Pertanian Dan Perladangan	PIJ Plantation & Agriculture Sdn. Bhd.	6.84	7.13	6.28	20.25
3.	Perkilangan Dan Pelaburan	PIJ Manufacturing Sdn. Bhd.	0.03	0.07	0.07	0.17
4.	Pelbagai	Lain-lain Syarikat Subsidiari	1.37	0.45	0.39	2.21
Jumlah			8.36	7.89	7.05	23.30

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PIJH Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

a) Pelaburan PIJH

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan lembaga pengarah perlu menyusun kumpulan syarikat dengan menggabungkan aktiviti yang bertindih untuk mengoptimumkan penggunaan sumber kewangan dan sumber tenaga yang terhad. Penubuhan syarikat subsidiari dengan pegangan ekuiti 100% oleh kerajaan atau syarikat kerajaan adalah tidak dibenarkan melainkan atas sebab mendesak dan mustahak. Ini bagi menggalakkan usaha sama antara kerajaan dan swasta. PIJH telah mempelbagaikan pelaburannya bagi meminimumkan risiko kerugian yang boleh memberi impak secara keseluruhan kepada syarikat. Pelaburan dibuat dalam bentuk simpanan tetap, saham amanah, saham tersiar harga, syarikat subsidiari dan bersekutu. Pelaburan terbesar PIJH sehingga akhir tahun 2009 ialah pelaburan dalam lima buah syarikat subsidiari yang berjumlah RM60.86 juta. Selain itu PIJH juga melabur dalam syarikat bersekutu, saham tersiar harga, saham amanah dan simpanan tetap berjumlah RM1.08 juta setakat tahun 2009. Kedudukan pelaburan PIJH bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 13.5**.

Jadual 13.5
Kedudukan Pelaburan PIJH Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Jenis Pelaburan	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Syarikat Subsidiari	58.09	60.86	60.86
2.	Syarikat Bersekutu	0.21	0.21	0.21
3.	Saham Tersiar Harga	0.37	0.37	0.37
4.	Simpanan Tetap	0.10	0.10	0.50
Jumlah		58.77	61.54	61.94

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PIJH Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

Sehingga akhir tahun 2009, PIJH masih memegang saham 100% dalam lima syarikat subsidiari hanya 4 yang aktif dengan modal berbayar sejumlah RM60.86 juta. Penubuhan syarikat subsidiari berkenaan telah mendapat kebenaran Ahli Lembaga Pengarah PIJH bagi mempelbagaikan aktiviti syarikat. Senarai tiga syarikat subsidiari milik penuh PIJH adalah seperti di **Jadual 13.6**. Manakala dua syarikat yang lain ditubuhkan dengan modal berbayar RM2.

Jadual 13.6
Syarikat Subsidiari PIJH Milikan 100% Bagi Tahun 2009

Bil.	Syarikat	Tarikh Penubuhan	Aktiviti	Modal Berbayar (RM Juta)
1.	PIJ Property Development Sdn. Bhd.	6.2.1995	Pemegang Pelaburan, Konsultan Projek, Pengurusan Dan Pembangunan	5.22
2.	PIJ Plantation & Agriculture Sdn. Bhd.	6.2.1995	Pemegang Pelaburan Dan Perladangan	45.30
3.	PIJ Manufacturing Sdn. Bhd.	6.2.1995	Pelaburan Dan Perkilangan	10.34
Jumlah				60.86

Sumber: Sijil Penubuhan Syarikat Subsidiari

Semakan Audit terhadap penyata kewangan beraudit tahun 2007 hingga 2009 bagi empat syarikat subsidiari PIJH yang masih aktif adalah seperti di **Jadual 13.7**.

Jadual 13.7
Keuntungan/Kerugian Terkumpul Dan Modal Kerja Syarikat Subsidiari PIJH
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Syarikat Subsidiari	Butiran	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	PIJ Property Development Sdn. Bhd.	i) Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul	(0.17)	0.11	0.39
		ii) Modal Kerja	(1.63)	(4.89)	0.12
2.	PIJ Property Plantation & Agriculture Sdn. Bhd.	i) Keuntungan Terkumpul	12.62	24.85	30.31
		ii) Modal Kerja	26.08	38.26	39.54
3.	PIJ Manufacturing Sdn. Bhd.	i) Kerugian Terkumpul	(5.23)	(5.25)	(5.04)
		ii) Modal Kerja	(4.05)	(4.00)	(3.74)
4.	Karisma Astaka Sdn. Bhd.	i) Keuntungan Terkumpul	1.16	1.79	2.15
		ii) Modal Kerja	1.28	1.79	2.15

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Syarikat Subsidiari PIJH Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

Analisis Audit terhadap empat syarikat subsidiari mendapati PIJ Manufacturing Sdn. Bhd. telah mengalami masalah kewangan untuk meneruskan operasi syarikat kerana mengalami kerugian terkumpul pada akhir tahun 2009 dan modal kerja negatif yang berterusan. PIJ Property Development Sdn. Bhd. pula tidak menunjukkan keupayaan untuk menampung liabiliti semasa kerana aset semasa yang rendah sehingga menyebabkan modal kerja menjadi negatif bagi tahun 2007 dan 2008. Bagaimanapun, keuntungannya telah meningkat pada tahun 2009. *PIJH memaklumkan bahawa tindakan akan diambil untuk menstruktur semula operasi syarikat agar kedudukan kewangan dapat dipulihkan seperti melaksanakan aktiviti komersial secara usahasama dengan pihak swasta yang lain, sekaligus mengurangkan risiko perniagaan.*

Pada pendapat Audit, pelaburan PIJH dalam syarikat subsidiari adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat sebuah syarikat subsidiari menunjukkan kedudukan kewangan yang tidak stabil kerana mencatatkan kerugian terkumpul secara berterusan.

13.4.3 Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mengurus dan mengawal aktiviti atau program dan kebajikan syarikat ke arah meningkatkan prestasi dan akauntabiliti korporat dengan objektif utama memastikan kepentingan *stakeholders* dipertahankan. Tadbir urus korporat penting sebagai peraturan yang berkesan bagi menyumbang kepada perkembangan perniagaan.

a) Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan syarikat kerajaan dikehendaki membayar dividen sekurang-kurangnya 10% setahun sebagai pulangan

modal kepada kerajaan sebagai pemegang saham tanpa menjejaskan kedudukan kewangan syarikat. Syarikat induk yang mempunyai keuntungan tetapi tidak bercadang untuk membayar dividen perlu menyatakan sebab. Bagi syarikat bersekutu yang tidak membayar dividen untuk tempoh tiga tahun berturut-turut, laporan hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri sama ada untuk melupuskan kepentingan kerajaan dalam syarikat tersebut atau sebaliknya.

- i) **Pembayaran Dividen Kepada Agensi** - Semakan Audit mendapati PIJH tidak pernah membayar dividen. Menurut PIJH, pada masa ini kemampuan syarikat adalah bagi memenuhi tanggungjawab membayar yuran pengurusan sebanyak 10% daripada keuntungan atau minimum RM1 juta sebagai pulangan wajib kepada PIJ sebagaimana ketetapan Mesyuarat Lembaga Pengarah PIJ pada April 2006. Bayaran yuran pengurusan PIJH kepada PIJ bagi tahun 2007 hingga 2009 masing-masing berjumlah RM1.59 juta, RM3.04 juta dan RM1.01 juta adalah seperti di **Jadual 13.8**.

Jadual 13.8
Trend Bayaran Yuran Pengurusan PIJH Kepada PIJ Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Butiran	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
Untung Sebelum Cukai (Kumpulan)	15.93	30.36	17.22	63.51
10% Daripada Untung Sebelum Cukai	1.59	3.04	1.72	6.35
Jumlah Yang Telah Dibayar	1.59	3.04	1.01	5.64
Jumlah Belum Jelas	0	0	0.71	0.71

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PIJH Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

- ii) **Pembayaran Dividen Daripada Syarikat Subsidiari Kepada PIJH** - Semakan Audit mendapati PIJH tidak pernah menerima bayaran dividen daripada syarikat subsidiarinya tetapi telah menetapkan bayaran yuran pengurusan yang perlu dibayar oleh syarikat subsidiari tersebut. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati jumlah sebenar yuran pengurusan yang perlu dibayar oleh syarikat berkenaan tidak mempunyai asas yang tetap. Penetapan bayaran hanya diberikan kepada empat buah syarikat subsidiari PIJH dan tiga buah syarikat subsidiari di bawah PIJ Property Development Sdn. Bhd.. Selain itu, dua syarikat bersekutu PIJH dan tujuh syarikat bersekutu yang lain di bawah syarikat subsidiarinya yang masih aktif didapati tidak pernah memberikan pulangan kepada PIJH. Kedudukan bayaran yuran pengurusan daripada syarikat subsidiari kepada PIJH bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 13.9**.

Jadual 13.9
Bayaran Yuran Pengurusan Daripada Syarikat Subsidiari Kepada PIJH
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Syarikat	Tahun	Pendapatan Kasar (RM Juta)	Jumlah Yuran Pengurusan Yang Dibayar (RM Juta)	Pembayaran (%)
1.	PIJ Property Development Sdn. Bhd.	2007	0.53	0.12	22.6
		2008	1.47	0.24	16.3
		2009	0.97	0.24	24.7
2.	PIJ Plantation & Agriculture Sdn. Bhd.	2007	20.91	6.84	32.7
		2008	22.72	7.13	31.4
		2009	12.99	4.13	31.8
3.	PIJ Manufacturing Sdn. Bhd.	2007	0.41	0.04	9.8
		2008	0.35	0.07	20.0
		2009	0.47	0.07	14.9
4.	Karisma Astaka Sdn. Bhd.	2007	0.64	0.14	21.9
		2008	1.17	0.30	25.6
		2009	0.79	0.09	11.4

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PIJH Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

PIJH memaklumkan yuran pengurusan yang dibayar oleh syarikat subsidiari adalah berdasarkan keupayaan kewangan setiap syarikat. Satu garis panduan akan disediakan mengenai bayaran yuran pengurusan dan dividen oleh PIJH kepada PIJ dan oleh syarikat subsidiari kepada PIJH.

b) Pembayaran Bonus

Akta Syarikat 1965 menyatakan bonus boleh dibayar kepada kakitangan sekiranya syarikat memperoleh keuntungan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran bonus bagi syarikat kerajaan yang memperoleh keuntungan operasi sebelum cukai yang munasabah. Pekeliling ini juga menetapkan cadangan bayaran bonus kumpulan syarikat subsidiari kerajaan perlu diluluskan oleh lembaga pengarah syarikat induk sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh sebulan selepas akaun tahunan ditutup untuk kelulusan. Cadangan bayaran bonus perlu dikemukakan serentak dengan cadangan bayaran dividen kepada pemegang saham.

Semakan Audit mendapati pembayaran bonus telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah PIJH dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi dan Mesyuarat Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, cadangan pembayaran bonus tersebut tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan seperti yang ditetapkan oleh peraturan. *Pihak PIJH memaklumkan perkara ini akan dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah.* Butiran bayaran bonus bagi PIJH dan empat syarikat subsidiarinya bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 13.10**.

Jadual 13.10
Bayaran Bonus Kepada Kakitangan PIJH Dan Syarikat Subsidiari
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Syarikat	Tahun	Keuntungan Sebelum Cukai (RM Juta)	Kadar Bonus (Bulan Gaji)	Jumlah Bonus (RM Juta)
1.	PIJ Holdings Sdn. Bhd.	2007	1.70	2	0.04
		2008	3.56	2	0.06
		2009	2.25	2	0.09
2.	PIJ Property Development Sdn. Bhd.	2007	0.22	2	0.08
		2008	0.59	2	0.07
		2009	1.81	1.5	0.053
3.	PIJ Plantation & Agriculture Sdn. Bhd.	2007	10.14	2	0.07
		2008	14.92	3	0.13
		2009	6.41	2	0.16
4.	PIJ Manufacturing Sdn. Bhd.	2007	0.16	1	0.0004
		2008	0.05	0	0
		2009	0.18	0.5	0.002
5.	Karisma Astaka Sdn. Bhd.	2007	0.43	2	0.003
		2008	0.81	2	0.004
		2009	0.47	1.5	0.003

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PIJH Dan Syarikat Subsidiari PIJH Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

c) Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Serta Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan garis panduan mengenai penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dalam badan-badan dan syarikat kerajaan. Kumpulan syarikat kerajaan yang besar dan mempunyai banyak syarikat subsidiari yang memberi pengaruh besar ke atas prestasi kewangan kumpulan dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam. Antara objektifnya adalah untuk memelihara kepentingan kerajaan melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat induk serta semua syarikat subsidiari dan bersekutu secara berterusan. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam belum ditubuhkan di PIJH. Pada masa ini, pengauditan dalaman dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam PIJ yang dianggotai hanya dua orang kakitangan sahaja. Ketiadaan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan Unit Audit Dalam menyebabkan lembaga pengarah tidak dapat mengenal pasti perkara yang boleh menjejaskan prestasi dan risiko syarikat yang boleh dielakkan.

PIJH memaklumkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan bagi menjimatkan kos operasi dan mengelakkan pertindihan fungsi dengan Unit Audit Dalam PIJ.

d) Perancangan Strategik Dan Key Performance Indicator

Syarikat kerajaan perlu menyediakan *Key Performance Indicator* (KPI) selaras dengan perancangan strategik dan sasaran yang ditetapkan bagi syarikat dan unit perniagaan setiap enam bulan atau setahun sekali. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menyatakan semua syarikat kerajaan perlu menyediakan serta mengemas kini strategi dan rancangan korporatnya sebagai wawasan syarikat untuk mencapai matlamat tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Perancangan strategik dan KPI perlu

dibentangkan dan diluluskan oleh lembaga pengarah syarikat induk selaras dengan objektif penubuhan syarikat, menjurus kepada misi, visi, objektif dan strategi serta diikuti dengan analisis kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman (Analisis SWOT). Semakan Audit mendapati PIJH tidak menyediakan perancangan strategik dan KPI syarikat. PIJH hanya menyediakan bajet tahunan syarikat dan kumpulan.

PIJH memaklumkan bidang keberhasilan utama (Key Result Areas) akan dirangka mulai tahun 2010 dan akan dimasukkan dalam perancangan strategik syarikat.

e) Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Tidak Diadakan Mengikut Ketetapan

Garis Panduan Buku Hijau menyatakan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah hendaklah diadakan antara enam hingga lapan kali setahun bagi memantau pencapaian berasaskan matlamat strategik dan prestasi kewangan selaras dengan KPI. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 pula menetapkan lembaga pengarah syarikat dan lembaga pengarah agensi kerajaan hendaklah mengawal rapi dan teliti prestasi syarikat kerajaan terutamanya bagi syarikat kerajaan yang mempunyai prestasi yang tidak memuaskan. Prestasi dan analisis kewangan yang mendalam mengenai syarikat hendaklah dibentangkan sekurang-kurangnya empat kali setahun dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah agensi kerajaan. Semakan Audit mendapati PIJH hanya mengadakan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah sebanyak dua kali pada tahun 2008 dan 2009 dan tiada mesyuarat pada tahun 2007. Ini menyebabkan perkara seperti berikut:

- i) Prestasi Kewangan Tidak Dibincangkan Setiap Suku Tahun Kewangan -** Prestasi kewangan syarikat tidak dapat dibincangkan setiap suku tahun kewangan oleh Ahli Lembaga Pengarah. Pencapaian berasaskan matlamat strategik serta prestasi kewangan selaras dengan KPI tidak dapat dipantau.
- ii) Bajet Tahunan Lewat Diluluskan -** Bajet sepatutnya diluluskan sebelum tahun kewangan berakhir supaya perbelanjaan yang dibuat pada tahun berikutnya telah mendapatkan kelulusan lembaga pengarah. Semakan Audit mendapati bajet PIJH bagi tahun 2008 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah PIJH pada 17 Jun 2008.

f) Pengurusan Kewangan

- i) Kawalan Perbelanjaan -** Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan syarikat kerajaan perlu menyediakan peraturan berkaitan dengan perbelanjaan bagi mengurangkan kos dan mengelakkan pembaziran. PIJH mengguna pakai Panduan Sistem Perakaunan Perbadanan PIJ bagi memastikan perbelanjaan yang dilakukan mengikut prosedur, terkawal dan rekod-rekod diselenggarakan dengan betul. Semakan Audit mendapati perbelanjaan sebenar pada tahun 2007 telah melebihi anggaran sebanyak 59.6% disebabkan peningkatan perbelanjaan seperti faedah pinjaman dan bayaran yuran pengurusan kepada PIJ.

Butiran lanjut mengenai pencapaian perbelanjaan sebenar berbanding anggaran bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 13.11**.

Jadual 13.11
Pencapaian Perbelanjaan Sebenar PIJH Berbanding Anggaran
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Anggaran Perbelanjaan (RM Juta) (a)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta) (b)	Perbezaan Melebihi/(Kurang) (RM Juta) $c=(b)-(a)$	Prestasi Pencapaian $(c/a) \times 100$ (%)
2007	4.63	7.39	2.76	59.6
2008	5.39	5.08	(0.31)	(5.8)
2009	5.43	5.88	0.45	8.3

Sumber: Penyata Bajet Dan Penyata Kewangan Beraudit PIJH Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

- ii) **Pengurusan Kenderaan** - Buku log hendaklah direkodkan dengan butiran dan maksud perjalanan, penggunaan bahan api, minyak pelincir, butiran mengenai kenderaan dan alat kelengkapan serta jarak perjalanan. Maklumat penyenggaraan, pembaikan dan penggantian alat untuk semua kenderaan yang diperiksa hendaklah direkodkan dalam buku log. Pengurus Besar atau pegawai yang diberi kuasa bertanggungjawab untuk memeriksa buku log dan menandatangani pada setiap akhir bulan. Semakan Audit mendapati ruangan di buku log kenderaan tidak kemas kini seperti butiran berikut:
- Ruangan pembelian bahan api/minyak pelincir (bilangan pesanan, jumlah kandungan petrol/diesel dan minyak pelincir) tidak dicatatkan;
 - Cerakinan penggunaan bahan api bagi setiap bulan tidak dikira; dan
 - Tidak semua resit pembelian minyak dikepilkan dalam buku log.
- iii) **Pemeriksaan Aset** - Perenggan 6.7 (ii), Tatacara Pengurusan Stok Dan Inventori PIJH menyatakan pegawai yang diamanahkan perlu membuat pemeriksaan sekurang-kurangnya sekali setahun. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan pemeriksaan aset dilakukan kerana rekod pemeriksaan terhadap aset yang disediakan tidak dikemaskinikan.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat PIJH adalah kurang memuaskan kerana rancangan korporat dan KPI tidak disediakan serta bajet tahunan lewat diluluskan. Lembaga Pengarah juga tidak bermesyuarat sebagaimana ketetapan.

13.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan syarikat boleh dipertingkatkan. Pengurusan aktiviti syarikat subsidiari adalah tidak memuaskan kerana tidak memberi pulangan yang baik kepada PIJH kecuali bagi aktiviti perladangan. PIJH tidak memberi pulangan dividen kepada PIJ dan begitu juga syarikat subsidiari tidak memberi pulangan dividen kepada PIJH. Di samping itu, terdapat juga kelemahan dalam tadbir urus korporat di mana Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah tidak diadakan mengikut ketetapan, perancangan strategik dan KPI tidak disediakan sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan kerajaan. Beberapa kelemahan syarikat dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat perlu diatasi dengan memberikan pertimbangan terhadap syor-syor berikut:

- a) Mengamalkan tadbir urus korporat syarikat berdasarkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Buku Hijau.
- b) Menyediakan perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang dengan petunjuk prestasi yang jelas, mampu dicapai dan berdaya saing.
- c) Menstruktur semula aktiviti syarikat subsidiari bagi memulihkan prestasi kewangan dengan mengkaji semula syarikat subsidiari yang mempunyai masalah kecairan dan defisit modal kerja.
- d) Menyediakan garis panduan atau asas pembayaran yuran pengurusan oleh syarikat subsidiari.
- e) Menyediakan cadangan pembayaran dividen kepada PIJ dalam bajet tahunan.


YAYASAN PELAJARAN JOHOR

14. YPJ HOLDINGS SDN. BHD.

14.1 LATAR BELAKANG

14.1.1 YPJ Holdings Sdn. Bhd. (YPJH) telah diperbadankan pada November 1993 dan merupakan sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Yayasan Pelajaran Johor (YPJ). Sehingga Disember 2009, modal dibenarkan YPJH adalah berjumlah RM50 juta dan modal berbayar berjumlah RM25 juta. Selain itu, YPJ telah memindahkan hutang jangka panjangnya kepada YPJH berjumlah RM171.09 juta. Hutang jangka panjang ini dijadikan tanda aras penyaluran dana kepada YPJ melalui pembayaran faedah tahunan. Struktur kumpulan YPJH adalah seperti di **Carta 14.1**.

Carta 14.1
Struktur Kumpulan YPJH



14.1.2 Objektif penubuhan YPJH adalah sebagai pemegang aset YPJ di mana aset berkenaan digunakan untuk menjana dana bagi membiayai Tabung Basiswa YPJ, pembangunan Kolej Komuniti, Kolej Kumpulan Pendidikan YPJ, Projek Hikmah dan pembangunan Kerajaan Negeri Johor. Lembaga Pengarah YPJH yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Johor dianggotai oleh empat orang Pegawai Tadbir Negeri Johor, seorang ahli Exco Kerajaan Negeri Johor, seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Johor, seorang Pengurus Besar Agensi Kerajaan Negeri Johor dan seorang Timbalan Pengerusi Syarikat Kerajaan Negeri Johor. Pengurusan YPJH diketuai oleh seorang Timbalan Pengerusi Eksekutif, tiga Pengurus Besar yang mengetuai Bahagian Kewangan, Hartanah dan Projek serta Bahagian Pentadbiran dan dibantu oleh 21 kakitangan.

14.1.3 Aktiviti yang dijalankan oleh YPJH adalah sebagai pemegang pelaburan. YPJH telah melabur dalam syarikat subsidiari dan syarikat lapisan berjumlah RM171.09 juta sebagai hutang jangka panjang. Antara aktiviti komersial yang dijalankan oleh YPJH ialah perladangan, pembangunan hartanah, pelancongan dan pelaburan saham. Sebagai sebuah

syarikat yang dimiliki 100% oleh YPJ, YPJH perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa dan peraturan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah YPJH.

14.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan YPJH adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhan.

14.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama YPJH iaitu prestasi kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat bagi tahun 2007 hingga 2009. Penyata kewangan beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 hingga 2009 juga digunakan untuk analisis kewangan. Semakan dibuat terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan. Selain itu, temu bual dan perbincangan diadakan dengan pegawai yang berkaitan.

14.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2009 mendapati pengurusan aktiviti utama YPJH iaitu dalam bidang pelaburan adalah kurang memuaskan kerana YPJH tidak mempunyai pendapatan operasi, sebaliknya berfungsi sebagai pemungut faedah daripada syarikat subsidiari dan menyalurkannya kepada YPJ. Bagaimanapun, prestasi kewangan YPJH menunjukkan keuntungan yang sangat ketara berjumlah RM76.76 juta pada tahun 2009 berbanding kerugian berjumlah RM0.73 juta pada tahun 2007 dan berjumlah RM1.28 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun di peringkat kumpulan, YPJH mencatatkan keuntungan sebanyak RM24.2 juta pada tahun 2007 dan RM25 juta pada tahun 2008. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah tadbir urus korporat yang kurang memuaskan dan pekeling berkaitan syarikat kerajaan tidak dipatuhi. Penjelasan lanjut mengenai prestasi kewangan, pengurusan aktiviti serta tadbir urusnya adalah seperti berikut:

14.4.1 Prestasi Kewangan

- a) YPJH memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM76.76 juta pada tahun 2009 meningkat dengan sangat ketara berbanding tahun 2007 dan 2008 di mana YPJH mengalami kerugian berjumlah RM0.73 juta dan RM1.28 juta. Keuntungan sebelum cukai pada tahun 2009 meningkat disebabkan YPJH telah mengambil kira pelarasan semula peruntukan hutang ragu sebanyak RM48.41 juta dan pelarasan semula rosot nilai saham berjumlah RM29 juta daripada syarikat subsidiari. Perbelanjaan YPJH pula terdiri daripada perbelanjaan am dan pentadbiran. Analisis Audit terhadap maklumat kewangan YPJH mendapati faktor utama yang menyumbang kepada kerugian YPJH

sepanjang tahun 2007 dan 2008 dan perbelanjaan YPJH bagi tahun 2009 adalah seperti berikut:

- i) **Tiada Sumber Pendapatan Utama** - Kerugian YPJH disebabkan oleh YPJH tidak mempunyai sumber pendapatan selain daripada faedah yang diterima daripada pelaburan dalam AmlInvestment Services Berhad berjumlah RM26,033 pada tahun 2008 dan RM63,155 pada tahun 2009. Sebagai sebuah syarikat induk, YPJH tidak menetapkan polisi atau peraturan untuk mengenakan yuran pengurusan kepada syarikat subsidiarinya. Selain itu, tiada bayaran dividen yang diterima oleh YPJH daripada syarikat subsidiari dan syarikat sekutu.

- ii) **Faedah Atas Pinjaman Jangka Panjang YPJ** - Peningkatan kerugian YPJH pada tahun 2008 berbanding 2007 adalah disebabkan oleh pelarasan terhadap faedah atas pinjaman yang dibuat pada tahun 2008. Pelarasan tersebut berjumlah RM0.51 juta akibat berkurangnya caj terhadap faedah atas pinjaman yang dikenakan bagi tahun 1999 hingga 2007. Pada tahun 2009, perbelanjaan faedah atas pinjaman YPJ menurun sebanyak 12.3%. Penurunan ini disebabkan kadar pinjaman asas (BLR) yang menurun sebanyak 1%.

- iii) **Perbelanjaan Pentadbiran** - Kerugian YPJH pada tahun 2007 dan 2008 juga disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan pentadbiran terutamanya bayaran elaun lembaga pengarah, yuran pengurusan dan perundangan. Bayaran elaun kepada Ahli Lembaga Pengarah YPJH telah meningkat bagi tahun 2007 berjumlah RM299,000 berbanding tahun 2006 berjumlah RM196,000. Elaun Lembaga Pengarah YPJH bagi tahun 2008 berjumlah RM302,000. Selain itu, YPJ Management services Sdn. Bhd telah menaikkan yuran pengurusannya sebanyak 100% pada tahun 2007. Bagaimanapun, pada tahun 2009 perbelanjaan pentadbiran menunjukkan penurunan sebanyak 77.1% kerana tiada bayaran elaun kepada ahli lembaga pengarah.

Pihak YPJH memaklumkan Elaun Lembaga Pengarah pada tahun 2007 dan 2008 dibayar berdasarkan tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah YPJH kepada semua anak syarikat YPJH iaitu sebagai kumpulan YPJH dan juga berdasarkan keuntungan kumpulan.


- b) Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi YPJH bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 14.1** dan **Carta 14.2**.

Jadual 14.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi YPJH
Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009


Butiran	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Pendapatan	0	0	0
Perbelanjaan Operasi	0	0	0
Untung Kasar	0	0	0
Pendapatan Lain	13.79	13.79	89.67
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	0.41	0.48	0.11
Untung Operasi	13.38	13.31	89.56
Kos Kewangan	14.11	14.59	12.80
Untung/ (Rugi) Sebelum Cukai	(0.73)	(1.28)	76.76
Cukai	0	0	0
Untung/ (Rugi) Selepas Cukai	(0.73)	(1.28)	76.76

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit YPJH Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

Carta 14.2
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan YPJH
Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit YPJH Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit YPJH Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

c) Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan YPJH, beberapa nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam lembaran imbangan serta penyata pendapatan syarikat bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 14.2**.

Jadual 14.2
Analisis Nisbah Kewangan YPJH Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Butiran	Tahun Kewangan		
	2007	2008	2009
Nisbah Semasa	0.09:1	0.02:1	0.12:1
Margin Keuntungan	(0.05):1	(0.09):1	0.86:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	(0.01):1	(0.01):1	0.36:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	(0.01):1	(0.02):1	4.55:1

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit YPJH Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Hingga 2009

- i) **Nisbah Semasa** dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Berdasarkan perkiraan Audit, tahap kecairan syarikat YPJH pada tahun 2007 adalah 0.09 kali dan ia berkurang kepada 0.02 kali pada tahun 2008. Bagaimanapun, pada tahun 2009 ia meningkat kepada 0.12 kali. Tahap kecairannya yang semakin menurun pada tahun 2008 adalah disebabkan oleh pengurangan jumlah aset semasa berbanding peningkatan pemiutang dan liabiliti lain. Manakala bagi tahun 2009, tahap kecairannya telah menunjukkan peningkatan kerana terdapat peningkatan dalam jumlah aset semasa berbanding dengan jumlah liabiliti semasa. Nisbah semasa YPJH menunjukkan syarikat tidak mempunyai kecairan yang mencukupi untuk menampung liabiliti semasanya bagi ketiga-tiga tahun kewangan tersebut.
- ii) **Margin Keuntungan** mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan, YPJH telah mengalami kerugian sejumlah 5 sen pada tahun 2007, sejumlah 9 sen pada tahun 2008 dan seterusnya mencatatkan keuntungan yang begitu ketara sejumlah 86 sen pada tahun 2009.
- iii) **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Nisbah pulangan ke atas aset diukur daripada jumlah untung selepas cukai dibahagi dengan jumlah aset. Mengikut perkiraan Audit, bagi tahun kewangan 2007 hingga 2008, kadar pulangan ke atas aset yang diperoleh YPJH telah mencatatkan defisit sebanyak 1 sen pada tahun 2007 dan 2008. Pada tahun 2009, kadar pulangan ke atas aset YPJH telah meningkat kepada 36 sen.
- iv) **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** syarikat bertujuan untuk mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan untuk menghasilkan untung kepada pemilik atau pemegang sahamnya. Nisbah pulangan ke atas ekuiti diukur daripada jumlah untung selepas cukai dibahagi dengan jumlah ekuiti. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Mengikut perkiraan Audit, kadar pulangan yang diperoleh pemegang saham YPJH bagi tahun 2007 dan 2008 menunjukkan defisit. Manakala bagi tahun 2009, nisbah pulangan ke atas ekuiti YPJH telah meningkat kepada RM4.55. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan terhadap keuntungan

syarikat bagi tahun tersebut. Peningkatan ini membolehkan YPJH membuat pulangan tinggi kepada pemegang sahamnya.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan YPJH bagi tahun 2007 dan 2008 adalah kurang memuaskan tetapi bagi tahun 2009 telah menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan ekoran daripada peningkatan keuntungan yang positif.

14.4.2 Pengurusan Aktiviti

Semasa penstrukturan semula YPJ pada tahun 1994, YPJH telah diperbadankan di mana semua modal berbayar, pelaburan syer dan lain-lain kepentingan serta kepentingan usaha sama dan hartanah, pinjaman terhutang, pinjaman syarikat-syarikat beroperasi daripada YPJ Corporation Sdn. Bhd. (YPJC) dipindahkan kepada YPJH. Bagaimanapun, pemindahan ini tidak mengakibatkan perubahan kepada hak milik YPJ kerana YPJ masih kekal sebagai syarikat induk kepada semua syarikat tersebut.

a) Aktiviti Pelaburan

Pihak Audit mendapati YPJC sebagai syarikat subsidiari memperoleh pendapatan yang semakin meningkat sebanyak 82% bagi tahun 2008 berbanding tahun 2007. Bagi tahun 2009 pula, YPJC telah mencatatkan penurunan pendapatan sebanyak 36.7% disebabkan oleh pengurangan dalam keuntungan pelupusan pelaburan syarikat bersekutu sebanyak 100% dan peruntukan atas penyusutan nilai dipulang semula sebanyak 91.7%. Pendapatan YPJC bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 14.3.**

Jadual 14.3
Pendapatan YPJC Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Butiran	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) 2007 - 2008 (%)	Peningkatan/ (Penurunan) 2008 - 2009 (%)
1.	Dividen	21.20	25.98	24.31	22.5	(6.4)
2.	Faedah Atas Pendahuluan Terhadap Syarikat Subsidiari	3.29	3.28	2.85	(0.3)	(13.1)
3.	Faedah Atas Simpanan Tetap & REPO	0.02	0.17	0.45	750	164.7
4.	Pendapatan Sewa Pajakan	0.16	0.16	0.16	0	0
5.	Keuntungan Pelupusan Pelaburan Jangka Panjang	0	14.46	0	100	(100)
6.	Lain-lain Pendapatan	0.01	0.63	0.76	6,200	20.63
7.	Peruntukan Atas Penyusutan Nilai Di Pulang Semula	0	0.60	0.05	100	(91.7)
8.	Pendapatan Pengurusan	0.48	0.52	0.40	8.3	(23.1)
Jumlah		25.16	45.80	28.98		

Sumber: *Penyata Kewangan Beraudit YPJC Bagi Tahun Berakhir 2007 Hingga 2009*

- i) **Syarikat Subsidiari** - Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan penubuhan syarikat subsidiari dengan pegangan ekuiti 100% oleh kerajaan atau syarikat kerajaan adalah tidak dibenarkan melainkan atas sebab mendesak dan mustahak. Ini adalah bagi menggalakkan usaha sama di antara kerajaan dan swasta. Pelantikan ahli lembaga pengarah bagi syarikat subsidiari dan bersekutu, sebahagian ahli-ahli itu perlu terdiri daripada mereka yang bukan daripada pihak pengurusan kumpulan syarikat tetapi dilantik daripada kepakaran dan pengalaman dalam bidang-bidang tertentu.

Semakan Audit mendapati pelantikan Ahli Lembaga Pengarah YPJC dan 17 syarikat subsidiari milikan 100% YPJC adalah terdiri daripada pihak pengurusan YPJH dan kumpulan kecuali bagi Rantau Harmoni Plantation, YPJ Golf Resort Berhad dan Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. YPJH memaklumkan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada pihak pengurusan YPJH dan kumpulan disebabkan tiada elaun lembaga pengarah yang dibayar.

- ii) **Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu** - YPJH juga membuat pelaburan iaitu dalam syarikat bersekutu iaitu sebanyak 30% dalam Senai-Desaru Expressway Bhd. dan Aramijaya Sdn. Bhd.. Prestasi kewangan syarikat bersekutu bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 14.4**.

Jadual 14.4
Keuntungan/Kerugian Syarikat Bersekutu YPJH Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Nama Syarikat	Peratusan Pegangan (%)	Jumlah Pelaburan (RM Juta)	Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai			Keuntungan/ (Kerugian) Terkumpul (RM Juta)
				2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	
1.	Senai-Desaru Expressway Bhd.	30	7.5	(2.26)	(2.38)	2.32	(2.32)
2.	Aramijaya Sdn. Bhd.	30	0.36	6.93	1.44	(1.66)	6.71

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Senai-Desaru Expressway Bhd. dan Aramijaya Sdn. Bhd. Bagi Tahun Berakhir 2007 Hingga 2009

- **Aramijaya Sdn. Bhd.** - Berdasarkan Perjanjian Penswastaaan Ladang Hutan Ulu Sedili antara Kerajaan Negeri Johor, Pembinaan Limbungan Setia Sdn. Bhd. (PLS), YPJH dan Aramijaya Sdn. Bhd. (Aramijaya) pada Disember 2002, Aramijaya telah diberi hak untuk mengusahakan hasil Ladang Ulu Sedili seluas 35,223 hektar untuk tempoh 60 tahun. Selain itu, Kerajaan Negeri Johor telah memberi hak milik tanah seluas 2,897 hektar kepada YPJH untuk dipajakkan kepada Aramijaya selama 99 tahun. Sebagai balasan, YPJH menerima pegangan ekuiti sebanyak 30% dalam Aramijaya, bayaran deposit pelaksanaan berjumlah RM2.5 juta dan pulangan sejumlah RM5 juta setahun selama 10 tahun mulai tahun 2003.

Semakan Audit mendapati Aramijaya telah membayar deposit pelaksanaan berjumlah RM2.5 juta dan pulangan berjumlah RM5 juta untuk tahun 2003 sahaja. Oleh itu, terdapat tunggakan bayaran pulangan bagi tahun 2004 hingga 2009 berjumlah RM30 juta. *YPJH memaklumkan, keputusan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah YPJH dan Aramijaya Sdn. Bhd. telah bersetuju bayaran yang ditetapkan kepada YPJH akan dibuat sebaik sahaja kedudukan kewangan Aramijaya pulih memandangkan Aramijaya Sdn. Bhd. perlu mengeluarkan modal tambahan bagi mengeluarkan hasil hutan dan membuat bayaran mengikut jadual kepada Kerajaan Negeri Johor bagi menyelesaikan pinjaman projek ladang hutan berkenaan dengan Kerajaan Persekutuan.*

- **Senai-Desaru Expressway Bhd.** - Pelaburan dalam Syarikat Senai-Desaru Expressway Bhd. merupakan usaha sama bagi pembinaan lebuh raya sejauh 77 kilometer yang menghubungkan Senai, Pasir Gudang dan Desaru. Projek ini masih lagi di peringkat awal operasi dan YPJH belum menerima sebarang pulangan.

Pada pendapat Audit, pelaburan YPJH dalam syarikat bersekutu adalah kurang memuaskan kerana pulangan RM30 juta setakat tahun 2009 masih belum diterima lagi.

14.4.3 Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mengurus dan mengawal aktiviti atau program dan kebijakan syarikat ke arah meningkatkan prestasi dan akauntabiliti korporat dengan objektif utama memastikan kepentingan *stakeholders* dipertahankan. Tadbir urus korporat penting sebagai peraturan yang berkesan bagi menyumbang kepada perkembangan perniagaan.

a) Bayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat kerajaan. Syarikat kerajaan dikehendaki membayar dividen sekurang-kurangnya 10% setahun sebagai pulangan modal kepada kerajaan sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan tahun semasa melebihi jangkaan, peratusan dividen kepada pemegang saham perlu ditingkatkan tanpa menjejaskan kedudukan kewangan syarikat. Cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus untuk kelulusan lembaga pengarah agensi kerajaan dan pihak berkuasa negeri. Syarikat induk yang mempunyai keuntungan tetapi tidak bercadang untuk membayar dividen mestilah memberikan sebabnya.

i) Bayaran Dividen Kepada YPJ

Semakan Audit mendapati cadangan bayaran dividen tidak pernah dibuat oleh YPJH kepada YPJ. Bagaimanapun, YPJH ada membuat bayaran faedah kepada YPJ terhadap pinjaman jangka panjangnya.

ii) Bayaran Dividen Oleh Syarikat Subsidiari Dan Bersekutu Kepada YPJH

Semakan Audit mendapati tiada dividen diterima daripada YPJH dan syarikat bersekutunya iaitu Aramijaya Sdn. Bhd. dan Senai-Desaru Expressway Bhd.

b) Bayaran Bonus

Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, bayaran bonus bagi syarikat induk dan semua lapisan syarikat subsidiari masing-masing perlu diluluskan oleh lembaga pengarah syarikat induk atau badan berkanun berkenaan sebelum dikemukakan kepada pihak berkuasa kerajaan negeri masing-masing untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati gaji kakitangan YPJH dibayar oleh tiga buah syarikat lapisan YPJH. Bayaran bonus sebanyak dua bulan gaji yang dibayar pada tahun 2007 dan 2008. Bonus ini telah diluluskan oleh lembaga pengarah tetapi tidak dikemukakan kepada pihak berkuasa negeri untuk kelulusan.

Pihak YPJH memaklumkan perkara ini akan dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah.

c) Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Serta Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan garis panduan mengenai penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dalam badan-badan dan syarikat kerajaan. Kumpulan syarikat kerajaan yang besar dan mempunyai banyak syarikat

subsidiari yang memberi pengaruh besar ke atas prestasi kewangan kumpulan dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam. Antara objektifnya adalah untuk memelihara kepentingan kerajaan melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat induk serta semua syarikat subsidiari dan bersekutu secara berterusan. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam belum ditubuhkan di YPJH.

d) Perancangan Strategik Syarikat Tidak Disediakan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menyatakan semua syarikat kerajaan perlu menyediakan serta mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat untuk mencapai matlamat tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Rancangan tersebut perlu dibentangkan dan diluluskan oleh lembaga pengarah syarikat induk dan hendaklah selaras dengan objektif penubuhan syarikat. Perancangan strategik syarikat merangkumi perancangan di dalam menentukan hala tuju organisasi dan memfokuskan kepada keseluruhan organisasi. Dengan adanya perancangan strategik memudahkan syarikat membentuk objektif dan matlamat yang lebih realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi, ia juga sebagai asas untuk mengukur pencapaian dan membuat perubahan atau pindahan syarikat mengikut kesesuaian serta dapat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif. Semakan Audit mendapati YPJH tidak menyediakan perancangan strategik tetapi ada menyediakan perancangan bagi setiap projek yang dijalankan serta menyediakan bajet bagi menentukan perancangan kewangan bagi jangka masa pendek.

e) Key Performance Indicator Tidak Disediakan

Buku Biru - *Intensifying Performance Management* menyatakan syarikat kerajaan perlu menyediakan *Key Performance Indicator* (KPI) selaras dengan strategi syarikat dan sasaran yang ditetapkan bagi syarikat dan KPI untuk unit perniagaan. KPI tersebut perlu disediakan setiap enam bulan/setahun sekali bagi menilai prestasi syarikat. KPI yang disediakan mestilah munasabah dan boleh dicapai. Semakan Audit mendapati YPJH tidak menyediakan KPI untuk menilai prestasi syarikat.

g) Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Tidak Diadakan Mengikut Ketetapan

Garis Panduan Buku Hijau menyatakan mesyuarat ahli lembaga pengarah hendaklah diadakan antara enam hingga lapan kali setahun dan pencapaian dipantau berasaskan matlamat strategik dan prestasi kewangan selaras dengan KPI. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 pula menetapkan lembaga pengarah syarikat dan lembaga pengarah agensi kerajaan hendaklah mengawal rapi dan teliti prestasi syarikat kerajaan terutamanya bagi syarikat kerajaan yang mempunyai prestasi yang tidak memuaskan. Prestasi dan analisis kewangan yang terperinci mengenai syarikat hendaklah dibentangkan sekurang-kurangnya empat kali setahun dalam mesyuarat ahli lembaga pengarah agensi kerajaan. Semakan Audit mendapati YPJH hanya mengadakan mesyuarat ahli lembaga pengarah sebanyak dua kali pada tahun 2007 dan

2009 dan hanya sekali dalam tahun 2008. Mesyuarat ahli lembaga pengarah yang tidak kerap menyebabkan berlakunya perkara seperti berikut:

- i) **Prestasi Kewangan Tidak Dibincangkan Setiap Suku Tahun Kewangan** - Ahli lembaga pengarah tidak dapat membincangkan prestasi kewangan syarikat setiap suku tahun kewangan dan memantau pencapaian berasaskan matlamat strategik dan prestasi kewangan selaras dengan KPI.
- ii) **Bajet Tahunan YPJH Lewat Diluluskan** - Semakan Audit mendapati Cadangan Bajet Tahun 2007 hingga 2009 YPJH telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah YPJH dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah YPJH. Bagaimanapun, bajet bagi tahun 2009 telah lewat dibentangkan dan diluluskan di mesyuarat ahli lembaga pengarah. Bajet sepatutnya diluluskan sebelum tahun kewangan berakhir supaya perbelanjaan yang dibuat pada tahun berikutnya telah mendapatkan kelulusan lembaga pengarah. Bajet yang diluluskan lewat menunjukkan perbelanjaan awal tahun yang dilakukan tidak sah kerana belum mendapat kelulusan ahli lembaga pengarah. Tarikh pembentangan dan kelulusan Bajet YPJH bagi tahun 2007 hingga 2009 di Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah YPJH adalah seperti di **Jadual 14.5**.

Jadual 14.5
Tarikh Pembentangan Dan Kelulusan Bajet YPJH
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bajet (Tahun)	Bajet Dibentang Dan Diluluskan Di Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah	Lewat / Tidak Lewat
2007	Ke-32	12.12.2006
2008	Ke-34	27.12.2007
2009	Ke-36	5.3.2009

Sumber: Minit Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah YPJH

h) Pengurusan Kewangan

- i) **Pelarasan Deposit Persatuan Permotoran** - Semakan Audit mendapati YPJH telah mengakaunkan jumlah deposit daripada Persatuan Permotoran sebanyak RM14,700 sebagai lain-lain pendapatan pada tahun 2008. Pihak Audit tidak dapat membuat pengesahan jumlah tersebut dan tidak dapat mengenal pasti sama ada lembaga pengarah telah meluluskan tindakan tersebut.

Menurut YPJH perkara ini telah diselaraskan dalam lejar lain-lain pendapatan pada tahun 2009 di mana ianya didebitkan semula dan telah diserahkan kepada Jabatan Akauntan Negara sebagai tanda pematuhan terhadap Akta Wang Tidak Dituntut 1965 (Pindaan 2006).

- ii) **Tanah YPJH Yang Tidak Di Tunjukkan Sebagai Aset Di Dalam Penyata Kewangan** - Semakan Audit terhadap Daftar Senarai Tanah YPJH mendapati sebidang tanah di Mukim Hulu Sungai Sedili yang berkeluasan 6.7 ekar adalah hak milik YPJH. Bagaimanapun, tanah tersebut tidak diambil kira dalam penyata kewangan bagi tahun 2007 dan 2008.

Menurut YPJH, tanah di Mukim Hulu Sungai Sedili Besar akan diselaraskan sebagai aset YPJH bagi penyata kewangan 2009 kerana premium tanah dibayar oleh YPJH.

Pada pendapat Audit, Tadbir Urus Korporat YPJH adalah kurang memuaskan kerana Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan, perancangan strategik dan KPI tidak disediakan serta lembaga pengarah tidak bermesyuarat sebagaimana ditetapkan.

14.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti utama YPJH adalah tidak memuaskan kerana tidak mempunyai aktiviti perniagaan yang boleh menjana pendapatan syarikat. Selain itu, YPJH juga tidak menerima bayaran yuran pengurusan dan dividen daripada syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu. Oleh itu, YPJH tidak mempunyai sumber pendapatan yang kukuh bagi menampung perbelanjaan syarikat. Prestasi kewangan YPJH juga tidak memuaskan kerana mencatatkan kerugian bagi tahun 2007 dan 2008. Walaupun YPJH mencatatkan keuntungan pada tahun 2009 tetapi keuntungan tersebut disebabkan oleh pelarasan semula rosot nilai saham dan peruntukan hutang ragu. Di samping itu, terdapat kelemahan dalam tadbir urus korporat YPJH seperti Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah yang tidak diadakan mengikut ketetapan, perancangan strategik dan KPI syarikat tidak disediakan serta peraturan kerajaan tidak dipatuhi. Sehubungan itu, beberapa aspek pengurusan syarikat perlu diperkemas dengan memberi pertimbangan kepada syor-syor berikut:

- a)** YPJH hendaklah mengkaji semula polisi atau peraturan syarikat untuk meningkatkan prestasinya supaya pembayaran dividen kepada pemegang saham boleh dibuat dan menerima dividen daripada syarikat subsidiari dan bersekutu.
- b)** Memperkemas dan mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Buku Hijau sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan YPJ dan Kerajaan Negeri Johor.
- c)** Menyediakan perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang dengan petunjuk prestasi yang jelas, mampu dicapai dan berdaya saing.



BAHAGIAN III
PERKARA AM

15. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi berkenaan setakat Mei 2010. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam bahagian ini.

16. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2008

16.1 JABATAN AGAMA JOHOR

– PENGURUSAN KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN (KAFA)

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
2.5.2.1 (a)	<p>Jawatan Penyelia Bertaraf Sambilan</p> <p>Surat tawaran disediakan oleh BPAJAJ menunjukkan taraf jawatan secara sambilan tetapi perjanjian tidak dinyatakan taraf jawatan.</p>	<p>Lantikan tidak diubah sehingga surat tawaran baru bagi lantikan oleh JAKIM bermula 19 Oktober 2009.</p>	<p>Jabatan perlu memastikan penyelia menikmati keistimewaan sebagaimana lain-lain lantikan secara kontrak.</p>
2.5.2.2	<p>Nisbah Penyelia Berbanding Guru KAFA Tidak Seimbang</p> <p>Jawatan penyelia boleh diwujudkan apabila terdapat tidak kurang dari 100 orang guru bagi setiap daerah. Maklumat yang diperoleh menunjukkan bilangan Penyelia KAFA di seluruh Negeri Johor adalah seramai 18 orang. Nisbah bilangan penyelia berbanding Guru KAFA di tiga daerah iaitu Johor Bahru, Muar dan Batu Pahat adalah melebihi 100 orang guru pada tahun 2006 hingga 2008. Pada pendapat Audit, pembahagian beban kerja Penyelia KAFA adalah tidak memuaskan kerana tidak diagih secara seimbang.</p>	<p>JAKIM telah meluluskan tambahan tujuh orang penyelia KAFA di mana dua orang penyelia ditempatkan di daerah yang baru diwujudkan iaitu masing-masing dua orang penyelia di Kulaijaya dan Ledang. Selain itu, Daerah Johor Bahru, Batu Pahat dan Ibu Pejabat masing-masing menerima tambahan seorang penyelia.</p>	<p>Bahagian Pendidikan Agama JAJ hendaklah memastikan bilangan penyelia ditempatkan mengikut nisbah bilangan guru.</p>

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
2.5.2.3 (b)	<p>Penyeliaan Terhadap Guru KAFA Tidak Dibuat Sepenuhnya</p> <p>Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada penyeliaan khas telah dijalankan terhadap Guru KAFA atau sebaliknya kerana tiada laporan disediakan.</p>	<p>Penyelia KAFA daerah telah membuat pemantauan, penyeliaan dan menyediakan laporan serta diserahkan kepada penyelia KAFA Negeri termasuk naziran anjuran JAKIM.</p>	<p>Pemantauan hendaklah meliputi semua sekolah dan dilakukan sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali.</p>
2.5.3.2	<p>Nisbah Guru Berbanding Murid</p> <p>Garis Panduan KAFA menetapkan seorang guru untuk 25 orang murid. Bagaimanapun di Daerah Johor Bahru dan Kota Tinggi nisbah guru dan murid adalah dua kali ganda.</p>	<p>BPAJAJ bersetuju bahawa nisbah guru dan murid adalah selaras dengan garis panduan yang ditetapkan kecuali di Daerah Johor Bahru dan Kota Tinggi.</p>	<p>BPAJAJ perlu memohon penambahan guru dan kelas.</p>
2.5.3.4 (a)	<p>Elaun Yang Dibayar Tidak Setimpal Dengan Beban Kerja</p> <p>Guru KAFA perlu bertugas dua jam sehari selama tiga hari seminggu untuk mendapat elaun RM500 sebulan daripada JAKIM. Kerajaan Negeri telah membayar elaun tambahan berjumlah RM312 bagi Guru KAFA Penuh dan RM112 bagi Guru KAFA Sambilan. JAKIM membayar purata RM20.83 bagi setiap jam mengajar. Manakala Kerajaan Negeri membayar purata RM4.72 bagi setiap jam mengajar bagi Guru KAFA Penuh dan RM3.11 bagi Guru KAFA Sambilan.</p>	<p>JAKIM telah memberi elaun RM500 untuk tiga hari @ dua jam dan Kerajaan Negeri Johor menambah elaun RM312 untuk tambahan dua hari. Bajet 2010 Negeri Johor telah mencadangkan bayaran Elaun Sara Hidup dibayar RM100 kepada guru KAFA.</p>	<p>Sekiranya bajet diluluskan oleh DUN, beban kewangan guru KAFA dapat diringankan sedikit. BPAJAJ perlu memohon supaya Kerajaan Negeri Johor dapat membayar elaun guru KAFA setimpal dengan beban kerja yang diberikan.</p>
2.5.3.4 (c)	<p>Elaun Guru Dibayar Semasa Cuti</p> <p>Guru KAFA hanya diberikan kemudahan cuti sakit selama 15 hari setahun. Pemeriksaan Audit di tiga daerah yang dilawati mendapati Guru KAFA telah mengambil cuti bersalin tetapi dibayar elaun penuh.</p>	<p>Tindakan telah diambil dengan mengeluarkan surat:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Notis pemberhentian bayaran elaun kepada Guru KAFA yang cuti bersalin. ii) Makluman kepada Penyelia KAFA untuk mengambil tindakan memungut semula elaun yang terlebih bayar. 	<p>Jabatan hendaklah mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai yang cuai menyebabkan elaun terlebih bayar.</p>

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
2.5.3.4 (d)	<p>Imbuan Tahunan Tidak Diberi</p> <p>Kerajaan Malaysia telah mengumumkan untuk memberikan Imbuan Tahunan kepada kakitangan awam pada tahun 2006 dan 2008 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 2006 dan Bil. 13 Tahun 2008. Semakan Audit mendapati imbuan tahunan tidak diberikan kepada Guru KAFA yang layak pada tahun 2006 dan 2008.</p>	<p>Imbuan tahunan kepada guru KAFA tidak dibayar kerana tidak mendapat arahan daripada pihak JAKIM sebagaimana surat arahan yang telah dikeluarkan oleh JAKIM pada tahun 2002.</p>	<p>Pihak Jabatan perlu berhubung dengan JAKIM mengenai perkara ini untuk masa yang akan datang.</p>
2.5.5.1	<p>Jawatankuasa Pengurusan Akaun Amanah KAFA</p> <p>Prestasi Jawatankuasa Pengurusan Akaun Amanah KAFA adalah tidak memuaskan kerana tidak bermesyuarat pada tahun 2006 dan 2007.</p>	<p>Mesyuarat tidak dapat diadakan pada tahun 2006 kerana penyerahan baru dibuat kepada BPAJAJ pada pertengahan tahun 2007.</p>	<p>Jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuarat mengikut arahan yang ditetapkan.</p>
2.5.8.1	<p>Kakitangan Sokongan Tidak Mencukupi</p> <p>Jawatan Pembantu Tadbir tidak diwujudkan bagi menjalankan urusan pentadbiran KAFA seperti urusan pembayaran gaji dan pengendalian Akaun Amanah sebaliknya tugas ini dilakukan oleh Penyelia Ibu Pejabat.</p>	<p>Permohonan penambahan jawatan penyelia KAFA Negeri telah dihantar kepada JAKIM dan lantikan akan dibuat oleh JAKIM.</p>	<p>Urusan pentadbiran dan kewangan KAFA hendaklah dijalankan oleh Pembantu Tadbir. Oleh itu, Jabatan perlu mengemukakan permohonan untuk jawatan tersebut.</p>

16.2 JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

– PENGURUSAN HUTAN DAN KEPENTINGANNYA KEPADA ALAM SEKITAR.

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
3.5.1.1 (a)	<p>Aktiviti Perlombongan Bijih Besi Di HSK Mersing</p> <p>Kolam takungan kedua dan ketiga tidak berfungsi. Kolam takungan pertama hampir penuh dan penyenggaraan tidak dibuat.</p>	<p>Pihak Pelombong telah memperbaiki ketiga-tiga kolam takungan air. Pejabat Hutan Daerah Johor Timur telah meminta Pentadbir Tanah Mersing untuk memaklumkan sama ada ia memenuhi kriteria yang ditetapkan.</p>	<p>Pejabat Hutan Daerah Johor Timur perlu memantau kawasan tersebut bagi mengelakkan kebocoran kolam atau limpahan keluar ke sungai yang berhampiran.</p>
3.5.1.2 (a)	<p>Kuari Batu Batan Dalam Kawasan HSK Banang, Batu Pahat</p> <p>Aktiviti pengeluaran batu menyebabkan bekas kuari menjadi tandus kerana tiada <i>top soil</i> serta tanah menjadi keras menyukarkan Pejabat Perhutanan melaksanakan tanaman mengaya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> i) Pemegang lesen telah diarah untuk menyediakan alat ii) pancutan air dan takungan air untuk membersihkan tayar kenderaan yang keluar dari kawasan kuari bagi menjaga kebersihan udara; iii) Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah telah meminta pemegang lesen menghantar satu salinan laporan EIA; iv) Pemegang lesen perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak Polis Diraja Malaysia dan Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah setiap kali menggunakan bahan letupan dalam aktiviti memecah batu batan; Pemegang lesen telah menambak bekas kuari dengan <i>top soil</i> dan menanam pokok spesies hutan iaitu pokok Merawan Siput dan Jantan; dan v) Laporan EIA tidak disediakan. 	<p>Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah hendaklah memastikan bahawa pemegang permit menyediakan Laporan EIA untuk memastikan pencemaran alam sekitar dapat dikawal dan mengetahui langkah-langkah yang akan diambil apabila berlaku pencemaran.</p>

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
3.5.3	<p>Pewartaan Hutan Simpanan Kekal</p> <p>Pewartaan terhadap tanah Kerajaan seluas 100,310.25 hektar sebagai HSK lewat dilaksanakan sehingga mengambil masa antara satu hingga 12 tahun.</p>	<p>i) Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menubuhkan Jawatankuasa Penyediaan Draf Pelan warta HSK terdiri daripada Pejabat Tanah Galian, Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Johor, Pejabat Unit Perancang Ekonomi, Bahagian Perancang & Pengurusan Hutan Negeri dan Pejabat-pejabat Tanah Daerah. Mesyuarat pertama telah diadakan pada bulan Januari 2010, mesyuarat seterusnya akan diadakan di Pejabat-pejabat Tanah Daerah.</p> <p>ii) Jabatan telah mewartakan HSK Seluyut sebagai Hutan Tadahan Air pada bulan Disember 2009.</p>	<p>Tindakan menubuhkan jawatankuasa tersebut adalah satu langkah yang baik dan tepat pada masanya dalam menyelesaikan isu pewartaan rizab HSK. Jawatankuasa boleh mengenal pasti tanah-tanah kerajaan yang masih ada untuk dirizabkan sebagai HSK.</p>

16.3 PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI JOHOR – PENGURUSAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER STANDARD KERAJAAN NEGERI (SPEKS)

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
4.5.1.1	<p>Modul Lejar Akaun Subsidiari Tidak Menepati Keperluan Unit Pinjaman Perumahan Negeri</p> <p>Modul Lejar Akaun Subsidiari (SLAS) tidak dapat digunakan sepenuhnya oleh Unit Pinjaman Perumahan Negeri Johor kerana tidak mengambil kira keperluan merekodkan maklumat pinjaman perumahan kepada kakitangan kerajaan negeri. Ini menyebabkan dua sistem berbeza perlu diselenggarakan iaitu SPEKS dan Sistem Lejar Perumahan (SLP).</p>	<p>Jabatan Akauntan Negara telah bersetuju menerima cadangan perubahan yang dikemukakan oleh Perbendaharaan Negeri dan bersetuju memberi peruntukan untuk membuat perubahan tersebut. Pada masa kini, perubahan tersebut sedang dalam peringkat pengujian.</p>	<p>Modul SLAS dijangkakan dapat digunakan mulai bulan Mei 2010 selepas peringkat pengujian selesai.</p>

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
4.5.1.2	<p>Kesilapan/Kelemahan Maklumat Pinjaman Perumahan, Kenderaan Dan Komputer Dalam Modul SLAS</p> <p>Berlaku kesilapan/kelemahan maklumat pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer dalam Modul SLAS menyebabkan pindaan secara <i>backdoor</i> perlu dibuat.</p>	<p>Kesilapan/kelemahan maklumat pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer dalam Modul SLAS masih berlaku.</p>	<p>Masalah kesilapan/kelemahan maklumat pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer dalam Modul SLAS dijangkakan dapat diselesaikan selepas perubahan terhadap modul tersebut siap dilaksanakan.</p>

16.4 BADAN KAWAL SELIA AIR JOHOR – PENGURUSAN KUALITI AIR MINUM

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
5.6.1.1.	<p>Pewartaan Kawasan Tadahan Air</p> <p>Pewartaan kawasan tadahan air seluas 96,860 hektar (11 empangan) belum selesai.</p>	<p>BAKAJ telah berbincang dengan Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Johor dan Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor bagi mempercepatkan tindakan untuk mewartakan semua kawasan tadahan air. Tiga empangan telah diwartakan iaitu Empangan Sungai Layang, Empangan Seluyut dan Empangan Ulu Sedili.</p>	<p>BAKAJ hendaklah memohon peruntukan dan menetapkan sasaran tempoh tertentu untuk menyelesaikan proses pewartaan semua kawasan tadahan air.</p>
5.6.1.2	<p>Keselamatan Kawasan Tadahan Air</p> <p>BAKAJ belum mengambil tindakan untuk menyenaraikan semua kawasan tadahan air sebagai kawasan sasaran penting kerana kekurangan peruntukan kewangan dan tindakan untuk memohon belum dilakukan.</p>	<p>BAKAJ berpendapat hanya kawasan <i>Embankment Dam</i> sahaja yang dikategorikan sebagai kawasan larangan. BAKAJ memerlukan peruntukan bagi menguruskannya termasuk penyediaan pelan, keperluan kerja-kerja rondaan, peralatan GPS dan kerja-kerja pengukuran <i>Embankment Dam</i> bagi lima empangan iaitu Empangan Chongok,</p>	<p>BAKAJ perlu mengambil tindakan untuk memohon peruntukan dan menyenaraikan <i>Embankment Dam</i> sebagai kawasan larangan dengan segera.</p>

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
		Empangan Juaseh, Empangan Lebam, Empangan Sg.Layang dan Empangan Ledang.	
5.6.1.3	<p>Koordinasi Dan Komunikasi Agensi Penguatkuasaan</p> <p>Tiada pengawasan secara bersepadu kerana tiada Jawatankuasa Pemantau Kawasan Tadahan ditubuhkan.</p>	<p>Penguatkuasaan secara bersepadu tidak dapat dijalankan kerana masalah kekangan logistik. Namun begitu, kerjasama untuk menjalankan operasi bersepadu boleh dilakukan sekiranya diperlukan. Jawatankuasa sedia ada juga akan dipanggil sekiranya berlaku pencemaran air mentah dan lawatan bersepadu bersama agensi lain akan terus diadakan. Laporan mengenainya dikemukakan kepada Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Tenaga, Air Dan Komunikasi Negeri Johor serta Majlis Mesyuarat Kerajaan, di mana perlu. Pemantauan secara berkala melalui pengambilan sampel air sungai tidak dapat dilaksanakan kerana BAKAJ kekurangan kakitangan.</p>	<p>Jawatankuasa tersebut hendaklah terus melaksanakan programnya bagi memastikan mutu air mentah terus terkawal.</p>
5.6.1.4	<p>Pencerobohan Kawasan Empangan Machap</p> <p>Berlaku pencerobohan di sekeliling kawasan tadahan untuk tujuan penanaman kelapa sawit, sayur, dusun buah-buahan, kilang colok dan penternakan lembu. Keadaan ini berlaku disebabkan status empangan masih tebatan banjir dan milik KPTG.</p>	<p>BAKAJ membuat lawatan tapak pada 12 Mac 2010 dan mendapati pencerobohan masih berlaku.</p>	<p>BAKAJ perlu berhubung dengan pihak KPTG bagi memastikan KPTG mengambil tindakan terhadap masalah pencerobohan ini dan memastikan kawasan ini bebas daripada aktiviti pertanian, penternakan dan perkilangan. BAKAJ perlu mengambil tindakan bagi memastikan kawasan ini diwartakan sebagai kawasan tadahan.</p>

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
5.6.1.5 (d)	<p>Kos Air Mentah</p> <p>Kos Air Mentah tidak dikenakan terhadap kesemua operator LRA di Negeri Johor.</p>	<p>SAJH telah dikenakan caj air mentah mulai bulan September 2009 dengan kadar 5 sen bagi satu meter padu melalui perjanjian bertarikh 9 Julai 2009.</p>	<p>Tindakan seumpamanya perlu dilaksanakan terhadap operator lain iaitu ESB dan SWC.</p>

16.5 BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR – PENGURUSAN RUMAH AWAM NEGERI JOHOR

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
6.5.1	<p>Rumah Dijual Tanpa Sijil Layak Menduduki (CFO)</p> <p>54 projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) yang dibina antara tahun 1981 hingga 1997 yang terdiri daripada 44 projek sewa beli (7,035 unit rumah) dan 10 projek secara pinjaman bank (1,688 unit rumah) telah dijual tanpa memiliki CFO.</p>	<p>Jabatan Perumahan Negara telah memaklumkan kepada Bahagian Perumahan, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (SUKJ) bahawa semua PAKR yang dibina pada tahun 1987-1992 tidak mempunyai CFO tetapi hanya memperoleh Sijil Perakuan Siap Kerja (CTC) yang disahkan oleh Bahagian Arkitek Jabatan Perumahan Negara. Sehubungan itu, Jabatan Perumahan Negara memperakukan kerja-kerja pembinaan adalah siap dan sempurna.</p>	<p>Usaha dan tindakan penyelesaian terhadap isu ini perlulah diambil oleh Bahagian Perumahan SUKJ bagi menyelesaikan masalah pembeli di 54 projek PAKR yang gagal mendapat pinjaman bank.</p>
6.5.2	<p>Hak Milik Strata</p> <p>Empat projek rumah pangsa (RP) yang mempunyai 1,156 unit bernilai RM23.88 juta dijual secara pinjaman bank masih tidak mempunyai hak milik strata walaupun telah diduduki antara tahun 1987 hingga 1991.</p>	<p>Sehingga Februari 2010 tiada kemajuan pendaftaran hak milik strata. Semua permohonan tersebut masih dalam proses dan berada di peringkat Pejabat Tanah Daerah, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Johor (PTG) dan Pihak Berkuasa Tempatan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> RP Kulai - Permohonan telah dihantar pada Januari 2009 ke Pejabat Tanah Daerah Kulaijaya. RP Pontian - Di peringkat semakan Jabatan Teknikal Majlis Daerah Pontian. 	<p>Bersetuju dengan tindakan yang diambil. Bahagian Perumahan SUKJ perlu memantau kemajuan proses ini supaya pendaftaran Hak Milik Strata diproses sepenuhnya dan dimaklumkan kepada pemilik rumah.</p>

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
		c) RP Stulang - Permohonan d) telah dihantar pada Januari 2009 dan dalam tindakan PTG Negeri Johor. e) RP Larkin - Permohonan telah dihantar pada Oktober 2008 ke Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru.	
6.5.3.1	Pendaftaran Pemohon Rumah Awam 9,153 daripada 143,767 pemohon yang berdaftar masih berada dalam senarai menunggu.	Tiada tindakan oleh Bahagian Perumahan SUKJ untuk mengurangkan jumlah dalam senarai menunggu.	Bahagian Perumahan SUKJ perlu menawarkan segera rumah awam yang siap dibina kepada pemohon berdaftar.
6.5.4.1	Prestasi Pelaksanaan Projek RMKe-8 Dalam RMKe-8, enam daripada 13 projek yang terdiri daripada 982 unit rumah sahaja dapat disiapkan mengikut perancangan.	Tujuh projek telah dilaksanakan dalam RMKe-9, lima projek telah siap manakala dua lagi sedang dalam pembinaan.	Bersetuju dengan ulasan yang diberikan oleh Bahagian Perumahan SUKJ.
6.5.4.2	Prestasi Pelaksanaan Projek RMKe-9 Sembilan projek atau 6,484 unit rumah dengan kos berjumlah RM331.96 juta yang dirancang dalam RMKe-9 masih belum dilaksanakan.	Bahagian Perumahan SUKJ telah membangkitkan isu ini kepada Jabatan Perumahan Negara pada Februari 2009 tetapi belum ada kemajuannya hingga sekarang.	Bahagian Perumahan SUKJ perlu memastikan semua rancangan dalam RMKe-9 dilaksanakan. Penjelasan atas kegagalan pelaksanaan perlu dikemukakan.
6.5.4.3	Keutamaan Pemilihan Zon Pembinaan Rumah Tidak Mengikut Jumlah Permintaan Rancangan pembinaan rumah awam dalam RMKe-9 tidak dibuat berdasarkan permintaan di zon/lokasi yang mempunyai peratusan permintaan rumah yang tinggi.	Bahagian Perumahan SUKJ telah memaklumkan bahawa tapak yang melibatkan pampasan kerana Pengambilan Balik Tanah memberikan kesan langsung	Bersetuju dengan ulasan yang diberikan.

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
	Dua projek yang dirancang tidak mendapat permintaan manakala enam lagi projek mendapat permintaan antara 4% hingga 56%.	kepada harga projek. Justeru itu, kriteria pembinaan rumah di zon yang permintaannya tinggi tidak semestinya dipatuhi. Namun begitu, pemohon-pemohon yang membuat permohonan di zon yang tiada dibina rumah PPR masih berpeluang membelinya di zon bersebelahan yang jaraknya tidak terlalu jauh dari lokasi zon pilihan asal mereka.	

**16.6 PERBADANAN TAMAN NEGARA JOHOR
– PENGURUSAN DAN PEMULIHARAAN TANAH LEMBAP BERKEPENTINGAN
ANTARABANGSA (TAPAK RAMSAR) NEGERI JOHOR**

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
7.5.2.1 (a)	Prestasi Aktiviti Penanaman Semula Pokok Bakau Perbadanan tidak mempunyai garis panduan yang jelas mengenai kaedah serta teknik tanaman pokok bakau berdasarkan keadaan fizikal tanah Tapak Ramsar. Perbadanan tidak menyediakan daftar untuk memastikan pokok bakau yang mati disulam semula.	Perbadanan masih tidak mempunyai garis panduan tertentu dan hanya menasarkankan bilangan benih pokok bakau yang perlu ditanam setiap tahun. Daftar mengenai jumlah pokok yang ditanam dan disulam semula telah disediakan.	Garis panduan tertentu mengenai kaedah serta teknik tanaman yang bersesuaian berdasarkan klasifikasi fizikal tanah perlu disediakan bagi memastikan pelaksanaan program tanaman semula dilakukan dengan lebih berkesan.
7.5.2.1 (b)	Prestasi Aktiviti Kebersihan Kawasan Tapak Ramsar Aktiviti kebersihan yang dilaksanakan tidak mengikut jadual berkala yang ditetapkan. Lawatan Audit mendapati banyak sampah sarap yang bertaburan seperti botol air minuman kosong dan bekas polistirena.	Daftar menunjukkan aktiviti kebersihan telah dilakukan secara berkala oleh staf sebagaimana jadual yang telah dirancang. Perbadanan juga bekerjasama dengan pelbagai institusi kerajaan, swasta dan sekolah untuk aktiviti ini. Selain itu, Perbadanan telah melantik kontraktor bagi melakukan kerja-kerja pembersihan seperti membawa keluar kayu hanyut	Perbadanan perlu memastikan program kebersihan yang sedia ada dilakukan secara berterusan untuk memelihara dan memulihara keadaan semula jadi flora dan fauna di Tapak Ramsar.

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
		dan sampah sarap. Melalui peruntukan IRDA, kerja-kerja pembinaan perangkap sampah telah dilakukan di Tapak Ramsar Tanjung Piai.	
7.5.2.2 (a)	<p>Aktiviti Perkemahan</p> <p>Perbadanan bersetuju untuk menyemak semula modul pendidikan yang dijalankan bagi meningkatkan program pendidikan di kawasan sekitar Tapak Ramsar.</p>	Perbadanan masih belum menyemak semula mengenai modul pendidikan yang akan dijalankan.	Perbadanan telah melaksanakan pelbagai aktiviti dari semasa ke semasa yang melibatkan pelajar dan orang awam untuk memberi pendidikan mengenai kesedaran alam sekitar walaupun modul pendidikan masih belum disemak semula.
7.5.2.3 (b)	<p>Hasil Penyelidikan</p> <p>Perbadanan tidak mempunyai hak mutlak ke atas hasil kajian yang telah dijalankan oleh pihak luar kerana tiada MOU dibuat.</p>	Perbadanan telah menandatangani MOU dengan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Tun Hussien Onn (UTHM), Aquaria KLCC dan <i>Wild Life Conservation Society (WLCS)</i> untuk bekerjasama dan berkolaborasi mengenai kajian-kajian penyelidikan tentang pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan flora dan fauna.	Tindakan Perbadanan bekerjasama dan berkolaborasi dengan IPT dan agensi luar adalah baik dan perlu diteruskan dari semasa ke semasa.
7.5.2.4 (a)	<p>Kemudahan Tram Yang Tidak Beroperasi</p> <p>Perbadanan tidak akan melupuskan tram yang telah rosak kerana akan dibaiki apabila laluan tram telah di baik pulih.</p>	Tram tersebut telah dilupuskan secara 'buang' yang telah diluluskan oleh Lembaga Pemeriksa pada 22 Disember 2009. Laluan tram telah di naik taraf dan perkhidmatan tram yang baru akan disediakan melalui Projek Pakej Rangsangan Ekonomi berjumlah RM1.5 juta.	Perbadanan perlu memastikan kemudahan tram yang bakal beroperasi dapat digunakan dengan sebaik-baiknya oleh pengunjung.

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
7.5.2.4 (b), (c), (d), (f)	<p>Penyenggaraan di Tapak Ramsar Pulau Kukup</p> <p>(b) Jambatan Gantung Tidak Disenggarakan Dengan Sempurna</p> <p>(c) Kerosakan Pelantar Jeti Dan Tangga</p> <p>(d) Menara Pemerhati <i>Mini Aery</i> Yang Tidak Boleh Digunakan</p> <p>(f) Pejalan Kaki (<i>Board Walk</i>) Mengalami Kerosakan</p>	Perbadanan telah menerima peruntukan sejumlah RM5.5 juta melalui Pakej Rangsangan Ekonomi untuk menaik taraf dan menyenggara semua kemudahan di Tapak Ramsar Pulau Kukup. Sebahagian kemudahan tersebut telah siap disenggara dan sebahagian lagi masih dalam pembinaan antara 15% hingga 40% siap.	Perbadanan perlu memastikan kemudahan yang telah dinaiktaraf dan disenggara selamat digunakan dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengunjung.
7.5.2.4(g)	<p>Pokok Bakau Dan Tiang Jambatan Diserang Anai-anai</p> <p>Pokok Bakau yang telah diserang anai-anai perlu ditebang dan tiang pejalan kaki hendaklah dirawat bagi mengelakkan bahaya kepada pengunjung yang melalui kawasan tersebut.</p>	Perbadanan telah mengambil tindakan dengan menebang pokok bakau dan menyapu minyak hitam serta diesel bagi mengelakkan tiang pejalan kaki diserang anai-anai.	Perbadanan perlu memastikan penyenggaraan pokok bakau dan laluan pejalan kaki dilakukan secara berterusan bagi memastikan keselamatan pengunjung yang datang melawat.
7.5.3.1	<p>Peruntukan Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar Malaysia (NRE)</p> <p>Perbadanan tidak memberi maklum balas kepada NRE mengenai peruntukan yang telah diberikan untuk Pelan Cadangan Tapak Ramsar tetapi telah digunakan untuk tujuan lain menyebabkan permohonan peruntukan tambahan yang dipohon telah ditolak.</p>	Perbadanan telah memberi penjelasan kepada NRE mengenai perkara tersebut. Bagaimanapun, NRE masih belum memberikan maklum balas mengenai laporan yang telah dihantar oleh Perbadanan.	Perbadanan hendaklah membuat susulan.
7.5.4	<p>Kekosongan Jawatan</p> <p>Sebanyak empat daripada lapan perjawatan yang telah diluluskan bagi struktur pengurusan Tapak Ramsar masih belum diisi.</p>	Kekosongan perjawatan yang telah diluluskan masih belum diisi.	Kekosongan perjawatan perlu diisi dengan segera bagi memastikan tugas dapat dilaksanakan dengan sempurna.

**16.7 MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH
– PENGURUSAN SISA PEPEJAL**

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
8.5.1.1	<p>Perjanjian Konsesi</p> <p>Perjanjian interim yang tamat pada bulan Oktober 2008 masih belum diperbaharui sehingga tarikh pengauditan.</p> <p>Perjanjian muktamad konsesi (<i>National Privatisation Concession Agreement</i>) masih belum ditandatangani.</p>	<p>Perjanjian interim ini telah ditandatangani pada 8 Mei 2008. Perjanjian interim bagi tempoh November 2008 hingga Oktober 2009 masih dalam proses penyemakan terakhir dan akan ditandatangani pada bulan Jun 2010. Perjanjian muktamad konsesi masih belum ditandatangani.</p>	<p>Perjanjian interim yang berakhir Oktober 2009 dan Oktober 2010 masih di peringkat draf dengan mengambil kira cadangan penambahbaikan antaranya bon pelaksanaan, skop dan spesifikasi jadual pelaksanaan kerja.</p>
8.5.1.2 (a)	<p>Syarat Perjanjian</p> <p>Skop dan spesifikasi jadual pelaksanaan kerja tidak dimasukkan dalam perjanjian.</p>	<p>Skop dan spesifikasi jadual pelaksanaan kerja telah dimasukkan dalam draf cadangan perjanjian.</p>	<p>Skop dan spesifikasi jadual pelaksanaan kerja hanya dimasukkan dalam draf perjanjian interim berakhir Oktober 2009 dan Oktober 2010.</p>
8.5.1.2 (b)	<p>Syarat Perjanjian</p> <p>Perjanjian tidak mempunyai peruntukan yang menghendaki SWM mengemukakan Bon Pelaksanaan.</p>	<p>Cadangan ini tidak dipersetujui oleh pihak SWM. Pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara memberi pandangan adalah tidak wajar Bon Pelaksanaan dikenakan sekiranya isu ini tidak termasuk dalam garis panduan UPEN, JPM semasa tempoh penswastan interim.</p>	<p>Pihak Audit telah meminta Majlis mengemukakan garis panduan UPEN, JPM bagi mengesahkan sama ada terdapat peruntukan yang menghendaki SWM mengemukakan Bon Pelaksanaan.</p>
8.5.1.2 (c)	<p>Syarat Perjanjian</p> <p>SWM masih belum menjelaskan baki bayaran bagi kenderaan Majlis yang diserahkan kepada SWM berjumlah RM685,474.</p>	<p>Mengikut klausa dalam perjanjian, baki bayaran kenderaan akan dijelaskan oleh pihak syarikat setelah</p>	<p>Pihak Majlis perlu berusaha untuk memperoleh tunggakan baki bayaran kenderaan.</p>

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
		<p><i>National Privatisation Concession Agreement</i> dilaksanakan.</p> <p>Sehingga kini, pihak Majlis masih belum menerima arahan daripada Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri berhubung tarikh pelaksanaan <i>National Privatisation Concession Agreement</i>.</p>	
<p>8.5.2.3</p>	<p>Kemudahan Tong Sampah Kurang Sempurna</p> <p>Tong sampah yang digunakan di Rumah Pangsa Taman Pulai Utama dan Rumah Pangsa Taman Perling telah pecah dan bersaiz kecil menyebabkan sampah melimpah keluar.</p>	<p>Penyediaan tong sampah bagi rumah pangsa adalah di bawah tanggungjawab Perbadanan Pengurusan Rumah Flat. Bagaimanapun, Majlis telah mengambil tindakan menukar tong sampah di taman tersebut kepada saiz yang lebih sesuai.</p>	<p>Hasil lawatan Audit mendapati pihak Majlis telah menyediakan tong sampah di rumah pangsa tetapi tidak mencukupi.</p>
<p>8.5.4.1 (a)</p>	<p>Notice to Correct (NTC)</p> <p>Pihak Majlis tidak membuat pemotongan bayaran NTC mengikut jadual potongan yang telah dipersetujui oleh Majlis dan SWM.</p>	<p>Jadual potongan bayaran NTC telah dimasukkan dalam draf perjanjian tambahan.</p>	<p>Draf perjanjian interim yang berakhir Oktober 2009 dan Oktober 2010 telah memasukkan kadar pemotongan NTC tetapi jadual potongan NTC dibuat secara pentadbiran.</p>
<p>8.5.5.1</p>	<p>Tunggakan Bayaran Pemungutan Sisa Pepejal</p> <p>Sehingga bulan Februari 2009, Majlis belum menjelaskan bayaran perkhidmatan kepada SWM berjumlah RM4.91 juta.</p>	<p>Bayaran perkhidmatan kepada SWM bagi tahun 2008 telah dijelaskan.</p>	<p>Isu ini selesai.</p>
<p>8.5.5.2</p>	<p>Tunggakan Bayaran Pelupusan Sisa Pepejal Di Tapak Pelupusan Sanitari Seelong (TPSS)</p> <p>Sehingga bulan Februari 2009, Majlis belum menjelaskan sejumlah RM6 juta bayaran pelupusan sisa pepejal kepada SWM.</p>	<p>Sehingga bulan Februari 2010, tuntutan bagi pelupusan sisa pepejal telah dijelaskan sehingga bulan Februari 2010.</p>	<p>Isu ini telah selesai.</p>

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
	Mengikut perjanjian, Majlis perlu membayar kadar <i>Operating Expenditure</i> (OPEX) sebanyak RM32 per tan bagi pelupusan sisa pepejal di TPSS kepada SWM. Majlis hanya membayar RM16 per tan iaitu 50% daripada kadar RM32 per tan. Pihak Majlis memaklumkan baki sebanyak 50% bayaran yuran OPEX masih belum dibuat disebabkan pihaknya sehingga kini masih menunggu butiran terperinci daripada pihak SWM berkenaan dengan yuran OPEX yang dikenakan. Perkara ini telah berlarutan melebihi lima tahun.	Kadar bayaran OPEX masih dikekalkan kepada 50% sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.	Perkara ini masih belum selesai. Pihak Majlis perlu membuat tindakan susulan agar tidak dibebankan dengan pembayaran baki 50% lagi pada masa hadapan.
8.5.6	Latihan Tiada rekod menunjukkan Pembantu Kesihatan Awam (PKA) telah menghadiri sebarang kursus atau seminar yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal sepanjang tempoh 2006 hingga 2008.	Pada tahun 2010, kursus bagi modul pengurusan sisa pepejal telah dimasukkan dalam Jadual Perancangan Kursus Anggota Tahun 2010 dan dijangka akan dilaksanakan pada bulan Jun 2010.	Tindakan pihak Majlis adalah baik dan perlu dilaksanakan dengan cepat.
8.5.7	Aduan Awam Aduan sampah longgok dan sampah tidak dipungut mendapati tindakan telah lewat diambil iaitu melebihi dua hingga 10 hari dan tidak mengikut piagam pelanggan. Norma kerja tidak ditetapkan bagi setiap PKA.	Bermula tahun 2009, mesyuarat Jawatankuasa Aduan telah diadakan kerap bagi memastikan semua aduan dapat diselesaikan.	Tindakan ini perlu diteruskan dan perlu memastikan tindakan telah diambil dengan segera mengikut piagam pelanggan.

16.8 MAJLIS DAERAH YONG PENG

– PENGURUSAN PUNGUTAN CUKAI TAKSIRAN

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
9.5.1	Cukai Taksiran Tidak Dipungut Prestasi pungutan cukai taksiran Majlis mengalami penurunan sejumlah RM0.41 juta atau 7.3% dalam tempoh 2006 hingga 2008 iaitu daripada RM5.61 juta pada tahun 2006 kepada RM5.20 juta pada tahun 2008.	Prestasi pungutan cukai Majlis pada tahun 2009 terus mengalami penurunan daripada tahun sebelumnya sebanyak RM0.05 juta atau 22.2%.	Majlis perlu meneruskan usaha untuk menuntut tunggakan cukai daripada pemilik pegangan.

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
9.5.1.1(a)	<p>Tunggakan Cukai Melebihi Cukai Semasa</p> <p>Kedudukan tunggakan cukai bagi tempoh tiga tahun iaitu dari 2006 hingga 2008 melebihi cukai semasa antara 1.79% hingga 13.54%.</p>	<p>Tunggakan cukai taksiran pada 31 Disember 2009 telah mengalami penurunan dan lebih rendah daripada jumlah cukai semasa. Unit Khas bagi menangani kes-kes tunggakan masih belum ditubuhkan kerana kekurangan kakitangan. Bagaimanapun, seorang kakitangan Majlis telah dilantik sebagai pembantu kepada Unit Penilaian dan Pengurusan Harta bagi menangani kes-kes tunggakan. Tindakan awal yang sedang dan telah dilakukan adalah menghantar notis (Borang E) kepada pemilik pegangan supaya menjelaskan tunggakan dalam tempoh 14 hari.</p>	<p>Penubuhan Unit Khas bagi menangani kes-kes tunggakan cukai perlu dibuat dengan segera selepas penambahan kakitangan Majlis. Notis (Borang E) yang telah dihantar hendaklah dipantau dan diambil tindakan susulan.</p>
9.5.1.2 (a)	<p>Usia Tunggakan Menjangkau 18 Tahun</p> <p>66 daripada 96 pegangan mempunyai tunggakan cukai antara 3 hingga 18 tahun sejumlah RM246,675.</p>	<p>Tindakan mengenal pasti pegangan yang mempunyai tunggakan cukai lebih daripada RM10 ribu telah dibuat dan telah dirujuk kepada peguam panel Majlis.</p>	<p>Tindakan perundangan hendaklah diambil terhadap pemilik pegangan yang masih gagal menjelaskan tunggakan walaupun notis telah dihantar.</p>
9.5.1.3	<p>Harta Alih Pemilik Tidak Disita</p> <p>52 daripada 99 pemilik yang menerima waran tahanan ingkar menjelaskan tunggakan sejumlah RM385,990 dan harta alih pemilik tidak disita.</p>	<p>Majlis masih belum mengambil tindakan penyitaan.</p>	<p>Tindakan penyitaan perlu dilakukan terhadap pemilik pegangan yang masih gagal menjelaskan tunggakan cukai walaupun waran tahanan telah dihantar.</p>
9.5.2.1	<p>Nilaian Tidak Dibuat Pindaan Mengikut Pembinaan Tambahan/Ubah Suai</p> <p>55 pegangan yang telah dibuat ubahsuai/pembinaan tambahan tidak dibuat pindaan nilaian.</p>	<p>Sehingga tarikh pengauditan susulan dilakukan, Majlis telah membuat pindaan nilaian terhadap 369 pegangan yang</p>	<p>Tindakan pihak Majlis adalah memuaskan dan perlu diteruskan.</p>

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
		dibuat penambahan dan pengubahsuaian di keseluruhan kawasan pentadbiran Majlis. Daripada 55 sampel pegangan yang diaudit, hanya 12 pegangan sahaja yang telah dibuat pindaan nilai.	
9.5.3.2	Bil Cukai Taksiran Dikembalikan Semula Sebanyak 374 atau 2.6% daripada 14,396 bil cukai taksiran yang berjumlah RM489,469 telah dikembalikan semula kepada Majlis oleh Pos Malaysia.	Masih terdapat bil cukai taksiran yang dikembalikan semula kerana Majlis masih belum mengemas kini data dan maklumat mengenai pemilik pegangan yang terlibat.	Tindakan mengemas kini data dan maklumat pemilik pegangan perlu diteruskan dari semasa ke semasa.
9.5.4.1	Kedudukan Papan Tanda Peringatan Membayar Cukai Tidak Strategik Kedudukan papan tanda peringatan di kawasan Yong Peng tidak terletak di jalan utama dan papan dan huruf pemberitahuan dibuat dalam ukuran yang kecil.	Papan tanda peringatan berkenaan telah ditanggalkan dan diganti dengan kain rentang dan diletakkan di Jalan Utama Yong Peng.	Isu ini selesai.
9.5.4.2	Kaedah Pembayaran Bil Cukai Tidak Dipelbagaikan Pembayaran cukai taksiran Majlis hanya boleh dibuat melalui kaunter yang disediakan di Ibu Pejabat dan Cawangan selain daripada bayaran melalui pos. Kaedah terkini seperti pembayaran secara <i>online</i> belum diwujudkan.	Majlis telah mengemas kini data akaun individu pegangan cukai dan sedang dalam proses permohonan kepada pihak bank untuk mewujudkan kaedah pembayaran melalui perbankan Internet.	Tindakan pihak Majlis adalah memuaskan dan perlu diteruskan serta dipertingkatkan.

16.9 PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

– INSTITUT PEMBANGUNAN PENGURUSAN JOHOR SDN. BHD. (IPPJ)

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga Bulan Mei 2010	Ulasan Audit
11.5.3	IPPJ tidak menyediakan Manual Prosedur Kerja Pentadbiran Dan Kewangan atau peraturan yang berkaitan sebagai panduan dan keutuhan kawalan dalaman.	IPPJ telah menyediakan Manual Prosedur Kerja Pentadbiran Dan Kewangan.	Bersetuju dengan tindakan yang diambil.

17. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI JOHOR

Perkara 107 (2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diaudit hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2008 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 19 November 2009.

18. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI JOHOR

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor (Jawatankuasa) telah memutuskan jabatan tertentu dipanggil bagi memberi penjelasan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak lima kali bagi tempoh Februari 2009 hingga Mei 2010 membincangkan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2005 hingga 2007. Antara perkara yang dibincangkan adalah seperti di **Jadual 18.1**.

Jadual 18.1
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor Sehingga Mei 2010

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
4.6.2009	i) Jabatan Pertanian Negeri Johor	Program Pembangunan Industri Makanan.
	ii) Yayasan Pelajaran Johor	Pengurusan Pinjaman Pelajaran.
	iii) Majlis Perbandaran Batu Pahat	Kemudahan Dan Riadah.
6.7.2009	i) Jabatan Kerja Raya Negeri Johor	Penyelenggaraan Jalan Negeri.
	ii) Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor	Pengurusan Program Penswastan Di Negeri Johor.
	iii) Majlis Perbandaran Kluang	Penswastan Pembersihan Dan Pelupusan Sisa Pepejal.
5.11.2009	i) Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi	Pengurusan Pengambilan Tanah dan Penggunaannya.
21.1.2010	i) Majlis Perbandaran Kulaijaya	Pengurusan Pelesenan Dan Penguatkuasaan Bagi Premis Perniagaan.
	ii) Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Johor	Pengurusan Projek Saliran Bandar.
	iii) Insist Amilat Sdn.Bhd.	Pengurusan Syarikat.
23.3.2010	i) Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor	Pengurusan Program Pembangunan Industri Ternakan.
	ii) Pejabat Tanah dan Galian Johor, Pejabat Tanah Johor Bahru dan Pejabat Tanah Batu Pahat	Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer.

Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk menegakkan Akauntabiliti Awam, kekerapan mesyuarat Jawatankuasa boleh dipertingkatkan bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu lama Laporan Audit yang belum selesai dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.



PENUTUP

Secara keseluruhannya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan dengan pelaksanaan program/aktiviti oleh Jabatan/Agensi. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjejaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya koordinasi dan komunikasi di kalangan agensi penguat kuasa, pemantauan tidak dilaksanakan secara berkesan dan kajian semula terhadap dasar dan kaedah pelaksanaan aktiviti/program tidak dijalankan serta tadbir urus korporat yang lemah di peringkat Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program dan syarikat berkenaan serta imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di aktiviti/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri Johor juga perlu memantau pengurusan syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikeluarkan oleh kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar balik pinjaman dan dividen kepada Kerajaan Negeri Johor.

JABATAN AUDIT NEGARA
Putrajaya

18 Jun 2010



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2010
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773